05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MODEL MENGALAMI-MENGHAYATI DALAM PENGAJARAN BAHASA IBAN DENGAN MENGGUNAKAN *ENSERA.*

DORATYA ANAK GERRY

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MODEL MENGALAMI-MENGHAYATI DALAM PENGAJARAN BAHASA IBAN DENGAN MENGGUNAKAN *ENSERA.*

DORATYA ANAK GERRY

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	/
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15. 03. 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, Doratya Anak Gerry, M20181000590, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Model Mengalami-Menghayati dalam Pengajaran Bahasa Iban dengan Menggunakan *Ensera* adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya Prof Madya.Dr. Chemaline Anak Osup dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Model Mengalami-Menghayati dalam Pengajaran Bahasa Iban dengan Menggunakan *Ensera* dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Iban.

18 MAC 2021
Tarikh

Tandatangan Penyelia

Profesor Madya Dr. Chemaline Anak Osup
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Perak Darul Ridzuan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: Model Mengalami-Menghayati dalam Pengajaran Bahasa Iban dengan Menggunakan *Ensera*

No. Matrik /*Matric's No.*: M20181000590

Saya / *I* : Doratya Anak Gerry

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. */ Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. */ Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
/	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 18 MAC 2021

Profesor Madya Dr. Chemaline Anak Osup
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Pertama sekali pengkaji bersyukur kepada Tuhan kerana limpah kurniaNya bahan ilmiah ini dapat disempurnakan dengan baik dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian dan dokumentasi telah mendapat bantuan samaada langsung atau tidak langsung dalam membantu penyelidik untuk menyelesaikan persoalan bahan ilmiah.

Sekalung ucapan terima kasih dihulurkan kepada penyelia utama kajian ilmiah saya Profesor Dr. Chemaline Anak Osup dan penyelia bersama Profesor Dr. Norazimah Binti Zakaria kerana memberikan dorongan kepada pengkaji untuk menyempurnakan tugasan ilmiah dan memberikan tunjuk ajar, garis panduan, serta teknik yang betul dalam menyiapkan kajian ini dengan rasa tidak pernah jemu memberikan ilmu walaupun pengkaji kerap bertemu. Ilmu yang dicurahkan tidak akan dilupakan sampai bila-bila. Jasamu tidak mampu terbalas hanya dengan ucapan terima kasih sahaja yang dapat dilafazkan. Hanya Tuhan yang akan membalas keprihatinan, tanggungjawab dan jasa baik yang diberikan serta para pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang telah memberikan ilmu, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat. Tidak lupa kepada seorang insan yang paling bermakna dalam hidup iaitu mendiang bapa pengkaji Encik Gerry Anak Gansol yang sentiasa mengingatkan pengkaji dengan kata-kata semangat yang dicurahkan untuk dijadikan panduan dalam meneruskan kejayaan dan kepada ibu yang dicintai iaitu Puan Atum Anak Pandan yang sentiasa memberikan sokongan, memanjatkan doa restu dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini serta adik-beradik pengkaji yang sentiasa menjadi tulang belakang semasa pengkaji melaksanakan kajian ini, orang yang pengkaji sayangi dan rakan-rakan sepejuangan iaitu Muhamad Fadzllah, Nurul Norasuwat, Athira Najwa, Effadilla, Grace Amanda, Bibiana, dan Ammelia Rufinus yang sentiasa memberi sokongan, nasihat dan membantu menjayakan kajian ini. Tanpa mereka semua tidaklah dapat terhasilnya usaha pengkaji.

Sehubungan dengan itu, setinggi-tinggi penghargaan kepada responden iaitu guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Lubok Antu, Sarawak yang terlibat dalam memberikan kerjasama kepada penyelidik terutamanya dalam memberikan maklumat tentang *Ensera* serta meluangkan masa untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh pengkaji.

Akhir sekali, pengkaji ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kakitangan Fakulti Bahasa dan Komunikasi serta Perpustakaan Tunku Bainun kerana membantu pengkaji untuk mencari maklumat terutama dalam mencari sumber yang berkaitan dengan kajian. Kawasan kondusif di perpustakaan yang disediakan pengkaji amat membantu untuk melaksanakan dengan jayanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah dan teknik pengajaran guru dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera*. Kajian ini melibatkan cerita tradisional masyarakat Iban yang membawa kisah kepahlawanan wira-wira dari *Panggau Libau* (dunia kayangan) yang disampaikan secara nyanyian tetapi diselang-seli dengan sedikit penerangan dan perbualan dalam bentuk prosa. Kajian ini memanfaatkan kerja lapangan di SMK Engkilili dengan melibatkan 10 orang guru. Kajian ini menggunakan instrumen temu bual berbentuk separa berstruktur dan senarai semak. Teori Konstruktivisme dan Teori Moral digunakan untuk melihat kaedah dan teknik serta menunjukkan nilai dalam *ensera* dan tahap kepakaran guru-guru terhadap *ensera*. Data dianalisis secara analitikal dengan menghuraikan jawapan transkrip temu bual secara bertulis bagi menjawab objektif yang terlibat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan kaedah mengalami-menghayati sebagai satu model amalan terbaik dalam konteks pengajaran *ensera*. Teknik pengajaran yang digunakan untuk mengajar *ensera* dapat dikenal pasti melalui aktiviti-aktiviti yang diaplikasikan di dalam kelas seperti teknik bercerita, membaca, lakonan, kerusi panas, berdialog, perbincangan, latih tubi, dan drama. Kesimpulannya, pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* dapat memberikan kesedaran terhadap penguasaan nilai-nilai murni seperti keberanian, kemanusiaan dan kemasyarakatan. Teknik ini mendorong melakukan kebaikan, membentuk sikap kerajinan, sabar menjalani kehidupan serta memupuk sikap pemurah. Kaedah mengalami-menghayati adalah satu cadangan yang harus dijadikan rutin harian kepada guru bahasa Iban di sekolah. Implikasinya ialah murid boleh memberikan pendapat yang sangat baik melalui pengetahuan, pendapat dan pengalaman, penikmatan dan penghayatan dalam pengajaran bahasa Iban.

Kata kunci: Kaedah mengalami-menghayati, teknik pengajaran, nilai *ensera*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

USING EXPERIENCE-IMMERSED MODEL IN IBAN LANGUAGE TEACHING ENSERA

ABSTRACT

This study was conducted to identify teachers' teaching methods and techniques in teaching Iban language using ensera (folktales). *Ensera* is a traditional Iban folklore that tells the story of heroes from the Panggau Libau (world of heroes) who are told the song but are interspersed with a bit of prose and conversation. This study involved 10 teachers at SMK Engkilili, Lubok Antu, Sarawak. Data were collected using semi-structured interview methods and a checklist. Constructivist Theory and Moral Theory were employed to look at methods and techniques as well as to assess the level of mastery in *ensera*. The results of this study were utilised to determine the level of teacher expertise in using the *ensera*. The data were analyzed by looking at the interview transcripts in writing in response to the research objectives. The findings revealed the role of *mengalami-menghayati* (experience-immerse) technique as one of the best practice models in the context. The teaching techniques used to teach *ensera* can be identified through various activities that are applied in the classroom such as storytelling, reading, acting, hot seat, dialog, discussion, practice and drama. Thus, the teaching of Iban Language using *ensera* may instil the awareness to master good values like courage, social, and humanity, diligencia, patient in life, as well as promote generosity. The *mengalami-menghayati* technique is one of the suggestions which is appropriate to be a adapted by teachers of Iban language teaching using *ensera*. The implication is that students can express themselves well through their knowledge, opinions and experiences, enjoyment and appreciation in the teaching of the Iban language.

***Keyword**: Experience-immerse method, teaching technique, value of ensera.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii
PENGHARGAAN iv
ABSTRAK v
ABSTRACT vi
KANDUNGAN vii
SENARAI JADUAL xi
SENARAI RAJAH xii
SENARAI SINGKATAN xii
SENARAI LAMPIRAN xiv
BAB 1 PENDAHULUAN
1.1 Pengenalan 1
1.2 Latar belakang kajian 4
1.3 Pernyataan Masalah 10
1.4 Objektif kajian 13
1.5 Soalan kajian 13
1.6 Kepentingan kajian 14
1.7 Batasan kajian 17
1.7.1 Batasan tempat 18
1.7.2 Batasan persampelan 18
1.7.3 Batasan teori 19
1.8 Definisi pengoperasian 21
1.8.1 Mengalami-menghayati 21
1.8.2 Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban 22
1.8.3 *Ensera* 23

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3.1 Epik 24

1.8.3.2 Legenda 25

1.8.3.3 Saga 26

1.8.3.4 Mitos 26

1.9 Penutup 28

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 29

2.2 Literatur berkaitan 30

2.2.1 Kajian tempatan 30

2.2.1.1 Sistem pendidikan 30

2.2.1.2 Cerita rakyat 35

2.2.1.3 Teori konstruktivisme 43

2.2.1.4 Teori moral 45

2.2.1.5 Mengalami-menghayati 48

2.2.1.6 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) 50

2.2.2 Kajian luar negara 52

2.2.2.1 Sistem pendidikan barat 52

2.2.2.2 Cerita rakyat 61

2.3 Literatur kajian 63

2.3.1 Kajian tempatan 63

2.3.1.1 Sistem pengajaran bahasa etnik 64

2.3.1.2 Cerita rakyat 76

2.3.2 Kajian luar negara 91

2.3.2.1 Pengajaran sastera dan cerita rakyat di barat 92

2.3.2.2 Teori konstruktivisme 112

2.3.2.3 Teori Moral 120

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2.4 Penghayatan dalam pengajaran dan pembelajaran. 127

2.4 Penutup 129

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 130

3.2 Reka bentuk kajian 132

3.3 Kerangka teoritikal 134

3.4 Model amalan terbaik dalam PdPc 135

3.5 Kaedah kajian 138

3.5.1 Proses menjalankan temu bual 143

3.6 Teknik persampelan 145

3.6.1 Pemilihan responden 146

3.6.2 Responden kajian 146

3.6.3 Latar belakang responden 147

3.7 Prosedur pengumpulan data 149

3.7.1 Pemilihan lokasi kajian 149

3.7.2 Proses awal bersama responden 152

3.7.3 Jumlah responden 154

3.7.4 Membuat temu janji dengan responden 155

3.8 Instrumen kajian 156

3.9 Kesahan dan kebolehpercayaan 160

3.10 Penganalisisan data 164

3.10.1 Mentranskripsi 165

3.11 Penutup 167

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 168

4.2 Kaedah dan teknik pengajaran guru 174

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). 186

4.3.1 Kaedah pengajaran guru. 186

4.3.1.1 Mengalami-menghayati melalui teknik bercerita 189

4.3.1.2 Mengalami-menghayati melalui teknik membaca teks 191

4.3.1.3 Mengalami-menghayati melalui teknik bercerita 192

4.3.1.4 Mengalami-menghayati melalui teknik lakonan 194

4.3.1.5 Mengalami-menghayati melalui teknik kerusi panas 196

4.3.1.6 Mengalami-menghayati melalui teknik berdialog 197

4.3.1.7 Mengalami-menghayati melalui teknik perbincangan 199

4.3.1.8 Mengalami-menghayati melalui teknik latih tubi 201

4.3.1.9 Mengalami-menghayati melalui teknik perbincangan 202

4.3.1.10 Mengalami-menghayati melalui teknik drama 204

4.4 Penguasaan terhadap nilai moral dalam e*nsera* 206

4.5 Model Mengalami-Menghayati dalam PBI menggunakan *ensera* 219

4.6 Penutup 223

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan 224

5.2 Perbincangan 225

5.2.1 Apakah kaedah dan teknik pengajaran guru? 225

5.2.2 Apakah amalan terbaik dalam PdPc? 228

5.2.3 Apakah nilai dalam *ensera* melalui model mengalami-menghayati sebagai satu pembelajaran dan pemudahcaraan? 232

5.3 Kesimpulan 236

5.4 Cadangan 240

RUJUKAN 242

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Demografi Guru SMKE	148
4.1	Strategi pengajaran guru Bahasa Iban dalam mengajar *ensera*	169
4.2	Kaedah dan teknik pengajaran guru	175
4.3	Penguasaan nilai moral dalam *ensera*	208

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	132
3.2	Kerangka Teoritikal	134
3.3	Model Mengalami-menghayati	135
3.4	Prosedur Temu bual	140
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	152
4.1	Mengalami-menghayati dalam *ensera Keling Urang Panggau Libau*	190
4.2	Mengalami-menghayati dalam *ensera Kumang enggau Lulong*	191
4.3	Mengalami-menghayati dalam *ensera Bungai Nuing enggau Pungga ngambi kayu api*	193
4.4	Mengalami-menghayati dalam *ensera Telichu Telichai*	194
4.5	Mengalami-menghayati dalam *ensera Apai Saloi*	196
4.6	Mengalami-menghayati dalam *ensera duruk bubut enggau ruai.*	198
4.7	Mengalami-menghayati dalam pengajaran *ensera*	200
4.8	Mengalami-menghayati dalam *ensera Randau Keling enggau Kumang*	201
4.9	Mengalami-menghayati dalam *ensera Kumang enggau Lulong Nulong Urang Rumah Panjai*	203
4.10	Mengalami-menghayati dalam e*nsera Keling* dan *Kumang*	204
5.1	Model Mengalami-menghayati dalam PBI menggunakan *ensera*	243

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PBI	Pengajaran Bahasa Iban
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SMKE	Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Kesahan instrumen
B	Surat kebenaran menjalankan kajian
C	Borang temu bual
D	Senarai semak
E	Transkrip temu bual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada dasarnya, kaedah pengajaran yang menggunakan pendekatan *ensera* tidak diperkenalkan secara serius di sekolah di Sarawak. Pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* hanya disampaikan secara umum sahaja, iaitu hanya ingin mendedahkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam sesebuah cerita kepada pelajar. Sesungguhnya kearifan guru Bahasa Iban dalam mengajar *ensera* perlu ditingkatkan lagi dari segi kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban. Ini kerana penguasaan murid terhadap *ensera* bergantung kepada cara seseorang guru menyampaikannya. Oleh itu, kajian ini membincangkan kaedah mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* sebagai satu model pengajaran. Mengalami-menghayati adalah satu kaedah yang digunakan oleh seseorang guru untuk mengajar sastera di dalam kelas. Menurut Goodman (1962), kaedah ini merupakan suatu pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dikaji mengikut pandangan yang dirasa oleh pembaca itu sendiri. Hasil daripada pengalaman tersebut memberi kesan penghayatan kepada pendengar atau pembaca.

Suatu ketika dahulu, *ensera* ialah cerita tradisional suku kaum Iban yang membawa kisah kepahlawanan wira-wira dari *Panggau Libau* di kayangan (the raised world). Penyampaian *ensera* atau *sera* biasanya *dikanaka* (dilagukan) tetapi diselang-seli dengan sedikit penerangan dan perbualan dalam bentuk prosa (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 43). *Ensera* adalah puisi naratif yang amat panjang. Hal ini dikaitkan demikian kerana *ensera* mengandungi 30,000 baris dan mengambil masa bermalam-malam untuk diceritakan kerana pendengar perlu mengikuti jalan ceritanya dari awal hingga ke akhir. Keseronokan pendengar bergantung kepada kemahiran bercerita, lenggokkan lagu dan suara pencerita. Pada masa itu, *ensera* berperanan sebagai alat untuk meringankan beban kerja dan secara tidak langsung meningkatkan hasil kerja kerana semasa pencerita menyampaikan *ensera*, gayanya dapat mempengaruhi pendengar dengan menyelitkan aksi-aksi watak (wira) yang hebat dan cara pencerita menghiburkan para pendengar sehingga dapat menghilangkan rasa bosan dan letih sewaktu melakukan pekerjaan. Selain itu, e*nsera* turut berfungsi sebagai aktiviti sosial di rumah panjang bagi masyarakat Iban. Hal ini demikian kerana penceritanya akan menghimpun pendengar di *ruai* (ruang tamu) sekaligus mengeratkan hubungan silaturahim mereka. Di samping berkumpul, pendengar melakukan kerja bersama-sama. Pekerjaan yang sering dilakukan oleh mereka iaitu seperti menganyam, menenun dan sebagainya (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 43).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun *ensera* seperti ini tidak diketengahkan kepada pelajar di sekolah khususnya. Pengajaran bahasa Iban dalam menggunakan *ensera* hanyalah disampaikan begitu sahaja (bercerita) dengan menyelitkan nilai-nilai moral yang terdapat dalam satu cerita. Para pelajar hanya mengetahui serba sedikit ilmu tentang *ensera.* Isu kekangan masa ini menjadi satu permasalahan kepada guru untuk berkongsi pengetahuan sedia ada mengenai *ensera* kepada pelajar. Tambahan pula, terdapat guru yang masih lagi mempunyai kekurangan bahan dalam menyampaikan pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Kearifan guru Bahasa Iban dalam mengajar *ensera* perlu ditingkatkan lagi dari segi kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban. Hal ini demikian kerana penguasaan murid terhadap *ensera* bergantung kepada cara seseorang guru itu menyampaikannya meskipun gaya penyampaian tidak sama dengan pencerita satu ketika dahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kajian ini membincangkan model mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera*. Pengunaan model ini dapat membantu guru dan pelajar mendalami *ensera* dengan mengaplikasikan teknik-teknik yang berkesan seperti teknik berlakon, bercerita, berdialog dan sebagainya. Ini kerana membolehkan pelajar untuk menguasai dan merasai sendiri masalah yang terdapat dalam satu *ensera* yang diajar oleh guru di dalam kelas. Model mengalami-menghayati diperlukan dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* kerana model ini dapat mengasah lagi bakat pelajar dengan mengaplikasikan teknik-teknik pengajaran yang menarik disamping pelajar boleh berhibur sambil menguasai pembelajaran *ensera* melalui watak perwatakan, jalan cerita, plot dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bahagian ini, perbincangan meliputi objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian batasan kajian dan definisi pengoperasian. Secara menyeluruh, kajian ini menjelaskan *ensera* sebagai fokus utama yang dikaitkan dengan model mengalami-menghayati menggunakan teknik pengajaran yang sesuai untuk mengumpul hasil tahap penguasaan nilai-nilai moral yang terdapat dalam pengajaran e*nsera.*

1.2 Latar belakang

Secara umum bahasa Iban adalah bahasa ibunda suku kaum Iban di Sarawak. Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016), bahasa kaum majoriti di Sarawak ialah bahasa Iban. Mata pelajaran Iban bukan satu mata pelajaran yang baharu dalam sistem pendidikan, namun perlaksanaannya tidak luas menyebabkan mata pelajaran ini terpinggir jika dibandingkan dengan mata pelajaran yang lain. Oleh itu, mata pelajaran bahasa Iban telah diperkenalkan di negeri Sarawak dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat menengah dan kini di universiti-universiti awam agar mata pelajaran ini terus berkembang.

Menurut Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016), bahasa Iban telah diperkenalkan dan diajar sebagai salah satu mata pelajaran utama di sekolah-sekolah seperti SRB St. Paul di Banting, Simanggang (Sri Aman) tahun 1853, SRB St. Xavier di Kanowit tahun 1884, SRB St. Augustine tahun 1920, dan beberapa buah sekolah lagi yang terdapat di Sarawak. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Iban sudahpun berada dalam dunia pendidikan namun perluasaan untuk melaksanakan pengajaran ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masih lagi kurang dari aspek sambutannya (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 31). Bertitik tolak daripada kenyataan ini, jelaslah bahawa bahasa Iban berkembang mengikut empat era iaitu semasa pemerintahan Brooke, pemerintahan Kolonial British, peralihan ke sistem pendidikan negara dan selepas Akta 1996 dikuatkuasakan (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 32).

Sewaktu zaman pemerintahan Brooke, pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban dianggap sebagai bahasa vernakular (ibunda) bermula dengan pertubuhan sekolah pertama di kawasan penempatan orang Iban di negeri Sarawak. Sekolah tersebut ditubuhkan di Banting, Sarawak pada tahun 1853 (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 33). Sejarah sekolah di Banting ditubuhkan oleh mubaligh Anglican setelah penubuhan sekolah-sekolah Bandar seperti St.Thomas di Kuching pada tahun 1848, sekolah untuk masyarakat Cina di Bau pada tahun 1864 dan sekolah-sekolah di kawasan Bidayuh. Mereka menjelaskan lagi bahawa sesi pengajaran dan pembelajaran semasa era pemerintahan Brooke ketika itu menggunakan aktiviti seperti ketas tulisan dan membaca di dalam kelas sehingga telah menarik minat seorang anak pahlawan Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang) pada tahun 1863 semasa beliau membuat pemerhatian dan berminat untuk belajar membaca. Pengajaran bahasa Iban ketika itu dianggap berjaya di sekolah Banting kerana dapat mengeluarkan beberapa orang *katekist* untuk menyebarkan agama kristian dalam bahasa Iban ke kawasan Saribas dan Saratok. Namun begitu, sekolah yang menawarkan bahasa Iban bukanlah ditubuhkan oleh kerajaan Brooke tetapi ditubuhkan oleh mubaligh kristian. Hal ini jelas terbukti kerana Orang Iban percaya bahawa penguasaan literasi disebabkan oleh “Orang kulit Putih” (penjajah) berkuasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti minat mereka mempelajari agama Kristian (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 34).

Seterusnya pengajaran bahasa Iban berkembang pada era pemerintahan Kolonial British peringkat sekolah menengah sejak tahun 1955. Bahasa Iban dikelaskan sebagai sebahagian daripada *Asian Language* dan telah ditawarkan sebagai salah satu mata pelajaran peperiksaan *Sarawak Junior Certificate* (SJC) dengan nama mata pelajaran *Sea Dayak* mulai tahun 1957 (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod 2016; JPN Sarawak, 1989). Namun, bermula daripada tahun 1958, mata pelajaran ini telah ditukar dengan nama *Iban Language.* Pendapat Lambat (2007) dipetik oleh Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016, p. 34), sukatan dan panduan yang digunakan oleh guru ketika itu masih lagi tidak diketahui sehingga kini. Pada era ini juga, kurikulum tersebut menghadkan pengajaran bahasa Iban hanya kepada murid yang berbangsa Iban. Murid lain tidak berpeluang untuk bertutur dan belajar sereta mendalami bahasa Iban kerana sukatan pelajaran mengharapkan agar seseorang Iban menjadi terpelajar menggunakan bahasa ibundanya dengan betul dan berkesan (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 35). Terdapat beberapa elemen yang digunakan dalam sukatan mata pelajaran bahasa Iban pada masa itu. Antaranya ialah kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan menulis, pengajian bahasa, perumpamaan, adat resam Iban, dan terjemahan bahasa Inggeris ke bahasa Iban. Format ini terus digunakan dalam sukatan pelajaran hingga tahun 1984 iaitu di tahun akhir peperiksaan *Lower Certificate of Education* ditawarkan di Sarawak (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 35)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan ini terus berkembang pada era peralihan ke sistem pendidikan negara. Hai ini dikatakan demikian kerana ia telah menjadi titik perubahan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban dengan penubuhan *Joint Committe of Officials Set to Look into the Feasibility of Extending Act, 1961 to Sarawak* pada tahun 1957 (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 35). Pada ketika itu jawatankuasa tersebut memainkan peranan penting untuk mengkaji kesesuaian perlaksanaan penggunaan Akta Pelajaran 1961 di Sarawak. Meskipun mempunyai tentangan apabila digunakan di Semenanjung Malaysia ketika itu, bahasa Iban terus diajar kerana telah lama menjadi sebahagian daripada sistem persekolahan di Sarawak (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016; Lambat, 2007).

Perubahan besar kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban semakin dilihat apabila lahirnya Akta Pendidikan 1996 yang diwartakan berkuatkuasa 31 Disember 1997 menggantikan Akta Pelajaran 1961 (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016). Hal ini tercetus apabila bahasa Iban dan bahasa etnik yang lain telah diberi ruang untuk mengajar dan belajar di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan. Namun demikian, perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran tersebut tertakluk kepada beberapa syarat seperti kelulusan menteri, kemampuan sumber manusia dan kewangan, serta kemampuan jentera untuk pengoperasian (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 38). Dalam pada itu, satu unit khas untuk bahasa etnik telah ditubuhkan di Bahagian Kurikulum, KPM bagi melaksanakan pemintaan Akta Pendidikan 1996 (Lambat 2007). Sehingga kini mata pelajaran bahasa Iban terus dilaksanakan secara menyeluruh, iaitu di peringkat sekolah rendah dan menengah serta di peringkat ijazah pertama di Universiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Sultan Idris sebagai program major sesi akademik 2010/2011 (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 38).

Namun begitu, dalam pengaplikasian kaedah yang kreatif dan kritis oleh guru dalam bilik darjah, masih lagi wujud berbagai masalah. Berhubung dengan masalah yang paling ketara, dapat dikenal pasti bahawa wujud ketidakmantapan guru dalam mengaplikasi, mengguna, dan mengamalkan pedagogi yang sedia ada, contohnya pengajaran bahasa Iban dalam kelas. Dalam hal ini, guru tidak dapat menyelaraskan keseimbangan antara tahap penguasaan murid dalam sistem bahasa yang diterap. Guru mempunyai cabaran dalam mengajar bahagian cerita rakyat seperti *ensera. Ensera* ialah satu cerita rakyat yang dijadikan sebagai sebahagian dalam kokurikulum mata pelajaran bahasa Iban sekolah menengah. Cerita rakyat ini semakin kurang diketahui oleh generasi baru dalam masyarakat Iban. Bertitik tolak daripada masalah ini, pelajar kurang minat memelihara *ensera* sebagai sebuah warisan bangsa Iban yang perlu dikekalkan. Masalah pengajaran e*nsera* ini dikategorikan kepada dua perkara iaitu masalah daripada pelajar dan masalah dari segi pengajaran guru bahasa Iban itu sendiri.

Disebabkan faktor pelbagai masalah yang berlaku atau wujud di dalam bilik darjah, prestasi pelajar dalam pembelajaran turut terjejas. Prestasi adalah kemampuan seseorang dalam pencapaian berfikir aras tinggi yang mempunyai tiga aspek iaitu aspek kognitif, psikomotor dan afektif (M. Azhar Latif, 2012, p. 10). Pada masa yang sama prestasi dikaitkan dengan kebolehcapaian pelajar dari segi pemarkahan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh dibanggakan. Dalam mata pelajaran bahasa Iban, faktor kejayaan pelajar terlalu banyak bergantung pada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kempat-empat kemahiran adalah dianggap asas dalam usaha pengukuran prestasi pelajar dalam bilik darjah dan keupayaan ini amat penting untuk menguasai semua kemahiran yang menjurus kepada kokurikulum peperiksaan.

Tambahan, faktor lain iaitu ketidakmantapan cara sesetengah guru bagi menyampaikan maklumat menyebabkan pelajar tidak dapat memahami isi yang dikehendaki secara lebih jelas dan terperinci. Hal ini demikian turut menjelaskan tentang ketidakmantapan ilmu pengetahuan pelajar terhadap sesuatu tajuk. Mata pelajaran bahasa Iban mempunyai beberapa sastera dan budaya yang perlu diketahui oleh pelajar dalam kelas bahasa Iban. Namun begitu kekangan masa untuk membuat ringkasan terhadap tajuk tersebut menyebabkan guru terpaksa mempercepatkan penyampaian sehingga pelajar hanya mendapat sedikit pengetahuan tentang perkara yang disampaikan. Sekali lagi peratusan pencapaian pelajar akan merosot, sekaligus menyebabkan prestasi sekolah juga menurun.

Selain daripada pihak sekolah, organisasi induk khususnya Lembaga Peperiksaan Malaysia perlu membuat pemantauan dan tinjauan terhadap pencapaian murid dalam peperiksaan awam seperti PT3, SPM dan STPM pada setiap tahun. Tujuannya ialah untuk meninjau semula sebarang kekurangan dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran khususnya pengajaran terhadap *ensera*. Dengan adanya tujuan seperti ini, masalah pengajaran bahasa Iban khususnya dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diselesaikan dengan pelbagai cara yang lebih relevan seperti memberi kursus pedagogi kepada guru bahasa Iban dalam mengatur strategi pengajaran yang lebih mantap.

Dalam penyelidikan ini, semua permasalahan pembelajaran dikaitkan dengan model mengalami-mengahayati dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera.* Masalah ini sering dianggap sebagai isu berterusan yang perlu diselesaikan dalam bilik kelas dan pemantapan pengajaran guru perlu dipertingkatkan lagi dengan pelbagai cara seperti menghadiri kursus penguasaan dalam mengajar sastera Iban. Permasalahan berkaitan dinyatakan dalam pernyataan masalah berikut.

1.3 Pernyataan masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu kurangnya pengetahuan terhadap *ensera*

Kini, pencerita *ensera* sukar ditemui menyebabkan golongan muda masih lagi kurang menguasai cerita warisan mereka. Dari sini jelaslah dilihat bahawa golongan muda kurang berminat dalam memelihara *ensera* sebagai warisan turun-temurun yang perlu diketahui. Sikap dan tindakan yang boleh menjadikan warisan itu secara beterusan amat penting agar golongan muda boleh mengekalkan cerita rakyat warisan selaras dengan harapan Falsafah Pendidikan Negara melalui ilmu dan kecemerlangan dalam diri mereka untuk membentuk sahsiah dan akhlak yang mulia. Menurut Noriah Taslim dan Chemaline Osup (2016, p. 53), beberapa informan sahaja yang telah ditemui dan persembahan *ensera* dirakamkan tetapi teks tidak cukup mantap untuk diterbitkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu kekurangan tenaga pengajar bahasa Iban.

Permasalahan seterusnya ialah isu kekurangan guru bahasa Iban. Menurut Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2014, p. 217), guru-guru Bahasa Iban yang sedia ada terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Inggeris, Sains dan lain-lain yang berlatar belakangkan kaum Iban diberikan tugas untuk mengajar Bahasa Iban di sekolah. Oleh sebab itu, pengajaran Bahasa Iban terutamanya menggunakan *ensera* masih lagi belum memuaskan kerana guru-guru tersebut tidak mempunyai pengalaman dalam mengajar *ensera,* kekurangan bahan untuk menyampaikan *ensera,* tidak memahami kosa kata dan isi tersirat, serta kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru tersebut sukar untuk diselami oleh pelajar. Kesannya pelajar mudah berasa bosan dan hilang tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dan ilmu terhadap pengajaran *ensera* tidak sepenuhnya dikuasai di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu kekangan masa dalam menyelitkan kaedah dan teknik pengajaran

Shamsudin Othman, Ghazali Lateh dan Nurul Faidzah Ab. Hadi (2014, p. 60), guru didapati tidak berapa kreatif dalam mengajar sastera Melayu. Hal ini boleh dikaitkan dengan aspek kreativiti dalam meneliti bahan sastera. Sama seperti pengajaran bahasa Iban menggunakan e*nsera,* guru masih lagi mempunyai kekurangan dalam mengaplikasi cara pengajaran yang pelbagai kerana mempunyai kekangan masa untuk menyelitkan teknik-teknik yang menarik terhadap pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* menyebabkan pelajar hanya mengetahui serba sedikit ilmu tentang *ensera.* Masalah ini akan memberi impak kepada pelajar apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka menduduki peperiksaan dan boleh menjejaskan pemarkahan sekaligus objektif guru turut terjejas kerana tidak mencapai sasaran dan prestasi sekolah menurun terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Iban. Manakala Abdul Rashid Ali (2016, p. 92), dari segi kognitif, pembelajaran merujuk kepada pemerolehan pengetahuan. Sementara dari segi psikomotor, melibatkan pergerakan fizikal, penyelarasan dan penggunaan bidang kemahiran motor, manakala dari segi afektif, pembelajaran menentukan kesan perubahan tingkah laku. Wajarlah pelajar memperoleh ilmu pengetahuan dari segi pembelajaran kognitif mahupun afektif. Bertitik tolak daripada definisi tersebut, masalah penguasaan isi pelajaran daripada kefahaman pelajar itu sendiri yang masih lagi lemah dalam semua aspek kerana pelajar menganggap cerita rakyat tidak logik, tidak ada pengetahuan sedia ada, tidak berpeluang mendengar radio, tidak berminat dan sikap pemalu pelajar membaca cerita rakyat dalam bahasa Iban. Akibatnya, pelajar kurang mengetahui jenis-jenis *ensera* yang sedia ada. Justeru, pelajar kurang arif menguasai *ensera*, menyebabkan mereka gagal untuk memahami gaya cerita yang ada di dalam *ensera.*

Berdasarkan masalah pengajaran dan pembelajaran tersebut, sudah seharusnya guru dan pelajar mula mendalami dan mengamalkan kaedah dan teknik belajar yang berkesan dan menarik agar apa yang disampaikan dan dipelajari mudah difahami dan diingati. Guru yang kreatif dan inovatif dapat menjadi ikhtibar dan model kepada pelajar supaya mereka dapat mempengaruhi pelajar untuk menguasai sesuatu kemahiran dalam pembelajaran. Tugas setiap guru ialah membimbing pelajar untuk menghayati dan mendalami kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rancangan Pengajaran Harian yang direkodkan secara sistematik supaya dapat mencapai objektif dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini mempunyai 3 objektif seperti di bawah:

1. Menyelidik kaedah dan teknik pengajaran guru bahasa Iban menggunakan e*nsera.*
2. Meneliti amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera.*
3. Menunjukkan hasil penilaian tahap penguasaan nilai moral dalam *ensera* melalui model mengalami-menghayati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Soalan kajian

1. Apakah kaedah dan teknik dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera*?
2. Mengapakah amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera* perlu dipratikkan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Apakah tahap penguasaan nilai moral dalam *ensera* melalui model mengalami-menghayati?

1.6 Kepentingan kajian

Sumber rujukan kepada guru bahasa Iban dan pengkaji

Kajian ini amat penting kerana ia boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada guru-guru bahasa Iban atau para pengkaji untuk melaksanakan kajian mereka tentang aspek-aspek lain dalam *ensera* seperti cara penyampaian *ensera* dengan betul (intonasi), aspek kosa kata, isi tersurat da nisi tersirat *ensera* dan sebagainya. Menerusi kajian ini juga, guru dan para pengkaji dapat melihat kelebihan model yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Model ini dapat membantu meningkatkan lagi teknik pengajaran yang menarik kerana melibatkan pelajar melakukan aktiviti bersama sambil berhibur dan menjiwai *ensera.* Seterusnya para pengkaji dapat meninjau kekurangan yang sedia ada di dalam kajian mereka dari aspek pengajaran *ensera,* peranan *ensera,* pedagogi mengajar *ensera* dan seumpamanya.

Membantu guru-guru bahasa Iban menyusun strategi dalam melaksanakan pengajaran

Berharap kajian ini dapat membantu para guru bahasa Iban dan guru-guru baharu terutamanya di Sarawak bagi menyusun strategi melaksanakan pengajaran dengan lebih berkualiti dan berkesan untuk mengajar *ensera* kepada para pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan pelbagai kaedah dan teknik yang digunakan. Pengunaan model yang disarankan di dalam kajian ini dapat memberi idea meskipun mengalami-menghayati adalah satu kaedah yang pernah digunakan tetapi ia dapat dijadikan penanda aras kepada guru bahasa Iban dalam mengajar *ensera* di dalam kelas. Para guru boleh melihat kajian ini daripada gaya pembelajaran lain supaya minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Iban dapat ditingkatkan lagi.

Rujukan kepada guru bahasa Iban terhadap penggunaan model pengajaran yang disarankan.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapat maklum balas berkaitan pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* iaitu dengan gaya pembelajaran sedia ada yang diamalkan dalam kalangan pelajar di dalam kelas bahasa Iban. Gaya pembelajaran tersebut boleh ditambah dengan adanya model yang dilaksanakan di dalam kajian ini untuk menentukan keberkesanan strategi pengajaran mereka sesuai dengan minat dan kebolehan murid. Sebagai contoh, guru memberi penerangan melalui pengalaman sedia ada berkaitan isi pelajaran dengan kehidupan seharian, setelah itu guru memberi peluang kepada pelajar untuk memberi pendapat mereka dalam pengetahuan sedia ada. Hasil daripada itu, guru dan pelajar dapat berkongsi idea baharu untuk membentuk kefahaman dalam isi pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Meningkatkan pengetahuan pedagogi mengajar bahasa Iban menggunakan *ensera*

Penyelidikan ini diharap dapat membantu guru untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) dalam pengajaran bahasa Iban khususnya mengajar *ensera*. Dengan itu, guru bahasa Iban lebih fokus dalam merancang pengajaran yang cemerlang dan memperkembangkan lagi keberkesananan pengajarannya dari aspek isi pengajaran *ensera,* fungsi *ensera,* bentuk *ensera* dan sebagainya. Selain itu, kajian ini dapat membantu guru baharu yang mengajar mata pelajaran bahasa Iban memindahkan ilmu pengetahuan mereka kepada pelajar dengan cara yang lebih kreatif dan inovatif dari aspek penggunaan bahan pengajaran seperti menggunakan audio, rakaman, video dan seumpamanya dengan mengaplikasikan model mengalami-menghayati agar pelajar tidak mudah bosan semasa mempelajari *ensera*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia bagi merancang kurikulum pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera*

Kajian ini dijangka dapat memberi manfaat kepada Kementerian Pelajaran khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) agar dapat menjadikannya sebagai panduan dalam merancang kurikulum pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* khususnya. Melalui kajian ini PPK dapat meningkatkan lagi kaedah dan teknik pengajaran yang pelbagai kepada guru baharu dan para pelajar agar memperbaiki cara pembelajaran mereka. Mengajar *ensera* bukanlah sesuatu yang mudah namun guru memainkan peranan penting untuk mempengaruhi tingkah laku dan sikap pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam pengendalian sesi pengajarannya melalui model yang disarankan mengikut kreativiti yang ada pada guru itu sendiri.

Masyrakat Iban mengenali cerita rakyat sebagai warisan

Kepentingan kajian ini juga adalah untuk memperkenalkan cerita rakyat Iban yang perlu dipelajari dan diwarisi oleh generasi Iban yang baharu agar cerita ini dapat dipelihara dan dijadikan sebagai bahan pengajaran di sekolah mahupun di rumah. Ini kerana *ensera* bersifat deduktif yang boleh meningkatkan jati diri kepada golongan muda sebagai panduan di dalam kehidupan seharian mereka. Disamping memelihara *ensera* sebagai cerita rakyat, kajian ini amat penting bagi masyarakat Iban untuk mengenali jenis-jenis *ensera* yang pelbagai untuk dibaca dan dihayati peranan nilai yang ada dalam *ensera.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan kajian

Pengkaji membataskan kajiannya dengan meletakkan skop dan ruang yang agak ringkas tetapi padat, mengikut objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Pengkaji telah membataskan kajian seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1 Batasan tempat

Kajian ini dibataskan kepada satu tempat, yakni sebuah sekolah yang terdapat di Sarawak yang dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili (SMKE). Disebabkan SMKE adalah salah sebuah sekolah majoriti guru dan pelajar yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Iban, maka penyelidik membatasi kajian dengan memilih sekolah tersebut sebagai fokus utama kajiannya. Lanjutan daripada itu, perlaksanaan pengajaran bahasa Iban di SMKE amat meluas kerana mata pelajaran ini ditawarkan kepada pelajar dari menengah rendah sehingga menengah atas terutamanya pelajar kaum Iban. Oleh itu, sekolah ini amat sesuai dijadikan sebagai satu tempat untuk mengumpul maklumat berkenaan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Batasan persampelan

Persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan bertujuan. Pengkaji memilih 10 orang guru di SMKE, terdiri daripada 4 orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Iban manakala 6 orang guru lagi terdiri daripada guru bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu Komunikatif, dan bahasa Inggeris, yang merupakan masyarakat Iban. Keenam guru tersebut akan dijadikan sebagai responden kepada kajian ini dari aspek pengetahuan sedia ada terhadap *ensera* dan strategi pengajaran mereka dalam mengajar cerita rakyat. Dengan itu, pengkaji boleh mengumpul maklumat melalui pelbagai cara pengajaran untuk memastikan tahap penguasaan kefahaman pelajar kaum Iban dalam pembelajaran sastera baik pengajaran *ensera*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mahupun komsas. Untuk menjelaskan pandangan tersebut, dilampirkan contoh soalan temu bual pada lampiran C dan senarai semak dalam bahagian lampiran D.

1.7.3 Batasan Teori

Kajian ini menggunakan dua jenis teori iaitu teori konstruktivisme dan teori moral untuk mencapai objektifnya. Kedua-dua teori tersebut diaplikasikan dalam kajian ini kerana berkaitan dengan tajuk yang dijalankan. Teori konstruktivisme digunakan untuk memahami dan menguasai makna strategi dan taktik pengajaran guru di dalam kelas. Manakala teori moral digunakan untuk mendalami nilai terhadap tingkah laku manusia yang terdapat dalam e*nsera.*

Teori konstuktivisme ialah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menerangkan pembelajaran bersifat aktif, bersifat sosiobudaya, mementingkan dominan afektif, mementingkan pembelajaran yang holistik melalui integrasi antara disiplin ilmu, dan mengakui kepentingan interaksi (perbualan) sebagai media pembentukan ilmu (Yahya Othman, Roselan Baki dan Naffi Mat, 2009, p. 5). Teori Konstruktivisme telah lama digunakan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat. Konstruktivisme telah diasaskan oleh Lev Semyonich Vygotsky (1978) iaitu seorang ahli psikologi melalui bukunya *"Mind in Society"*. Beliau memisahkan antara pemikiran dan bahasa bebas dan berkembang secara terpisah serta menumpukan kepada zon perkembangan proksimal (ZPD) yang relevan dengan teknologi pengajaran (Zurainu Mat Jasin, 2012, p. 83). Teori ini bermaksud seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu dapat membina pengetahuan sendiri secara aktif, dengan cara membandingkan maklumat baru dengan pemahaman sedia ada.

Teori kedua, iaitu teori moral yang membawa maksud satu konsep yang dirumuskan oleh sesebuah komuniti, sosial atau budaya bagi menentukan kebaikan dan keburukan (Mana Sikana, 2014, p. 45). Teori ini merupakan satu norma tentang kehidupan yang diberi kedudukan istimewa dalam kegiatan sesebuah komuniti, sosial atau budaya itu sendiri. Norma inilah yang menentukan nilai-nilai berlandaskan sesuatu yang mulia dan dihargai, mempunyai tahap nilai yang tinggi. Perubahan moral berlaku disebabkan oleh zaman, sosial, kepercayaan, pendidikan, ekonomi dan dimensi-dimensi budaya yang lainnya. Dari segi sastera, seseorang yang membaca sesebuah karya mempunyai naluri keseronokkan berdasarkan penilaian baik buruknya cerita, tinggi rendahnya mutu cerita dan kuat lemahnya kesan cerita. Apabila nilai sesebuah karya itu berdasarkan ceritanya, secara tidak langsung aspek-aspek seperti bahan, logika dan perutusannya menjadi subjek yang turut dikemukakan dalam sesebuah cerita, kemudian dikaitkan dengan isi, tujuan isi atau cara cerita disampaikan. Unsur-unsur ini dikumpulkan dan disebut sebagai moral. Teori moral juga mempunyai satu nilai yang boleh ditakrifkan sebagai satu kepercayaan untuk mendorong pemikiran dan tingkah laku seseorang untuk membentuk keperibadian yang teserlah daripada sikap, katakelakuan dan pegangan hidup (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad mat Hassan, 2011, p. 8). Ini bermakna pemilihan teori moral dapat menunjukkan tahap penguasaan terhadap nilai moral yang terdapat dalam pengajaran e*nsera* melalui model mengalami-menghayati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Pengoperasian

Dalam hal ini, terdapat istilah-istilah tertentu yang digunakan secara pengoperasian dalam konteks kajian. Bagi memberi pengertian yang jelas dan bersesuaian dengan tujuan kajian yang dijalankan, di bawah ini dijelaskan beberapa definisi pengoperasian penting yang terdapat dalam kajian ini:

1.8.1 Mengalami-menghayati

Berdasarkan pendapat Goodman (1962), mengalami-menghayati ialah sesuatu pengalaman yang dikaji mengikut tanggapan daripada pembaca itu sendiri. Beliau menjelaskan setiap individu mempunyai pengalaman tersendiri iaitu hasil daripada pengalaman yang dilalui dan nilai-nilainya sendiri. Oleh itu, Goodman (1962), menekankan sesuatu yang dialami oleh pembaca dan melihat sejauh mana seseorang pembaca itu dapat menghayati penulisan daripada pengarang melalui bahasa yang disampaikan. Menurutnya lagi, mengalamai-menghayati menekankan "penikmatan" di mana sesuatu aspek kesusasteraan yang dipelajari itu dapat di rasakan dan dihayati sepenuhnya. Biasanya penghayatan itu bergantung kepada pengalaman-pengalaman pelajar dan pengalaman ini digunakan untuk mendapat sesuatu pengalaman baru. Dari aspek pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan, pelajar-pelajar didedahkan kepada beberapa persoalan di dalam sesuatu aspek yang dikaji dan langkah ini disusuli dengan aktiviti mentafsir persoalan-persoalan itu sehingga dapat merasakan jalan cerita yang terdapat pada bahan bacaan mereka (Kamarudin Hj Hussin, 1988, p. 234).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban

Bahasa Iban merupakan bahasa ibunda bagi suku kaum masyarakat Iban di Sarawak dituturkan oleh orang yang dikenali sebagai Orang Iban. Sebagai kaum majoriti di Sarawak, sudah pasti Bahasa Iban mempunyai peranan dalam sistem pendidikan seperti bahasa ibunda yang lain. Menurut Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016, p. 31), mata pelajaran bahasa Iban bukan satu mata pelajaran yang baharu dalam sistem pendidikan di Malaysia malah bahasa Iban telah diajar sejak tahun 1853 di Sarawak tetapi perlaksanaanya tidak begitu luas sehingga menyebabkan mata pelajaran ini terpinggir jika dibandingkan dengan mata pelajaran etnik lain, tetapi kini mata pelajaran Bahasa Iban telah diajar di sekolah-sekolah dan institut-institut pengajian tinggi.

Dari aspek pembelajaran bahasa Iban, penglibatan pelajar secara maksimum haruslah digunakan di dalam bilik darjah. Ini kerana membolehkan pelajar berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar dengan berbahasa, menggunakan bahasa etnik yang standard. Dengan itu, pelajar dapat membina keyakinan dalam menguasai bahasa Iban. Pendekatan yang berpusatkan pelajar yang menekankan pembelajaran masteri dapat memastikan mereka dalam menguasai hasil pembelajaran kerana pelajar diberi peluang untuk berkembang mengikut kadar keupayaan mereka sendiri. Dalam hal ini, aktiviti penilaian, pemulihan dan pengayaan perlu dijadikan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Ensera

Ensera, membawa maksud kisah tentang wira-wira Panggau Libau. *Ensera* sering disampaikan melalui bentuk lagu tetapi diselang seli dengan sedikit penerangan dan perbualan dalam bentuk prosa. Noriah Taslim dan Chemaline Osup (2013, p. 53), mendefinisikan *ensera* sebagai puisi naratif yang panjang, mengambil masa bermalam-malam untuk menyelesaikannya. Hal ini dikatakan demikian kerana pendengar perlu mengikuti jalan ceritanya dari awal hingga ke akhir. Tambahnya lagi, *ensera* berperanan sebagai alat untuk meringankan kerja secara tidak langsung meningkatkan hasil kerja. Melalui jalan cerita yang menghiburkan pendengar dengan aksi-aksi wira yang hebat, pendengar merasa beban kerja yang kadang-kadang membosankan dan meletihkan mereka. Oleh sebab itu, *ensera* biasanya panjang kerana kerja-kerja rumah sentiasa ada bagi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ensera turut berfungsi sebagai aktiviti sosial bagi masyarakat Iban suatu ketika dahulu. Ini kerana penceritaanya akan mengumpul pendengar di *ruai* (ruang tamu) sekaligus mengakrabkan silaturahim mereka (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 43). Di samping berkumpul, mereka melakukan kerja bersama-sama dan tiada seorangpun yang tidak melakukan pekerjaan kerana bagi mereka siapa yang malas akan berasa malu dan dikira a*lah* (kalah) kepada kelompoknya. Pekerjaan yang sering dilakukan oleh mereka iaitu seperti menganyam, menenun dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3.1 Epik

Ensera juga disebut sebagai epik. Cerita-cerita epik ialah satu karya sastera yang dihasilkan baik dalam bentuk puisi mahupun prosa panjang (Muhd. Mansur Abdullah, 1998, p. 217). Dalam kesusasteraan Melayu tradisi, sastera epik menggambarkan kebesaran-kebesaran serta kehebatan seseorang pahlawan bangsanya dan tokoh-tokoh utama atau hero dalam sesebuah cerita. Permulaan cerita adalah berkisar dengan segala tindakan hero atau wiranya. Wira dalam cerita itu mewakili bangsa dan negara bangsa yang menulis tentangnya, digambarkan begitu agung dan mulia sehingga sifatnya adalah luar biasa atau mempunyai kuasa supernatural. Dalam kamus *Oxford Advanced Learner's* edisi ke-6 (2000) epik merujuk kepada *a long poem about the actions of great men and women or about a nation's history*. Berdasarkan makna tersebut, epik merupakan satu gambaran cerita yang mengisahkan kehebatan seorang lelaki dan wanita ataupun sejarah negara yang perlu diagungkan oleh masyarakat tertentu untuk disampaikan kepada generasi tua dan muda.

Epik ialah karya naratif yang mempunyai karya-karya bakti kewiraan dan wira yang mencapai dimensi kesenian yang cukup tinggi. Wira epik ialah seorang manusia yang mempunyai keupayaan fizikalnya mengatasi manusia lain yang tergolong dalam satu kelas manusia yang bermulia dan bermartabat dan bersifat abadi (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 38). Epik dengan demikian, muncul dalam latar belakang sejarah masyarakat yang meletakkan nilai yang tinggi kepada sifat-sifat kepahlawanan dan ketokohan manusia. Kemunculan epik sebagai genre sastera yang besar dan canggih ini satu sejarah evolusi bentuk dan struktur yang panjang dan menarik kerana ia boleh dikesan daripada genre-genre mudah dalam tradisi lisan sejak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

zaman pramoden dan praliterasi yang diperkenalkan oleh manusia kepada bentuk sastera lisan yang menyorot pelbagai tema dan watak.

1.8.3.2 Legenda

Seterusnya *ensera* disebut sebagai legenda kerana jalan ceritanya yang mempunyai unsur sejarah. Cerita legenda merupakan sejarah masyarakat yang menyebarkan jalan ceritanya bersifat tempatan namun tidak begitu luas, hanya dalam komuniti kampung dan daerahnya sahaja. Terdapat unsur-unsur sejarah tetapi tidak dipentingkan ketika itu kerana hanya wujud sebagai suatu pengikat pada jalan cerita sahaja agar cerita itu kelihatan lebih realistik dan diyakini pembaca dan pendengarnya. Namun di dalam cerita lagenda ini penonjolan tokoh-tokoh terkenal menjadi fokus utama (Muhd Mansur Abdullah, 1988, p. 29) seperti watak protagonis dan antagonis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Legenda juga bermaksud cerita lama yang mempunyai watak-wataknya terdiri daripada tokoh-tokoh yang pernah wujud. Cerita ini tidaklah boleh dipercayai sepenuhnya, tetapi masyarakat dahulu mempercayainya. Kelebihan-kelebihan tokoh pernah wujud itu dilukiskan sehingga tidak dapat diterima sebagai manusia biasa, contohnya Hang Tuah yang merupakan tokoh lagenda dari dulu sehingga kini (Rahman Shaari, 2001, p. 57). Legenda juga merupakan hikayat lama yang menggambarkan seorang pewira dan kesaktiannya yang sangat terkenal. Legenda turut dikatakan sebagai hikayat lama yang menggambarkan seorang pewira dan kesaktiannya yang sangat terkenal. Tambahan pula, menurut Ab.Rahman et.al (2001, p. 52) legenda adalah cerita rakyat yang mengisahkan tokoh, peristiwa, atau tempat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dipercayai pernah wujud atau berlaku. Oleh itu, penceritaannya bercampur-aduk antara fakta sejarah dengan mitos.

1.8.3.3 Saga

Di samping itu, *ensera* turut dikatakan sebagai saga kerana ceritanya membawa kisah kepahlawanan dari Panggau Libau (dunia kayangan) (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2014). Saga merujuk kepada cerita yang berdasarkan peristiwa sejarah yang mencampurkan alam fantasi seperti hikayat-hikayat pada zaman dahulu. Dalam *Kamus Dwibahasa* edisi ke-2 (2001), saga disebut sebagai cerita panjang tentang keberanian seorang wira dalam satu penggembaraan. Menurut *kamus Inggeris-Melayu* (1991), saga adalah kisah panjang yang menceritakan tentang masalah dalam kisah itu. Ini bermakna saga mempunyai seperti epik dan lagenda kerana peristiwa dalam cerita ini mengaitkan tentang tokoh-tokoh, kepewiraan, hero yang teragung, berani dan hebat mempunyai kuasa yang luar biasa. Saga adalah cerita panjang yang ditokok tambah agar cerita itu menjadi lebih menarik didengar khalayak contohnya Hikayat Hang Tuah (sastera Melayu), *Keling* (sastera Iban), Hang Li Pao (sastera Cina), dan sebagainya untuk dijadikan sebagai satu watak yang menarik pembaca dan pendengar.

1.8.3.4 Mitos

Menurut Norazimah Zakaria (2016), mitos ialah cerita dongeng yang berperanan sebagai untuk menerangkan sesuatu kejadian daripada asal usul tertentu seperti kejadian manusia, alam, binatang dan penempatan. Masyarakat menganggap cerita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mitos sebagai sebuah cerita yang benar-benar berlaku pada suatu masa dahulu dan dianggap suci atau sakral atau kudus oleh masyarakat ketika itu (Norazimah Zakaria 2016, p. 1). Namun kini dari sudut pandangan masyarakat telah berubah disebabkan oleh cerita mitos yang dijadikan sebagai sebuah sastera lisan yang menjadi hiburan serta mempunyai unsur pengajaran. Sastera rakyat disebut juga sebagai sastera lisan. Di dalam mitos terdapat sastera rakyat yang bersifat universal. Oleh itu cerita rakyat turut disebut sebagai mitos.

Berdasarkan definisi yang diberikan, e*nsera* boleh dikatakan sebagai epik, legenda, saga dan mitos kerana ia beperanan sebagai hiburan terutamanya di rumah panjang sesuatu ketika dahulu dan kini dijadikan sebagai bahan dalam pengajaran untuk diajar kepada pelajar. Tambahan lagi, *ensera* adalah satu cerita yang sangat panjang dan mempunyai unsur-unsur nilai-nilai moral dan peranan watak yang menarik sehingga masyarakat Iban menganggap bahawa ia wujud dan perlu diagungkan. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan perkataan *ensera* bagi menjelaskan persoalan yang timbul berkaitan dengan teknik pengajaran yang digunakan dalam kelas bahasa Iban khususnya. *Ensera* dijadikan sebagai satu penerangan terhadap cerita yang menunjukkan tema kepahlawanan yang merangkumi pengajaran dan jalan cerita yang memperlihatkan ragam masyarakat Iban menerusi penghayatan dan penikmatan pembaca atau pencerita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Penutup

Kesimpulannya, secara langsung dapat dinyatakan bahawa kajian ini bertujuan untuk melihat dan menyoroti secara terperinci tentang model mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Selain itu, kajian ini dilihat dari aspek tahap penguasaan nilai-nilai moral dalam *ensera* yang menjadi teladan kepada pelajar dan masyarakat Iban, berdasarkan teknik-teknik pengajaran yang digunakan untuk melahirkan penghayatan dan penikmatan kalangan guru dan pelajar bahasa Iban melalui beberapa kategori aktiviti yang dirancang dalam pengajaran dan pembelajaran harian mereka. Tenaga pengajar perlulah mengambil berat tentang strategi pengajaran yang berkesan bagi proses PnP agar minat pelajar dalam mata pelajaran tersebut dapat dipupuk melalui minat yang ada pada diri mereka terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Iban dapat berkembang dari masa ke semasa seperti mata pelajaran bahasa lain. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat membantu serta meningkatkan lagi tahap ilmu pada diri guru bahasa Iban di Sarawak, pada diri pengkaji serta pada diri pelajar.

Di dalam bab ini pengkaji dapat merungkai persoalan, objektif, kepentingan kajian, batasan dan definisi pengoperasian yang digunakan dalam merangka tindakan yang sepatutnya. Oleh itu, bab ini amat penting kepada pengkaji dalam menghasilkan kajian terhadap model mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Sorotan literatur dikenali sebagai tinjauan kepustakaan. Menulis bahan-bahan literatur adalah satu usaha dalam memerihalkan tentang hasil kerja para sarjana dan ilmuwan berkaitan dengan topik yang hendak dikaji. Tujuan sorotan literatur ini ialah untuk menyampaikan kepada pembaca tentang ilmu, idea dan dapatan topik kajian yang berkaitan dengan bidang tajuk yang akan dikaji oleh penyelidik. Item-item yang dipilih mempunyai kaitan rapat dengan objektif penyelidikan, soalan kajian yang dikemukakan dan isu yang dibincangkan. Senarai bahan bacaan yang diperoleh atau ringkasan kajian dalam bidang diselidiki dan diulas oleh pengkaji. Bab ini akan menghuraikan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh para pengkaji di dalam dan di luar negara. Tinjauan ini dibuat berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber seperti buku, tesis, jurnal dan perpustakaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Literatur Berkaitan

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh sarjana dan tokoh-tokoh Iban, penyelidik membuat tinjauan literatur berkaitan. Namun begitu, tinjauan ini dilakukan untuk melihat kelompangan antara kajian lepas dan kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji sebagai garis panduan. Pengkajian ini merupakan satu cabaran untuk merungkai dan membongkar aspek penggunaan mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* sebagai salah satu tatapan generasi khususnya kepada para guru dan pelajar di sekolah.

2.2.1 Kajian Tempatan

Berikut merupakan kajian tempatan yang dikenal pasti oleh pengkaji mempunyai perbincangan berkaitan dengan tajuk kajian:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1.1 Sistem pendidikan

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban bukan satu mata pelajaran yang baru di sekolah. Mata pelajaran ini telah diajar sejak tahun 1853 di Sarawak. Pernyataan ini ditulis oleh dua sarjana tempatan iaitu Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016, p. 31). Aspek pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban pada awalnya memberi pengenalan tentang bahasa Iban yang dituturkan oleh kaum Iban di Sarawak. Menurut mereka lagi kaum Iban merupakan kumpulan etnik terbesar di negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sarawak. Faktor ini mungkin menjadi salah satu punca jumlah murid yang mempelajari bahasa Iban jauh lebih besar berbanding kaum etnik yang lain. Pengajaran bahasa Iban telah bermula di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kini ke peringkat ijazah (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016).

Menurut Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016), pengajaran bahasa Iban dianggap sebagai satu proses untuk memudahkan pembelajaran murid. Oleh sebab itu, proses pengajaran akan dikaitkan secara langsung dengan proses pembelajaran murid. Pengajaran berkesan biasanya akan melibatkan penggunaan teknik atau kaedah untuk melicinkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kaedah atau teknik yang sering digunakan seperti kaedah sumbang saran, tunjuk cara (demontrasi), simulasi atau kaedah pengajaran kumpulan, perbincangan atau kaedah penyelesaian masalah, audio lingual, kod kognitif, dan kaedah projek (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod 2016, p. 42). Pelbagai kaedah atau teknik seperti ini dapat melahirkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Guru bahasa Iban yang sedia ada dan guru baharu haruslah sentiasa mengikut perkembangan strategi pengajaran yang sesuai sebagai landasan pembelajaran dan pemudahcaraan yang baik dengan kepakaran masing-masing terhadap bahan pengajaran, keperluan bahan pengajaran, kehendak pelajar dan pesekitaran pengajaran lebih mantap dari segi pembentukan ilmu yang tinggi.

Meskipun terdapat pelbagai kaedah atau teknik yang dinyatakan oleh kedua sarjana tersebut, namun masih lagi terdapat perbezaan dalam kajian ini iaitu tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menerangkan aspek penggunaan mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* kerana penulisannya hanya memberi fokus terhadap pedagogi yang digunakan oleh guru bahasa Iban dalam pengajaran. Sehubungan itu, penulisan ini turut menekankan tentang pengenalan, sejarah bahasa Iban, dan pengalaman penulis menjalankan kajian dalam bidang yang begitu baharu terhadap sistem pendidikan kebangsaan, iaitu bidang Pendidikan Bahasa Iban. Penghasilan kajian ini memberi banyak manfaat kepada pihak yang ingin merujuk strategi pengajaran bahasa Iban khususnya bagi merujuk aspek pengenalan bahasa Iban, sejarah bahasa Iban, kandungan pengetahuan pedagogi guru, dan strategi pengajaran bahasa Iban. Selain itu, kajian ini dijadikan panduan untuk melihat kepada masalah pengajaran guru bahasa Iban dan masalah pelajar terutamanya dalam puisi Iban. Bertitik tolak daripada hal ini, pengkaji menjadikan kajian ini sebagai panduan untuk merujuk masalah yang sama dengan pengajaran bahasa Iban dengan mengguna *ensera.*

Di samping itu, kekurangan guru daripada bidang pengkhususan bahasa Iban masih lagi tidak mencukupi. Pihak sekolah hanya memberi arahan kepada guru yang berbangsa Iban mengajar mata pelajaran tersebut. Kesannya, pengetahuan ilmu dalam bahasa Iban tidak begitu mantap dalam bidang pengajaran. Menurut Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016), belum ada guru yang menguasai pengetahuan mata pelajaran Bahasa Iban secara formal di pusat-pusat latihan perguruan, dalam perkataan lain semua guru bahasa Iban bukan opsyen mata pelajaran Bahasa Iban. Walau bagaimanapun, guru yang sedang berkhidmat tersebut diharapkan telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menguasai pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) untuk menyampaikan pengajaran mereka.

Lain daripada itu, pengajaran bahasa etnik seperti bahasa kadazandusun, merupakan mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah Sabah dan Universiti Malaysia Sabah. Menurut Juni Dikul dan Rosliah Kiting (2019), pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun telah mula di laksanakan di sekolah rendah pada tahun 1997 dan di sekolah menengah pada tahun 2006. Subjek ini adalah salah satu mata pelajaran bahasa etnik di Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam tafsiran Akta Pendidikan negara Malaysia pada tahun 1996. Tambahan, matlamat utama bahasa Kadazandusun sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan seharian. Jelaslah bahawa betapa pentingnya pelajar menguasai bahasa dengan betul untuk membantunya dalam pelbagai aspek kehidupan. Maka dengan itu, guru perlu sentiasa peka terhadap perancangan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar dapat melahirkan pelajar yang memiliki ilmu, nilai dan amalan sesuai dengan kesejahteraan diri, masyarakat dan negara. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap agar dapat memberikan penekanan unsur bernilai tambah yang difikirkan sesuai dalam aspek pedagogi (Juni Dikul dan Rosliah Kiting, 2019). Dalam pada itu, wajarlah pengajaran bahasa Iban juga sama seperti bahasa Kadazandusun yang menekankan aspek penguasaan pengetahuan pedagogi guru bahasa Iban untuk menentukan mutu pengajaran secara langsung akan mempengaruhi hasil yang berkualiti (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, menurut Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal dan Harishon Radzi (2012), masyarakat Banjar yang merupakan penduduk asli sebahagian dari wilayah Kalimantan Selatan, iaitu Kabupaten kota Baru, menggunakan bahasa Banjar Masin. Bahasa ini ialah bahasa ibunda bagi masyarakat Banjar dan bahasa Indonesia sebagai bahasa nasional. Pengguasaan bahasa mendorong masyarakat untuk tujuan yang berbeza. Pengajaran bahasa Banjar Masin digunakan sebagai alat komunikasi masyarakat Banjar antara satu sama lain, manakala bahasa Inggeris yang dikatakan sebagai pengaruh bahasa Asing dijadikan sebagai bahasa yang digunakan di sekolah selain daripada bahasa Indonesia. Mereka berpendapat bahawa kekuatan dan keutuhan memilih bahasa banjar sebagai medium untuk berinteraksi merupakan satu elemen untuk mempertahankan bahasa dan identiti masyarakat ini (Fazal Mohamed et.al, 2012, p. 298). Merujuk kepada kajian ini, jelaslah bahawa masyarakat Banjar berpegang teguh pada bahasa mereka sendiri baik dari sudut pendidikan formal dan tidak formal (di rumah atau di bandar) (Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al., 2012).

Berdasarkan pendapat-pendapat sarjana di atas dari aspek pendidikan, pengajaran, pembelajaran dan bahasa, jelaslah bahawa kepentingan aspek-aspek tersebut perlu dititikberatkan pada pelajar dalam memartabatkan pengajaran bahasa etnik di sekolah sebagai satu bahan dalam pembelajaran agar pelajar dapat menguasai bahasa etnik mereka dengan betul dan dapat dijadikan sebagai satu warisan kepada generasi akan datang yang berpendidikan dari segi ilmu pengetahuan dan budaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1.2 Cerita Rakyat

Ensera ialah satu cerita tradisional suku kaum Iban yang membawa kisah kepahlawanan wira-wira dari *Panggau Libau* (kayangan). Penyampaian *ensera* atau *sera* biasanya *dikanaka* (dilagukan) tetapi diselang-seli dengan sedikit penerangan dan perbualan dalam bentuk prosa (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 43). Walau bagaimanapun, *ensera* sama seperti epik, saga, legenda dan mitos yang mempunyai karya-karya kepewiraan yang cukup tinggi serta jalan cerita yang ditokok tambah melalui cara pencerita menyampaikannya.

Menurut kedua sarjana ini lagi, masyarakat Iban mempunyai pelbagai epik yang dijadikan sebagai cerita. Salah satunya ialah *ensera* yang disebut sebagai epik primer atau epik rakyat. Epik masyarakat Iban ini dikenali sebagai *ensera* orang *Panggau* (*ensera* tentang orang *Panggau*) kerana kebanyakannya mengisahkan tentang hero dan heroin dalam dunia *Panggau-Libau-Gelong* seperti *Kumang, Keling, Lulong, Laja, Bungai Nuing, Simpurai,* dan seumpamanya (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013). Menurut kepercayaan masyarakat Iban, *Panggau-Libau* ini terletak antara bumi dengan langit, suatu alam yang sempurna dan indah yang disebut sebagai sebuah alam kayangan. Mereka percaya bahawa dunia ini dihuni oleh manusia separa dewa yang diketuai oleh Keling atau dewa ular. Masyarakat Iban turut percaya bahawa rumah panjang di *Panggau-Libau* adalah sangat panjang sehingga burung layang-layang mengambil masa dua hari untuk terbang dari satu hujung ke hujung yang lain. Karya epik ini dianggap sebagai karya sastera sama dengan dunia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Hanafiyah dan banyak lagi (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 41-42).

Dari segi penyampaian *ensera*, perbezaannya terlihat dengan adanya penyanyi akan berhayun sambil melagukan *ensera*, sementara khalayak di rumah panjai (rumah panjang) meneruskan kerja-kerja mereka seperti menganyam tikar atau bakul, menenun kain atau membuat perangkap ikan dan jerat haiwan. *Ensera* dengan demikian disebut sebagai "lagu kerja" bermaksud bersama-sama melakukan sesuatu pekerjaan agar tidak merasakan bebanan (Noriah Taslim dan Chemaline osup, 2013). Oleh sebab itu, *ensera* mengambil masa yang lama untuk diselesaikan kerana puisinya amat panjang yang mempunyai 30, 000 baris. Namun begitu *ensera* yang pendek boleh juga dinyanyikan bergantung kepada kemahiran bercerita, lenggok lagu atau suara pencerita yang menjadikan keseronokan kepada pendengar. Puisi ini amat digemari oleh masyarakat Iban suatu ketika dahulu (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 43). Tidak dinafikan bahawa masyarakat Iban turut mempunyai hikayatnya tersendiri sama seperti *Jerita Tuai Iban.* Jalan cerita *ensera* lebih kepada kepewiraan yang mempunyai nilai tinggi secara peribadi. Epik ini mempunyai pelbagai kisah jalan cerita yang menjadi kebanggaan masyarakat Iban suatu ketika dahulu. Meskipun jalan ceritanya panjang, namun mereka tertarik dengan adanya nilai-nilai luar biasa yang ada pada wira pada cerita *ensera.*

Ringkasnya, *ensera* yang ditulis oleh kedua sarjana ini menerangkan secara menyeluruh dari aspek sejarah, maksud, mendokumentasi dan menterjemah sebuah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teks *ensera* sebagai satu epik rakyat masyarakat Iban suatu ketika dahulu. Pendapat ini juga memberi konteks dan latar belakang serta budaya dengan mengaitkan kepentingan, pelestarian dan fungsi *ensera* kepada masyarakat Iban di Sarawak. Latar konteks ini amat penting untuk meletakkan teks *ensera* dalam situasi kewujudannya dan penghayatannya. Hasil penulisan ini turut mengemukakan nilai-nilai moral yang terdapat pada wira dalam cerita e*nsera*. Nilai-nilai ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada semua masyarakat. Namun begitu penulisan ini tidak menyatakan model mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* meskipun terdapat nilai-nilai moral yang dijadikan sebagai panduan. Ini kerana cara penyampaian ketika itu berbeza. Hal ini merupakan satu perbezaan yang terlihat pada kajian yang dilakukan oleh pengkaji dan penulis meskipun ianya mempunyai penghayatan di dalam penulisan teks e*nsera.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Patricia Matusky (2019), garis komunikasi yang kuat antara dunia yang dilihat dan yang tidak kelihatan dibentuk melalui penyebaran teks puisi ritual khususnya dalam masyarakat Iban di Sarawak. *Lemambang* (penyanyi) menyanyikan puisi yang disebut *timang* atau *pengap, manang* (dukun) melaungkan puisi ritual yang disebut *pelian*, dan *tukang sabak* (nyanyian jiwa) menyanyi puisi sabak untuk upacara pengembumian. Kesemua ketua tersebut ialah sebahagian daripada penyanyi khas untuk melaksanakan upacara ritual dalam budaya masyarakat Iban. Genre puisi ritual yang dinyanyikan, biasanya dijadikan sebagai panduan lirik utama dalam penulisan puisi ritual. Sebagai contoh lagu-lagu *timang* atau *pengap* adalah salah satu upacara yang penting dalam sebuah persembahan yang memanggil dunia kayangan untuk mendapatkan semangat yang luar biasa. Manakala *Manang* pula menyanyikan teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

puisi *pelian* untuk menyembuhkan orang yang sakit, sementara *tukang sabak* menyanyikan sebuah *kisah sabak*. Hal ini demikian kerana untuk memastikan jiwa orang yang sakit mendapat kesembuhan (Patricia Matusky, 2019).

Tambahnya lagi kuasa yang wujud dalam kata-kata yang dinyatakan oleh setiap penggiat pakar ini tidak dapat difahami oleh orang lain kerana setiap kata-kata yang dikeluarkan mempunyai maksud tersendiri dan hanya mereka yang berilmu tentang kepakaran seperti ini sahaja yang memahami apa yang ingin disampaikan dalam setiap upacara. Rentetan itu, kajian ini dibuat secara lebih telus dan mendalam perihal peranan setiap puisi sebagai cabang nyanyian ritual dan penghayatan dalam setiap bait puisi yang disebut si penyair. Oleh itu, secara langsung puisi-puisi yang dikaji oleh sarjana ini menonjolkan penggunaan mengalami-menghayati sebagai salah satu cabang sastera lisan yang boleh dijadikan rujukan dalam kajian ini sekaligus untuk memahami budaya masyarakat Iban. Walau bagaimanapun terdapat satu kelompangan pada pendapat sarjana dia atas dengan kajian pengkaji iaitu, tidak menekankan unsur pengajaran dan hanya tertumpu kepada cara puisi masyarakat Iban serta peranannya.

Dimbab Ngidang, Peter Mulok Kedit dan Robert Menua Saleh (2012), salah satu e*nsera* yang diceritakan ialah *Kena Tebak Sengkilu Diri-Empu.* Kisah ini menceritakan burung Kuche, gajah, dan Ular belalang yang tinggal di tempat berlainan. Mereka mempunyai hasad dengki antara satu sama lain. Ular belalang merupakan seekor binatang yang amat kejam kerana semasa Burung Kuche bertelur,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ular tersebut telah makan telur burung itu sehingga habis. Burung Kuche berasa sangat sedih dan sakit hati dengan kejahatan yang dilakukan oleh ular padanya dan berniat untuk membalas dendam. Pelbagai cara burung tersebut untuk mengenakan ular belalang tetapi gagal kerana pertolongan yang diminta daripada Manaul tidak diendahkan sehingga satu hari Burung Kuche mempunyai buah fikiran baru iaitu menggunakan duri membuat perangkap dan akhirnya berjaya untuk membalas dendam pada ular belalang. Jelaslah pengajaran dalam cerita ini memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak mempunyai hasad dengki antara satu sama lain dan perlu memupuk nilai persahabatan, jangan seperti Menaul yang mempunyai alasan apabila meminta pertolongan dalam kesusahan. Penulisan yang dikarang oleh Dimbab Ngidang et.al (2012) dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji untuk menunjukkan nilai-nilai moral yang terdapat dalam e*nsera* untuk dikuasai dalam diri pelajar khususnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya *Gempung Jerita Tuai* juga merupakan salah satu cerita rakyat dalam kalangan masyarakat Iban. Menurut Nalong Buda dan Johnny Chuat (2007), *Gempung Jerita Tuai* ialah kisah yang ditulis mengikut kesinambungan *jerita tuai* (cerita orang tua) suatu ketika dahulu yang dijadikan sebagai pengetahuan serta menjadi "buah mulut" dalam masyarakat Iban di Sarawak. Dalam cerita ini, terdapat beberapa jenis cerita yang mempunyai jalan kisah hidup masyarakat Iban semasa berada di rumah panjang. Antaranya ialah *Asal penatai Bansa Iban, Sengalang Burung, Pulang Gana, Beji nangga hari, Serapuh, Sera gunting, Simpang Impang, Raja Petara, Jelenggai, Rakup Beliang, Berauh Ngumbang* dan *Balang (Balai Nyabong).* Kesemua cerita rakyat ini sama seperti *ensera* yang biasa didengar seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kisah *keling, kumang, lulong* dan sebagainya. Ia mempunyai nilai-nilai moral tersendiri serta jalan cerita yang sangat menarik (Johnny Chuat, 2007). Berdasarkan cerita rakyat *Gempung Jerita Tuai,* terdapat beberapa nilai yang ditekankan oleh masyarakat Iban kepada golongan muda iaitu nilai keberanian, tidak berputus asa, baik hati, saling tolong menolong, kemasyarakatan, dan banyak lagi. Dengan itu, nilai-nilai seperti ini dapat diajar di dalam kelas meskipun ia adalah satu kebiasaan namun penerapan kepada individu masih lagi kurang terutamanya dalam golongan muda.

Selain daripada cerita rakyat masyarakat Iban, pengkaji merujuk kepada sinopsis cerita rakyat Hikayat Melayu iaitu Hikayat Hang Tuah. Tujuannya ialah untuk dijadikan sebagai panduan untuk merujuk persamaan nilai-nilai yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu dan cerita rakyat Iban. Menurut Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa, dan Wayu Nor Asikin Mohamad (2017), kisah Hang Tuah merupakan lambang peradaban bangsa Melayu. Hang Tuah merupakan wira orang Melayu yang tercatat dalam Hikayat Hang Tuah. Hikayat Hang Tuah merupakan sebuah epik Melayu yang mengandungi nilai-nilai kesusasteraan yang tinggi. Hikayat ini banyak memaparkan aspek-aspek kemasyarakatan, kemanusiaan, kebudayaan, nilai-nilai moral dan sebagainya. Hikayat ini juga mencerminkan budaya bangsa Melayu, cara hidup, alam kehidupan dan corak pemikiran bangsa Melayu pada zaman itu. Pelukisan watak Hang Tuah sebagai hero yang digambarkan begitu gagah, berani, setia, bijak dan amat patuh kepada pemerintah, biarpun kadang-kadang sudah dianggap keterlaluan bagi pemikiran masyarakat masa sekarang (Ayu Nor Azilah Mohamad et.al, 2017). Namun perlu difahami bahawa segala reaksi dan tindakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hang Tuah yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah memang dianggap amat bertepatan dengan pandangan dan sikap masyarakat pada zamannya. Tambahan, juga dinyatakan dalam hikayat ini ialah aspek kesetiaan dan ketaatan bangsa Melayu yang digambarkan dalam sifat serta watak Hang Tuah. Begitu juga kesanggupan dan kemasyhuran bangsa Melayu dalam pembinaan peradaban digambarkan dalam pengembaraan serta kebolehan Hang Tuah. Bagi melihat pemikiran masyarakat Melayu dalam perwatakan Hang Tuah, beberapa aspek yang boleh dinyatakan antaranya ialah aspek keperwiraan, kesetiaan, kebaktian, keberanian dan sebagainya (Ayu Nor Azilah Mohamad et.al, 2017). Hal ini sama seperti *ensera Keling,* ceritanya mengutamakan watak wira yang diagungkan oleh masyarakat Iban mengenai dengan keberaniannya serta kuasa ajaib dalam menentang musuh. Meskipun mempunyai perbezaan, namun nilai yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah dan *ensera Keling* dapat dilihat persamaannya melalui nilai keberanian. Namun perbezaannya adalah *ensera keling,* hanya disampaikan secara umum sahaja tidak diterbitkan khusus serta dalam teks pengajaran pelajar.

Pada waktu yang sama, masyarakat Kadazandusun juga mempunyai cerita rakyatnya tersendiri yang mempunyai nilai-nilai moral. Menurut Juni Dikul dan Rosliah Kiting (2019), nilai yang terdapat dalam buku cerita dengan watak binatang mampu menjadi bahan untuk menerapkan nasihat kepada anak-anak mereka agar menjauhi tingkah laku yang buruk dan menjadikan watak dalam cerita tersebut sebagai tauladan. Tradisi ini sungguh berkesan sehingga wujudnya karya-karya sastera yang memuatkan unsur-unsur pengajaran dan didikkan moral terutamanya kepada kanak-kanak. Tambahan lagi, nilai seperti ini terdapat dalam antologi Anak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laut yang juga merupakan petikan daripada genre prosa klasik yang bertajuk "Cerita Bayan yang tidak menurut kata ibu bapanya". Kajian ini menceritakan kisah seekor anak bayan yang degil serta tidak mahu mendengar nasihat ibu bapanya. Akibat daripada sikapnya, anak bayan tersebut telah ditimpa musibah. Cerita ini dapat menerapkan nilai menghormati serta mendengar nasihat ibu bapa. Dapatan kajian yang dilakukan oleh kedua sarjana ini menunjukkan bahawa sastera cerita rakyat merupakan salah satu cara yang mudah serta bersifat universal untuk memberi pendidikan kepada manusia. Kesusasteraan adalah berkait rapat dengan cerita, manakala manusia pula suka terhadap cerita, maka dengan ini lebih mudah untuk mendidik melalui karya-karya kesusasteraan seperti cerita-cerita rakyat (Juni Dikul dan Rosliah Kiting, 2019).

Merujuk kepada pendapat sarjana-sarjana di atas *ensera* sama seperti *Jerita Tuai*, Hikayat dan cerita rakyat yang lain mempunyai nilai-nilai penting untuk dididik melalui karya-karya yang sedia ada bagi memudahkan guru memberi penerapan kepada pelajar terutamanya dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera.* Walau bagaimanapun perbezaan terhadap *ensera* sebagai cerita rakyat Iban dengan cerita rakyat masyarakat lain ialah cerita ini masih lagi kurang dilakukan oleh para pengkaji terutamanya dari aspek pengajaran, pembelajaran dan penghayatannya. Disini jelaslah bahawa pengkaji amat berminat untuk merungkai pengajaran dan pembelajaran *ensera* sebagai salah satu bahan dalam bidang pendidikan agar pelajar dapat memupuk lagi jati diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1.3 Teori Konstruktivisme

Menurut Syahida Nadia Zakaria (2015, p. 13), pendekatan konstruktivisme dijelaskan dalam kajian beliau bagi menentukan keberkesanan dari segi peningkatan prestasi pelajar. Pendekatan konstruktivisme merupakan proses pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda murid. Pengetahuan dikembangkan secara aktif oleh pelajar itu sendiri dan tidak diterima secara pasif dari pesekitarannya. Hal ini bermakna, pembelajaran merupakan hasil daripada usaha murid itu sendiri dari pengalaman sedia ada mereka dan bukan dipindahkan daripada guru kepada murid. Bagi membantu murid membina konsep atau pengetahuan baru, guru perlu mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka. Apabila maklumat baru telah disesuaikan dan diserap untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan kuat mereka, barulah bentuk baru tentang sesuatu ilmu pengetahuan dapat dibina. Oleh itu, persamaan antara kajian sarjana ini dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah dari segi teori yang digunakan, sebagai panduan teori pembelajaran berkaitan dengan pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan e*nsera* khususnya.

Menurut Y. Subakti (2010), konstruktivisme ialah proses pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam diri manusia. Unsur-unsur konstruktivisme telah lama digunakan dalam proses belajar dan pembelajaran sama ada di sekolah rendah, menengah mahupun institusi pengajian awam. Teori konstruktivisme ialah satu proses belajar mengajar, guru memberi peluang terlebih dahulu kepada pelajar untuk mengulaskan pendapat mereka, setelah itu barulah guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memainkan peranannya dalam menambaik baik idea tersebut. Oleh itu, konstruktivisme adalah satu proses pembelajaran yang berfokuskan kepada pelajar itu sendiri agar pengetahuan baharu dapat diserap dalam membentuk ilmu pengetahuan yang sedia ada.

Menurut Kamarudin Hj. Husin (2010, p. 404), konstruktivisme dapat diselaraskan dengan pendekatan kognitif yang memberi kesan kepentingan dalam semua aspek teori pembelajaran, contohnya cara bagaimana pengetahuan ditanggapi dan dikuasai, jenis pengetahuan, kemahiran dan aktiviti yang ditekankan, peranan pelajar dan guru dan bagaimana matlamat dibina kesemuanya dipersembahkan dalam bentuk yang berbeza-beza dalam perspektif kontruktivisme. Melalui definisi ini, wajarlah pengkaji menggunakan teori konstruktivisme di dalam kajiannya kerana teori ini berkaitan dengan kaedah serta teknik pengajaran guru bahasa Iban dalam mengajar *ensera* dengan menggunakan kaedah mengalami-menghayati khususnya dimana guru mengaplikasikan pelbagai aktiviti seperti teknik bercerita, membaca, dan seumpamanya untuk mengasah pengetahuan sedia ada pelajar. Di samping itu, proses menggunakan teori konstruktivisme ini tidak mementingkan kesalahan pelajar, tetapi sebagai saluran untuk mendapatkan gagasan bagaimana pelajar dapat mengorganisasi dunia pengalaman mereka (Kamarudin Hj. Husin, 2010, p. 405).

Selain itu, di dalam bilik darjah, penggunaan konstruktivis terhadap pembelajaran boleh dianggap sebagai amalan pengajaran yang berbeza-beza seperti koperatif, kolaboratif dan pembelajaran berasaskan inkuiri (Kamarudin Hj. Husin,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2010, p. 448). Hal ini jelas terbukti bahawa pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* dapat dikenal pasti melalui teknik pengajaran dan pembelajaran yang aktif seperti melibatkan pelajar untuk melakukan perbincangan dan bagaimana mereka memahami pembelajaran. Dengan itu peranan guru memastikan pemahaman pelajar akan konsep dan menciptakan aktiviti amat penting bagi memanipulasikannya (Kamarudin Hj. Husin, 2010, p. 449).

2.2.1.4 Teori Moral

Teori ini bermaksud satu konsep yang dirumuskan oleh sesebuah komuniti, sosial atau budaya bagi menentukan kebaikan dan keburukan. Teori ini merupakan satu norma tentang kehidupan yang diberi kedudukan istimewa dalam kegiatan sesebuah komuniti, sosial atau budaya itu sendiri (Mana Sikana, 2014:ms. 45). Norma inilah yang menentukan sesuatu yang dikatakan mulia, dihargai dan mempunyai kedudukan sangat tinggi. Perubahan moral berlaku disebabkan oleh zaman, sosial, kepercayaan, pendidikan, ekonomi dan dimensi-dimensi budaya yang lainnya. Dari segi sastera, seseorang yang membaca sesebuah karya mempunyai naluri keseronokkan berdasarkan penilaian baik buruknya cerita, tinggi rendahnya mutu cerita dan kuat lemahnya kesan cerita. Apabila nilai sesebuah karya itu berdasarkan ceritanya, secara tidak langsung aspek-aspek seperti bahan, logika dan perutusannya menjadi subjek yang turut dikemukakan dalam sesebuah cerita, kemudian dikaitkan dengan isi, tujuan isi atau cara cerita disampaikan. Unsur-unsur ini dikumpulkan dan disebut sebagai moral. Sehubungan itu, teori moral mempunyai satu nilai yang boleh ditakrifkan sebagai satu kepercayaan untuk mendorong pemikiran, tingkah laku dan amalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan norma pada masyarakat. Nilai juga merangkumi kepercayaan dan tingkah laku yang membentuk keperibadian yang teserlah daripada sikap, katakelakuan dan pegangan hidup (Zaitul Azma dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011, p. 8). Oleh itu, pengkaji memilih teori moral dalam kajiannya untuk dijadikan sebagai panduan terhadap nilai moral yang terdapat dalam pengajaran e*nsera* untuk dikuasai oleh pelajar.

Seterusnya menurut Ain Zalkifle (2012), nilai didefinisikan sebagai sesuatu yang dikatakan baik seperti kasih sayang, baik hati, kepuasan hati, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan kesederhanaan. Selain itu, nilai juga merupakan satu garis panduan umum terhadap tingkah laku sebagai contoh memberi satu arah kepada kehidupan seseorang atau anggota sesuatu masyarakat. Nilai turut mempunyai maksud iaitu suatu konsep tersurat atau tersirat bagi individu atau kelompok yang dikehendaki mempengaruhi pemilihan ragam, dan segala tindakan. Contohnya masyarakat Melayu menggunakan pantun untuk menyampaikan nilai dan pengajaran terhadap sesuatu perkara. Hal ini bermakna pantun tersebut membawa maksud yang tersurat dan tersirat supaya individu atau kelompok itu sedar akan kesilapannya (Ain Zelkifle, 2012, p. 14).

Menurut Vishalache Balakrishnan (2009), moral ialah tingkah laku, cara perwatakan dan tingkah laku manusia yang boleh diterima. Moral menekankan aspek-aspek yang menentukan sama ada seseorang individu itu bermoral atau tidak. Sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

contoh, di Malaysia seseorang akan diterima sebagai manusia yang bermoral sekiranya dia mematuhi peraturan dan undang-undang serta norma masyarakat setempat (Vishalache Balakrishnan, 2009, p. 4). Oleh itu, individu yang mempunyai tingkah laku yang tidak baik secara tidak langsung akan dianggap sebagai manusia yang tidak bermoral dan pandangan masyarakat terhadapanya sentiasa salah dalam melakukan sesuatu. Melalui pendapat ini, pengkaji percaya bahawa definisi moral dapat dikaitkan dengan peraturan, ajaran, pegangan dan budaya yang mempunyai nilai sangat tinggi dan penuh makna dalam sesebuah masyarakat yang berfungsi sebagai pedoman hidup. Teori moral dapat membantu pengkaji untuk merungkai lebih dalam lagi tentang nilai-nilai dalam *ensera* agar boleh diserap dalam diri terutamanya golongan pelajar di sekolah untuk dijadikan tauladan di masa akan datang. Dengan itu, guru memainkan peranan yang amat penting dalam mendidik pelajar agar sentiasa menjadi seseorang yang bermoral di dalam kehidupannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut K. Bertens (2003), moral merujuk kepada ciri khas manusia. Ini kerana kebanyakkan perbuatan manusia yang berkaitan dengan keburukan dan kebaikan. Sikap ini juga mencerminkan keperibadian seseorang di dalam kehidupannya mengikut budaya yang diajar daripada kecil sehinggalah dewasa. Di dalam moral, nilai dan norma dijadikan pegangan seseorang atau kumpulan masyarakat dalam mengatur tingkah lakunya (K. Bertens, 2003, p. 4). Jika perbuatan seseorang tidak bermoral maka ia dianggap telah melanggar nilai dan norma yang berlaku dalam masyarakat. Dengan itu sebagai manusia, sikap bermoral amat penting dalam diri individu, bangsa, dan kelompok masyarakat kerana ia menjamin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesejahteraan hidup serta menjalinkan hubungan baik dengan pihak lain terutamanya masyarakat daripada negara luar.

Betitik tolak daripada definisi di atas, jelaslah bahawa moral dipercayai membawa unsur nilai-nilai murni yang memainkan peranan penting dalam diri seseorang. Peranan guru dalam menerapkan moral terhadap pengajarannya boleh membantu untuk meningkatkan lagi akhlak pelajar supaya terus menjadi satu warisan yang mulia bukan sahaja dari segi ilmu pengetahuan malah dari segi rohani dan jasmani mereka. Dalam pengajaran bahasa Iban contohnya, cerita rakyat seperti *ensera* mampu menakluki jiwa pelajar dalam menghayati sesuatu watak, plot, jalan cerita dan sebagainya untuk dijadikan pengajaran dalam hidup serta panduan mereka. Dengan itu, adanya penghayatan dan penikmatan teori moral yang berasaskan nilai-nilai positif, guru bahasa Iban boleh membentuk pelajarnya dengan penuh taat bak kata pepatah Iban "*belaluka pemanah pendiau, bebajuka penemu ke menuku, beseluar ati ti sabar, beketupika ati ti mereti, becheremin ka mata ke ulah ti menyana, bejaku ka penyiru lalu bekerja enggau basa*" (Nalong Buda dan Johnny Chuat, 2007, p. 19) yang bermaksud sebagai seorang penerus generasi tua dan muda, sudah seharusnya sentiasa mencontohi kebaikan, mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, sentiasa bersabar, rajin berusaha dan menghormati masyarakat sekeliling.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1.5 Mengalami-menghayati

Berdasarkan pendapat Goodman (1962), mengalami-menghayati ialah sesuatu pengalaman yang dikaji mengikut tanggapan daripada pembaca itu sendiri. Beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjelaskan setiap individu mempunyai pengalaman tersendiri iaitu hasil daripada himpunan pengalaman yang dilalui dan nilai-nilainya sendiri. Oleh itu, Goodman (1962) menekankan apa yang dialami oleh pembaca dan melihat sejauh mana pula seseorang pembaca itu dapat menghayati penulisan melalui bahasa yang disampaikan. Menurutnya lagi, mengalamai-menghayati menekankan "penikmatan" dimana sesuatu aspek kesusasteraan yang dipelajari itu dapat di rasakan dan dihayati sepenuhnya. Biasanya penghayatan itu bergantung kepada pengalaman-pengalaman pelajar dan pengalaman ini digunakan untuk mendapat sesuatu pengalaman baru. Dari aspek pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan, pelajar-pelajar didedahkan kepada beberapa persoalan di dalam sesuatu aspek yang dikaji dan langkah ini disusuli dengan aktiviti mentafsir persoalan-persoalan itu sehingga dapat merasakan jalan cerita yang terdapat pada bahan bacaan mereka (Kamarudin Hj Hussin, 1988, p. 234). Dengan ini, penerapan mengalami-menghayati ialah satu model amalan terbaik dalam konteks pengajaran *ensera.* Hal ini demikian kerana guru dan pelajar dapat berkongsi pengalaman lalu untuk mendapatkan emosi dan pengalaman berdasarkan karya melalui penikmatan dan penghayatan yang dititiberatkan di dalam pengajaran sastera terutamanya pengajaran *ensera.*

Selain itu, mengalami-menghayati ialah satu kaedah yang menekankan "kenikmatan" kerana sesuatu aspek komponen sastera yang dipelajari itu dapat dijadikan satu komponen yang dapat dirasakan sepenuhnya oleh pembaca (Zulfadhli Ahmad, 2015). Tambahan lagi, penghayatan yang dialami oleh pembaca ialah berdasarkan pengalaman individu dan pengalaman tersebut digunakan untuk memperoleh sesuatu pengalaman baharu. Ini bermakna pelajar didedahkan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti seperti menggunakan pemikiran secara kritis untuk melahirkan imaginasi mereka terhadap sesuatu pengajaran sastera seperti cerpen atau komponen sastera yang lainnya. Dalam pengajaran *ensera*, kaedah ini amat sesuai digunakan di dalam kelas kerana ia membabitkan pelbagai nilai-nilai moral seperti nilai kemanusian, kemasyarakatan, sosial dan sifat-sifat kepewiraan dan sebagainya yang perlu diserap dalam diri pelajar jika guru berjaya menerapkan penghayatan tersebut. Dengan itu, guru bahasa Iban khususnya perlu menarik perhatian dan minat pelajar ke arah jalan cerita yang disertai melalui perbincangan untuk menyelesaikan masalah yang dijadikan sebagai fokus utama dalam pengajaran.

2.2.1.6 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Guru memainkan peranan penting dalam menghasilkan PdPc sewaktu berada di dalam kelas. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pelajar mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih seronok terutamanya dalam komponen pengajaran sastera terutamanya pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Dunia pendidikan masa kini menuntut tenaga pengajar agar lebih kreatif dan kritis dalam mengendalikan pengajaran mereka melalui pelbagai pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang profesional. Dalam melaksanakan proses PdPc guru memberi impak besar dalam menggerakkannya sama ada aktiviti di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Guru perlu bijak mengatur strategi mengikut keperluan individu atau berkumpulan. Menurut Zamri Mahamod dan Jamilah Hassan (2018, p. 42), guru juga perlu memulakan inovasi yang baharu dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini dan tidak berpegang kepada peranan guru yang terdahulu iaitu sebagai penyampai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan, gurulah yang banyak bercakap dan menyoal, tetapi kini peranan guru lebih penting sebagai pemudahcara dalam proses PdPc contohnya guru perlu lebih sedia dan peka mewujudkan dan menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan berkesan. Dengan ini guru sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar subjek yang diajar lebih menarik minat pelajar.

Berdasarkan pendapat tersebut, sudah seharusnya guru bahasa Iban meningkatkan pengetahuan serta kemahiran mereka dalam mengajar e*nsera.* Hal ini demikian kerana murid akan berasa lebih seronok belajar e*nsera* dan dapat menjiwai setiap jalan cerita yang disampaikan. Melalui adanya proses Pdpc ini juga, guru bahasa Iban dapat mewujudkan pelbagai kemahiran, pengetahuan serta sikap yang profesional dalam diri sebagai pendidik. Dengan itu, guru bahasa Iban tidak lagi mengajar berpusatkan guru sahaja di dalam kelas tetapi turut melibatkan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang dilaksanakan. Kesannya pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera* menjadi lebih menarik dan dapat melahirkan idea baharu untuk dikongsikan antara satu sama lain.

Selain itu, amalan terbaik dalam PdPc pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* dapat dikaitkan dengan penggunaan mengalami-menghayati. Kaedah ini ialah salah satu model amalan terbaik yang amat ditegaskan dan disarankan kepada guru dan pelajar dalam konteks e*nsera.* Dengan adanya "penghayatan" dan "penikmatan", proses PdPc ini dapat dilaksanakan dengan jayanya kerana pelajar berimaginasi dengan meletakkan situasi mereka dalam e*nsera* dan mereka merasakan di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keadaan sebenar untuk menyelesaikan masalah ataupun perbincangan yang diajar. Proses ini juga membantu pelajar untuk meningkatkan lagi daya pemikiran mereka untuk terus memberi idea melalui pengalaman baharu terhadap pengajaran *ensera.*

2.2.2 Kajian Luar Negara

Berikut merupakan kajian luar negara yang dijadikan sebagai panduan oleh pengkaji berdasarkan kajian yang berkaitan:

2.2.2.1 Sistem pendidikan barat

Menurut Leanne Hinton (2011), masyarakat pribumi dan minoriti di seluruh dunia berusaha untuk memperoleh semula pengetahuan dan penggunaan bahasa. Hal ini berpunca daripada kepupusan memartabatkan bahasa dalam bidang pendidikan. Terdapat banyak peluang untuk memulihkan bahasa dalam bidang pendidikan dan ia bergantung pada bilangan masyarakat yang berbilang kaum untuk mempertahankan bahasa mereka di sekolah rendah seperti bahasa Hawaiian, Ojibwe, dan Mohawk ditindas dari segi pembinaan bahasa namun ia berjaya di laksanakan kerana sistem pendidikan berusaha untuk mempertahankan bahasa tersebut dengan melaksanakan program baharu dalam pengajaran menggunakan strategi pemikiran aras tinggi.

Di samping itu, menurut Alexander Cuenca (2010) memetik pendapat daripada Loughran (2008), pendidikan guru mentakrifkan pedagogi sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan mengajar dan bagaimana untuk mempengaruhi pelajar-pelajar melalui pengalaman serta pandangan mereka tentang isi pelajaran mengikut strategi yang dilaksanakan oleh guru itu. Menurut pendapatnya lagi pedagogi dalam pendidikan bukan sahaja memberi tumpuan kepada dimensi pedagogi yang dapat dilihat, tetapi mendalami secara jelas terhadap perubahan pedagogi dalam pendidikan guru dari masa ke semasa agar guru dapat mempertingkatkan lagi cara dalam pengetahuan pedagoginya.

Gary D.Borich berpendapat (2007, p. 13) guru yang efektif perlu menjadi *role-model* kepada pelajar. Ini bermaksud guru memainkan peranan penting sebagai seseorang yang dapat memahami pelajarnya untuk memudahkan guru menguruskan pengajaran di dalam kelas. Kaedah dan teknik soal jawab merupakan satu cara pengajaran berkesan supaya mewujudkan hubungan dua hala antara guru dan pelajar. Gary D.Borich turut menyatakan bahawa komunikasi dengan pelajar harus menggunakan bahasa yang betul terutamanya dalam bidang sastera. Jika dibandingkan, pendapat Gary D.Borich lebih menjurus kepada kaedah tradisional. Persamaan yang terdapat dalam kajian beliau ialah mengenai kaedah yang digunakan oleh setiap guru dalam pengajaran dan pembelajaran namun begitu beliau tidak menyatakan penghayatan dan penikmatan dalam pengajaran sastera. Setiap guru mempunyai cara pengajaran yang berbeza terutamanya pengajaran sastera. Tidak dinafikan lagi bahawa pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* perlu ditingkatkan dengan pelbagai cara untuk menarik minat pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu masih ada lagi pendapat dari luar negara seperti Ellie Chambers dan Marshall Gregory (2006, p. 25), mengenai kaedah dan teknik dalam pengajaran sastera. Pengajaran sastera perlu diaplikasikan dengan pelbagai cara mengikut kreativiti guru itu sendiri. Guru harus sedar akan perbezaan kekuatan pada diri pelajar dalam menguasai sesuatu. Pedagogi dalam sastera perlu diambil kira pada seorang guru yang mengajar supaya ilmu yang disampaikan berkesan pada diri murid. Kaedah dan teknik seperti membaca teks, tugasan kumpulan mampu meningkatkan minat pelajar dalam sastera (Ellie Chambers dan Marshall Gregory, 2006, p. 14). Oleh itu, bimbingan pedagogi sastera ditekankan oleh kedua pendapat tersebut dalam penulisan mereka. Kajian kedua sarjana ini hampir sama dengan kajian yang ingin dibuat oleh pengkaji meskipun tidak menekankan model mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa iban menggunakan *ensera* tetapi menerangkan bagaimana kaedah dan teknik pengajaran sastera di aplikasi di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Amanda Naylor dan Audrey B. Wood (2012, p. 10) berpendapat bahawa mengajar sastera kepada pelajar bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan kerana guru perlu mempunyai pengetahuan sedia ada serta kreativiti mempengaruhi pelajarnya agar tidak hilang tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan. Jika dilihat daripada aspek yang dibincangkan oleh kedua sarjana ini mengenai puisi atau sastera yang diajar oleh guru Bahasa Inggeris telah memberi idea daripada luar kotak pemikiran amat penting yang perlu dilakukan di dalam kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mengasah lagi idea pemikiran pelajar supaya mereka berfikir secara kritis untuk mengabungkan idea dalam teks sastera yang sedia ada dan melahirkan pemikiran baharu. Tidak dinafikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lagi bahawa pernyataan ini memberi panduan yang jelas kepada kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji untuk melihat model yang perlu ada dalam pengajaran sastera yang berkaitan dengan penggunaan mengalami-menghayati dalam pengajaran *ensera.*

Selain itu, kepelbagaian etnik dan budaya tidak dikecualikan dalam dunia pendidikan negara barat. Menurut Tom F.H. Smits dan Paul Janssenswille (2019), penglibatan pendidikan secara keseluruhan di Flanders, iaitu wilayah persekutuan terbesar dan majoritinya adalah penduduk di Belgium dan pelajar yang mempunyai latar belakang daripada negara lain (pendatang) tidak dikecualikan dalam bidang pendidikan dan pelajar tersebut mempunyai latar belakang yang baik semasa berada di peringkat rendah mahupun menengah dalam menuntut ilmu. Terdapat beberapa masalah yang menjadi halangan di sekolah tersebut tetapi guru dapat mengatasinya dengan budaya mereka sendiri. Pada umumnya guru mempunyai masalah dengan pelajar etnik lain. Mereka sukar untuk mendekatkan diri mereka dengan pelajar tersebut. Sebaliknya pelajar dari negara Flanders dan pelajar etnik lain (bukan berasal daripada Flanders) dapat berkomunikasi dengan baik kerana mereka mempunyai peluang dalam bekerjasama melaksanakan tugas yang diberikan di dalam kelas dan sikap suka mengenali satu sama lain diterapkan dalam diri mereka. Untuk mengatasi masalah guru-guru di luar negara ini, Tom F.H. Smits dan Paul Janssenswille (2019) berpendapat bahawa pedagogi guru dalam sistem pendidikan barat perlu dipertingkatkan lagi dari aspek bahasa, pendekatan yang digunakan beraras tinggi tetapi memudahkan pelajar etnik lain memahami pengajaran tersebut, mempelbagai cara pengajaran dan membuang rasa “pilih kasih” di antara pelajar Flanders dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar etnik lain. Di samping itu, sikap dan pendekatan kepada kepelbagaian etnik dalam bilik darjah harus menekankan pendekatan yang sesuai seperti pendekatan pengajaran dan tatabahasa yang betul. Secara relevan untuk mengintegrasikan konteks kesusasteraan tematik dalam pendidikan negara barat mengenai kepelbagaian pengajaran guru dalam bidang pendidikan teori amat ditekankan dalam bilik darjah agar strategi pengajaran dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Kepelbagaian dikaitkan dengan tiga domain iaitu latar belakang etnik, jantina dan kelas sosial. Dalam pedagogi dan pendidikan, konsep kepelbagaian biasanya berorientasikan kepada pelbagai sosiologi supaya pelajar faham tentang budaya dan etnik lain. Dengan itu pelajar saling dapat berkongsi pengetahuan mengenai budaya dan etnik yang ada pada diri mereka dan memudahkan guru-guru dalam menerapkan dunia sastera pada para pelajarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pendapat ini, jelaslah bahawa negara barat juga mempunyai pandangan dalam pengajaran sastera dengan cara yang pelbagai, meskipun pada mulanya masalah guru menjadi punca utama di dalam pengajaran mereka tetapi pelajar masih lagi dapat mempertimbangkan pelbagai budaya dan etnik di dalam pembelajaran kerana rasa ingin tahu mengenai sesuatu sosiologi yang telah dinyatakan. Oleh itu saranan daripada Tom F.H. Smits dan Paul Janssenswille (2019) dapat dijadikan sebagai panduan kepada tenaga pengajar bahasa Iban khususnya untuk mempelbagai kaum yang terdapat di sekolah untuk mempelajari bahasa Iban satu hari nanti. Peluang ini memberi impak kepada masyarakat lain untuk mendalami budaya masyarakat Iban sekaligus dapat berkongsi dengan etnik lain tentang budaya mereka dalam bidang pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Jie-Sheng Jan dan Arlett Lomeli (2019), pembaharuan dasar bahasa pada tahun 1990-an telah memberi peluang kepada penggunaan bahasa etnik di sekolah dan institusi pengajian. Bahasa etnik seperti Minnan, Hakka, dan bahasa-bahasa Austronesia yang sebelum ini pernah ditindas oleh bahasa-bahasa umum seperti bahasa Mandarin. Hal ini demikian kerana bahasa Mandarin telah wujud dalam bidang pendidikan dan bahasa seharian dalam kehidupan masyarakat awam dan masyarakat yang menggunakan bahasa Mandarin tersebut merasakan bahasa Minnan, Hakka, dan bahasa-bahasa Austronesia tidak layak berada dalam dunia pendidikan. Namun begitu, sejak tahun 2001, sekolah rendah di seluruh Taiwan mula menawarkan kurikulum bahasa tradisional sebagai cara untuk memelihara dan mengekalkan bahasa etnik (Jie-Sheng Jan dan Arlett Lomeli, 2019) dan pelaksanaanya dalam bidang pendidikan terus berkembang selama empat puluh tahun sementara bahasa etnik lain tidak mendapat sambutan yang tinggi pada ketika itu. Mereka menjelaskan lagi bahawa pelaksanaan struktur membantu memperkuat nilai penggunaan bahasa Mandarin perlu dikekalkan. Hal ini demikian kerana bahasa Mandarin akan pupus di kalangan generasi baru sekiranya bahasa ini tidak diperkukuhkan. Dengan itu, usaha pemulihan sesebuah organisasi struktur dan kebudayaan perlu diambil perhatian untuk memudahcarakan nilai multi-bahasa dalam kalangan pengajar di sekolah mahupun para ilmuwan dalam bidang bahasa, budaya dan sastera (Jie-Sheng Jan dan Arlett Lomeli, 2019).

Sama seperti penggunaan bahasa Iban dalam mengajar sastera iaitu pengajaran e*nsera,* guru mempunyai cabaran dalam pengetahuan serta strategi memperkukuhkan bahasa Iban. Bagi mengelakkan berlakunya bahasa Iban ditelan zaman, tenaga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajar perlu meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dengan pelbagai cara yang disarankan selaras kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengikut falsafah yang diinginkan. Di samping itu, pelajar yang mengambil bahasa Iban ditegaskan untuk menguasai mata pelajaran itu supaya menjadi penyalur ilmu kepada generasi yang akan datang agar bahasa Iban terus berkembang dalam dunia pendidikan dari aspek pemahaman, pengetahuan dan nilai di dalam budaya masyarakat Iban.

Manakala menurut M. Gregerson, P. Mackenzie I. Murphy et al (2009), sesetengah negara di dunia kontemporari kini menggunakan bahasa minoriti (bahasa etnik) di sekolah. Bahasa tersebut berasal daripada kampung mereka sendiri dan kawasan luar bandar turut terlibat dalam menuturkan bahasa itu. Hal ini berlaku demikian kerana ibu bapa yang telah menghantar anak-anak mereka sekolah berasrama penuh dengan pelbagai bangsa menyebabkan bahasa yang digunakan bercampur. Namun begitu bahasa etnik yang aplikasikan di rumah masih lagi menjadi salah satu bahasa sebagai peruturan semasa berada di kawasan sekolah. Secara langsung aktiviti sosial seperti ini dapat direka bentuk untuk memperkembangkan penggunaan bahasa ibunda mereka dalam pendidikan namun tidak membelakangi bahasa kebangsaan yang telah menjadi bahasa harian dalam berinteraksi dengan masyarakat lain. Menurut mereka lagi, terdapat satu masalah di negara Amerika pada abad yang lalu, dimana seorang pelajar yang berasal daripada Amerika telah dihantar untuk melanjutkan pengajiannya di sekolah berasrama penuh tidak digalakkan untuk berinteraksi dengan bahasanya. Namun begitu, dasar tersebut telah digubal semula di sekolah Amerika Syarikat dan kini pelajar bebas untuk menguasai bahasa ibunda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka sendiri bahkan bahasa itu telah diaplikasikan dalam bidang pendidikan. Seperti bahasa ibunda di Malaysia, bahasa Melayu adalah bahasa utama di dalam dunia pendidikan , begitu juga bahasa Iban. Oleh itu pengajaran bahasa Iban memerlukan tenaga pengajar yang kreatif dan inovatif dalam memperkembangkan bahasa tersebut agar ianya terus menjadi bahasa dalam pengajaran akademik. Dengan kandungan pedagogi yang kuat guru bahasa Iban tidak mempunyai masalah dalam pengajaran mereka khususnya dalam mengajar sastera Iban iaitu *ensera.* Bertitik tolak daripada pendapat sarjana-sarjana tersebut, aktiviti sosial seperti di kampung mahupun di luar bandar perlu diterapkan dalam masyarakat Iban kerana bahasa Iban mempunyai aliran yang pelbagai mengikut kawasan kediaman mereka. Hal ini juga amat penting bagi masyarakat Iban agar saling berkongsi ilmu melalui pengetahuan sedia ada dalam budaya mereka sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat satu lagi pendapat mengenai istilah kesusasteraan lisan yang disebut sebagai cerita rakyat, kesusasteraan rakyat, naratif lisan, tradisi lisan, dan kesusasteraan tradisional (Godwin Emezue, 2018). Dahulunya sastera bergantung kepada pemikiran penulis mengikut cerita yang berasaskan kehidupan masyarakat ataupun melalui pengalaman mereka sendiri. Bertitik tolak daripada itu, sastera digunakan secara lisan dan dikaitkan dengan kehidupan manusia. Namun begitu, pandangan tersebut ditentang oleh para sastera lain kerana bagi mereka sastera bukanlah semata-mata dicipta secara lisan sahaja tetapi perlu adanya penulisan kerana untuk memudahkan individu membaca dan mendalami cerita tersebut. Ini juga dikatakan keistimewaan yang perlu ada di dalam cerita rakyat dalam pelbagai budaya (Godwin Emezue, 2018). Dengan menggunakan pelbagai kreativiti di dalam sastera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maka ia menjadi semakin menarik perhatian pembaca. Tegasnya lagi, hampir kesemua sastera budaya di dunia menggunakan sistem lisan untuk menyampaikan budaya mereka. Oleh itu budaya lisan ini tidak boleh dipisahkan melalui bahasa kerana bahasa yang mencerminkan kebudayaan sesebuah masyarakat itu.

Berdasarkan pendapat-pendapat sarjana barat terhadap sistem pendidikan terutamanya dalam pelbagai bidang pengajaran termasuklah sastera di barat mementingkan penggunaan bahasa etnik dalam aspek pengajaran di sekolah berbentuk lisan. Ini membolehkan pengkaji untuk mendapatkan idea baharu bagaimana penggunaan bahasa etnik dalam menerapkan pengajaran sastera di kalangan pelajar melalui pelbagai cara seperti penceritaan, penulisan, *oral* dan sebagainya yang disarankan oleh pengkaji barat. Namun begitu, masih lagi terdapat kelompangan yang ada di dalam kajian luar negara dan kajian pengkaji iaitu dari aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa etnik dan sastera budaya seperti pengkaji barat lebih mengutamakan penglibatan pelajar dan pelajar lain untuk belajar bahasa etnik tanpa mengira latar belakang (semua pelajar bebas untuk mempelajari bahasa etnik yang ada) tetapi kajian pengkaji lebih menjurus kepada pelajar yang berbangsa Iban untuk mendalami bahasa tersebut dan dari aspek sastera pengkaji barat menitikberatkan secara lisan dalam pengajaran kerana ia mencerminkan budaya sesebuah masyarakat tetapi pengkaji memfokuskan aktiviti bersama guru dan pelajar untuk menguasai bidang sastera budaya Iban.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2.2 Cerita rakyat

Pendapat Clifford Sather (2016) terhadap *ensera* masyarakat Iban, menceritakan epik seorang *Bujang Sugi* (makhluk ghaib seperti dewa yang mempunyai kuasa luar biasa), yang menetap di *Panggau Libau* bersama rakyat panggau dengan adanya aktiviti seperti upacara tradisi yang dilakukan. Ritual tersebut diketuai oleh orang *panggau* sebagai pengganti dewa-dewa sambil membaca mantera untuk memberi kesembuhan. Upacara yang dilakukan ketika itu ialah mengubat orang sakit. *Bujang Sugi* sebenarnya seorang lelaki muda yang menyamar sebagai orang asing dan tidak mempunyai nama. Kedatangan *Bujang Sugi* ketika itu untuk mengubat pelbagai penyakit yang pada rakyat di *panggau libau.* Watak *Bujang Sugi* sebenarnya ialah *Keling*, manakala *Sedinang* dalam epik ini ialah *Kumang* isteri beliau. Kuasa yang dimiliki oleh *Bujang Sugi* amat luar biasa dengan kebolehannya membantu mengubat banyak penyakit sehingga membuat rakyat *panggau* berasa kagum dengan kehebatannya. *Ensera* (epik) *Bujang Sugi* telah memberi nilai kemanusiaan yang dihayati oleh masyarakat Iban suatu ketika dahulu. Cerita ini sering dijadikan sebagai hiburan di rumah panjang dan mengambil masa agak lama untuk menghabiskan babak tersebut. Biasanya *ensera* ini disampaikan selama empat atau lima malam berturut-turut (Clifford Sather, 2016, p. 253). Jelaslah bahawa kajian yang dilakukan oleh Clifford Sather (2016) menceritakan salah satu daripada *ensera* yang menjadi hiburan kepada masyrakat Iban di rumah panjang. Oleh itu, kajian ini dapat membantu pengkaji untuk melihat jenis-jenis *ensera* yang sedia ada serta nilai-nilai moral dalam cerita e*nsera* rakyat Iban.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Edwin Creely (2018), kebanyakan pelajar menulis sebuah cerita melalui inspirasinya tersendiri, misalnya dari pengalaman peribadi mereka. Nilai yang dapat dikenal pasti dalam penulisan pelajar iaitu kebahagian. Penerapan nilai ini terdapat pada diri pelajar secara natural kerana mereka pernah melalui perjalanan hidup yang hampir sama. Tambahan, dalam pengajaran komsas atau puisi pada pelajar, pemahaman mereka bergantung kepada kreativiti bahan pengajaran yang digunakan oleh seseorang guru itu, contohnya pengajaran puisi mempunyai nilai yang sangat tinggi kerana ia mengaitkan emosi seseorang dalam menjiwai jalan cerita tersebut. Edwin Creely (2018) telah menulis satu puisi yang menerapkan emosi pelajar iaitu puisi bertajuk " Gallipoli". Kisah ini menceritakan kedatangan seorang lelaki yang tidak berdosa dan akhirnya meninggal dunia. Merujuk kepada puisi yang ditulis oleh Edwin Creely (2018), nilai yang boleh ditakrifkan dalam jalan cerita seorang lelaki yang tidak berdosa ialah nilai kemanusiaan. Hal ini demikian kerana sebagai sesama manusia kita seharusnya berdamai dan hidup secara harmoni dalam sesebuah masyarakat. Bertitik tolak daripada hal ini Edwin Creely (2018) dapat mempengaruhi emosi pelajar melalui penghayatan terhadap jalan cerita dan nilai yang ada di dalam puisi tersebut. Pengajaran dalam sastera "Gallipoli" bukan sahaja menerangkan nilai kemanusiaan, tetapi memfokuskan terhadap aspek pengajaran melalui jalan cerita yang dapat diterapkan melalui penghayatan pembacaan yang boleh dirasai dan dikuasai pada para pembaca menggunakan daya fokus ketika mengkaji teks "Gallipoli" (Edwin Creely, 2018).

Bertitik tolak daripada itu, pendapat-pendapat sarjana barat mengenai nilai-nilai moral dalam cerita rakyat masih lagi dapat dikenal pasti melalui tingkah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia. Oleh itu, panduan ini merupakan satu lagi landasan kepada pengkaji untuk mendalami nilai-nilai moral yang terdapat dalam sastera untuk meninjau sejauh mana penerapan nilai moral dalam pengajaran *ensera* kepada pelajar bahasa Iban khususnya. Walau bagaimanapun, *ensera* yang diajar oleh guru bahasa Iban mempunyai nilai-nilainya tersendiri mengikut jalan cerita di akhir pengajaran dan pembelajaran.

2.3 Literatur Kajian

Literatur kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran dapat membantu pengkaji untuk membuat perbandingan di antara kelebihan serta kekurangan dalam kajiannya. Meskipun kajian lepas tidak banyak daripada sarjana bahasa Iban tetapi pengkaji melihat dari aspek bahasa lain seperti sastera melayu dan seumpamanya. Pengkajian ini ialah satu cabaran untuk merungkai dan membongkar aspek penggunaan mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* sebagai model pengajaran. Walau bagaimanapun, aspek pengajaran sastera masih lagi perlu dipertingkatkan oleh seorang guru bahasa Iban untuk mencapai objektif pengajarannya.

2.3.1 Kajian tempatan

Berikut merupakan kajian tempatan yang dilaksanakan oleh beberapa sarjana yang dijadikan sebagai landasan kepada pengkaji dalam aspek:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1.1 Sistem pengajaran bahasa etnik

Menurut Su-Hie Tinga dan Teck-Yee Ling (2012), antara bahasa etnik kumpulan pribumi Sarawak ialah masyarakat Iban. Hal ini disebabkan oleh masyarakat Iban merupakan kaum majoriti yang mempunyai pertuturan melalui tahap kedudukan yang tertinggi semasa berada di luar kawasan. Bahasa Iban dipelajari oleh beberapa ahli kumpulan etnik lain disebabkan oleh hubungan sosial dan perniagaan. Meskipun tiada jumlah yang dapat dikenal pasti menjelaskan bahawa seberapa banyak kumpulan etnik lain yang boleh berututur dalam bahasa Iban sebagai bahasa kedua atau bahasa tambahan, masyarakat di Sarawak telah menyifatkan Iban sebagai bahasa yang sangat penting di Kepulauan Melayu. Bahasa Iban telah mendapat sokongan melalui siaran harian di sistem Radio. Sejak kebelakangan ini, bahasa Iban turut menyerlah di siaran Televisyen Malaysia dan melalui rancangan khas dalam keratan akhbar seperti Utusan Malaysia. Impaknya, bahasa Iban semakin terkenal dan turut diajar di sekolah-sekolah Sarawak dan Institusi awam (Su-Hie Tinga dan Teck-Yee Ling, 2012). Dari tahun 1968, beberapa buah sekolah rendah menawarkan pengajaran bahasa Iban, manakala pada tahun 1988 pengajaran bahasa tersebut terus berkembang di sekolah-sekolah menengah. Menurutnya lagi, statistik dari Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak menunjukkan bahawa Iban diajar sebagai mata pelajaran bahasa pada 367 buah sekolah rendah dan 55 sekolah menengah di seluruh Sarawak, khususnya di Bahagian Sri Aman, Sibu, Sarikei dan Kapit dan tempat dimana majoritinya terdapat penduduk masyarakat Iban (Su-Hie Tinga dan Teck-Yee Ling, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun usaha daripada kerajaan di negeri Sarawak untuk memberi peluang terhadap bahasa etnik lain seperti bahasa Bidayuh sedang menjalani pertimbangan dalam sistem pendidikan. Bahasa etnik lazimnya dituturkan dalam ahli keluarga itu sendiri sebagai bahasa komunikasi semasa berada di rumah dan penguasaan terhadap agama yang dianuti sejak kecil lagi. Walau bagaimanapun, terdapat warisan turun temurun dalam penggunaan bahasa etnik dari datuk dan nenek moyang mereka dan generasi ibu bapa kepada generasi sendiri. Bagi aspek pergaulan dengan orang awam, terutamanya aspek persahabatan dan dengan orang luar, pentingnya bahasa formal iaitu Bahasa Malaysia dijadikan sebagai bahasa pertama untuk diaplikasikan agar komunikasi dapat di dengar dan difahami secara jelas di antara individu yang mempunyai pelbagai latar belakang. Dalam bidang pendidikan dan media massa, Bahasa Malaysia adalah bahasa utama yang digunakan kerana ia adalah bahasa wajib dalam sistem pengajaran di sekolah. Dengan itu, pelajar akan mejadi lebih akrab di antara satu sama lain (Su-Hie Tinga dan Teck-Yee Ling, 2012).

Tegasnya lagi, perbandingan penggunaan bahasa di seluruh kumpulan masyarakat pribumi mendedahkannya bahasa Iban, Kelabit, Penan, Saban dan Murut mempunyai tahap kelestarian yang lebih tinggi kerana penggunaan bahasa etnik ini melebihi penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan harian golongan muda. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu masih lagi digunakan sepenuhnya dalam pertuturan seharian bagi masyarakat Bidayuh, Kayan dan Kenyah, sehingga menyebabkan bahasa etnik mereka sendiri kurang digunakan dalam kehidupan mereka. Di samping itu, kumpulan etnik Melanau berada dalam era menuju ke arah yang lebih menonjol bagi masyarakat Melayu. Oleh itu, merujuk kepada kajiannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menunjukkan bahawa kumpulan etnik, kawasan etnik dan status sosioekonomi terhadap peranan kedua ibu bapa adalah sesuatu yang dianggap sangat penting dalam penggunaan bahasa etnik secara berterusan untuk kumpulan masyarakat terutamanya pada generasi muda agar bahasa mereka sendiri tidak ditelan zaman.

Lain daripada itu bagi memahami perkembangan bahasa Malaysia, khususnya bahasa kebangsaan, beberapa isu latar belakang perlu dijelaskan. Istilah, Bangsa Malaysia yang dicipta oleh Tun Dr. Mahathir, digunakan untuk menekankan identiti sebuah negara Malaysia bersatu yang tidak membezakan kaum dan agama. Ia dianggap sebagai seseorang yang dapat mengenal pasti diri mereka dengan negara, dan boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan menerima Perlembagaan atau *people being able to identify themselves with the country, speaking Bahasa Malaysia and accepting the Constitution* (Tun Dr. Mahathir, dipetik di Asiaweek 2000) dan diulas oleh Hoo Soo Ying, Chan Swee Heng dan Ain Nadzimah Abdullah (2015). Bagi mendalami konsep "Bangsa Malaysia" masyarakat perlu mempunyai kesedaran menjadi seorang rakyat Malaysia dengan memperkukuhkan bahasa tersebut sebagai penggunaan bahasa kebangsaan. Pendapat Liu, Lawrence dan Ward (2002), yang dipetik oleh Hoo Soo Ying, Chan Swee Heng dan Ain Nadzimah Abdullah (2015) dalam membandingkan identiti rakyat Singapura dan rakyat Malaysia, mendapati rakyat Malaysia mempunyai identiti etnik yang lebih ramai dan pelbagai kaum daripada rakyat Singapura. Mereka menjelaskan bahawa warga Singapura cenderung untuk mengenal pasti diri mereka dari segi kewarganegaraan, manakala rakyat Malaysia akan mengenal pasti diri mereka mengikut etnik. Walaupun begitu menerusi kepelbagaian etnik di kalangan rakyat Malaysia membimbangkan kerana ia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditafsirkan sebagai penyebab perpecahan kaum dan memerlukan orientasi bersepadu. Hal ini tercetus apabila masyarakat berbilang kaum tidak mengamalkan perpaduan dan perlu diatasi dengan pelbagai cara. Oleh itu, bahasa Malaysia perlu dipertahankan bagi mengenal identiti sesebuah kewarganegaraan, sama seperti penguasaan bahasa Iban yang perlu dikekalkan agar identiti asal dapat dikenalpasti oleh masyarakat lain.

Pemahaman tentang bahasa sahaja tidak mencukupi untuk mengasah ilmu pengetahuan pelajar. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Nadzeri Hassan (2015, p. 35), melalui pemilihan aktiviti pengajaran yang sesuai dan kreatif, dapat membantu meransang kebolehan murid untuk melihat sesuatu tugasan dari perspektif yang baharu dengan menyelesaikan tugasan yang diberi lebih pantas melalui perbincangan. Tambahan lagi, kemahiran mengajar perlu dipratikkan oleh seseorang guru dengan kepelbagaian aktiviti seperti set induksi yang dirancang dengan menarik atau kemahiran ICT yang dimiliki pada ilmu seseorang pengajar untuk digunakan sebaik mungkin agar pengajaran yang dilaksanakan dapat menarik perhatian murid-murid di dalam kelas. Pendapat Nadzeri Hassan (2015) mempunyai kelebihan kerana beliau menegaskan kepelbagaian dalam proses pengajaran, malah beliau menyarankan bahawa kemahiran ICT perlu wujud dalam diri seorang pendidik agar pengajaran-pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Walau bagaimanapun, pendapat ini perlu dipertingkatkan lagi dengan pelbagai cara lain kerana tidak semua guru boleh menggunakan kemahiran ICT yang sedia ada. Melihat pada kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti kelompangan yang ada di dalam kajiannya. Ini dapat memberi idea baharu kepada pengkaji dalam menerapkan penggunaan ICT untuk mengajar *ensera* melalui model yangh disarankan di dalam kajian ini untuk mempertingkatkan lagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gaya pengajaran guru dan pembelajaran pelajar supaya lebih berkesan menghayati *ensera.*

Nor Fadilah Binti Nadzri (2017, p. 28) memetik pendapat daripada Shulman (1987) tentang penyediaan perancangan bahawa pengetahuan pedagogi yang dimiliki guru dapat memperkasa pengajaran untuk disampaikan secara berkesan. Kajiannya menerangkan tentang kewujudan pengetahuan yang tersenarai memberi kelebihan kepada setiap guru untuk menghasilkan perancangan yang lebih berkualiti dengan mempratikkan strategi pendekatan, kaedah dan teknik dalam umur dan aras prestasi pelajar. Meskipun ini menyentuh strategi pendekatan, kaedah dan teknik namun beliau tidak menjelaskan contoh-contoh kaedah dan teknik pengajaran terutamanya dalam pengajaran sastera. Beliau memfokuskan pengetahuan pedagogi yang perlu ada pada guru agar pengajaran menjadi lebih berkesan. Huraian yang ditegaskan oleh pengkaji ini ialah pengetahuan guru mestilah penuh dengan ilmu pedagogi agar dapat ditakrifkan sebagai guru cemerlang.

Dapatan kajian Zurainu Mat Jasin (2012) mengulas pendapat daripada Fahriye, Zehra dan Aytekin (2008), teknik pengajaran menggunakan pembelajaran menggunakan model berpusatkan kepada murid perlu dipratikkan di dalam bilik darjah. Murid dapat mengorganisasi maklumat dan melakarkan peta konsep mengikut pemahaman konsep masing-masing. Tambahnya, menurut Fahriye, Zehra dan Aytekin (2008), penggunaan teori konstruktivisme dalam pengajaran guru dan pembelajaran murid dapat mengaplikasikan pelbagai aktiviti seperti portfolio, kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan dan sebagainya. Beliau turut mengulas pendapat daripada kajian yang dilakukan oleh Affendi dan Mohamed Amin (2010), yang menggunakan konstruktivisme dalam merangka kemudahan belajar secara atas talian, mendapati bahawa guru lebih mudah memberi maklum balas sekiranya murid didedahkan dengan kaedah pembelajaran konstruktivisme kerana murid dapat membuat pencarian sendiri mengikut kehendak dan kesediaan secara fleksibel. Manakala pendapat Nor Hadibah Hushaini (2016), pelbagai model yang boleh digunakan oleh guru-guru sebagai panduan dalam pengajaran di bilik darjah yang disebut sebagai amalan terbaik pengajaran. Contohnya, model awal tentang amalan baik pengajaran guru yang berkesan. Ini amat penting dijalankan untuk penyampaian ilmu kepada pelajar. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya kajian Shashipriya Nadaraja (2014) cara kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam teknik pengajaran mampu memotivasikan para pelajarnya untuk membaca bahan dengan lebih baik. Bahan yang dibaca akan menyalurkan pemikiran positif, kreatif dan kritis dalam proses pendidikan seumur hidup. Keadaan ini akan memupuk perkembangan daya cipta atau imaginasi pelajar dalam proses pembelajaran secara berterusan. Apabila pelajar membaca novel, cerpen, drama dan prosa tradisional, mereka akan cuba untuk mencari mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Secara tidak langsung, pelajar dapat berfikir untuk mengenal pasti mesej tersebut. Ini bermakna penggunaan penghayatan semasa membaca dapat dikenal pasti dalam diri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek pengajaran bahasa Iban, kajian Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016), menguasai pengetahuan kandungan sahaja tidak cukup untuk menjamin keberkesanan pengajaran guru. Seseorang guru bukan sekadar menguasai pengetahuan kandungan tetapi perlu arif menyampaikan maklumat ke dalam minda pelajar. Hal ini bermakna seorang guru harus menguasai perkara yang hendak diajar dan cara untuk mengajar. Dalam konteks ini, kesemua guru bahasa Iban telah menggunakan pelbagai teknik pengajaran untuk meningkatkan kefahaman murid seperti penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif melalui tekinik sesi soal jawab, teknik bercerita, teknik perbincangan dalam kumpulan dan seumpamanya. Guru bahasa Iban turut menggunakan pelbagai jenis teknik pengajaran *ensera* seperti pendekatan mengikut aktiviti pengajaran yang diajar, contohnya mengajar *leka timang*, murid diarahkan berbincang dalam kumpulan dan kemudian guru tersebut akan membuat penerangan dan rumusan terhadap teks itu. (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, (2016).

Seterusnya kajian yang dilaksanakan oleh Alizah Lambri dan Zamri Mahamod (2015), mengulas pendapat daripada Tamam (2010), penggunaan sesuatu kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) boleh mempengaruhi tahap keberkesanan sesebuah pengajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, strategi pengajaran yang digunakan oleh pensyarah akan memberi impak atau kesan kepada penerimaan pelajar, seterusnya boleh membawa kejayaan kepada pelajar. Pemilihan dan pelaksanaan sesuatu strategi pengajaran adalah amat penting bagi memastikan setiap aktiviti P&P yang dirancang dapat dilaksanakan. Sehubungan dengan itu pendapat yang diambil daripada Rasid (2009), antara punca pengajar Bahasa Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sentiasa berbalik kepada amalan pengajaran tradisional semasa mengajar adalah disebabkan oleh faktor persekitaran kelas dan ruang pembelajaran yang kurang memberangsangkan. Amalan pengajaran tradisional menyebabkan proses P&P Bahasa Melayu dilihat kurang menarik dan membosankan, justeru menyebabkan pelajar kurang berminat untuk mengikuti sesi P&P. Oleh yang demikian, pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) merupakan antara kaedah pengajaran yang disaran dapat dilaksanakan oleh pensyarah dalam proses P&P Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, tumpuan diberikan terhadap pelaksanaan pendekatan PBP dalam konteks pelaksanaannya di institusi pengajian tinggi (Alizah Zambri dan Zambri Mahamod, 2015). Lanjutan daripada itu, amalan pengajaran yang dirujuk pada kajian lepas ini, dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji untuk melihat kelompangan yang ada sama seperti pengajaran dalam bahasa Iban.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, menurut Nasyimah Ismail (2016), isu pemilihan teks juga perlu diberi perhatian jika komponen sastera hendak dijadikan wahana dalam pengajaran terutamanya menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi. Hal ini demikian kerana teks yang dipilih dari pelbagai genre seperti cerpen, novel, sajak dan drama perlu memberi peluang kepada guru dan pelajar untuk melalui proses pemikiran aras tinggi. Teks yang dipilih juga perlu berkaitan dengan kehidupan pelajar supaya ia lebih relevan dan membawa makna kepada pelajar kerana sastera merupakan rakaman tentang pengalaman-pengalaman dan imaginasi manusia dari pelbagai zaman yang akan mencerna pemikiran dan rasa ingin tahu manusia. Oleh itu, apabila wacana yang terkandung dalam teks yang dibaca mempunyai hubungan dengan kehidupan pelajar, pelajar dapat menggunakan pengalaman yang diterima untuk membina idea baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendapat Norazimah Zakaria (2016), bagi pengajaran Kesusateraan Melayu terdapat berbagai-bagai kaedah yang boleh digunakan untuk memastikan pengajaran yang dijalankan mampu menarik minat pelajar, contohnya, dalam kaedah struktural, pelajar akan menganalisis karya sastera dari sudut pembinaan yang merangkumi aspek tema, plot, watak dan perwatakan, gaya bahasa, latar, sudut pandangan dan teknik. Semasa menganalisis sesebuah karya, pelajar perlu menjiwai karya itu dan menggunakan kaedah berfokus iaitu mengadakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan bakat pelajar seperti mendeklamasikan sajak, berpuisi, bercerita dan sebagainya.

Seperti dalam pengajaran komsas bahasa Melayu juga, pengajaran bahasa Iban mempunyai cabaran dengan isu penilaian terhadap pelajar. Menurut Rozaini Ahmad, (2017), masalah kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu dikaitkan dengan isu penilaian Standard Guru Malaysia dalam standard tiga tentang kemahiran mengajar guru. Isu penilaian Standard Guru Malaysia ini, mengambil kira masalah pengajaran guru Bahasa Melayu yang telah dikenal pasti iaitu dari aspek strategi pengajaran berkaitan penglibatan aktif murid, keperluan penerapan kemahiran berfikir dan pengurusan bilik darjah. Masalah pengajaran tersebut ada hubungan dengan ketidakupayaan guru menggunakan komsas dalam pengajaran Bahasa Melayu. Seperti yang telah dijelaskan oleh Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016), guru bahasa Iban juga mempunyai masalah yang sama dalam menerapkan pembelajaran sastera Iban kepada pelajar kerana sukar untuk menarik minat dalam pengajaran tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada waktu yang sama, Mohd Ashri Ismail, Sharil Nizam Sha‟ri, dan Noor Aina Dani (2017), memerihalkan masalah pelajar Orang Asli untuk memahami bahasa kedua. Bahasa kedua mereka iaitu komsas yang merupakan faktor teks yang sukar difahami terutamanya golongan muda Orang Asli yang banyak menggunakan bahasa ibunda sendiri dalam kehidupan seharian. Pendapat Helmi (2011), yang dipetik oleh Mohd Ashri Ismail et.al (2017), seseorang yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua akan mengalami gangguan daripada bahasa ibunda. Hal ini akan menyebabkan pelajar sukar memahami maksud perkataan dalam teks komsas disebabkan latar budaya remaja seperti Orang Asli banyak menggunakan dialek suku kaum mereka sendiri berbanding bahasa Melayu secara formal sepanjang pergaulannya dengan rakan,keluarga mahupun masyarakat setempat. Pernyataan yang sama juga telah dinyatakan oleh Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharuddin Ahmad , Noraziah Ali (2014) dan dipetik oleh Mohd Ahsri Ismail et.al (2017) yang telah menjelaskan tentang kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam proses menguasai bahasa Melayu ialah masalah berkomunikasi kerana mereka lebih terdedah dengan persekitaran dan budaya hidup Orang Asli sejak lahir lagi. Bertitik tolak daripada itu, sesetengah pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Iban mengalami masalah yang sama kerana terpengaruh dengan bahasa campuran di rumah menyebabkan bahasa Iban yang telah distrukturkan di sekolah sukar untuk didalami tambahan lagi jika guru mengajar mata pelajaran Iban yang mengaitkan *ensera, jaku silup,* puisi dan seumpamanya.

Sementara itu dari aspek nilai murni yang terdapat dalam pengajaran sastera, pendapat Nurul Raihana Abdullah dan Norila Md Salleh (2016), komponen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan antara mata pelajaran yang mempunyai gelanggang yang paling luas untuk menjayakan hasrat penerapan nilai-nilai murni sama ada secara langsung atau tidak langsung. Karya-karya sastera mempersembahkan kehidupan manusia dan mengetengahkan mesej yang tertentu, yang mencerminkan falsafah serta pandangan hidup tertentu. Menerusi pelbagai aktiviti kelas yang sesuai, sama ada dalam bentuk perbincangan, penilaian, kritikan, penghayatan, iktibar, renungan, pengamatan dan sebagainya, nilai-nilai murni yang ingin diterapkan dapat diterjemahkan dalam bentuk penghayatan. Domain afektif yang melibatkan rohani dan emosi selaras dengan kehendak pendidikan Kesusasteraan Melayu ini sangat jelas memenuhi dua daripada empat tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengutamakan asas pembangunan modal insan iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sama seperti pengajaran bahasa Iban menggunakan e*nsera* yang merupakan salah satu pengajaran sastera Iban mempunyai nilainya tersendiri untuk diterapkan dalam diri pelajar.

Jika dilihat pada proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang dimaksudkan, pendapat Zamri Mahamod dan Jamilah Hasan (2018), pendidikan masa kini menuntut semua guru perlu memiliki pelbagai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang profesional. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap orang yang bergelar „guru‟ perlu menyediakan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, sahsiah diri yang positif dan kaedah pengajaran yang berkesan atau kemahiran pedagogi bagi menarik minat pelajar untuk belajar. Setiap guru pasti merasakan bahagian yang paling sukar dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Seorang guru yang berjaya dan berkesan merupakan seorang guru yang mempunyai kecekapan yang mendalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bidang atau subjek yang diajar (Zamri Mahamod, 2014). Guru adalah salah satu komponen penting semasa proses PdPc, tingkah laku guru memberi impak yang besar terhadap proses PdPc. Guru merupakan penggerak kepada semua proses PdPc, sama ada di dalam atau luar bilik darjah. Dalam proses PdPc, guru perlu bijak merancang mengikut keperluan individu, kumpulan dan keseluruhan kelas. Menurut Saemah Rahman dan Zamri Mahamod (2016), seseorang guru perlu kereatif dalam PdPc mereka kerana guru yang kreatif akan menjadikan satu pengajaran menggunakan PdPc yang boleh menyeronokkan pelajar sambil belajar.

Proses pengajaran *ensera* dalam Bahasa Iban perlu selari dengan tuntutan Pendidikan seperti Kesusasteraan Melayu, Komsas, Puisi dan seumpamanya. Melalui kajian-kajian lepas, pengkaji melihat penulis-penulis tentang *ensera*, secara tidak langsung merungkai *ensera* sebagai epik sastera masyarakat Iban terutamanya dari sejarah *ensera*. Dari aspek pengajaran dan pembelajaran, pelbagai kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru Bahasa Iban di dalam kelas untuk memantapkan lagi cara penyampaian isi kandungan pada pelajar dengan menekankan nilai yang boleh dijadikan teladan kepada mereka perlu dititikberatkan seperti pendapat pada kajian lepas. Jika diteliti, pelbagai kajian-kajian lepas yang dijalankan untuk membina sati instrumen yang boleh diguna pakai untuk menilai tahap pelaksanaan kaedah dan teknik pengajaran oleh guru-guru di Malaysia. Guru-guru di Malaysia masih lagi menggunakan kaedah seperti pengajaran berpusatkan guru dan pelajar. Tidak dinafikan bahawa peranan guru amat penting sebagai individu yang memberi ilmu dan pelajar menimba ilmu daripada mereka. Namun, guru perlu sedar akan pemodenan dalam kaedah dan teknik pengajaran yang perlu dipratikkan di dalam bilik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

darjah contohnya penggunaan ICT, kaedah didik hibur dan sebagainya untuk menwujudkan pengajaran tersebut lebih menarik dan berkesan. Dengan itu, pengajaran sastera khususnya lebih seronok dipelajari serta dihayati oleh pelajar.

2.3.1.2 Cerita Rakyat

Bahagian ini menjelaskan tentang pendapat sarjana-sarjana terhadap cerita rakyat masyarakat Iban khususnya dan cerita rakyat pelbagai kaum yang menampakkan nilai moralnya tersendiri seperti:

Kajian Lenna Demay Joseph Machine (2007), masyarakat Iban sangat kaya dengan sastera rakyat. Jelaslah bahawa terdapat pelbagai jenis puisi seperti *pengap*, atau zikir dalam satu-satu upacara atau gawai, *renong* merupakan puisi untuk berbagai tujuan, *sabak* merupakan puisi bersangkutan kematian, *pelandai* pula merupakan puisi berkasih sayang dan lain-lain. Namun demikian *ensera* merupakan satu bentuk cerita yang menjadi petunjuk dan pendidikan kepada golongan muda. Selain daripada karya-karya tersebut masyarakat Iban juga mcmpunyai koleksi cerita rakyat yang pelbagai. Misalnya, cerita rakyat yang dijumpai menjurus kepada cerita-cerita hiburan dan bukannya sejarah mahupun fakta.

Manakala kajian Wan Busrah, Abdul Rahman dan Anna Durin (2018), terhadap cerita *Apai Alui* yang menjadi dukun ialah salah satu *ensera* Iban mengisahkan kisah lucu kerana sikap *Apai Saloi* yang dikenali oleh masyarakat Iban

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketika itu merupakan seorang lelaki yang tidak mempunyai kepintaran atau lebih dikenali sebagai *Palui, Sali-ali, Pak Sali* atau *Apai Alui*. Di samping itu, *Apai Saloi* juga turut dikenali sebagai Sebaginda Bujang. Tambah mereka lagi, perkataan *Apai Saloi* berasal daripada istilah *Aloi, Saloi, Sali-ali, atau Paloi* yang digunakan untuk menggambarkan seseorang yang bodoh, atau hodoh. Disebabkan oleh pelbagai jenis nama, kajian yang dilaksanakan oleh ketiga sarjana ini menganggap bahawa cerita rakyat Iban ini disebut sebagai Apai Saloi. Selain daripada bodoh, Saloi adalah seorang lelaki yang sangat lucu kerana dia menipu keluarga dan kawan-kawannya, tetapi penipuan tersebut kembali pada dirinya sendiri. Hubungan *Apai Saloi* dengan isterinya tidak begitu baik kerana sikapnya yang suka menipu, mementingkan diri sendiri, tamak dan hanya mencari makanan untuk dirinya dan tidak mahu berkongsi dengan keluarga membuat isterinya sangat kecewa. Berdasarkan jalan cerita *Apai Saloi*, pengajaran yang dapat ditunjukkan dalam e*nsera* ini ialah kita tidak seharusnya menyimpan rasa tamak demi kepentingan diri dan bersikap jujur pada pasangan. Meskipun adanya sikap negatif yang terdapat pada diri *Apai Saloi,* namun dari aspek positif, dia seorang yang sangat rajin dalam mencari rezeki. Sikap positif ini harus disemai dalam golongan masyarakat muda agar sedar bahawa kehidupan memerlukan pengorbanan dan usaha yang mendatangkan hasil. Namun jika usaha itu tidak dikongsikan pada keluarga dan orang yang memerlukan maka hasil yang diperolehi tidak berkat dan mendatangkan kerugian pada diri sendiri. Dengan itu, nilai yang negatif seperti ini tidak seharusnya dalam diri masyarakat dan nilai positif perlu disemai agar memperoleh kesejahteraan hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, menurut Chemaline Osup (2019), sastera lisan Iban kaya dengan mitos, legenda dan watak legenda. Bagi masyarakat Iban, legenda adalah kisah suci asal-usul, yang berkaitan dengan wira mitos budaya mereka dan heroin seperti *Keling, Bunga Nuing, Kumang, Lulong, Indai Abang* dan sebagainya. Cerita tersebut kebanyakannya mempunyai perbuatan yang hebat dilakukan oleh pahlawan dan ia dianggap wujud sehingga kini. Namun begitu watak heroin biasanya sering meminta bantuan daripada kaum lelaki kerana mereka dianggap sebagai golongan yang lemah dalam melawan musuh. Disini peranan seorang lelaki yang gagah dan dianggap wira amat penting dalam menjaga keamanan. Sastera Iban telah menjadi tarikkan dalam mitologi Iban kerana ianya memberi pandangan sangat luas terhadap kehidupan seharian dan mempunyai pelbagai kisah yang mengandungi naratif asal usul Iban serta transformasi sehingga kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, hikayat juga dikatakan sebagai *ensera* dalam masyarakat Iban. *Hikayat Keling Gerasi Nading* merupakan satu kisah seorang lelaki yang mempunyai pengamal iman dan penyihir dengan menggunakan amalan dan kepercayaan yang boleh menyembuhkan segala penyakit. Orang Iban mempercayai beliau sebagai doktor sihir atau lebih dikenali sebagai *manang.* Menurut Jamilah Hj. Ahmad dan Jonathan Sink (1989) yang dipetik oleh Jacqlyn Patricia Jelani dan Salmah Jan Noor Muhammad (2018), *manang* adalah seorang penyembuh iman atau doktor penyihir yang bertanggungjawab merawat orang sakit. *Manang* juga adalah orang yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang sihir hitam dan mampu melawan misteri dan memberikan jawapan kepada penyakit aneh yang dialami oleh manusia dan mewujudkan pelbagai pengetahuan lain. Bagi kepercayaan orang Iban

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketika itu, tiada sesiapapun yang boleh dianggap sebagai ahli sihir untuk mengambil hak milik dan tanggungjawab, mempunyai kuasa yang luar biasa dan unsur ajaib melainkan *manang.* Tambahan pula, orang Iban percaya bahawa penyihir doktor atau penyembuh iman dapat menghidupkan semula semangat orang yang telah meninggal dunia. Dengan ini jelaslah bahawa kewujudannya doktor seperti ahli sihir sangat diperlukan. Hal ini dikatakan demikian kerana kedudukan mereka dianggap ajaib dan merupakan seorang yang sangat dihormati oleh masyarakat terutamanya dalam kepercayaan masyarakat Iban dalam aspek kematian. *Semengat* adalah sesuatu yang sangat penting bagi mereka untuk berkomunikasi dengan yang sesuatu yang tidak kelihatan, dikenali sebagai *antu* (hantu). Di samping itu, jika mereka membuat permintaan dengan *antu* (hantu) maka permintaan itu akan dibuat secara bersungguh-sungguh dan benar dengan kuasa doktor penyihir (*manang)* yang lain dan kuasa itu dianggap sangat lebih luar biasa daripada manusia lain. Oleh itu, dalam perspektif komuniti Iban, mereka sangat percaya pada kemampuan ahli sihir, doktor atau penyembuh iman, yang dipercayai mempunyai kuasa suci dan sihir, sama dengan dewa-dewa dan Tuhan diri sendiri. Sementara itu, perkataan *inek manang* merujuk kepada nenek atau orang tua juga salah seorang penyihir yang dipercayai menyembuhkan segala penyakit.

Menurut Jacqlyn Patricia Jelani dan Salmah Jan Noor Muhammad (2018), maksud mantra adalah kata-kata atau ucapan yang dilafazkan secara khusus bagi menghasilkan kuasa ajaib. Penggunaan mantra atau mantra dikarang menggunakan spesifik susunan bahasa dimana maksudnya tidak dapat difahami oleh orang biasa yang tidak belajar sihir hitam. Selain itu, kata-kata yang dipilih juga dipercayai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai supernatural kekuatan dan kebiasaan untuk mempengaruhi niat yang diinginkan. Oleh itu, doktor ahli sihir dan iman penyembuh yang dikenali sebagai *manang* adalah orang terpilih yang hanya dapat menyembuhkan penyakit dan pemberian doa kepada rakyat. Dalam penghasilan doa ini *inek manang* memainkan peranan penting untuk menyampaikan doa kepada para dewa untuk melahirkan seorang lelaki yang gagah seperti watak *Keling*, *lanjang* dan sebagainya. Dengan kuasa dan sihir yang besar, ketangkasan seorang manusia bergantung kepada doa yang diminta oleh *inek manang.* Berdasarkan *Hikayat Keling Gerasi Nading* ini, pelbagai kepercayaan yang dianuti oleh orang Iban ketika dahulu untuk menyembuh segala penyakit. E*nsera* ini dapat dijadikan sebagai sebagai panduan dari aspek nilai kemasyarakatan iaitu saling memberi perhatian antara satu sama lain namun tidak menyalahgunakan ilmu yang sedia ada untuk kepentingan diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam meneliti cerita rakyat masyarakat Iban yang mempunyai pelbagai nilai murni yang boleh dijadikan panduan hidup, masyarakat lain seperti masyarakat bidayuh, kadazandusun, dan sebagainya juga mempunyai jalan cerita tersendiri dan boleh dijadikan contoh dalam diri seseorang. Seperti cerita rakyat daripada suku kaum bidayuh misalnya mempunyai nilai-nilai tersendiri dalam jalan cerita. Menurut Fifi Rinyuk (2017), cara hidup Dayak Bidayuh sebahagian besarnya bercorak perbandaran. Kehidupan masyarakat ini cenderung dengan semangat berkumpulan dan bekerjasama secara berpasukan terutama sekali dalam penanam padi, pembinaan rumah, menjaga jalan, dan lorong kecil ke sawah mereka, membersihkan kawasan kampung dan membuat persediaan untuk perayaan besar seperti perayaan menuai dan Gawai. Semangat gotong-royong dan menolong diri ini diwarisi daripada nenek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

moyang mereka. Tambahan lagi, pada masa lampau, masyarakat Bidayuh tinggal di rumah panjang di bawah bumbung yang sama. Oleh itu, nilai ini dapat dijadikan teladan kepada semua masyarakat agar hidup aman dan harmoni terutamanya dalam golongan muda masa kini.

Kajian Sopudin (2019) terhadap cerita rakyat Pelabuhan Ratu mengisahkan hubungan masyarakat dengan alam semesta. Ini kerana masyarakat sekeliling dapat mempengaruhi nilai-nilai serta tingkah laku yang baik untuk dijadikan contoh pada kehidupan seharian. Oleh yang demikian, bagi pendapat pengkaji tersebut, cerita bukan hanya sekadar untuk didengar tetapi dijadikan contoh yang perlu dipatuhi dalam kehidupan norma masyarakat. Pengaruh cerita terhadap tingkah laku dalam kehidupan seperti pada cerita Puteri Kadita. Cerita ini menggambarkan sebuah nilai bersatu padu kerana Puteri Kadita merupakan seorang pemimpin yang sangat baik dengan masyarakat di darat mahupun di dasar laut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2015), mentakrifkan cerita rakyat ialah salah satu khazanah sastera Melayu yang cukup tenar hidup dalam masyarakat Melayu tradisional dan disampaikan secara lisan. Oleh itu, cerita rakyat kaya dengan nilai-nilai yang diutuskan. Pada masa yang sama nilai ini dijadikan sebagai nasihat yakni pengajaran. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini iaitu memfokuskan tentang nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat itu sendiri. Nilai murni seperti baik hati kepada masyarakat Melayu sangat penting dijadikan sebagai satu medium perantaraan untuk mendidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

moral masyarakat Melayu. Sesungguhnya setiap cerita-cerita rakyat yang didengari atau dibaca oleh masyarakat Melayu itu berupaya meresapkan idea dalam pemikirannya dan akan kekal menjadi ingatan sampai bila-bila. Jika baik olahan nilai murni dalam setiap cerita-cerita rakyat tersebut maka ia mampu membentuk nilai moral yang tinggi kepada masyarakat Melayu.

Sementara itu, masyarakat Kenyah turut mempunyai cerita rakyatnya tersendiri. *Tevau Naa (Naa),* adalah istilah yang digunakan secara meluas di kalangan Kenyah dan orang-orang sungai di pendalaman Borneo, utara Sarawak dan utara-Barat, untuk menggambarkan masyarakat rumah panjang yang dihuni oleh beberapa kaum yang kaya dengan budaya serta adat resam mereka. Menurut Tom Harrisson dan Stephen Wan Ullok (2020), cerita rakyat yang paling terkenal dalam masyarakat Kenyah ialah pengembaraan seorang wira yang sentiasa disanjungi tinggi. Perkataan *Siklus* merujuk kepada masyarakat *Tevau Naa* yang mempunyai kisah cerita yang sangat panjang yakni sentiasa bersambung jalan ceritanya mengikut pendapat pencerita dan diselitkan tokok tambah agar cerita menjadi lebih menarik dan seronok didengar. *Siklus* biasanya berkaitan dengan perjalanan kehidupan yang penuh dengan pertarungan dan perjuangan antara kehidupan manusia dan roh (dunia lain) terutamanya roh-roh orang yang sudah meninggal. Antara pahlawan-pahlawan yang terkenal dalam epik dalam kalangan masyarakat Kenyah sewaktu ketika dahulu ialah pahlawan *Oyau Abeng Lian* (seorang yang sukar ditangani) dan *Balan Nyaring* (berani, terbuka, murah hati), serta seorang guru yang sangat berpengaruh iaitu *Tamak Pavo.* Bertitik tolak daripada ini, pahlawan itu sentiasa diberi amanah untuk menjaga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keamanan dan golongan-golongan wanita cantik yang diganggu oleh lelaki biasa yang tidak mempunyai pekerjaan dan hanya menganggu kawasan kampung.

Terdapat satu lagi cerita rakyat masyarakat Kenyah iaitu cerita *Balan* memanjat langit untuk memulihkan isterinya (Tom Harrisson dan Stephen Wan Ullok, 2020). Pada suatu hari, para wanita muda *Tevau Naa* telah berkumpul untuk menziarahi *Bungan Lesu* iaitu isteri kepada *Balan Nyaring* sehingga petang. Gadis-gadis tersebut merupakan sahabat karib isterinya iaitu *Meneng Ule, Usun Maan, Usun Sigau* dan *Apeng Soyat*. Menurut sahabat karibnya itu, kematian isteri *Balan Nyaring* disebabkan oleh jarum yang menucuk jarinya semasa mereka sedang fokus melakukan kerja tenunan dan sulaman. Ketika itu, mereka sangat cemas sehingga berdebar-debar apabila melihat *Bungan Lesu* pengsan kerana mengeluarkan banyak darah dari tunjuk jarinya dan segera memanggil *Balan Nyaring* untuk membantu isterinya itu. *Balan Nyaring* sangat terkejut melihat percikkan darah daripada jari isterinya seperti air sungai yang mengalir deras sehingga badan isterinya itu pucat dan urat badan boleh dilihat. Dalam masa yang sama, seorang perempuan miskin datang kepada *Bugan Lesu* untuk memberi pertolongan dan memberi semangat kepada isterinya itu untuk terus bertahan sambil meletakkan kepala isterinya di atas kaki suaminya itu. Ramai yang meratapi pemergian *Bugan Lesu* ketika itu. Seorang lelaki tua yang terkenal dengan saktinya iaitu *Lanai Kerung* telah dipanggil oleh *Balan Nyaring* untuk memanggil roh isterinya kembali semula. *Lanai Kerung* membawa sebilah pedang dan satu upacara memanggil roh dilakukan namun begitu semangat roh isterinya masih gagal untuk dikembalikan semula. Pada ketika itu ramai penduduk kampung *Tevau Naa* datang untuk memberi penghormatan terakhir kepada isterinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seorang kawan kepada *Balan Nyaring* datang menziarahi pengembumian isterinya. *Laeng Tet* membawa *Balan Nyaring* untuk memanjat pokok dengan taruhan menggembalikan jasad isterinya itu. Pada mulanya dia enggan untuk menerima taruhan tersebut dan menganggap kawannya itu saja mempermainkan dia disaat dalam kebinggungan dan kesedihan. Setelah dipujuk *Balan Nyaring* menerima perlawaan kawannya itu dan memanjat pokok kelapa sehingga ke puncak. *Laeng Tet* sengaja mengalah diri dan menyuruh *Balan Nyaring* sampai di atas. Disitu Balan Nyaring melihat satu cahaya yang sangat putih dan seseorang berkata akan memberi penyembuhan kepada isterinya. *Balan Nyaring* sangat gembira dan terus memanjat sehingga ke langit. Sampainya disitu *Balan Nyaring* diberi seorang lelaki tua air yang sangat jernih untuk diusap di wajah isterinya. *Balan Nyaring* mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada lelaki tua itu dan segera membawa air yang diberi untuk isterinya. Setiba sampai di rumah, *Balan Nyaring* segera menitiskan air di wajah isterinya secara perlahan-lahan. Tidak lama kemudian isterinya kembali hidup semula dan penduduk ketika itu berasa takut dan meninggalkan mereka berdua di dalam rumah. *Balan Nyaring* memeluk isterinya tanda gembira kerana isteri tercinta dapat dihidupkan semula. Berdasarkan cerita rakyat daripada masyarakat Kenyah ini, banyak pengajaran dan nilai yang dapat diperolehi seperti pengorbanan seorang suami, kasih sayang suami isteri, kerajinan, keberanian dan kemasyarakatan. Hal ini sama seperti cerita rakyat masyarakat Iban iaitu kisah *keling* dan *kumang* yang saling mencintai satu sama lain meskipun pelbagai rintangan dihadapi.

Terdapat satu lagi cerita rakyat yang membawa nilai iaitu Randai. Randai dikenali sebagai teater rakyat Minangkabau dari Sumatra Barat, Indonesia. Hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikatakan demikian kerana sikap rakyat Minangkabau yang suka merantau dan berhijrah ke Malaysia. Penghijrahan tersebut menyebabkan mereka sampai ke Negeri Sembilan dan membawa seni persembahan tradisional Randai ini untuk dijadikan pementasan dalam cerita rakyat. Dahulu randai tidak berapa terkenal di Negari Sembilan bahkan ia semakin pupus kerana arus kemodenan dan generasi tidak diturunkan ilmu pengetahuan terhadap Randai. Setelah penghijrahan berlaku, kini terdapat beberapa kumpulan yang menjadikan Randai bukan sahaja cerita rakyat tetapi persembahan dalam bentuk tarian dan diselitkan sedikit lakonan (teater). Bermula pada tahun 1990-an, usaha untuk memulihkan dan mengembalikan cerita rakyat Randai oleh Kementerian Budaya dan individu yang terlibat iaitu Masdar Aziz (lebih dikenali sebagai Pak Pen) dan Zainal Abdul Latif melaksanakan Randai dalam bentuk pementasan teater. Usaha seperti ini dijadikan sebagai pemeliharan randai agar generasi muda dapat melibatkan diri mereka dalam aktiviti kebudayaan serta memupuk semangat memelihara budaya yang ada daripada ditelan zaman (Zainal Abd Latiff and Duratul Ain D. Jonathan, 2020). Pada tahun 1930-an, drama adalah elemen yang sangat penting dan ini dipengaruh oleh komedi yang sangat lucu dengan menyelitkan watak bangsawan rombongan opera Melayu dari Malaysia ke Jawa. Dari segi cara pemakaian semasa pementasan cerita rakyat randai ini, pakaian yang digunakan serupa pakaian silat tetapi pelbagai warna dan membolehkan pergerakan selesa semasa membuat lakonan. Tarikan yang dilihat pada pakaian pementasan cerita rakyat ini ialah di bahagian seluar pelakon kerana ia boleh dijadikan sebagai alat muzik yang disebut sebagai “drum” untuk menambahkan lagi suasana babak yang terdapat dalam randai. Selain itu, alat muzik seperti rebana, serunai, batang padi dan seruling buluh juga digunakan agar suasana jalan cerita makin bertambah ceria dan seronok. Dalam pementasan cerita rakyat randai tiada pantang larang yang ditekankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana nilai-nilai seperti penghormatan, kerabat, kasih sayang dan kemanusiaan amat ditekankan melalui watak dan dialog. Bilangan pelakon biasanya terdiri daripada enam belas orang mengikut keperluan cerita randai yang dipentaskan kepada penonton. Oleh itu merujuk kepada cerita rakyat Randai dalam memelihara budaya dan adat resam mereka, ia dapat dijadikan sebagai contoh kepada masyarakat lain khususnya masyarakat Iban untuk mengekalkan cerita rakyat seperti e*nsera* dari aspek pementasan teater, lakonan, drama dan sebagainya. Dengan itu, secara langsung dapat melibatkan generasi muda untuk mewarisi serta memelihara warisan cerita turun-temurun budayanya untuk ditunjukkan kepada generasi seterusnya.

Kajian yang dilakukan oleh Siti Fatiemah Sa‟at dan Jama‟yah Zakaria (2013), cerita rakyat yang utama terletak pada cara penyampaiannya. Cerita rakyat disampaikan melalui pertuturan daripada individu kepada individu yang lain atau sekumpulan individu yang lain misalnya seorang bapa akan menuturkan kepada anaknya dan begitulah seterusnya. Seperti cerita rakyat Orang Asli Jakun juga mempunyai karya sastera rakyat dan puisi. Sastera rakyat ini diturunkan secara lisan dari satu generasi kepada satu generasi kerana mereka tidak mempunyai tradisi dan sistem tulisan. Tambahan pula sebagai masyarakat kecil secara relatifnya mereka bergantung kepada kaedah lisan untuk berkomunikasi dan meneruskan kelangsungan adat dan budaya (Siti Fatiemah Sa‟ at dan Jama‟ yah Zakaria, 2013). Tegasnya lagi, cerita rakyat Orang Asli Jakun terdapat dua jenis bentuk sastera lisan iaitu bentuk cerita dan bukan cerita. Bentuk cerita adalah dalam bentuk prosa seperti cerita dongeng, mitos, asal usul dan lain-lain. Manakala bentuk bukan cerita termasuklah perumpamaan, pantun, pepatah, peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi masyarakat kaum Cina pula, cerita rakyat mereka mempunyai variasi tersendiri dalam penyampaian. Menurut Kong Yuanzh (2001), cerita rakyat Cina memaparkan beberapa pengajaran yang positif dan amat penting untuk disampaikan kepada masyarakatnya. Misalnya kisah persahabatan yang mempunyai pertalian antarabangsa Melayu dengan bangsa China. Melalui hubungan seperti ini keakraban hubungan antara dua buah negara yang berdaulat dan dua bangsa yang besar memberi impak besar kepada kerajaan. Sebagai contoh, matlamat kerajaan Melaka untuk membela kemerdekaannya mendapat sokongan sepenuhnya dari Dinasti Ming. Tanpa hubungan baik di antara bangsa Melayu dan bangsa Cina, kemerdekaan tersebut tidak disambut dengan baik dan tiada sokongan dari Dinasti Ming. Oleh itu, dalam cerita Hang Li Po yang dikaji oleh pengkaji ini, menunjukkan nilai persahabatan melalui hubungan perkahwinan antara Sultan Mansur Shah dengan Puteri China Hang Li Po melahirkan sebuah jalinan persaudaraan antara kaum Melayu dan dengan kaum Cina satu ketika dahulu.

Kajian oleh Minah Sintian (2019), terhadap nilai-nilai kearifan lokal dalam cerita rakyat Kadazandusun menunjukkan cerminan masyarakat tradisional mempunyai nilai-nilai luhur yang berfungsi sebagai pancaran sesuatu kolektif itu berfikir dan bertindak. Cerita rakyat banyak mengungkapkan perkara yang difikirkan oleh kolektif tersebut dalam menghadapi sesuatu situasi. Misalnya cerita mitos lahir kesan daripada pemerhatian kolektif terhadap kejadian unsur-unsur alam; baik kejadian manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan fenomena alam seperti banjir, guruh dan sebagainya. Daripada pemerhatian kejadian alam mereka merumus jawapan kerana kolektif tidak mampu untuk berfikir secara saintifik. Maka lahirlah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cerita-cerita faktor kilat mengeluarkan cahaya atau cara pelangi terjadi. Tambahnya, cerita rakyat masyarakat Kadazandusun berhubung dengan mitos "Huminodun" dapat mengukuhkan pendapat Rutter berkaitan dengan bidang pekerjaan utama masyarakat Kadazandusun pada ketika itu. Begitu juga dengan perayaan penting masyarakat tersebut, iaitu Pesta Menuai atau "Tadau Kaamatan" adalah sebahagian daripada manifestasi mitos Huminodun. Beliau memetik pendapat daripada Low (2005), tentang kisah Huminodun merupakan seorang gadis jelita anak kepada Kinorohingan dan Suminundu yang telah dikorbankan oleh ayahnya Kinorohingan untuk menyelamatkan orang Kadazandusun daripada mati kebuluran. Dari atas kubur Huminodun tumbuh padi dan tumbuhan lain yang boleh dimakan seperti jagung dan ubi kayu. Pengorbanan Huminodun itu dihargai dan disyukuri oleh masyarakat Kadazandusun dengan mengadakan pesta menuai (Minah Sintian, 2019). Oleh itu, melalui jalan cerita rakyat ini nilai-nilai moral perlu dijadikan contoh kepada masyarakat kini, sentiasa memberi dan berkongsi dengan apa yang ada pada orang yang lebih memerlukan. Berdasarkan cerita rakyat Huminodun ini, kisah e*nsera Kumang* mempunyai persamaan dari segi wataknya yang dikatakan seorang perempuan cantik dan dikagumi oleh masyarakat Iban sehingga kini dan terkenal dengan kepandaian dalam melakukan semua pekerjaan dengan pantas dan sempurna namun *ensera kumang* tiada berlakunya pembunuhan seperti Huminodun.

Setiap bangsa di dunia ini mempunyai warisan budaya (Asmidah Alwi, Harryizman Harun dan Azliza Othman, 2019). Warisan ini sangat diperlukan kerana ia merupakan keturunan generasi masa lalu sehingga kini yang harus dipertahankan. Sebelum ini, istilah warisan budaya mencerminkan keperibadian dan pelbagai bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tetapi setelah berlakunya peredaran zaman, pandangan tersebut semakin dipeluas dan berubah. Ianya termasuklah warisan nenek moyang yang sangat penting untuk dipelihara. Walau bagaimanapun terdapat masih lagi warisan yang tidak ketara dalam pelbagai seperti pengetahuan, sesuatu yang direka, bakat dan kreativiti, serta pelbagai konteks sosial dan alam yang memastikan ia tidak akan pupus. Salah satu cerita warisan yang kurang diketahui oleh golongan muda masa kini adalah cerita rakyat, dan seninya yang melambangkan identiti kebudayaan dan sosial masyarakat. Antara amalan adat cerita rakyat yang mencerminkan tradisi masyarakat, ialah muzik, kepercayaan, dan penceritaan. Kesemua aspek ini telah wujud dalam bentuk ungkapan lisan yang dikenal sebagai *folktale*. *Folktale*, merupakan satu mitos dan legenda, membentuk tiga istilah asas cerita yang berbentuk prosa. *Folktale* wujud dalam bentuk kisah yang membawa mesej yang bermakna dan menanamkan identiti budaya. Kisah ini dibuat dan diubah oleh ramai orang di dalam garis masa generasi yang berbeza. Ia juga membawa gaya penceritaan tersendiri yang digunakan setiap individu mengikut peredaran zaman. Biasanya cerita seperti ini disampaikan dengan adengan yang menarik sambil menyampaikan jalan cerita dengan penuh kebijaksanaan.

Tegasnya lagi setiap negara mempunyai khazanah sendiri terutama dalam bentuk *folktale.* Seperti di Malaysia melindungi pelbagai warisan harus dijaga terutama dalam kalangan pelajar kerana mereka merupakan insan pelapis negara kepada generasi akan datang. Perlindungan adalah tindakan yang direka untuk menjamin kelestarian warisan budaya termasuklah mengenalpasti, dokumentasi, penyelidikan, pemeliharaan, perlindungan, promosi, peningkatan, penghantaran, terutama melalui pendidikan formal dan tidak formal, serta peningkatan pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek daripada warisan itu. *Folktales*, mitos, dan legenda perlu dipelihara dalam zaman digital ini untuk mengelakkan kepupusan disebabkan oleh perkembangan pesat globalisasi dan hiburan secara komersial. Berkenaan itu, keperluan penjagaan *folktale* melangkaui budaya dan warisan. Sekiranya *folktales* digunakan dengan bijak, mereka dapat merangka dan memupuk banyak aspek generasi muda. Biasanya *folktale,* mengajar dari sudut moral, membantu dalam transformasi sikap, memupuk ketahanan diri, dan menggambarkan perbezaan budaya dengan orang lain. Di samping itu, *folktale* juga memberikan nilai kebaikan, yang membawa kepada perkembangan negara dalam bidang kebudayaan. Usaha pemuliharaan adalah salah satu langkah yang harus diambil untuk menjaga *folktales*. Menurut Cadangan UNESCO 1989 yang di petik daripada A.J Ademowo dan T.D Oladipo (2015), tentang perlindungan Budaya Tradisional dan Cerita Tradisi, terdapat enam langkah yang diperlukan untuk menjaga warisan iaitu pemuliharaan, pemeliharaan, penyebaran, perlindungan, dan kerjasama daripada luar negra untuk memastikan peninggalan cerita rakyat terus diwarisi. Oleh itu, daripada langkah-langkah yang diberikan, pemuliharaan adalah salah satu langkah yang sangat penting dalam melindungi *folktale.* Pemuliharaan ialah satu cara sebagai mendokumentasikan, mengarkibkan, dan menyimpan *folktales* dalam bentuk yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penyelidik dan pewaris tradisi budaya.

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, sudah seharusnya setiap negara dan masyarakat perlu memelihara budaya warisan yang akan dijadikan panduan hidup terutamanya cerita rakyat yang membawa pelbagai pengajaran, nilai-nilai murni serta etika yang patut dicontohi generasi tua mahupun muda. Cerita rakyat yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibahaskan oleh pendapat sarjana-sarajana tersebut wajar dijadikan sebagai satu medium dalam pengajaran di sekolah seperti penerapan cerita rakyat masyarakat Iban (e*nsera*). Melalui usaha seperti ini, guru dapat memupuk penerapan nilai-nilai moral dalam diri pelajar berpandukan pengajaran dalam jalan cerita yang disampaikan dengan pelbagai bentuk dan cara contohnya melakonkan semula watak, membuat pementasan dan sebagainya seperti yang telah dijelaskan oleh sarjana. Dengan itu masyarakat Iban mampu mengekalkan cerita rakyat, bukan sahaja di sekolah tetapi ditunjukkan dipersada dunia pendidikan khususnya.

2.3.2 Kajian luar negara

Berdasarkan bacaan atau tinjauan literatur yang dilakukan oleh penyelidik, kajian mengenai aspek pengajaran, pembelajaran, bahasa dan sastera terutamanya cerita rakyat sudah mendapat tempat dalam kalangan pengkaji barat. Pengkaji-pengkaji barat lebih banyak mengkaji dari isu-isu berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa di negara mereka, aspek kehidupan seharian, aspek budaya, aspek sejarah, ekonomi, pendidikan dan sosial masyarakat. Jika dilihat dari sudut cerita rakyat Iban khususnya, pengkaji-pengkaji barat didapati masih lagi kurang merungkai *ensera* tetapi mereka banyak mengkaji pengajaran sastera dan di negara mereka sendiri. Pengkaji merujuk kajian lepas yang dilakukan pengkaji-pengkaji barat sebagai panduan untuk melaksanakan kajiannya dengan mengambil rujukan dari tajuk, isu, cabaran dan nilai moral yang hampir sama dengan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2.1 Pengajaran sastera dan cerita rakyat di barat

Pendapat John Sekar (2019), pengajaran sastera dengan menggunakan pendekatan berasaskan "kemanusiaan" (*Humanities)* di dalam pengajaran seperti asas untuk membaca, mentafsirkan, mengajar, dan mengkaji kesusasteraan adalah satu strategi yang perlu diamalkan dalam proses PnP. Satu pendekatan yang digunakan oleh beliau disebut sebagai pendekatan sastera "kemanusiaan" (*Humanist Approaches to Teaching Literature*). Hal ini demikian kerana bidang pengajaran sastera dalam akademik Anglo-Amerika dalam tahun 1970an telah ditentang oleh para pakar teori strukturalisme yang pertama dan pakar teori post-strukturalisme. Menurutnya lagi, pada masa itu mereka menghayati beberapa tanggapan asas tentang isi yang ditulis oleh para kesusasteraan, bagaimana pembaca harus menghayati dan menyampaikan sastera secara lisan, dan mengapa kesusasteraan perlu dipelajari. Terdapat beberapa idea yang telah diambil dengan mengaitkan kehidupan seharian manusia di dalam penulisan sastera. Istilah 'kemanusiaan' bermaksud kajian seni dan kesusasteraan kerana ia dikatakan bertentangan dengan dewa yang berkaitan dengan teks agama dan kepercayaan. Dalam pengertian proses mengajar kesusasteraan di barat, John Sekar (2019), percaya bahawa nilai kemanusiaan sangat dekat dengan pendekatan pengajaran sastera. Ini kerana penulis sastera atau jalan cerita yang dikarang menjurus kepada kehidupan seharian manusia, budaya dan adat masyarakat, kepercayaan masyarakat, estetika masyarakat serta disampaikan dalam bentuk sastera agar dijadikan sebagai inspirasi kepada pelajar untuk menilai sesuatu yang baik mahupun buruk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pendapat Jennifer Hill (1986), terhadap kajian dan penilaian secara kemahiran berfikir aras tinggi dalam teks sastera adalah usaha untuk membantu para pelajar menikmati terhadap pembacaan, sebelum mereka diberi peluang untuk menganalisis teks sastera itu. Pada mulanya guru haruslah menentukan tentang aspek pengajaran yang menjadi fokus utama bagi untuk menarik perhatian pelajar, contohnya guru meneliti isi kandungan tersebut sama ada ianya berbentuk novel ataupun puisi, cara penulisan isi dalam sastera, bentuk sastera yang mempunyai isi kandungannya yang saling berkait rapat dan sebagainya. Setiap perbincangan yang dilaksanakan oleh guru dan pelajarnya dapat dipertimbangkan melalui aktiviti dua hala iaitu saling memberi pendapat yang ada. Dalam pada itu, nilai pengajaran sastera dihayati dengan penuh perasaan melalui pemahaman guru dan pelajar dari pengalaman lalu mereka sehingga memperoleh pengalaman baharu. Sastera biasanya dikaitkan dengan mengkaji tema, gambar, simbol, struktur, dan teknik yang digunakan oleh penulis dalam situasi cerita. Oleh itu kandungan pemahaman terhadap sastera perlu dikenal pasti bentuknya terlebih dahulu agar pelajar dapat memahami fokus utama yang terdapat di dalam puisi contohnya plot cerita, memahami watak-perwatakan, situasi sebebar, teks sastera dan sebagainya (Jennifer Hill, 1986). Dengan itu, pengajaran bahasa Iban juga perlu diteliti seperti ini supaya guru tidak akan berasa keliru dengan sastera Iban yang sedia ada terutamanya mengajar *ensera,* dan guru tidak menyampaikan ilmu yang salah kepada pelajarnya.

Menurut Raymond J. Rodrigues dan Dennis Badaczewski (1978) terdapat pelbagai jenis program pendidikan yang telah memberi peluang kepada para pelajar untuk mengikuti kelas-kelas bahasa tertentu seperti bahasa Inggeris.Walau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagaimanapun guru bahasa Inggeris sepatutnya telah memberi ruang kepada diri mereka dengan melibatkan diri dalam mengajar kesusasteraan mengikut pilihan dan teknik yang pelbagai dan boleh diterima oleh pelajar. Menurut pendapatnya lagi, guru-guru bahasa Inggeris tidak seharusnya memberi alasan bahawa tidak cukup tenaga pengajar untuk mengajar sastera dalam bahasa Inggeris kerana guru yang mempunyai kelayakan dalam pendidikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua boleh diserap untuk mengajar sastera dan mereka mempunyai kepakaran yang mencukupi melalui ilmu pedagogi yang sedia ada. Keadaan ini sama seperti bahasa Iban, guru yang mengajar bahasa Iban bukan sahaja diminta untuk mengajar bahasa tetapi untuk menyalurkan ilmu sastera yang terdapat dalam masyarakat Iban supaya warisan itu tidak ditelan zaman terutamanya dalam dunia pendidikan. Salah satu sebab guru perlu mengajar sastera di sekolah adalah untuk membolehkan pelajar menyedari warisan budaya mereka. Hal ini menyebabkan di negara barat seperti Amerika Syarikat telah menubuhkan kursus seperti kesusasteraan Amerika atau kesusasteraan Inggeris dan sebagainya berkaitan dengan sastera budaya lain. Menurut Raymond J. Rodrigues dan Dennis Badaczewski (1978), terdapat dua pendekatan paling kerap digunakan seperti kronologi dan tematik. Pendekatan kronologi yang diaplikasikan di dalam kelas berkaitan dengan peristiwa dan sejarah yang terdapat di dalam sesebuah sastera itu. Hal ini sama seperti pengajaran *ensera*, guru boleh menggunakan pendekatan kronologi untuk melihat kepada sejarah dan peristiwa pada pengajaran e*nsera a*gar pelajar lebih memahami peristiwa itu. Secara langsung pelajar dapat menghayati dan mengalami sendiri melalui pengalaman sedia ada mereka dan mendapat pengalaman baru daripada e*nsera.* Manakala pendekatan temantik pula membolehkan para pelajar untuk menganalisis fenomena di dalam sastera yang diajar seperti alam semula jadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijadikan simbol dalam cerita untuk memperkembangkan lagi idea pelajar dengan mengaitkan pengalaman lalu dan baharu.

Tegasnya lagi pendekatan warisan kebudayaan mungkin terlalu sukar untuk diterapkan dalam pengajaran pelajar yang selaras dengan budaya kerana ia akan mengabaikan beberapa latar belakang etnik pelajar lain. Namun usaha guru dalam mengajar sastera terutamanya dalam bahasa Inggeris perlu diatasi dengan pelbagai cara seperti mengikuti kursus *teaching literature* dan sebagainya. Seperti pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera,* pihak yang bertanggungjawab untuk melestarikan mata pengajaran di dalam PnP perlu memikirkan cara bagi mengatasi masalah dan kelemahan ini agar mata pelajaran itu lebih berkualiti. Secara umumnya, kelemahan pelajar kini ialah gagal untuk melibatkan diri dalam warisan budaya. Oleh itu, pelajar tidak berminat untuk mendalami pengajaran kesusasteraan di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Raymond J. Rodrigues dan Dennis Badaczewski (1978) cara seterusnya dalam mengajar kesusasteraan ialah menggunakan kesusasteraan berasaskan model retorik atau perkembangan bahasa. Pelajar digalakkan untuk membangunkan kesedaran tentang gaya dan meningkatkan fleksibiliti mereka dalam menggunakan bahasa dengan menggunakan lingusitik yang lebih banyak digunakan dalam pembelajaran mereka. Mereka mengatakan lagi bahawa sesetengah guru telah berjaya menggunakan pendekatan ini dengan beberapa pelajar yang terpilih. Namun terdapat kelemahan utama menjelaskan bahawa ramai di kalangan pelajar tidak minat membaca teks sastera dan tidak dapat mengesan gaya penceritaan. Walau bagaimanapun guru telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat andaian bahawasanya terdapat pelajar yang boleh menulis dan berinteraksi dengan baik selepas mempelajari kesusasteraan kerana melalui pendekatan lingusitik ini sesetengah pelajar boleh mempelajari sastera melalui teknik tersebut. Dalam bahasa sastera yang disampaikan kebanyakan penulis mengubah ayat yang digunakan dengan membuat pemilihan sintaksis supaya pembaca dapat memahami isi ceritanya. Dengan itu pembaca boleh mendalami jalan cerita yang hendak disampaikan oleh penulis. Bertitik tolak daripada ini, dari aspek penggunaan teknik membaca ini, guru sedar bahawa penggunaan secara lisan dan tulisan dalam sastera bukan hanya dengan membaca tetapi jadikan sebagai satu perbincangan mengenai kesusasteraan yang dipelajari dan boleh meningkatkan kemahiran retorik pelajar. Berdasarkan pandangan yang telah diperjelaskan, menggunakan teknik membaca, tulisan, dan lisan "penghayatan" dan "penikmatan" dalam mengkaji sesuatu karya dapat dikesan dalam diri seseorang pembaca. Pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* juga menggunakan pendekatan ini namun guru masih lagi tidak menyedari bahawanya mereka telah menerapkan penggunaan mengalami-menghayati di dalam pengajaran mereka. Oleh itu, strategi ini harus dijadikan sebagai satu model amalan terbaik di dalam konteks pengajaran e*nsera* khususnya.

Dari pandangan bahasa lain seperti di Brunei, identiti utamanya ialah Melayu yang mempunyai dua elemen, merujuk kepada etnik Melayu dan bahasa Melayu (James McLellan, Noor Azam Haji-Othman dan David Deterding, 2016). Secara tradisinya, majoriti rakyat Brunei menuturkan Bahasa Melayu Brunei dengan pelbagai cara yang berbeza. Misalnya bahasa rasmi yang digunakan disebut sebagai bahasa rasmi negara dan lingua franca Malaysia. Secara rasmi, terdapat tujuh kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang asli telah diiktiraf di Brunei dan mereka telah diberi peluang untuk berkomunikasi dengan bahasa tersendiri seperti bahasa Brunei Melayu, Kedayan, Dusun, Bisaya, Tutong, Belait dan Murut. Di samping itu, terdapat sejumlah masyarakat, terutamanya di daerah Temburong, yang tidak diiktiraf sebagai orang asli Brunei. Mereka hanya merupakan kumpulan terbesar di negara jiran Sarawak, dan kebanyakan orang Iban di Brunei telah berhijrah ke negara ini dari tempat lain di Borneo pada abad yang lalu. Penggunaan Bahasa Inggeris di Brunei secara langsung terus berkembang pada zaman perlindungan penjajahan Inggeris dari tahun 1888 hingga 1984 dan selepas pengenalan sistem pendidikan dwibahasa pada tahun 1985. Bahasa Melayu Brunei adalah bahasa lingua franca yang paling banyak digunakan. Namun begitu, bahasa Inggeris kerap ditutur dalam kalangan masyarakat Brunei terutamanya dalam golongan berpendidikan dan terdapat pengubahsuaian dari bentuk bahasa yang sesuai dalam konteks formal. Walau bagaimanapun terdapat beberapa bahasa minoriti kini tidak lagi digunakan dan semakin diancam kepupusan seperti bahasa Dusun dan Bisaya (James McLellan, Noor Azam Haji-Othman dan David Deterding, 2016). Bagi mengatasi masalah ini, pihak kementerian pendidikan di Brunei mengambil ikhtibar supaya bahasa-bahasa di Brunei dapat dikekalkan. Berdasarkan sistem yang telah dilaksanakan di Brunei untuk memartabatkan bahasa, sistem pendidikan di Sarawak dalam pengajaran bahasa Iban khususnya perlu mengambil ikhtibar dengan pelbagai cara agar pengajaran bahasa Iban mampu menerajui dalam pandangan masyarakat Iban dan masyarakat lain di persada dunia pendidikan selaras dengan bahasa lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh Sandra Kurtti Pylvainen (2018) menjelaskan teknik pengajaran puisi atau sastera biasanya diajar oleh guru yang mempunyai pengalaman dan berbakat untuk memberi ilmu serta mengajar dengan cara yang betul menggunakan pelbagai bentuk, contohnya teori penerangan yang dilakukan dalam kelas Inggeris tersebut dan guru merupakan pencerita kepada pelajar supaya pelajar dapat memahami isi pengajaran dalam cerita. Manakala bagi pendapat Rose Oriko (2018) guru dianggap menggunakan masa yang sedikit untuk mengajar puisi, kesannya pelajar kurang minat pada sastera tersebut. Teknik pengajaran yang diketengahkan oleh beliau iaitu melihat pada keunikkan sebuah puisi melalui susunan kata struktur dan kandungan puisi. Namun di sekolah yang menjadi tempat kajian beliau iaitu Kakamega County Kenya guru dan pelajar kurang meminati puisi yang dijadikan sebagai mata pelajaran. Oleh itu, beliau mengkaji kesan bahasa terhadap sikap pelajar dan guru terhadap puisi bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor dalam memilih puisi terutamanya teknik yang digunakan semasa mengajar dan kesan pada pelajar. Kaedah mengajar yang digunakan iaitu melalui aktiviti di dalam bilik darjah. Teknik ini sangat berkesan bagi beliau semasa menjalankan kajian untuk menyelesaikan masalah minat pelajar dan guru. Tambahnya lagi, plot cerita amat penting dalam pengajaran puisi mahupun sastera. Guru perlu mempunyai pengetahuan pedagogi yang cukup selain mempelbagaikan teknik dalam pengajaran.

Pendapat seterusnya iaitu A.J Ademowo dan T.D Oladipo (2015), perkembangan cerita rakyat *(folktale)* secara lisan dalam pelbagai budaya yang ada di dunia perlu diwarisi secara turun temurun agar ia dapat dikekalkan kepada generasi akan datang untuk dijadikan sebagai penyambung warisan. Masyarakat perlu sedar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan pentingnya dalam mendalami budaya mereka sendiri meskipun mengambil dalam jangkaan masa yang lama. Sebagai contoh, orang barat seperti di benua Afrika, mereka telah mengambil masa yang agak panjang dalam menerusi arus pemodenan terhadap sistem tradisi penulisan kuno mereka kepada sistem penulisan yang baharu. Tegasnya lagi selama berabad masyarakat di Afrika berusaha untuk memahami sistem penulisan kuno untuk menghasilkan satu bentuk yang disebut sebagai sastera budaya dalam cerita rakyat yang ingin disampaikan kepada generasi seterusnya. Sistem penulisan tersebut telah berjaya di laksanakan sehingga masyarakat abad-14 dan pra-kolonial (A.J Ademowo dan T.D Oladipo, 2015). Bentuk tradisi lisan yang disampaikan ialah berunsurkan mitos, legenda, pepatah dan cerita rakyat bagi menyampaikan budaya dan pendidikan kepada bangsa mereka. Cerita rakyat di Afrika berunsurkan perbuatan atau cara masyarakat itu sendiri menerusi gaya hidup seharian yang dijadikan sebagai panduan, moral dan nilai sosial dalam kalangan mereka. Di samping itu, pandangan mereka terhadap cerita rakyat ini ialah berdasarkan cerita secara lisan yang disampaikan melalui cara perbualan dan pergaulan. Menurut pandangan seorang penduduk masyarakat di Afrika itu sendiri, menerusi kekuatan ilmu pengetahuan, sejarah dan pengalamannya yang berlatarbelakangkan ahli sejarah, penghibur, penyair, pemuzik dan pendidik bangsa yang diamanahkan untuk menjadi pengajar yang menyampaikan tentang budaya lisan tersebut menjelaskan sistem moden yang bergantung kepada teknologi maklumat dalam membentuk lisan di Afrika sahaja tidak cukup untuk menjelaskan kepada generasi muda (A.J Ademowo dan T.D Oladipo, 2015). Oleh itu bentuk lisan secara tradisional dikatakan sebagai satu pendekatan yang penting bagi mereka menyampaikan cerita rakyat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, di dalam masyarakat ini juga bentuk tradisi lisan memberi maksud yang sangat penting kepada tujuan etika dan sosial. Cerita rakyat seperti kematian seorang yang dikatakan sebagai wira dalam budaya masyarakat Afrika dijadikan sebagai tatapan di sebuah universiti agar ia dijadikan sejarah kepada para pelajar. Terdapat beberapa pengkaji yang telah membuat kajian dengan mendokumentasikan kecenderungan terhadap cerita rakyat dalam masyarakat Afrika yang dikatakan berfungsi sebagai hiburan dan bidang pendidikan di sekolah. Sebagai satu contoh cerita rakyat ialah *Things Fall Apart* (A.J Ademowo dan T.D Oladipo, 2015). Cerita rakyat ini biasanya di sampaikan kepada golongan kanak-kanak kerana ia berunsurkan hiburan dalam pengajaran. Namun begitu terdapat juga satu novel yang menceritakan kepentingan rakyat dengan menyelitkan watak antagonis dan protagonis sebagai watak utama di dalam cerita itu. Menurut penulis, cerita rakyat seharusnya disampaikan menerusi zaman kanak-kanak lagi. Di Afrika seorang lelaki yang sudah bekerluarga digalakkan untuk menyampaikan cerita rakyat kepada isterinya, dan seterusnya di sampaikan kepada anak-anak mereka. Dengan cara ini, anak-anak akan terbiasa mendengar cerita rakyat itu dan tidak menimbulkan masalah sekiranya mereka berada di sekolah apabila guru menyampaikan pengajaran menggunakan cerita rakyat yang sedia ada. Melalui itu juga pelajar dapat berkongsi pengalaman lalu mereka untuk memperoleh pengalaman baharu dalam cerita rakyat tersebut (A.J Ademowo dan T.D Oladipo, 2015).

Di Afrika, kebiasaanya cerita rakyat disampaikan pada waktu malam ketika penduduk melakukan kerja. Hal ini berkait rapat dengan pepatah mengatakan “bekerja sambil bermain” (A.J Ademowo dan T.D Oladipo, 2015). Penduduk Afrika

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan pekerjaan sambil mendengar cerita rakyat daripada si pencerita membolehkan kerja yang dilakukan lebih seronok dan tidak berasa penat. Pada masa yang sama kisah realiti kehidupan dan kisah dongeng diselitkan bersama-sama supaya ada penduduk yang sedar akan kesilapan yang dilakukan semasa melakukan tugasnya. Berdasarkan pendapat tersebut, gaya penceritaan di Afrika hampir sama dengan *ensera.* Hal ini demikian kerana e*nsera* dahulunya juga disampaikan pada waktu malam berperanan sebagai alat untuk meringankan kerja secara tidak langsung meningkatkan hasil kerja. Melalui jalan cerita yang menghiburkan pendengar dengan aksi-aksi wira yang hebat, khalayak tidak terasa beban kerja yang kadang-kadang membosankan dan meletihkan mereka. Oleh sebab itu, *ensera* biasanya panjang kerana kerja-kerja rumah sentiasa ada bagi masyarakat Iban.

Pendapat daripada seorang pakar folklorist iaitu Stith Thompson yang dipetik oleh Rudolf Rahmann (2020) terhadap cerita rakyat ialah sebuah cerita yang mempunyai kisah yang panjang dan melibatkan beberapa babak. Setiap babak yang terdapat di dalam sesuatu cerita memaparkan watak perwatakan yang hebat serta mengagumkan. Jalan ceritanya berkisah tentang kehidupan masyarakat yang penuh dengan dunia cabaran, rintangan, kebahagiaan dan sebagainya. Latar tempat yang digunakan dalam isi penceritaan ini adalah bebas mengikut kreativiti penulis. Berdasarkan pendapat ini jelaslah bahawa gambaran terhadap cerita rakyat mempunyai kisah dongeng ataupun kisah sebenar yang disampaikan kepada masyarakat. Antara ciri-ciri yang ada dalam folktale ialah pendekatan tentang sejarah dan geografi terhadap penubuhan dan kisah hidup tertentu. Namun begitu bagi pendapat Thompson yang diulas oleh Rudolf Rahmann (2020) menjelaskan *folktale*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai nilai-nilai kemanusian kerana ceritanya berkaitan dengan kehidupan. Tambahnya lagi aspek emosi memainkan peranan penting dalam sesebuah cerita rakyat sehingga melibatkan psikologi kepada pembaca. Fakta tentang sejarah kehidupan diambil daripada aspek psikologi (emosi), sosiologi (tingkah laku), dan antropologi (budaya), ketiga-tiga aspek ini dikatakan tidak boleh dipisahkan dalam sesebuah cerita. Melalui aspek ini juga cerita yang disampaikan untuk memberi nilai pengajaran terhadap sikap manusia di muka bumi agar manusia sedar akan kesilapan yang dilakukan dengan menyelitkan pelbagai sindiran dan maksud tersurat atau tersirat. Ia juga tidak selalunya panjang untuk disampaikan tetapi boleh diringkaskan dari segi lakonan. Mengikut pengetahuan seorang ahli folktale iaitu Leopold Scmidt (Rudolf Rahmann, 2020), cerita rakyat ini dikatakan satu bahagian yang sangat penting. Sebagai contoh, cerita rakyat yang ditulis oleh Schmidt berkenaan dengan alam semula jadi adalah kehidupan tradisonal kepada masyrakat yang mengisahkan mitos manusia dan alam semesta. Pengajaran yang dapat diperoleh ialah manusia haruslah menyayangi alam ciptaan Tuhan kerana alam adalah sumber makanan dan minuman serta oksigen kepada manusia dan haiwan (Rudolf Rahmann, 2020).

Berbeza dengan pendapat Jan de Vries iaitu seorang ahli *folktale* di Belanda dalam kajian Indo-Eropah menegaskan pandangannya terhadap elemen cerita rakyat yang menekankan dari aspek keagamaan dan sihir (Rudolf Rahmann, 2020). Terdapat beberapa ciri penting yang dikaitkan dalam folktale Indo-Eropah seperti kisah cerita upacara lama, adat istiadat, dan pantang larang yang mempunyai penuh makna. Makna tersebut selalunya sering dikaitkan dengan kehidupan sebenar (reality) dan telah menjadi unsur-unsur bentuk dalam cerita rakyat disampaikan secara begitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja. Elemen-elemen ini sangat banyak mempengaruhi masyarakat dalam cerita rakyat di Indo-Eropah dengan memainkan peranan penting agar berjaya disampaikan kepada masyarakat. Selain itu De Vries berpendapat bahawa mitos yang terdapat dalam *folktale* dapat mempengaruhi jiwa manusia apabila ia ditunjukkan dengan penuh keyakinan. Ini akan menimbulkan arahan yang tidak baik dan bertentangan dengan agama sekiranya isu itu berkaitan dengan sihir atau ilmu hitam. Cara penyampaian seseorang dianggap sebagai sesuatu yang benar dan menghilangkan tanggapan terhadap mitos cerita tersebut. Dalam masa yang sama, faktor yang menakjubkan lagi tentang *folktale* ini ialah berkenaan dengan dunia sihir yang direka dalam cerita mempunyai makna. Oleh itu makna berkaitrapat dengan fizikal dan mental manusia jika ia dihayati dan unsur-unsur kewujudannya terus kekal sehingga boleh memberi kesan kepada individu ke arah yang negatif dan hilang nilai-nilai di dalamnya. Manakala terdapat satu lagi pendapat oleh ahli *folktale* di Jerman iaitu Lutz Roehrich melihat semula karya yang diolah oleh Marchen Wirklichkeit iaitu berkenaan dengan *Folktale* dan realiti (Rudolf Rahmann, 2020). Terdapat ciri-ciri menarik di dalam fakta *folktale* seperti pemikiran secara rasional dalam menerajui arus kemodenan. Pendapat ini memberi cerminan bahawa terdapat masih lagi sikap masyarakat yang berfikiran rasional dalam pengetahuan rohani mereka berbanding dengan zaman dahulu yang percaya terhadap ilmu-ilmu sihir sebagai panduan di dalam hidup mereka. Dengan itu berdasarkan pendapat-pendapat diatas jelaslah bawa folktale sangat dikenali di negara-negara barat dalam pelbagai perspektif masyarakat dalam menghayati dan mendalami penyampaian cerita tersebut. Pandangan itu menjurus kepada kebaikan dan keburukan dari segi penilaiaan dalam diri masyarakat sama ada percaya mahupun tidak untuk dijadikan dalam pedoman hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Lee Haring (2013), Madagascar kaya dengan cerita rakyat. Terdapat mitos tentang asal-usul manusia dan kematian serta legenda yang mengisahkan gergasi yang meninggalkan batu dan tapak kaki yang dapat dilihat sehingga hari ini. Cerita rakyat juga mempunyai kisah folktales tentang pahlawan yang cacat dan tidak menjanjikan sebuah kegagalan pada dirinya dan terus berusaha agar beroleh kejayaan. Tambahnya lagi cerita rakyat turut mengisahkan tentang kehidupan haiwan. Dalam kajiannya cerita rakyat tentang sepasang suami isteri yang menipu orang lain telah menjadi satu tarikan untuk dijadikan sebagai contoh. Hal ini demikian kerana terdapat pengajaran dan nilai yang boleh dijadikan pedoman hidup kepada masyarakat agar selalu jujur supaya memperoleh keberkatan dalam kelakukan. Selain itu, terdapat peribahasa yang menjadi koleksi dalam menghasilkan sebuah cerita rakyat seperti peribahasa yang diasas oleh Bapa Paul Veyrieres, mempunyai 6000 jenis peribahasa untuk dimanfaatkan dalam cerita rakyat (Lee Haring, 2013). Peranan peribahasa dijadikan sebagai sindiran, peringatan, ajaran dan pengajaran terhadap cerita rakyat yang dikarang. Dalam pada itu, teka-teki dijadikan sebagai satu cara masyarakat berfikir sambil mendalami makna yang terdapat dalam cerita rakyat yang diasas oleh Leonard Fox (Lee Haring, 2013). Cerita rakyat di Madagasar ini turut mempunyai cara tersendiri yang diterapkan di dalam *folktale* mereka dengan aspek ramalan dan supernatural dijadikan sebagai prinsip utama untuk menarik perhatian masyarakat secara lisan.

Sementara itu, tinjauan terhadap budaya moden Malagasi yang dibuat oleh John Mack dan Musee memberi fokus terhadap wilayah Folkloric untuk diterokai (Lee Haring, 2013). Mereka sangat gigih dalam merungkai tentang cerita rakyat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setelah melihat gambar-gambar dramatik tersebut. Menurutnya lagi epik Ibonia ialah salah satu cerita yang dikaji oleh mereka mengisahkan tentang warisan zaman kegemilangan cerita rakyat di Madagascar pada tahun 1869 sehingga tahun 1914. Selepas kematian seorang ratu yang mempunyai kehebatan iaitu Ranavalona I pada tahun 1861, mubaligh mula kembali kepada tempat asal mereka. Ketibaan Jesuit Francois Ceallet pada tahun 1864, tercetusnya sejarah-sejarah diraja Merina yang menunjukkan bukti bahawa sejarah lisan dicatat di rantau Afrika tentang wujudnya cerita-cerita rakyat ini. Bertitik tolak daripada hal ini, menjelang pada tahun 1870 seorang lelaki di Madagasar mula menerbitkan bahan pengajaran mengenai akhbar yang dibawa oleh mubaligh Quaker dan dijadikan sebagai sejarah cerita rakyat untuk diperkenalkan kepada para pelajar (Lee Haring, 2013).

Manakala di Jepun, bahan bacaan mengenai cerita rakyat tidak begitu banyak dan masih lagi perlu dipertingkatkan dalam kalangan pembaca terutamanya pembaca barat (Robert J. Adams, 2020). Sejak zaman pemulihan Meiji pada tahun 1868, koleksi folktale di Jepun telah muncul dengan menggunakan bahasa Inggeris (barat) dalam penulisannya. Namun begitu, bahasa Inggeris yang digunakan masih lagi tidak tersusun dari segi bentuk ayat dan penerangannya, sementara perbincangan dalam cerita rakyat berdasarkan cerita rakyat Jepun semata-mata. Cerita rakyat Jepun merupakan cerita dongeng yang disebut sebagai *Science Folktale Japanese.* Hal ini dikatakan demikian kerana, Jepun mengikut corak jalan cerita rakyat Eropah yang menekankan semua aspek dalam kehidupan tradisional masyarakat. Jenis watak yang digunakan dalam cerita rakyat Jepun ialah *Minzoku* (masyarakat atau manusia) dan *zoku* (adat atau cara) (Robert J. Adams, 2020). Oleh itu, watak-watak ini memainkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peranan penting dalam cerita rakyat Jepun untuk menjadikan ia lebih seronok apabila di baca dan si pembaca akan lebih menghayati bila mereka meletakkan diri pada watak itu. Di samping itu, kajian tentang tradisi lisan turut dimasukkan dalam cerita rakyat di Jepun dari segi aspek agama, rakyat, pakaian, seni kraf dan semua aspek folklore yang digunakan untuk menghidupkan watak ataupun situasi.

Tambahnya lagi Yanagita Kunio adalah seorang pengkaji cerita rakyat yang pada mulanya melibatkan diri dalam pengetahuan tentang cerita Jepun melalui tradisi lisan folktale. Penglibatan ini telah membuka ruang kepada pengkaji barat lain untuk merungkai banyak lagi cerita rakyat Jepun. Dalam masa yang sama, satu teori folktale di Jepun telah diasas oleh Prof. Seki Keigo (Robert J. Adams, 2020). Teori ini berkaitan dengan kisah dongeng-dongeng yang disampaikan dalam cerita rakyat Jepun. Kini cerita rakyat Jepun juga sudah diperkenalkan dalam sistem pendidikan mereka bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran sastera di sekolah. Dengan ini dapat meningkatkan lagi tahap pengetahuan pelajar di Jepun sekaligus mengekalkan warisan budaya mereka khususnya dalam cerita rakyat. Manakala di universiti-universiti Jepun, pengajaran folktare kurang mendapat perhatian kerana tenaga pelajar yang moden tidak mementingkan cerita rakyat tersebut. Walaupun terdapat pelbagai perbezaan dari segi kebudayaan dan sosial, namun akademik di universiti di Jepun dapat bersatu padu melalui aspek pengajaran cerita rakyat. Pihak jabatan antropologi, sosiologi, kesusasteraan, agama dan pertanian sangat berminat dalam membuat kerjasama dalam tradisi rakyat dengan bidang mereka. Dengan itu, cerita rakyat boleh dikembangkan lagi dengan pelbagai corak budayanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dibuat oleh Torborg Lundell (1943), *folktale* ialah satu cerita rakyat yang membawa nilai tolong-menolong. Sikap saling membantu antara dua orang adalah satu tanggungjawab sebagai manusia. Beliau telah menjelaskan tentang watak heroin dan pahlawan di dalam *folktales* yang saling memerlukan dan memberi bantuan dalam mengatasi halangan dan rintangan. Salah satu cerita rakyat yang dikajinya ialah tentang seorang hero dan heroin yag berjumpa dengan seorang pembantu yang memainkan pelbagai watak dalam bentuk binatang, wanita dan lelaki tua, sihir dan makhluk yang supernatural. Kuasa yang ada dalam diri si pembantu sangat luar biasa dalam membawa watak protagonis (baik) dengan memberi nasihat sepanjang pengembaraan hero dan heroin tersebut. Ia juga sangat rajin membuat sesuatu pekerjaan seperti menenun, menjala ikan, menyaring kacang dari abu dan sebagainya. Dalam jalan cerita ini pembantu merupakan seorang penyokong hero dan heroin semasa menempuhi rintangan dan memberi saranan kepada mereka dalam menyelesaikan masalah. Jalan cerita ini sangat mementingkan sikap tolong-menolong di antara manusia agar masalah dan cabaran dapat dihadapi dengan kuat dan berani.

Selain itu, Torborg Lundell (1943) menceritakan kisah seorang heroin yang dikatakan sebagai “Mastermaid” yang memainkan watak penting kepada seorang wira. Namun tajuk cerita rakyat seperti “The Girl as Helper in the Hero‟s Flight AT 313”, pembaca menganggap bahawa seorang gadis tidak adil jika dijadikan sebagai pengasuh atau pembantu kepada lelaki. Namun begitu, tanggapan seperti ini tetap berlaku dalam sesebuah masyarakat yang sudah bekeluarga. Dalam cerita rakyat ini juga menggambarkan watak heroin semakin hebat apabila ia dikatakan menenatng musuh dan cuba melarikan diri daripada penjara. Manakala watak hero dihalang untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berjumpa dengannya. Tetapi dalam cerita ini, hero digambarkan seorang yang bijaksana dan mampu mencari cara untuk membantu heroin itu dengan membuka pintu tersebut dengan sepenuh tenaganya. Sebaik sahaja dia berjaya membuka pintu biliknya, hero itu mengambil satu tindakan untuk membawa lari keluar heroin tersebut. Dia telah memberitahu heroin itu bahawa nyawa mereka di dalam bahaya. Mereka memerlukan pertolongan daripada pembantu yang mereka jumpa di hutan. Malangnya pembantu itu tidak dapat dikesan dan hilang begitu sahaja. Lelaki itu memberi arahan supaya terus melarikan diri dari tempat tersebut dengan mengumpul beberapa objek yang berharga, kapal terbang untuk mereka jauh daripada tempat yang bahaya itu. Akan tetapi semasa mereka ingin menaiki kapal tersebut, ia tidak dapat berfungsi sama sekali. Malangnya mereka telah ditemui oleh penjahat semasa ingin keluar daripada tahanan dan dibawa semula kehadapan ketua sambil diseksa dengan teruk sekali. Pada malam itu kedua pasangan ini telah bermimpi berjumpa dengan pembantu yang menolong mereka semasa dihutan, pembantu itu memberi cara bagaimana mereka boleh keluar dari tempat tersebut iaitu dengan memakan buah epal mereka akan mendapat kesaktian untuk menentang musuh disana. Apabila keduanya bangun daripada tidur tiba-tiba mereka melihat sebiji buah epal berada di depan pintu yang dijaga oleh dua orang pengawal. Si hero membuat satu cara dengan mengarahkan perempuan tersebut seperti dirasuk supaya perhatian pengawal tertumpu pada mereka dan dia boleh mengambil buah epal. Disebabkan oleh kuasa ajaib daripada epal itu, mereka telah berjaya keluar daripada tempat tahanan. Berdasarkan jalan cerita rakyat yang dikaji oleh Torborg Lundell (1943), satu nilai mengenai tolong menolong dan pengorbanan secara langsung dapat diambil sebagai ikhtibar dalam kehidupan masyarakat. Sentiasa berani dalam menghadapi smua rintangan meskipun takut untuk melangkah kehadapan. Melalui cerita rakyat ini, pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran boleh diambil dan didedahkan kepada golongan muda terutamanya golongan pelajar agar sentiasa bersikap berani, tolong-menolong, dan sebagainya.

Lain daripada itu, menurut E. Arsenio Manuel (2019), masyarakat Pagan tinggal di kawasan pergunungan Luzon, pulau-pulau yang besar dan mempunyai kumpulan yang dikenali sebagi Visayan dan Mindanaw. Masyarakat Pagan juga seperti masyarakat lain yang mempunyai budayanya tersendiri dalam cerita rakyat. Pelbagai jenis struktur yang dikenali dalam masyarakat Pagan seperti, epik rakyat berkenaan sikap manusia, kepercayaan, dan hubungan dengan alam semesta. Di Mindanaw epik rakyat seperti ini tidak mendapat sambutan oleh kerana pendapat yang berbeza-beza dalam aspek tertentu. Manakala masyarakat di pergunungan mempunyai semangat yang kuat dalam mempertahankan epik rakyat mereka dan mempunyai seorang penyanyi yang dtugaskan untuk menyampaikan epik rakyat sebagai hiburan di waktu lapang mahupun bekerja. Hal ini demikian kerana ia adalah satu syarat-syarat yang wajib dipatuhi oleh masyarakat Pagan di kawasan pergunungan dalam meneruskan tradisi lama dan adat istiadat nenek moyang mereka.

Menurut E. Arsenio Manuel (2019), masyarakat Pagan ialah orang-orang yang telah menjalani cara hidup dengan penuh penyembahan dan berkemungkinan mengambil masa beribu-ribu tahun dalam menjalani kehidupan berdasarkan undang-undang adat. Di samping itu, masyarakat Pagan mempunyai aktiviti yang dijalankan masa lapang iaitu bercucuk tanam untuk sumber makanan mereka. Sambil melakukan pekerjaan, cerita rakyat akan disampaikan melalui lagu oleh seorang penyanyi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai bakat dalam menyampaikannya. Dengan adanya hiburan seperti ini kerja yang dilakukan tidak terasa penat dan cepat untuk diselesaikan.

Begitu juga dengan penduduk Negritos dan Ilongots (masyarakat Pagan) tetapi berlainan budaya (E. Arsenio Manuel, 2019). Sebahagian besar kumpulan ini sering melakukan aktviti seperti berburu untuk mendapatkan makanan tetapi tidak mempunyai epik. Golongan ini biasanya akan ke kawasan ke pergunungan jika ingin mendengar epik rakyat. mereka juga sanggup bermalam di kawasan pergunungan jika cerita rakyat yang disampaikan ketika itu sangat menarik. Hubungan antara dua jenis masyarakat Pagan ini sangat baik kerana saling berkongsi budaya serta adat. Menurutnya lagi terdapat satu lagi masyarakat Pagan yang dikenali sebagai Ifugaw. Masyarakat ini mempunyai dua jenis epik rakyat iaitu Epik Hudhud dan Alim. Terdapat perbezaan di antara kedua epik rakyat ini, antaranya adalah seperti bahan, struktur, dan fungsi. Epik rakyat yang disampaikan oleh Epik Hudhud berbentuk nyanyian yang berkaitan dengan keduniaan (duniawi) manakala Epik Alim menceritakan tentang keagamaan. Namun begitu, kedua-dua epik ini disampaikan dengan nyanyian dan penyanyi yang baik akan dikatakan sebagai hebat dalam bercerita sambil bernyanyi. Jelaslah bahawa epik rakyat masyarakat Pagan mempunyai pelbagai cara, kepercayaan dan adat yang perlu dilakukan untuk mengekalkan warisan sastera mereka meskipun masyarakat ini kurang dikenali oleh masyarakat lain. Pandangan terhadap kajian E. Arsenio Manuel (2019), terhdap cerita rakyat Pagan serba sedikit membuka ruang pada persamaan cerita rakyat masyarakat Iban iaitu *ensera* yang disampaikan sebagai hiburan untuk melakukan aktviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pekerjaan di kampung dan diselitkan sedikit nyanyian untuk dijadikan tarikan kepada pendengar e*nsera*.

Merujuk kepada pendapat pengkaji-pengkaji barat, dari aspek pengajaran, pembelajaran, bahasa dan sastera serta pandangan terhadap cerita rakyat sangatlah luas. Pandangan ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk pengkaji sendiri serta pengkaji-pengkaji lain untuk meneruskan kajian jika ia berkaitan. Selain itu pendapat yang diberikan dalam aspek pengajaran pembelajaran boleh dipratikkan oleh guru-guru di Malaysia bagi proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah untuk menarik perhatian dan minat pelajar supaya pengajaran berkesan dan memberi ilmu kepada mereka khususnya guru bahasa Iban. Tidak dinafikan lagi selaras dengan kemajuan yang ada pada negara sistem pengajaran perlu dimantapkan lagi dengan pelbagai kreativiti yang ada pada guru baru mahupun guru berpengalaman dan pengekalkan budaya seperti cerita rakyat harus ditingkatkan lagi dari segi ilmu pengetahuan supaya dapat melahirkan generasi yang cinta akan budaya dan bangsa. Tambahan lagi, pendapat-pendapat sarjana barat terhadap pengajaran sastera khususnya di negara mereka, meletakkan sastera sebagai sesuatu yang perlu dikekalkan dalam penyambung warisan iaitu pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan ini mampu membawa warisan ini lebih jauh melalui pemikiran yang lebih tinggi dan mampu memberi idea dalam mengekalkan sastera dengan pelbagai bentuk yang lebih mantap pada sistem pendidikan. Malah kini, sastera yang diajar di sekolah telah menggunakan pelbagai bahasa terutamanya bahasa etnik bagi memudahkan pelajar lebih faham. Dalam memartabatkan sastera, bahasa juga memainkan peranan penting seperti pengajaran bahasa Melayu dalam Komsas, bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Inggeris dalam mengajar *poems, literature* dan sebagainya, bahasa Iban untuk mengajar *leka main, ensera, jerita tuai, d*an *pantun,* bahasa Kadazandusun dan bahasa etnik lain. Dengan itu, pengajaran dan pembelajaran sastera dalam mengaplikasikan pelbagai bahasa dalam cerita rakyat khususnya dapat memudahkan lagi guru dan pelajar untuk mendalami dan menguasai isi pengajaran mereka.

2.3.2.2 Teori Konstruktivisme

Menurut Alex Kozulin (2017), Vygotsky adalah seorang pakar pendidikan yang bepegang kuat pada teori pengajarannya. Teori pengajaran yang digunakan oleh Vygotsky berbentuk tradisional kerana menekankan sistem model dalam pendidikan dan proses pembelajaran secara berperingkat. Pengajaran tradisional dan proses pembelajaran secara berperingkat ini merupakan satu gaya pembelajaran yang melibatkan kemahiran kognitif dan pembelajaran mengikut peraturan yang diarahkan oleh guru sebagai proses pendidikan. Alex Kozulin (2017) berpendapat bahawa pelajar harus bersedia menerima ilmu pengetahuan daripada guru dan perlu bersikap aktif dalam membina pengetahuan yang disampaikan. Persepsi Vygotsky sangat berbeza dengan prinsipnya. Hal ini dikatakan demikian kerana proses pendidikan ditempatkan sebagai sumber kepada pelajar bukan diertikan bagi perkembangan kemahiran kognitif dalam pembelajaran. Dalam pendidikan model Vygotsky, fungsi psikologi dalam pengajaran dan pembelajaran amat penting untuk dibina sebagai langkah mempertingkatkan bidang pendidikan. Pada masa yang sama, fungsi kognitif dan kandungan kurikulum yang dicadangkan oleh Vygotsky ialah aktiviti yang berbentuk bahan bacaan, penulisan, dan pengiraan perlu diterapkan supaya ianya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seimbang bukan sekadar dari segi kognitif malah melibatkan aspek afektif dan psikomotor pelajar. Namun begitu, perbezaannya pengajaran bahasa Iban tidak menerapkan pengiraan tetapi bacaan serta penulisan dan teori daripada Vygotsky masih lagi boleh dijadikan sebagai panduan di dalam kajian ini pada pengkaji. Teori yang diasaskan oleh Vygotsky menjadi satu tarikan kepada para pendidik di Barat iaitu di Eropah dan Amerika (Alex Kzulin, 2017). Melalui teori Vygotsky, mereka telah membuat satu pendekatan dengan melibatkan konsep berasaskan sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta pendidikan secara tidak formal iaitu di rumah yang dipantau oleh ibu bapa pelajar. Dengan bantuan ibu bapa, tugas guru mudah untuk menyalur ilmu kerana pengetahuan sedia ada sudah di didik daripada rumah. Oleh itu ibu bapa dan guru harus bekerjasama dalam mendidik anak-anak mereka agar pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Pembelajaran di dalam kelas yang sistematik dan teratur pada setiap hari dengan menggunakan pelbagai jenis konteks dan aktiviti membolehkan penglibatan pelajar menjadi lebih aktif. Dalam teori Vygotsky kedua konteks ini dikaitkan dengan dua jenis pembentukan konsep yang berbeza. Perbezaannya ialah aktiviti pembelajaran yang dilakukan dalam bilik darjah seperti kerja berkumpulan, perbincangan, pembentangan, lakonan dan sebagainya. Manakala perbezaan yang kedua ialah aktiviti yang melibatkan luar daripada bilik darjah seperti bersenam, membuat eksperimen, melukis mural dan banyak lagi. Melalui pelbagai aktiviti yang disarankan, maka pembelajaran menjadi lebih menarik dan seronok serta membolehkan pelajar berfikir dan menguasai ilmu pengetahuan melalui pengalaman kontekstual, meningkatkan minat dan sikap pelajar untuk belajar, mengembangkan kemahiran mengumpul, memproses, dan menganalisis data serta maklumat (Fatimah Aini, 2017). Terdapat juga pendapat daripada sarjana yang bersetuju dengan teori Vygotsky iaitu jenis pembelajaran dikatakan hanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan kebolehan kognitif pelajar sedia ada tanpa mengembangkannya seperti dalam pendekatan pembelajaran konseptual (Alex Kulin, 2017). Melalui ini, teori Vygotsky masih kurang diketahui dan difahami di sekolah hanya segilintir guru sahaja yang mengaplikasikannya dengan baik. Dengan itu, teori Vygotsky perlu diperkenalkan dalam sistem pengajaran dengan lebih terperinci melalui buku, kajian, serta kursus yang dikendalikan kepada pendidik terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Iban di Sarawak. Teori Vygotsky ini juga merupakan satu loncatan kepada guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan mereka kepada pelajar agar pengajaran lebih berkesan berdasarkan pelbagai aktiviti yang melibatkan kognitif, afektif dan psikomotor pelajar.

Seterusnya menurut Dagar V dan Yadav A (2016), pendidikan melibatkan proses pembangunan dan pembelajaran dalam kalangan pelajar menggunakan pelbagai bentuk, guru memainkan peranan sebagai fasilitator dalam bidang kurikulum. Pendidikan yang berkesan adalah proses seorang guru, pelajar dan sekolah yang terlibat secara aktif dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun menurut sarjana ini, sistem pendidikan kini lebih menekankan kepada penyediaan latihan semata-mata untuk memberi ujian pada pelajar tetapi tidak memupuk pembelajaran secara terperinci dalam kalangan pelajar di sekolah mahupun institusi awam. Lazimnya pendekatan tradisional seperti kaedah kuliah diaplikasi oleh guru-guru seperti di sekolah-sekolah India. Menurut Dagar V dan Yadav A (2016), sekolah di India dengan menggunakan teknik hafalan hanya melibatkan sebahagian pelajar yang dipilih sahaja sementara pelajar yang berfikiran secara *creatifthinking* tidak digalakkan kerana bagi guru-guru pelajar tersebut sudah mahir untuk menguasai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran. Semasa proses PnP dijalankan, satu pendekatan teori secara langsung digunakan oleh tenaga pengajar di sekolah-sekolah India iaitu teori konstruktivisme. Konstruktivisme merujuk kepada pembelajaran pelajar beradasarkan persekitaran di dalam mahupun di luar bilik darjah. Walau bagaimanapun guru-guru di India sering berhadapan dengan cabaran iaitu pelajar tidak mengambil peduli dalam pembelajaran mereka. Pelajar mudah terganggu dengan persekitaran luar, membuat bising, bermain dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana persepsi individu yang wujud antara pelajar, pengetahuan latar belakang mereka dan gaya pengajaran sering diabaikan dalam kelas. Sistem pendidikan yang wujud harus memberikan bahan pengajaran yang lebih unik dan kreatif bagi kesemua pelajar yang cenderung supaya dapat memberi manfaat kepada mereka dengan gaya pembelajaran dan pengetahuan tentang latar belakang pelajar sesuai dengan bahan pengajaran. Sekiranya gaya pengajarannya guru dapat mengatasi masalah pelajar seperti ini, maka pembelajaran menjadi lebih mudah dan pelajar-pelajar di India menjadi semakin bersemangat dan dapat meningkatkan hasil pembelajaran. Berdasarkan pendapat sarjana ini, definisi kontruktivisme boleh dikaitkan dengan pembelajaran dan persekitaran guru dan pelajar semasa menjalankan proses PnP. Dengan itu, dalam proses pengajaran bahasa Iban juga guru perlu memainkan peranan penting di dalam menarik minat dan perhatian pelajar tentang pengajaran e*nsera*, agar ia tidak bermasalah dalam proses pengajaran di sekolah.

Menurut Qiaoyi Guo (2016), konstruktivisme telah berkembang daripada teori pembelajaran baru selepas teori behaviorisme. Ia dianggap sebagai teori pengajaran moden dalam sistem pendidikan. Dengan perkembangan dunia teknologi maklumat,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terutamanya *World Wide Web*, aktiviti pengajaran bahasa sangat bergantung kepada teori konstruktivisme. Pendapat Peter E. Doolittle dan William G.Camp yang dipetik oleh Qiaoyi Guo (2016), menjelaskan teori pembelajaran yang lama telah diteliti dalam falsafah dan psikologi. Inti teras konstruktivisme adalah satu platform kepada para pelajar supaya sentiasa aktif dalam membina pengetahuan dan makna di dalam pembelajaran dari pengalaman mereka sendiri. Menurut David Moshman yang diulas oleh Qiaoyi Guo (2016), konstruktivisme sering digambarkan sebagai satu teori dalam pengajaran dan pembelajaran yang harus diteruskan. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui tanggapan secara menyeluruh, teori ini mempunyai banyak perbezaan mengikut definisi yang dijelaskan oleh pendapat dalam konstruktivisme. Antara salah satu makna teori itu ialah Konstruktivisme kognitif yang dipelopori oleh Jean Piaget. Teori Piaget menunjukkan bahawa seseorang tidak boleh menyalurkan maklumat yang diperolehi dengan mudah memahami dan menggunakannya, sebaliknya, individu tersebut mestilah membina pengetahuan mereka sendiri melalui pengalaman. Oleh itu, pengetahuan adalah hasil dari penyampaian yang tepat dan pembinaan semula idea baharu sebagai contohnya proses pengalaman lalu dan pembinaan semula idea baharu kerana ia disebut sebagai proses pembelajaran. Oleh itu, teras struktur pengetahuan seseorang tidak dapat disalurkan kepada oleh orang lain. Pengetahuan sedia ada tidak diajar oleh guru, tetapi melalui latar belakang sosial dan budaya dengan masyarakat lain, bahan bantu mengajar amatlah diperlukan bagi proses berkongsi ilmu baik daripada pelajar mahupun guru.

Pendekatan menggunakan teori konstruktivisme dalam pembelajaran ialah pelajar mempunyai pengertian berasaskan pemahaman mereka dalam bahasa. Oleh itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

komunikasi adalah penting dalam kesemua aspek pembelajaran. Pembelajaran adalah satu proses seseorang dalam mempelajari sesuatu bidang dan ia tidak boleh ditinggalkan meskipun individu tersebut atau pelajar tidak menghadiri kelas. Oleh hal yang demikian, pengetahuan merupakan sesuatu yang dimiliki oleh individu dan masyarakat tidak kira ianya diajar di dalam kelas mahupun di luar sekolah. Pembelajaran ditetapkan dalam konteks diri kanak-kanak dan pelajar agar mereka menyedari tujuan dan aplikasi pembelajaran mereka, serta kesan terhadap pembelajaran mereka. Tumpuan utama dalam menggunakan teori konstruktivisme dalam pembelajaran ialah dari sudut persekitaran yang mempengaruhi pelajar. Dengan itu, komunikasi memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran bahasa dan semasa proses pembelajaran bahasa dijalankan, guru harus memberi perhatian kepada keaktifan pelajarnya dan keberkesanan pembelajaran melalui pesekitaran (Qiaoyi Guo, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala pendekatan dengan menggunakan teori konstruktivisme dalam aspek pengajaran pula, Bruce Joyce telah memberi saranan mengenai satu stategi dalam pengajaran mereka iaitu guru bahasa perlu mengajar pelajar cara untuk memperoleh maklumat, mengingati pengetahuan terhadap sesuatu bahasa, menguasai kemahiran bahasa, cara belajar berfikir dalam bahasa yang disarankan seperti bahasa melayu atau bahasa Inggeris dan menjelaskan sesuatu melalui bahasa, dan seumpamanya. Sepanjang proses ini dilaksanakan, peranan persekitaran pembelajaran sangat penting bagi guru bahasa dan pelajar. Tegasnya lagi penggunaan model pengajaran adalah melibatkan pelajaran dengan persekitaran pembelajaran yang ditakrifkan sebagai tatacara atau peringkat pengajaran yang cemerlang dan berkesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan dibentuk melalui bimbingan ideologi pengajaran. Berdasarkan teori pembelajaran konstruktivisme, model pengajaran telah dibentuk serta boleh ditafsirkan sebagai model yang menekankan sikap pelajar, bermaksud guru bertindak sebagai pembimbing, memberi panduan, membantu dan meningkatkan lagi tahap intelektual dan kreativiti pelajar melalui cara pergaulan dan kerjasama dan membantu pelajar mencapai tahap pengetahuan yang mereka pelajari (Qiaoyi Guo, 2016). Dengan itu pengajaran berasaskan teori konstruktivisme berjaya di terapkan pada guru dan pelajar jika ia seimbang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam pada itu, Yun-Kyung Cha dan Seung-Hwan Ham (2012), pengajaran sering dikaitkan dengan penggunaan teknologi yang canggih. Namun begitu, pengajaran di dalam kelas secara tradisional masih lagi penting digunakan oleh guru-guru di sekolah. Meskipun terdapat guru moden yang mempunyai pengetahuan kepada pengajaran berasaskan teknologi, tetapi mereka tidak dapat menilai tahap pemahaman hanya menggunakan sistem, guru perlu membuat pemerhatian pada setiap masalah dalam pembelajaran muridnya dengan mata kasar. Amalan pengajaran adalah secara semula jadi, dari segi konteks penerangan jelas antara guru dan pelajar (dua hala) dan tidak selalunya menerapkan teori semasa mengajar. Sesungguhnya amalan pengajaran sering dilihat sebagai “prototaip” yang sangat besar bagi seorang pendidik (Shulman,139) dan dipetik oleh Yun-Kyung Cha dan Seung-Hwan Ham (2012). Ini merupakan salah satu sebab guru bimbang akan masalah pengajaran mereka. Sepatutnya pihak tertentu seperti kementerian pendidikan turut terlibat dalam merealisasikan pendidikan yang berkesan dan membuat dasar baharu berkenaan dengan isu semasa terutama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan pengajaran itu merupakan satu masalah yang dihadapi oleh guru satu konsep yang dijadikan sebagai cadangan dalam kajian Yun-Kyung Cha dan Seung-Hwan Ham (2012), iaitu pendekatan pengajaran konstruktivisme. Bertitik tolak daripada itu, guru dapat memupuk penglibatan pelajar melalui pengalaman sedia ada dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Ciri utama yang mendasari pendekatan ini ialah falsafah pedagogi yang menekankan pentingnya penglibatan pelajar dalam pembelajaran berasaskan penyelidikan. Peranan guru dalam memberi arahan dan cuba memimpin pelajar melalui soalan dan aktiviti adalah salah satu platform membantu pelajar memahami, menemui, dan membina pengetahuan baru (Fosnot 1996; McLaughlin dan Talbert 1993; Weimer 2002) dan dipetik daripada Yun-Kyung Cha dan Seung-Hwan Ham (2012). Oleh itu, apabila guru menggunakan strategi pengajaran yang berasaskan pendekatakan kontruktivisme, maka guru telah membuka peluang kepada pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran berasaskan pertanyaan, pengajaran secara dua hala, menumpukan lagi perhatian pelajar serta pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih seronok.

Selaras dengan definisi yang dijelaskan oleh sarjana di atas, pengajaran bahasa Iban memerlukan pendekatan teori seperti konstruktivisme terutamanya untuk mengajar *ensera.* Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini merupakan satu cara untuk meningkatkan lagi peranan guru dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar bagi mengasah ilmu pengetahuan sedia ada sehingga dapat membentuk pengetahuan baharu melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang di dalam mahupun di luar bilik darjah. Menerusi aktiviti ini minat pelajar dapat dipupuk secara langsung bagi memperoleh penghayatan dalam situasi sebenar yang dirasai oleh mereka menerusi watak dan perwatakan serta jalan cerita yang disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2.3 Teori Moral

Menurut Dinar Dewi Kania (2013) moral dan nilai merupakan satu makna yang melibatkan aspek dalaman, luaran dan sosial masyarakat. Sejak abad ke-20, pendidik di negara Barat berusaha untuk menekankan bidang pendidikan yang berkaitan dengan nilai dan moral sebagai salah satu cara penyelesaian masalah akhlak individu. Secara umum, ilmu sosiologi menggariskan bahawa nilai dikonsepkan sebagai "*group conceptions of relative desirability things*" atau bermaksud sesuatu konsep yang melibatkan kelompok masyarakat yang mempunyai keinginan terhadap sesuatu. Nilai ditakrifkan sebagai idea mengenai sesuatu perkara yang mencerminkan keperibadian manusia. Terdapat dua perbezaan dalam nilai iaitu nilai yang berasaskan kehendak dalam sesuatu masyarakat (*ideal value)* dan nilai yang mempunyai kebenaran (*real value)* telah menjadi rutin harian kepada kelompok masyarakat. Dengan itu teori berkaitan dengan nilai disebut sebagai etika yang melibatkan pemikiran daripada akal manusia. Secara umum etika sering disamakan dengan moral, namun begitu pandangan ini juga menjelaskan bahawa etika bersifat teori dan moral bersifat pratikal. Etika bersifat teori ini melibatkan aspek perbuatan manusia sama ada baik mahupun buruk manakala moral pula berkaitan dengan perspektif dalam kalangan masyarakat. Berbeza dengan pandangan barat terhadap nilai, moral, dan etika, pendapat ini menganggap bahawa nilai ialah sesuatu yang perlu dipertahankan melalui pemikiran positif dan negatif sejak zaman Yunani sehingga kini. Melalui perbezaan pendapat dalam kalangan Barat, perselisihan faham di antara Eropah dan Belanda terhadap kepimpinan turut terjejas. Masyarakat Barat pada akhirnya menganggap nilai-nilai merupakan satu fenomena yang dianggap sebagai subjektif yang dialami oleh individu dalam kehidupannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Christopher Cordner (1991), beranggapan bahawa pengetahuan terhadap kesusasteraan dianggap sebagai satu tindakan yang berasaskan moral, etika dan nilainya tersendiri. Pengetahuan itu dikatakan salah satu idea yang perlu dipertimbangkan dalam setiap keputusan berdasarkan baik buruk sesuatu perkara. Hal ini demikian kerana pelbagai ilmu yang membentuk dari sudut pandangan contohnya, seseorang diamanahkan untuk memegang akaun kewangan tetapi telah melanggar tanggungjawab yang diberikan. Ini bermakna nilai yang diberikan adalah nilai kejujuran namun tidak jujur dalam melaksanakan tugasan yang diberi. Daripada contoh yang dinyatakan wajarlah bahawa pengetahuan terhadap tindakan dikatakan sebagai satu idea dalam membuat pertimbangan sama ada mengenakan tindakan, memberi denda atau sebaliknya (Christopher Cordner, 1991). Idea yang ditegaskan disitu berkaitan dengan nilai dalam diri individu. Dengan itu, kesusasteraan boleh dikaitkan sebagai sebuah kehidupan sesorang yang dijadikan sebagai pengajaran kepada masyarakat.

Iris Loosman (2013) mendefinisikan teori moral Aristotle sebagai satu sifat yang bermoral dari segi kepimpinan seseorang dalam kehidupan yang baik dan membolehkan nilai itu terus berkembang. Melakukan kebaikan ialah satu sifat yang lahir daripada diri sendiri dan berfungsi secara natural. Iris Loosman (2013) mengambil contoh yang dibina berdasarkan teori moral Aristotle iaitu tentang seorang tukang kayu mempunyai caranya tersendiri seperti melakukan kebaikan dan ingin melakukan tugasnya dengan penuh teliti sehingga dia mencapai kejayaan. Kebaikan yang dilakukan oleh tukang kayu ini ialah satu contoh terhadap kepentingannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sendiri kerana tukang kayu ini percaya jika dia melakukan kebaikan, maka hasil yang di peroleh juga akan mencapai satu kejayaan. Oleh itu, cara yang dilakukan oleh tukang kayu ini telah memberi gambaran melalui perbuatan dan jiwanya sesuai dengan nilai dalam diri sebagai seorang manusia. Pengajaran yang diperoleh melalui cerita yang dijelaskan ialah sebagai seorang manusia hendaklah mengamalkan nilai kebaikan semasa melaksanakan sesuatu agar mendapat hasil yang diinginkan. Di samping itu, kebaikan manusia amat tinggi nilainya kerana boleh memberi kebahagiaan, kepada orang lain dan dirinya sendiri. Lahirnya sebuah kebahagiaan tertakluk kepada sikap manusia yang sentiasa mengamalkan nilai moral yang sangat tinggi pada dirinya dan terus berkembang mengikut peredaran zaman. Bagi membentuk nilai dalam teori moral Aristotle ini aktiviti yang melibatkan kebaikan dalam diri manusia perlu dipupuk melalui watak, tabiat dan sikap serta boleh melakukan kebaikan tidak kira di mana berada. Intihannya, manusia harus sentiasa bersikap rasional dalam melaksanakan sesuatu keputusan agar tiada pihak yang berasa tersinggung apabila mendengar kata-kata daripada perlakuaannya.

Menurut Motsamai Molefe (2017), pengertian moral amat penting kerana ia mempunyai nilai moral yang sangat tinggi. Menerusi nilai moral ini, individu wajib dan disarankan untuk sentiasa menunjukkan tingkah laku yang positif kerana dengan adanya nilai moral dalam diri menjadi cerminan kepada keperibadian seseorang itu boleh dikenal pasti sama ada baik ataupun sebaliknya. Tegasnya lagi, moral menentukan perbuatan yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan dengan menekankan aspek identiti sesorang. Daripada definisi berkaitan dengan moral, jelaslah bahawa setiap tingkah laku manusia haruslah dipertimbangkan supaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian terhadap individu tidak mendatangkan kerugian atau di salah tafsir. Berdasarkan pertimbangan ini juga, individu tertentu tidak akan mudah tersinggung jika terdapat kesalahan dilakukan kerana ia boleh ditegur secara baik dan tidak dengan melibatkan isu sentitif pada teguran. Terdapat satu konsep moral yang dijadikan pegangan dalam kehidupan seseorang iaitu memiliki sifat secara langsung terhadap moral dan cara untuk mengekalkan nilai moral di dalam diri dan masyarakat. Dengan ini keadaan akan bertambah lebih baik daripada sbelumnya dan generasi baru dapat dibina menjadi seorang insan yang lebih berguna pada keluarga, masyarakat, bangsa dan negara (Motsamai Molefe, 2017).

Pendapat seterusnya berkenaan dengan sikap moral sesetengah pelajar yang masih lagi tidak matang. Pelajar seperti ini disebabkan oleh pengajaran moral yang tidak diterapkan di rumah, wataknya sendiri dan faktor umur yang masih lagi boleh berfikiran jauh (Donald W. Swarthout, 1988). Kesannya mereka akan membuat keputusan yang negatif dan melanggar peraturan sehingga menumbulkan masalah dan konflik dalam diri (interpersonal). Sebagai contoh, pelajar yang dikaitkan dengan kes-kes jenayah. Golongan remaja yang dihantar ke pusat pemulihan seperti juvana menunjukkan bahawa kemampuan pemikiran mereka terhadap nilai moral masih lagi tidak matang dari segi aspek kawalan dalam diri. Oleh itu, keluarga dan guru tidak dapat mengawal sikap pelajar seperti ini kerana mereka berani melakukan kesalahan di luar batasan. Di samping itu, belia antisosial telah mengemukakan satu cara untuk menangani masalah remaja yang kurang bermoral seperti ini. Contohnya dalam pusat pemulihan juvana bidang pembangunan empati serta orientasi menjadi satu kewajipan dalam pelajaran seharian mereka. Kesannya pelajar dapat memupuk sikap mereka ke

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

arah yang lebih baik. Guru yang mengajar di sekolah juvana bukanlah sekadar guru biasa tetapi mereka adalah tenaga pendidik yang berani dan cekal dan boleh mengatasi masalah moral pelajar. Secara umumnya, para psikologi menganalisis moral dan diri individu yang bermasalah melalui pemerhatian. Pendapat Kurtines (1984) terhadap penyelidikan psikologi yang dipetik oleh Donald W. Swarthout (1988), berkaitan dengan perkembangan moral dan tingkah laku telah diberi tumpuan terutamanya kepada sikap individu mengikut tahap penguasaaan moral, sifat moral, tingkah laku dan sejarah pengalaman lalu individu tersebut. Meskipun pandangan individu lain terhadap teori psikologi dan teori pembelajaran sosial telah digunakan, namun teori Kohlberg ditekankan dalam pendekatan pengajaran untuk membangunkan moral khususnya dalam bidang pendidikan terhadap pelajar yang bermasalah dari segi tingkah laku, emosi dan rohani. Oleh itu, di sekolah pengajaran pendidikan moral sangat penting untuk dipelajari kerana melalui pengajaran formal ini pelajar lebih mudah dalam menguasai nilai-nilai yang ditekankan melalui penghafalan dan secara langsung nilai moral dapat membentuk mereka dari segi akhlak yang mulia.

Moral juga diertikan sebagai asas dalam hubungan kekeluargaan, kejiranan, persahabatan dan persekitaran (John L. McNeill dan Gary J. DeLeeuw, 2020). Pembentukan moral dalam diri seseorang haruslah daripada mereka kanak-kanak lagi dengan memperkenalkan konsep kebaikkan dan keburukan dalam perbuatan. Dalam proses pembentukan ini kanak-kanak mempunyai komitmen terutamanya dalam membentuk tingkah laku mereka dikawal oleh ibu bapa daripada aktivti sosial yang tidak sihat. Oleh itu pengajaran moral haruslah diperkukuhkan di sekolah bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu ibu bapa dalam membentuk sahsiah anak mereka dengan lebih mendalam lagi. Sekolah merupakan sebuah institusi dalam pendidikan untuk melahirkan seorang yang berilmu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dalam masa yang sama sekolah adalah tulang belakang kepada masyarakat dan negara untuk menjadikan nilai-nilai moral diterapkan dalam diri pelajar. Hubungan masyarakat dan sekolah memang tidak dapat dipisahkan kerana cara ini menjayakan pengaruh nilai-nilai yang dipelajari serta dapat mengubah, meningkatkan dan memperbetulkan keadaan dalam hubungan sosial dengan ilmu yang dimiliki. Fungsi asas dalam pengajaran nilai ialah pengajaran secara tradisional. Pengajaran tradisional ini termasuklah pengajaran di rumah (ibu bapa memainkan peranan sebagai guru), sentiasa memberi contoh yang baik terhadap anak-anak mereka serta bersikap toleransi meskipun banyak komitmen yang harus dilaksanakan namun ibu bapa harus membentuk tingkah laku anak-anak mereka sebelum dihantar ke sekolah. Dengan itu jelaslah bahawa definisi berkenaan dengan moral bukan sahaja dari aspek tingkah laku malah kerjasama adalah satu perkara penting yang dijadikan sebagai platform untuk membentuk seseorang memperoleh kejayaan dalam kehidupannya.

Terdapat satu lagi pendapat menjelaskan guru merupakan seorang yang profesional dan beretika kerana mempunyai ilmu pedagogi terhadap nilai-nilai dan matlamat pendidikan dalam bilik darjah terutamanya di Finland (Elina Kuusisto dan Kirsi Tirri, 2019). Nilai-nilai adalah satu keunikan yang ada bagi setiap murid di Finland. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai yang dipelajari menjurus kepada nilai kemanusiaan, pengetahuan umum pelajar, keupayaan menguasai nilai, keadilan dan kesatuan dalam pelbagai budaya yang kaya dengan cara hidup berbeza dan boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikongsikan bersama-sama. Nilai-nilai murni yang dipelajari mampu memberi impak kepada pendirian pelajar serta meningkatkan tahap pengetahuan yang perlu dipraktikan dengan masyarakat setempat mahupun di luar negara. Setiap pelajar harus diberi peluang untuk menguasai nilai yang diajar di dalam kelas dengan menggunakan pelbagai cara pengajaran supaya pelajar minat dalam nilai moral.

Berdasarkan makna moral atau nilai yang dijelaskan oleh sarjana-sarjana di atas, jelaslah bahawa moral berkait rapat dengan tingkah laku, sikap, perbuatan, amalan, kepercayaan dan pengetahuan invidu. Pengertian ini ialah satu platform bagi seseorang untuk memperoleh kejayaan sekiranya diterapkan di dalam diri dan disampaikan kepada generasi seterusnya supaya akhlak dibina dengan hasil yang berbentuk mulia. Tindakan yang bermoral boleh menjamin kesejahteraan hidup sesebuah masyrakat kerana ia mendatangkan sesuatu yang positif dan tidak menyinggung perasaan orang lain apabila melakukan sesuatu keputusan ataupun saranan yang memberansangkan seperti motivasi, nasihat, teguran dan sebagainya. Dengan itu definisi dan pandangan terhadap moral atau nilai yang dihuraikan oleh sarjana di luar negara sama seperti pendapat yang dihuraikan oleh sarjana tempatan, meskipun berbeza keadaan dan negara namun moral adalah satu sikap yang tinggi dalam kehidupan individu kerana ia mencerminkan keperibadian seseorang. Dengan itu, pengkaji menggunakan teori moral untuk menunjukkan nilai-nilai yang terdapat dalam pengajaran *ensera* untuk diterapkan pada diri pelajar khususnya masyarakat Iban kerana *ensera* bersifat deduktis yang mempunyai unsur nilai di akhir pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2.4 Penghayatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya dalam bidang pengajaran terutamanya pengajaran menggunakan kesusasteraan dan drama adalah guru harus menyediakan aktiviti seperti menggunakan kaedah simulasi untuk pelajar di mana mereka dapat berfikir dan menghujahkan pendapat mengenai dilema dalam nilai moral (Jaap Schuitema, Geert Ten Dam dan Wiel Veugelers, 2007). Dari perspektif pendidikan mengajar sastera dengan berfokuskan watak, Estes danVásquez-Levy (2001) dan dipetik oleh (Jaap Schuitema, Geert Ten Dam dan Wiel Veugelers, 2008), mencadangkan pengajaran kesusasteraan perlu menerapkan nilai-nilai moral dan isu-isu etika kepada pelajar. Ini kerana dapat membantu mengelakkan pelajar daripda terjebak dengan isu-isu negatif. Beliau berpendapat bahawa pandangan dalam sesebuah watak bukan hanya untuk menerangkan penyampaian watak semata-mata tetapi dilihat dari aspek nilai warisan budaya seseorang melalui kesusasteraan. Kesannya pelajar dapat mempelajari nilai warisan kebudayaan mereka melalui kesusasteraan. Sementara itu, dalam pengajaran kesusasteraan kritikan ialah satu perkara yang menjadi rutin pada pembaca untuk memberi pendapat dan saranan terhadap jalan cerita yang disampaikan. Selaras dengan kritikan ini, drama dijadikan sebagai satu bahan pengajaran kerana ia melibatkan emosi pelajar. Melalui emosi itu, pelajar dapat memahami dan mendalami watak yang ingin disampaikan sekaligus menjadikan pengajaran sastera satu aktivti yang menyeronokkan. Pelajar dapat mengenal pasti watak-watak yang hebat dalam cerita itu dan dapat menggabungkan aspek emosi seperti kehidupan sebenar dan dilema dalam sebuah perwatakaan yang mengandungi unsur moral, estika dan nilai. Walau bagaimanapun pendapat Wisnton (1999) yang dipetik oleh Jaap Schuitema, Geert Ten Dam dan Wiel Veugelers (2008) menganggap aktiviti perbincangan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kalangan pelajar atau membuat pembentangan di dalam kelas ialah satu cara yang amat berkesan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan para pelajar terhadap moral yang ada dalam watak-watak yang diajar dalam sastera. Dengan berbuat demikian, pelajar sedar akan baik buruk sikap yang perlu di contohi mahupun tidak kerana menggunakan aktiviti berdrama pelajar sendiri dapat menghayati watak antagonis dan protagonis yang terdapat dalam pengajaran sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Penutup

Penggunaan kaedah dan teknik pengajaran adalah sesuatu yang sangat penting dalam diri pendidik kerana dapat memberi kesan dan impak kepada perkembangan generasi akan datang dari segi ilmu pengetahuan. Pendapat mengenainya telah dibicarakan melalui kajian-kajian tempatan dan luar negara. Pengkaji turut menyentuh tentang teori yang perlu dipratikkan dengan ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang guru agar pengajarannya lebih mantap dan berkesan.

Sehubungan itu, pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara menyentuh tentang nilai-nilai yang terdapat dalam budaya sastera khususnya yang diperjelaskan dalam masyarakat Iban melalui *ensera.* Tinjauan ini dapat memberi idea kepada pengkaji untuk meneruskan kajiannya terhadap aspek pengajaran, pembelajaran serta nilai-nilai moral yang ada pada *ensera* untuk dihayati di dalam dunia pendidikan. Jelaslah bahawa pendapat-pendapat sarjana mengenai kaedah, teknik serta nilai dalam sastera amat penting dan perlu diwarisi oleh pelajar agar dapat dikekalkan untuk kesejahteraan hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merujuk kepada proses, prinsip, dan prosedur yang akan digunakan untuk mendekati permasalahan dan mencari jawapan. Ini bermakna metodologi adalah suatu pendekatan umum untuk mengkaji topik yang berkaitan sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji kerana penyelidikan yang dijalankan mementingkan data-data untuk mencapai objektifnya. Bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, kerangka teoritikal, kaedah kajian, populasi dan sampel, prosedur pengumpulan data, instrumen kajian, kesahan kebolehperayaan dan penganalisisan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif sebagai pendekatan. Pendekatan kualitatif dipilih kerana proses penyelidikan lebih menjurus kepada pengumpulan maklumat tentang kaedah dan teknik pengajaran guru Bahasa Iban semasa mengajar *ensera.* Kesemua elemen akan dinilai berlandaskan proses perlaksanaan kaedah pemerhatian, temu bual dan senarai semak terhadap peserta kajian. Maklumat yang dikumpul adalah dalam bentuk ayat atau perkataan yang diperoleh melalui temu bual dan senarai semak (Chua Yan Piaw, 2010, p. 57). Pengkaji akan meninjau dan menilai dengan melalui temu bual dan senarai semak yang dilakukan oleh guru-guru Bahasa Iban yang mengajar *ensera* dan guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar serta ilmu pengetahuan dalam *ensera.* Data yang diperoleh menghasilkan satu bentuk model amalan terbaik iaitu model mengalami-menghayati. Rajah 3.1 menunjukkan reka bentuk kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian

Rajah 3.1 menunjukkan reka bentuk kajian kualitatif yang dijalankan menggunakan kajian lapangan. Reka bentuk kajian kualitatif dipilih kerana reka bentuk kajian ini merupakan satu cara yang berkesan untuk mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat berkaitan pengumpulan data bagi menghasilkan penjelasan dan penilaian sesuatu fenomena bagi situasi baru dengan melihat hubung kait antara pemboleh ubah atau faktor dalam konstruk yang membina teori yang diselidiki. Reka bentuk kualitatif yang digunakan ialah untuk menerangkan idea yang lengkap untuk dibangunkan kepada reka bentuk akhir dan bertujuan dinilai hasilnya. Dalam kajian ini reka bentuk kualitatif bertujuan bagi menerangkan tentang objektif-objektif kajian iaitu menyelidik kaedah dan teknik pengajaran guru bahasa Iban menggunakan e*nsera,* meneliti amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera* dan menunjukkan hasil penilaian tahap penguasaan nilai moral dalam *ensera* melalui model mengalami-menghayati. Seterusnya, teori yang dimanfaatkan dalam kajian ini ialah teori konstruktivisme untuk melihat aspek kaedah dan teknik pengajaran guru manakala teori moral sebagai panduan untuk melihat nilai yang terdapat dalam *ensera.* Kaedah kepustakaan digunakan sebagai pemerhatian untuk mencari maklumat berkaitan dengan kajian manakala kaedah lapangan seperti menggunakan instrumen temu bual dan senarai semak sebagai pengumpulan data yang melibatkan 10 sampel kajian yang terdiri daripada 4 orang guru bahasa Iban dan 6 orang guru yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan terhadap e*nsera.* Hasil dapatan kajian dianalisis secara bertulis dan data kajian dioperasikan dalam bentuk transkripsi. Setelah kesemua data selesai dilaksanakan, perbincangan, kesimpulan dan cadangan untuk masa akan datang akan dibincangkan dalam bab 5 berikutnya.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Kerangka Teoritikal

Dalam kerangka teoritikal kajian, dua teori penting yang dipilih oleh pengkaji dan diaplikasikan untuk mencapai objektif kajian dan seterusnya dapat menjawab soalan kajian. Teori tersebut ialah Teori Konstruktivisme dan Teori Moral. Pengkaji menggunakan Teori Konstruktivisme untuk mengupas dan menghuraikan pendekatan pengajaran yang berkesan untuk mengajar *ensera* dari aspek kaedah dan teknik dalam pengajaran bahasa Iban. Manakala Teori Moral pula digunakan untuk menunjukkan hasil penilaian tahap penguasaan pelajar terhadap nilai moral dalam *ensera* melalui model mengalami-menghayati. Justeru, kerangka teoritikal kajian ini akan menjadi panduan untuk menjelaskan objektif kajian, soalan kajian dan data kajian, agar dapat meningkatkan pemahaman dan pelaksanaan kajian dibuat secara terperinci. Rajah 3.2 dibawah menunjukkan kerangka teoritikal yang digunakan dalam kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 3.2. Kerangka Teoritikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.2 menunjukkan teori konstruktivisme dan teori moral yang dimanfaatkan di dalam kajian ini. Teori konstruktivisme digunakan untuk mengenal pasti aspek kaedah dan teknik dalam mengajar *ensera.* Setelah meneliti aspek-aspek tersebut, pengkaji merujuk teori ini untuk mengenal pasti amalan terbaik sebagai PdPc bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Seterusnya melalui amalan terbaik dalam PdPc yang disarankan, pengkaji menunjukkan hasil penilaian guru terhadap tahap penguasaan nilai moral dalam *ensera* melalui model amalan terbaik yang dikenali sebagai model mengalami-menghayati yang akan dibincangkan berikutnya.

3.4 Model amalan terbaik dalam PdPc



Rajah 3.3. Model mengalami-menghayati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.3 menunjukkan satu model amalan terbaik sebagai pdpc pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* di dalam kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana model ini mempunyai ciri-ciri seperti berikut: setiap individu mempunyai pengalaman tersendiri iaitu daripada hasil pengalaman lalu dan nilai warisan, guru membimbing pelajar untuk mendapatkan emosi dan pengalaman daripada karya, seterusnya penikmatan dan penghayatan amat dititikberatkan dalam pengajaran sastera. Ketiga-tiga ciri ini dapat memberi kesan kepada pelajar untuk menguasai setiap jalan cerita yang terdapat dalam sesebuah karya. Oleh itu bahan bantu mengajar dan teknik menyoal dapat membantu guru bagi mencapai objektif pengajaran dan pelajar perlu diberikan peluang membaca karya-karya kesusasteraan dahulu dalam masa tertentu untuk memperoleh kesan keseluruhan penghayatan. Jelaslah bahawa ciri-ciri tersebut boleh memberi kesan terhadap pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera* sama seperti pengajaran komsas.

Berikut adalah penerangan bagi model mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera:*

Pengalaman lalu

1. Guru menggunakan pengetahuan sedia ada memberi penerangan terlebih dahulu mengenai *ensera* melalui pengalaman lalu. Sebagai contoh, guru memberikan maksud *ensera* secara umum dan menceritakan e*nsera* yang pernah di dengar suatu ketika dahulu kepada pelajar dengan intonasi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gaya yang betul seperti kelantangan suara dalam membaca watak dan pergerakkan badan dalam membuat penjelasan agar pelajar dapat merasai jalan cerita yang disampaikan.

2. Para pelajar akan menjadi pendengar dan penonton serta mengemukakan soalan ataupun pandangan terhadap *ensera* melalui pengetahuan sedia ada mereka.

Pengalaman baharu

1. Seterusnya guru membimbing pelajar untuk mendapatkan emosi dalam *ensera.* Sebagai contoh, guru menggunakan teknik soal jawab untuk mencungkil pandangan, pendapat, pertimbangan, dan penilaian para pelajar berdasarkan pengalaman lalu.

2. Untuk meningkatkan pengalaman baharu, pelajar digalakkan melakukan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan watak atau jalan cerita yang ada dalam *ensera.* Sebagai contoh para pelajar melakonkan semula babak yang dipilih oleh mereka sendiri melalui pemahaman terhadap teks yang disampaikan. Melalui aktiviti seperti ini penglibatan para pelajar digunakan secara menyeluruh.

3. Dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera,* bahan bantu mengajar amat penting supaya memberi pengalaman baharu kepada pelajar, contohnya gambar-gambar, pita rakaman, kostum dan objek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebenar tentang sesuatu perkara dalam e*nsera.* Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mewujudkan penikmatan dan penghayatan kepada para pelajar terhadap e*nsera.*

Penghayatan dan pengalaman baharu

1. Pelajar akan mendengar, melakukan aktiviti, serta melakonkan sekaligus menghayati masalah dan cabaran yang dihadapi oleh watak mengikut kreativiti sendiri.

2. Melalui penghayatan dan pengalaman baharu, pelajar dapat menyelesaikan masalah dan cabaran dengan lebih mudah dan pantas dengan meletakkan diri dalam situasi sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas dan tidak terikat dengan soalan temu bual yang telah dibuat terlebih dahulu. Berikut merupakan penerangan dan prosedur temu bual yang dijalankan oleh pengkaji:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Temu Bual


Temu bual didefinisikan sebagai wawancara yang melibatkan satu proses untuk mendapatkan data dengan menemui seseorang atau satu kumpulan kecil secara bersemuka serta melakukan soal jawab atau berkomunikasi antara dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2018, p. 507). Pengkaji menggunakan soalan temu bual jenis separa berstruktur dan berbentuk protokol temu bual. Temu bual jenis separa berstruktur dipilih kerana pengkaji mempunyai kebebasan untuk menanyakan soalan yang lebih mendalam supaya mendapat jawapan yang hendak dikaji.

Temu bual separa berstruktur mempunyai ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka dengan ciri-ciri mengarah dan seragam dan soalan-soalan temu bual ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka serta boleh dikembangkan lagi mengikut pengetahuan penemu bual dengan responden (Rosliah Kiting, 2016, p. 113-114). Temu bual ini dilakukan dengan mengemukakan turutan soalan, cara soalan yang diajukan dan bentuk soalan boleh berubah-ubah. Hal ini berlaku kerana bergantung kepada reaksi dan maklum balas yang diberi oleh responden kepada penemu bual. Soalan protokol temu bual mempunyai kandungan yang memberi penerangan serta pemilihan dan penyusunan soalan juga diubah mengikut pandangan penemu bual berdasarkan apa yang dirasakan perlu dan bersesuaian pada waktu temu bual dijalankan. Dengan itu, penggunaan jenis temu bual ini lebih fleksibel dan sesuai untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan maklumat lanjut yang lebih mendalam dan membolehkan soalan seterusnya dikemukakan mengikut keperluan kajian secara spontan dan mendalam. Rajah 3.3 di bawah menunjukkan prosedur temu bual:



Rajah 3.4. Prosedur Temu bual

Rajah 3.4 menunjukkan prosedur temu bual yang dijalankan. Kaedah temu bual ialah satu kaedah untuk mengumpul maklumat yang utama dalam kajian lapangan. Kajian ini dilakukan dengan melaksanakan satu kaedah iaitu temu bual secara lisan (perbualan secara bersemuka) dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis dan melalui rakaman suara dengan menggunakan bahan elektronik. (Chua Yan Piaw, 2014, p. 139). Definisi temu bual ialah satu perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Sebagai contoh, interaksi bersemuka antara penemu bual dan responden dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat daripada responden kajian secara lisan. Pendapat Denzin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2001), yang dipetik oleh Chua Yan Piaw (2014, p. 139), temu bual harus digunakan lebih daripada hanya sebagai alat pengumpulan maklumat yang bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena.

Pengkaji menggunakan satu jenis temu bual mengikut kegemaran dan kebiasaannya iaitu temu bual separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur ialah antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Sebagai contoh, pengkaji menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan, tetapi penemu bual juga diberi kebebasan untuk menyoal dengan lebih mendalam jawapan responden kepada soalan formal yang telah ditanya (Chua Yan, Piaw 2014, p. 142) dan responden juga boleh mengajukan soalan kepada pengkaji sekiranya soalan yang dinyatakan tidak jelas disebut ataupun pengetahuan pengkaji terhadap soalan yang diajukan. Oleh itu, pengkaji menggunakan temu bual jenis separa berstruktur agar tidak terikat dengan soalan yang telah dibina dan dapat menambah maklumat yang diingini untuk mencapai tujuan kajiannya.

Dalam kajian ini responden merujuk kepada guru. Pengkaji menemu bual 4 orang guru bahasa Iban dan seterusnya 6 orang guru yang mengajar mata pelajaran lain yang berlatar belakangkan kaum Iban sebagai penyalur maklumat. Hal ini dikatakan demikian kerana guru bahasa Iban tidak mencukupi untuk mendapatkan maklumat yang diingini. Oleh itu pengkaji telah memilih guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Kesusasteraan Melayu untuk disoal jawab melalui pengalaman mereka terhadap pengetahuan tentang e*nsera* dan mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang yang diceburi. Tambahan lagi guru-guru bahasa Iban yang ditemu bual mempunyai pengalaman dalam lingkungan 1 tahun sehingga 16 tahun ke atas dalam bidang pendidikan mengikut kepakaran masing-masing selain dalam bidang pengajaran mereka seperti adat, budaya, kepercayaan dan cerita-cerita rakyat warisan. Untuk menjelaskan latar belakang responden lihat pada lampiran C.

Akhir sekali pengkaji menggunakan bahan teknologi maklumat iaitu telefon pintar dan komputer riba untuk merakam maklumat yang disalurkan oleh para guru. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi mengambil langkah awal jika maklumat yang dirakam pada salah satu rakaman tidak dapat dikesan. Oleh itu, pengkaji menggunakan dua jenis bahan teknologi pada masa yang sama pengkaji dapat menyimpan data dengan selamat dan mudah untuk dicari apabila menganalisis data. Guru-guru ditemu bual secara individu dan bukan berkumpulan. Sementara guru yang lain menunggu urutan temu bual, diarahkan untuk membaca soalan protokol temu bual terlebih dahulu sebagai persediaan untuk menjawab soalan. Semasa temu bual pengkaji menandakan senarai semak yang telah disediakan bagi menandakan maklumat yang disalurkan oleh setiap responden. Dengan berbuat demikian pengkaji boleh mengumpul maklumatnya sebanyak yang mungkin melalui pendapat para guru. Berikut adalah soalan protokol temu bual yang digunakan oleh pengkaji:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Proses Menjalankan Temu Bual

Temu bual dijalankan selama empat (4) hari yang berlainan mengikut masa dan kelapangan responden dengan memilih empat orang guru Bahasa Iban dan enam orang guru yang berbangsa Iban mempunyai pengalaman dan pengetahuan terhadap fokus utama di dalam kajian. Pengkaji merekod temu bual dengan menggunakan alat perakam audio supaya memudahkan urusan transkripsi dilaksanakan selepas selesai temu bual dijalankan. Temu bual separa berstruktur digunakan bagi memastikan temu bual yang dijalankan terhadap guru dan penyelidik berjalan lancar dan selesa serta tidak terikat dengan satu soalan sahaja. Dalam sesi temu bual soalan-soalan protokol yang diketengahkan adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan 1: Kaedah Pengajaran

1. Apakah kaedah pengajaran *ensera* yang digunakan untuk mengajar pelajar?

2. Bagaimanakah anda mengaplikasikan kaedah pengajaran e*nsera* di dalam kelas?

3. Pada pendapat anda, adakah kaedah pengajaran *ensera* itu berkesan digunakan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan 2: Teknik

a. Apakah teknik pengajaran *ensera* yang digunakan untuk mengajar pelajar?

b. Bagaimanakah anda mengaplikasikan teknik pengajaran *ensera* di dalam kelas?

c. Adakah teknik pengajaran *ensera* itu berkesan digunakan di dalam kelas?

Soalan 3: Pengetahuan terhadap *ensera*

a. Apakah pengetahuan anda terhadap *ensera?*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan 4: Penghayatan terhadap *ensera*

a. Bagaimanakah anda menerapkan penghayatan pengajaran *ensera*?

Soalan 5: Nilai dalam pengajaran *ensera*

a. Bagaimanakah anda menerapkan nilai murni yang terdapat dalam pengajaran *ensera* kepada pelajar?

b. Nyatakan 5 nilai murni dan contoh yang terdapat dalam e*nsera.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk penjelasan lebih lanjut borang temu bual yang lengkap dinyatakan pada lampiran C.

3.6 Teknik Persampelan

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih kaedah persampelan bertujuan. Sampel bertujuan bermaksud sampel yang dipilih mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai responden kajian (Ghazali Darusalem dan Sufean Hussin, 2018). Responden yang dipilih mempunyai pengalaman mengajar dalam lingkungan 1 hingga 16 tahun ke atas dalam bidang pendidikan dan berpengetahuan dalam *ensera* serta memberi maklumat yang diperlukan dalam objektif kajian ini. Tambahan lagi tenaga pengajar yang pakar dalam mengajar bahasa Iban di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili terdapat 4 orang sahaja. Manakala 6 orang guru lagi yang dijadikan sebagai responden untuk menambah maklumat terhadap bidang pengajaran dan mempunyai pengalaman dalam e*nsera.* Kesemua responden tersebut terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai pemberi maklumat pengetahuan sedia ada mereka dalam proses pengajaran sastera. Pengkaji memilih persampelan bertujuan kerana memudahkan pengkaji untuk menjimatkan kos, menjimatkan masa, membolehkan urusan dengan cepat dan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Pemilihan responden.

Seseorang yang memberi maklumat tentang sesuatu perkara dikenali sebagai responden (Rosliah Kiting, 2016, p. 106). Responden juga disebut sebagai sampel yang dijadikan sebagai penyalur maklumat dan merupakan satu aspek penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian (Chua Yan Piaw, 2014, p. 228). Pengkaji memilih persampelan secara bertujuan (*purposive sampling*) kerana sampel yang dipilih mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai responden kajian.

3.6.2 Responden kajian

Kesemua guru yang mengajar Bahasa Iban dan merupakan masyarakat Iban, mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam *ensera* dijadikan sebagai responden kajian dengan mengamalkan prinsip hormat kepada setiap jawapan yang diberi kepada pengkaji. Kesesuaian soalan dan jawapan amat penting agar selari dengan objektif kajian yang dijalankan. Oleh itu, pengkaji menggunakan teknik *"purposive sampling"* berdasarkan ciri-ciri tertentu sebagai penyalur maklumat agar tidak berlakunya kesilapan dalam mengumpul data kajian dan boleh dipercayai melalui analisis data yang akan dimanfaatkan dalam bab 4 berikutnya.

Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018, p. 493) menjelaskan persampelan bertujuan ialah pemilihan responden berdasarkan pertimbangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian. Oleh sebab guru yang tidak begitu ramai mengajar bahasa Iban dalam pengajaran e*nsera* khususnya, pengkaji telah memilih kesemua guru-guru tersebut supaya dijadikan sebagai fokus utama untuk mendapatkan maklumat yang ingin diketahui oleh pengkaji dan mengetahui perkembangan serta perjalanan sesuatu fenomena di lokasi kajian dengan baik (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2018, p. 494). Tambahan pula, kesemua guru tersebut dapat memberi maklumat dengan mudah, mempunyai pengetahuan, mudah dihubungi dan berpengalaman.

3.6.3 Latar belakang responden.

Temu bual telah dilakukan pada sesi persekolahan. Hasil daripada senarai semak bagi temu bual mendapati 10 orang informan, sejumlah 4 orang lelaki dan selebihnya 6 orang perempuan telah dipilih sebagai responden kajian. Bidang pengkhususan responden dapat digambarkan seperti dalam jadual yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Demografi Guru SMKE

Guru	Bidang pengkhususan	Pengalaman mengajar
A	Bahasa Melayu	5 tahun
B	Bahasa Melayu	5 tahun
C	Bahasa Melayu	5 tahun
D	Bahasa Iban	5 tahun
E	Bahasa Iban	7 tahun
F	Bahasa Iban	16 tahun
G	Kesusasteraan Melayu	10 tahun
H	Bahasa Inggeris	10 tahun
I	Bahasa Inggeris	6 tahun
J	Bahasa Iban	16 tahun

Jadual 3.1 menunjukkan bahawa bidang pengkhususan guru-guru di SMKE mengikut kepakaran mereka. Seramai 4 orang guru yang mengajar bahasa Iban di SMKE untuk dijadikan sebagai informan kajian terhadap pengajaran bahasa Iban mempunyai pengalaman mengajar dari 5 tahun hingga 16 tahun. Manakala bidang pengkhususan bahasa Melayu terdiri daripada 3 orang, bidang pengkhususan Kesusasteraan Melayu Komunikatif 1 orang dan bidang pengkhususan bahasa Inggeris 2 orang sahaja. Kesemua responden berbangsa Iban dan pengkaji memilih responden-responden tersebut kerana mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang *ensera* meskipun terdapat mereka mengajar dalam mata pelajaran lain. Hal ini demikian kerana 6 orang responden menjelaskan pengajaran *ensera* sama seperti pengajaran sastera yang terdapat dalam komsas bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, tambahan pula responden-responden ini mempunyai pengalaman mengajar agak lama dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lingkungan 5 tahun hingga 10 tahun. Oleh kerana hanya 4 orang sahaja responden yang mengajar bahasa Iban di sekolah tersebut, maka penyelidik memilih 6 lagi responden lain yang berbangsa Iban mempunyai pengetahuan terhadap e*nsera* dan mengaitkan pengajaran mereka dalam mengajar sastera.

3.7 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data ialah satu usaha bagi pengkaji untuk memperoleh maklumat mengikut objektif kajian yang dilakukan serta data yang diperoleh tersusun mengikut langkah demi langkah. Melalui proses ini pengkaji telah melalui beberapa peringkat seperti berikut:

3.7.1 Pemilihan Lokasi Kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Lubok Antu Sarawak atau nama ringkasnya SMK Engkilili. Majoriti guru dan pelajar yang berada di sekolah ini berbangsa Iban. Mata pelajaran bahasa Iban juga turut diajar daripada tingkatan 1 sehingga tingkatan 6 atas serta dimasukkan sebagai ujian tahunan dan peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Pemilihan lokasi di SMKE sangat bersesuaian untuk dijadikan sebagai mendapatkan maklumat bersesuaian dengan tajuk kajian. Oleh itu, pemilihan lokasi perlu mengambil kira sifat dan keperluan kajian untuk memastikan tempat yang dipilih bersesuaian dengan apa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang hendak dikaji dengan menggunakan akal fikiran sebagai dasar untuk membuat keputusan (Rosliah Kiting, 2016, p. 102).

Bagi mendapatkan lokasi tersebut, pengkaji menggunakan laman sesawang untuk meninjau daerah yang dididuki oleh masyarakat Iban. Daripada tinjauan ini, pengkaji mendapati bahawa majoriti penduduk yang mengajar dan belajar di SMK Engkilili ialah kaum Iban dan mata pelajaran Bahasa Iban adalah salah satu daripada subjek yang diambil oleh pelajar tingkatan 1 sehingga tingkatan 6. Penyelidik seterusnya menghubungi pihak sekolah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada laman sesawang tersebut. Setelah mendapat maklum balas daripada pengetua SMK Engkilili, maka pengkaji memulakan tugas seterusnya adalah mendapat kebenaran melalui rundingan untuk memasuki lokasi kajian seperti yang dijelaskan mengikut langkah yang sepatutnya akan dilampirkan surat kebenaran di bahagian lampiran B. Data ini memberi jaminan kepada penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Hal ini demikian kerana berdasarkan kriteria-kriteria pengajaran Bahasa Iban menggunakan *ensera* di dalam kelas bahasa Iban dapat membantu pengkaji untuk memantapkan lagi maklumat yang ingin diperolehi.

Prosedur pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkaji ialah melalui permohonan kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) iaitu Eras 2.0 bahagian menjalankan penyelidikan melalui sistem *online*. Setelah mendapat kebenaran, pengkaji memohon kebenaran daripada pihak Jabatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) dengan memberi surat permohonan kebenaran serta surat kebenaran daripada pihak KPM bahagian penyelidikan sebagai sokongan. Seterusnya, setelah berjaya mendapat kebenaran daripada JPNS, pengkaji meminta kebenaran daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Lubok Antu (PPD) untuk ke sekolah SMKE. Akhir sekali pengkaji membawa kesemua surat kebenaran daripada pihak KPM, JPNS dan PPD dibawa untuk ditunjukkan kepada pengetua SMKE sebagai bukti membuat kajian dengan tarikh yang telah ditetapkan dan dibincangkan bersama responden dan diluluskan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam memberi kebenaran. Pada masa yang sama, selesai sesi perkenalkan diri dengan pengetua sekolah SMKE, pengkaji diberi kebenaran berada di sekolah mengikut tarikh yang diberi oleh pihak KPM (bahagian penyelidikan) untuk menyelesaikan tugas mengumpul data. Pengetua telah mengarahkan seorang panitia guru bahasa Iban untuk ditugaskan bersama-sama dengan pengkaji mengumpulkan guru-guru lain sebelum membuat sesi temu bual. Pengkaji telah dibawa ke pejabat guru SMKE untuk memperkenalkan diri dengan guru-guru. Tindakan berikutnya akan dinyatakan dalam proses awal bersama responden.

Pengkaji melakukan prosedur penganalisisan data temu bual dan merujuk kepada senarai semak temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji semasa menemu bual para guru di SMKE, setelah selesai semua proses pengumpulan data. Dalam kajian ini, penganalisisan data-data yang diperoleh daripada kedua-dua alat kajian ini dianalisis oleh pengkaji dengan menjelaskan penganalisisan data, memaparkan data dan membuat kesimpulan dan pengesahan (Nor Fadilah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nadzri, 2017, p. 49). Rajah 3.5 dibawah ialah proses pengumpulan data yang telah diolah oleh pengkaji secara ringkas mengikut urutan:



Rajah 3.5. Prosedur Pengumpulan data

3.7.2 Proses Awal Bersama Responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengumpulan data kualitatif melibatkan komunikasi secara bersemuka dengan responden. Pengkaji mengutamakan jalinan hubungan baik dengan peserta sebagai cara awal akses dengan mereka. Pada awalnya pengkaji diberikan 11 orang guru sebagai sampel kajian, namun salah seorang guru tidak dapat memberikan pendapatnya disebabkan oleh faktor kepakaran terhadap bidang bahasa Iban yang tidak diajar dalam mata pelajaran hariannya meskipun beliau merupakan salah satu kaum Iban. Oleh itu, pengkaji hanya memilih 10 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden sahaja kerana mereka mempunyai kepakaran sesuai dengan ciri-ciri yang diinginkan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji memupuk jalinan hubungan dengan mengetahui latar belakang para guru bahasa Iban dengan memperkenalkan diri terlebih dahulu dalam satu bilik khas yang disebut sebagai Pusat Akses yang berada di bangunan kelas pelajar bertempat di aras 1. Setelah itu guru-guru diberi peluang untuk memperkenalkan diri serta pengalaman mereka dalam bidang perguruan dan pengalaman mengajar khususnya dalam bahasa Iban. Bertitik tolak daripada ini, pengkaji serba sedikit mendapat maklumat bahawa terdapat 4 orang sahaja guru yang mengajar dalam bahasa Iban di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili manakala 6 orang guru lagi ialah masyarakat Iban yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan terhadap kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji. Dalam pada itu, pengkaji turut mendapat pengetahuan tentang pengalaman-pengalaman yang ada pada guru-guru selama dalam bidang pengajaran dengan pelbagai sekolah sebelumnya. Dengan berbuat demikian, peluang untuk pengkaji mendapatkan maklumat penting daripada guru-guru melalui pengetahuan dan pengalaman sedia ada mudah dan cepat diperolehi.

Sebagai usaha untuk mendekati para guru, pengkaji mewujudkan satu keakraban hubungan yang baik dengan mereka, pengkaji sedaya upaya menyusun kata-kata dengan penuh sopan santun dan sentiasa ingin bertanya mengenai ilmu dalam bidang pendidikan Bahasa Iban khususnya, seterusnya cabaran masa kini semasa mengajar Bahasa tersebut mengikut peringkat umur dan latar belakang pelajar yang asalnya ialah kaum Iban. Pelbagai kepakaran yang dikongsikan bersama-sama guru-guru bahasa Iban sehingga pengkaji mendapat satu contoh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ensera yang baru dalam pengetahuan penyelidik seperti *ensera Telichu dan Telichai dan ensera Duruk Duduk Ruai Enggau bubut.*

Hasil daripada pertanyaan demi pertanyaan, pengkaji dapat menjalinkan hubungan akrab bersama guru-guru tersebut. Setelah berjaya memupuk hubungan yang baik, seterusnya pengkaji memilih kesepuluh orang guru-guru bahasa Iban sebagai responden kajian kerana mereka mempunyai kepakaran yang berbeza-beza dan kreatif dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera.* Melalui pengetahuan sedia ada dan contoh yang akan dijelaskan oleh responden dimanfaatkan dalam bab 4 berikutnya.

3.7.3 Jumlah responden.

Menurut Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018, p. 495), jumlah responden tidak terdapat peraturan bagi menentukan saiz (bilangan) sampel dalam kajian kualitatif. Walau bagaimanapun, biasanya sampel kecil iaitu antara 1-7 orang sudah memadai asalkan sampel telah memenuhi semua kriteria persampelan kerana amat penting bagi pengkaji agar dapat menentukan kesesuaian jumlah sampel untuk mendapatkan data temu bual mengikut objektif dan reka bentuk kajian. Kesesuaian pemilihan jumlah sampel kajian juga berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh pengkaji yang boleh menjawab soalan dan memberi pendapat yang diingini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah memilih 10 orang responden yang dapat memberikan kerjasama dan aktif memberikan maklumat sehingga memperoleh data yang maksimum dan dimanfaatkan sepenuhnya dalam kajian ini. Responden yang dipilih berumur lingkungan 26 tahun hingga 41 tahun ke atas dan mempunyai pengalaman mengajar bahasa Iban dari 1 tahun hingga 16 tahun ke atas. Pengalaman responden mengajar dalam bahasa Iban dan pengetahuan sedia ada terhadap *ensera* sangat memberikan manfaat dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Kesepuluh responden akan ditemu bual secara individu dalam jangkaan masa selama 10 minit sehingga 20 minit berdasarkan temu bual semi berstruktur dalam pengetahuan yang mendalam pada diri responden. Seterusnya, pengkaji membuat temu janji untuk bersemuka dengan responden untuk menemu bual seperti yang dibincangkan berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.4 Membuat temu janji dengan responden

Janji bermaksud kesediaan untuk berbuat atau memberi sesuatu (kamus dewan edisi keempat, 2013, p. 608). Ia juga ditakrifkan sebagai satu ucapan untuk membuat persediaan dalam sesuatu tindakan kepada individu yang dipilih (Samar Sami, 2015). Seseorang yang telah membuat janji perlu menunaikannya agar kepercayaan terhadap dirinya boleh meyakinkan orang lain. Oleh itu, pengkaji membuat temu janji bersama responden sebagai persediaan untuk mengumpul maklumat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini janji temu bermakna menentukan tarikh, masa dan tempat untuk bersemuka dengan responden. Pengkaji menentukan pertemuan berbincang dengan seorang guru bahasa Iban yang diarahkan oleh pengetua dalam membantu menjalankan sesi temu bual dengan responden iaitu menetapkan tarikh, masa dan tempat untuk menjalankan sesi temu bual. Daripada pertemuan awal, kesemua guru Bahasa Iban didapati mempunyai masa lapang dan tidak terikat dengan jadual kelas harian mereka. Walau bagaimanapun terdapat dua orang guru yang terlibat dalam pengawasan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan menyebabkan pengkaji menemu bual pada hari berikutnya. Sesi temu bual diadakan sehingga tamatnya waktu persekolahan kerana masa yang dijanjikan bersama guru-guru bermula dalam pukul 10 pagi. Setiap guru banyak memberi maklumat daripada pengetahuan sedia ada mereka dan jangkaan masa yang dianggarkan lebih daripada 15 minit. Hal ini juga disebabkan oleh pengkaji memberi peluang kepada guru-guru untuk memahami soalan terlebih dahulu sebelum menjawab serta membuat rakaman temu bual. Oleh itu masa yang sesuai untuk menemu bual mereka tidak mendatangkan kesukaran kerana responden bersedia ditemu bual dengan tarikh dan masa yang telah dipilih dan dimaklumkan dengan lebih awal.

3.8 Instrumen Kajian

Sebelum memulakan proses temu bual, pengkaji berkenalan terlebih dahulu bersama responden. Setelah menyesuaikan diri, pengkaji menemu bual seorang demi seorang sambil merujuk soalan temu bual pada borang yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya bagi menyokong data agar lebih tepat dan padat pengkaji menggunakan analisis dokumen iaitu senarai semak sebagai instrumen untuk ditanda oleh pengkaji semasa membuat temu bual dengan responden. Pada masa yang sama sambil menunggu guru lain menjawab soalan temu bual, responden diarahkan untuk memahami soalan temu bual sebagai persediaan dalam rakaman. Pengkaji menggunakan dua jenis alat elektronik iaitu komputer riba dan telefon pintar untuk merakam perbualan yang dijalankan sambil mencatat maklumat penting dalam buku nota dan dilakukan secara serentak dalam kajian ini. Prosedur perlaksanaan adalah seperti yang dibincangkan berikutnya.

a. Temu Bual

Pengkaji memulakan dengan soalan temu bual daripada yang mudah kepada yang susah dan soalan-soalan penutup. Soalan-soalan pertama yang dikemukakan sebagai soalan awalan yang berkaitan dengan latar belakang responden agar lebih selesa dan hilang rasa takut, malu atau susah. Seterusnya soalan yang diajukan dimulai dengan soalan yang mudah seperti yang dinyatakan dalam soalan protokol temu bual yang telah dibuat terlebih dahulu kerana sebelum menjawab responden telah diberi masa dan peluang untuk memikirkan idea yang ingin disampaikan. Seterusnya beralih kepada soalan yang mencabar di samping mendalami isu-isu yang diselidik secara beransur-ansur seperti soalan tambahan yang tidak dinyatakan dalam borang temu bual dengan menggunakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi untuk merungkai tahap pengetahuan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap pengajaran bahasa Iban khususnya. Akhir sekali iaitu soalan-soalan penutup yang dibina untuk membolehkan responden merasakan temu bual dilalui telah sampai ke penghujung berdasarkan soalan terakhir dalam borang temu bual tanpa mengemukakan soalan lain.

b. Senarai Semak

Semasa temu bual dijalankan, pengkaji membuat senarai semak terhadap maklumat yang disalurkan oleh responden melalui perbualan. Senarai semak dijadikan sebagai data sokongan kepada pengkaji untuk menambah maklumat yang diingini dalam kajiannya serta melihat kekurangan dan kelebihan dalam pengetahuan responden. Dengan ini, pengkaji dapat menjadikan senarai semak sebagai soalan secara terbuka kepada responden dengan apa yang dirasakan perlu untuk ditanya dan dicatat. Seterusnya senarai semak temu bual dimanfaatkan dalam bahagian dapatan untuk meninjau tahap pengetahuan guru terhadap objektif yang diingini oleh pengkaji. Oleh itu, senarai semak adalah satu instrumen yang sangat penting kepada pengkaji agar menjadi sokongan kepada soalan yang tidak dinyatakan dalam borang temu bual dan maklumat yang diperolehi menjadi lebih padat dan tepu. Contoh senarai semak dilampirkan pada lampiran D. Berdasarkan lampiran ini boleh disimpulkan:

1. Terdapat senarai penting jangkaan jawapan daripada responden melalui kajian lapangan daripada jangkaan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Senarai ini bagi memastikan hala tuju jawapan responden sesuai dengan objektif dalam kajian.
3. Sekiranya elemen dalam senarai semak tidak dinyatakan pengkaji boleh menyebutnya secara neutral dalam perbincangan sesi temu bual.
4. Senarai ini juga dapat membantu pengkaji dan responden jika terputus idea semasa membuat perbincangan sesi temu bual.

Ringkasnya, tanpa senarai semak pengkaji berkemungkinan besar pengkaji tertinggal perkara dan elemen utama kajian. Sekiranya, pengkaji terlalu bergantung kepada temu bual sahaja, maka elemen yang penting tidak dapat dipraktikkan dengan lebih mendalam dan tidak dapat dikembangkan pula pada dapatan kajian. Oleh itu, senarai semak dianggap memainkan peranan penting untuk membantu menggali persoalan yang wujud daripada pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Rakaman

Membuat rakaman atau merakamkan bermaksud memasukkan suara, muzik, gambar dan lain-lain pada pita rakaman, cakera padat dan sebagainya supaya dapat didengarkan atau diperlihatkan semula dengan pita rakaman, album, kamera atau video (Rosliah Kiting, 2016, p. 118). Dalam kajian ini, membuat rakaman atau merakamkan bermakna pengkaji merekodkan suara responden menggunakan telefon pintar dan komputer riba sebagai alat perakam suara. Rakaman ini dijalankan bukan sahaja untuk mendengar perbualan malah untuk memerhati dan memberi idea

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pemahaman yang lebih mendalam kepada pengkaji untuk tindakan selanjutnya. Melalui rakaman ini juga, ia bertindak sebagai satu cara mengesahkan dan menyokong data yang didapati daripada pendengaran, pemerhatian dan catatan lapangan.

3.9 Kesahan & Kebolehpercayaan

Rosliah Kiting (2018, p. 142) memetik pendapat daripada Maxwell (1996) bahawa kesahan adalah berkaitan dengan soal ketepatan (*correctness*) atau kredibiliti sesuatu diskripsi, kesimpulan, penerangan, interpretasi atau lain-lain bentuk pernyataan atau laporan. Sementara Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan bahawa kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian dan bertujuan bagi memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri atau gagasan yang baru dalam konsep yang diukur itu.

Menurut Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018, p. 551) kesahan (appropriateness) dan kebolehpercayaan (trustworthiness) bermaksud tahap kestabilan dan ketekalan set-set instrumen sehingga item-item yang diajukan berupaya dijawab dalam sampel kajian. Tambahan, kesahan dan kebolehpercayaan berkait rapat dengan reka bentuk instrumen kajian. Memetik pendapat Miles dan Huberman (1994), Ghazali dan Sufean (2018, p. 552), tidak ada peraturan tertentu dalam pembinaan kesahan dalam kajian kualitatif namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendapat ini ditentang oleh McCall dan Simmons (1969), kajian kualitatif melalui pungutan data-data daripada temu bual memerlukan kesahan data untuk melihat sejauh mana ketepatan sesuatu gambaran yang diperihalkan mewakili fenomena yang dikaji. Dalam kajian ini kesahan kaedah dan instrumen yang dilakukan oleh pengkaji iaitu melalui semakan semula daripada penyarah-pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan dengan pedagogi dan sastera dan kebolehpercayaan yang dilakukan oleh pengkaji iaitu pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual dan membuat senarai semak serta merekod suara responden untuk mendapatkan maklumat mengikut objektif kajian dan akhir sekali iaitu membuat pemerhatian di perpustakaan UPSI untuk merujuk buku, jurnal dan tesis yang berkaitan.

Sebelum menjalankan temu bual pengkaji telah membuat kesahan pakar-pakar bagi mengesahkan borang temu bual dan senarai semak agar mendapat kebolehpercayaan terhadap data yang dikumpul. Borang kesahan dilampirkan pada lampiran A sebagai rujukan. Antara pakar-pakar yang dirujuk ialah dua orang pensyarah akademik daripada Fakulti Pembangunan Manusia (UPSI) dan seorang pensyarah pakar dalam bidang bahasa dan sastera daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi (UPSI). Manakala kebolehpercayaan seperti yang dijelaskan berdasarkan 3 aspek melalui kajian lapangan yang dijalankan seperti:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemerhatian, temu Bual dan Senarai Semak

Kajian kepustakaan dijalankan di perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji ingin merujuk buku, jurnal serta tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara bahan yang telah dirujuk ialah kandungan pedagogi guru bahasa Iban, epik rakyat Ibat (*Ensera Ayor),* teori konstruktivisme, teori moral, nilai dalam budaya sesebuah masyarakat, kaedah dan teknik pengajaran dalam sastera, cabaran guru mengajar sastera dan sejarah latar belakang masyarakat Iban. Seterusnya, pemerhatian dibuat bagi merujuk kamus untuk istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini. Pemerhatian berdasarkan kajian kepustakaan ini turut dijalankan bagi merujuk artikel jurnal yang terdapat pada laman sesawang dalam ruang maklumat yang terdapat di perpustakaan UPSI. Setiap rujukan yang dibaca dan dirujuk mengikut kesesuaian tajuk dimanfaatkan ke dalam bahagian sorotan literatur. Dengan itu, pengkaji mendapat banyak maklumat pendedahan awal terhadap cara-cara penulisan pada setiap bab, idea-idea daripada pengkaji lepas, meninjau kekurangan yang terdapat dalam kajian, serta idea untuk memulakan penulisan seterusnya.

Manakala temu bual dilakukan bersama 10 orang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Lubok Antu, Sarawak. Tempat untuk mengadakan sesi temu bual ialah di Pusat Akses, Tingkat 1. Temu bual dijalankan selama 4 hari berturut-turut kerana mengikut jadual kelapangan guru yang telah dipilih. Hari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan tarikh semasa temu bual ialah pada hari persekolahan dan tidak menganggu masa jadual guru mengajar. Pada hari pertama pengkaji menemu bual 4 orang guru bahasa Iban terlebih dahulu mengikut jadual kelapangan. Manakala hari kedua pengkaji menemu bual 3 orang guru berbangsa Iban, dan hari ketiga menemu bual 3 lagi orang guru yang berpengalaman dalam *ensera.* Guru-guru tersebut ditemu bual secara individu bagi memudahkan pengkaji mendapat pelbagai pengetahuan sedia ada seperti pendekatan pengajaran yang diaplikasikan di dalam kelas. Setelah selesai proses menemu bual para guru, pengkaji berjumpa semula dengan pengetua SMKE untuk memberi cenderamata sebagai penghargaan di atas kerjasama dalam melaksanakan kajian ini dan pengkaji telah menerima surat kebenaran sebagai bukti membuat kajian lapangan di SMKE. Lihat pada lampiran A.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali iaitu senarai semak. Senarai semak merupakan hasil daripada transkripsi temu bual yang telah dijalankan bersama responden. Hasil transkripsi daripada data ini menjelaskan berkenaan kajian yang telah dijalankan. Berdasarkan 10 responden tersebut, terdapat beberapa jenis perbezaan iaitu dari segi kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera.* Disamping itu, responden memberi pendapat mereka terhadap pengetahuan nilai moral yang ada pada *ensera.* Dengan adanya senarai semak, pengkaji dapat memastikan sama ada responden memberi maklumat yang sedia ada mahupun maklumat baharu untuk dimanfaatkan dalam kajian pengakaji. Tanpa senarai semak juga pengkaji mungkin akan terlupa dan tertinggal akan maklumat-maklumat penting yang disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Penganalisisan Data

Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018, p. 527) mendefinisikan penganalisisan data kajian dibuat berdasarkan jenis data. Ini bermakna semua data kualitatif perlu dianalisis secara naratif, proses analisis data kualitatif yang diperoleh melalui pemerhatian, temu bual, pemerhatian dan senarai semak perlu dianalisis secara "*vertical"* iaitu dari atas ke bawah, bermula daripada melihat menyusun, menyaring, memilih, mengkelas dan mentranskripsi tema-tema seterusnya memilih kategori untuk mendapatkan kandungan teks secara bertulis dan mendalam yang difikirkan telah dapat menjawab persoalan dan objektif kajian.

Data analisis dilakukan setelah semua usaha pengumpulan data selesai dilakukan. Kaedah penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji ialah kaedah pemerhatian, temu bual dan senarai semak. Pengumpulan data ini dapat memberikan gambaran awal dan mendedahkan secara umum kepada pengkaji melalui maklumat yang ingin diperolehi daripada bahan-bahan melalui pemerhatian yang dibuat. Kemudian data-data tersebut dihuraikan secara terperinci melalui bukti-bukti yang telah dianalisis oleh pengkaji berdasarkan penelitian semula melalui rakaman temu bual dan senarai semak yang digunakan. Setelah kesemua data dikumpul, pengkaji menganalisis data secara bertulis dan dialihkan ke dalam perkataan yang lebih sesuai dan mudah difahami. Huraian data tersebut akan dimuatkan dalam bab 4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10.1 Mentranskripsi

Transkripsi adalah satu usaha untuk menyalin semula teks bahan daripada rakaman yang ditulis dan seterusnya ditaip dan diberikan minit keberapa semasa temu bual. Menurut Rosliah Kiting (2016, p. 122), transkripsi bermaksud penukaran bahan bertulis daripada satu bentuk ke dalam bentuk lain misalnya menggunakan sistem fonetik, huruf dalam abjad lain dan sebagainya. Dalam kajian ini, transkripsi dilakukan dengan menukarkan rakaman dan catatan lapangan dengan menggunakan ejaan yang betul, ejaan singkatan menjadi teks penuh dan lengkap dengan menaip dalam komputer riba.

Sebaik sahaja selesai kerja lapangan dengan menemu bual bersama responden, pengkaji melakukan transkripsi. Kerja mentranskripsi dalam kajian ini dilakukan dengan tiga peringkat. Peringkat pertama, pengkaji mengalih semua perbualan ke dalam komputer riba dan meletakkan dalam satu bahagian rakaman temu bual untuk memudahkan langkah seterusnya. Kedua, pengkaji mendengar semula perbualan bersama responden sambil menulis dalam buku catatan serta mencatat minit perbualan. Setiap perbualan didengar satu persatu untuk meneliti maklumat yang disalurkan. Perkara ini dilakukan untuk memastikan bahawa tidak ada data penting yang tertinggal dari catatan sebelum data ini dipindahkan ke dalam komputer. Pengkaji menggunakan *Window Media Player* dalam komputer riba dengan *earphone oppo smart phone* untuk mendengar dengan penuh teliti setiap patah perkataan yang dituturkan oleh responden. Ketiga, pengkaji memindahkan catatan dan rakaman ke dalam bentuk teks bertaip. Pada peringkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini, pengkaji menaip semula semua ucapan responden tanpa mengurangi dan menambahkan. Hal ini bertujuan untuk menghadirkan teks lisan sebelum dianalisis untuk mewujudkan *reflection of reality* iaitu dalam mentranskripsi hasil rakaman tidak boleh mengurangkan dan menambahkan data yang tersimpan dalam rakaman kerana kesemua data yang diperlukan atau tidak amat berguna untuk bahan analisis (Rosliah Kiting, 2016, p. 122).

Setelah selesai melalukan transkripsi, pengkaji membuat satu jadual yang terbahagi kepada 2 bahagian. Bahagian pertama ialah penerangan bagi nama responden yang ditandakan sebagai Guru A001, Guru B001, Guru C001, Guru D001, Guru E001, Guru F001, Guru G001, Guru H001, Guru I001 dan Guru J001. Manakala bahagian 2 ialah transkripsi bagi penjelasan bersama responden melalui temu bual untuk menghuraikan kata kunci data yang diperoleh berkaitan dengan objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji dalam huraian seperti dalam bab 4. Dengan ini, pengkaji dapat memperoleh data dengan lebih mudah dan pantas. Penerangan berikutnya dalam bahagian bab 4. Bagi menjelaskan transkrip temu bual lihat pada lampiran E.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11 Penutup

Bab 3 ini membincangkan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji semasa melaksanakan kajian. Pengkaji menumpukan aspek reka bentuk kajian, pemilihan responden, pemilihan tempat kajian dan instrumen yang digunakan di tempat kajian. Sehubungan itu, pengkaji melaksanakan proses pengumpulan data kajian menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dan senarai semak. Prosedur dijelaskan satu persatu dimana pengkaji membuat persediaan terlebih dahulu sebelum mengumpul data, mendapat kebenaran daripada pihak tertentu supaya kajian yang dilakukan lebih teratur dan mempunyai bukti yang kukuh.

Di peringkat terakhir, pengkaji melaksanakan proses penganalisisan data maka kesahan dan kebolehpercayaan kajian menjadi lebih relevan serta dapat mengikut metodologi kajian kualitatif. Metodologi kajian ini juga dinyatakan dalam bab berikutnya yang menghasilkan dapatan kajian mengikut objektif kajian pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan dapatan kajian berkaitan dengan kaedah dan teknik pengajaran guru khususnya dalam kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera.* Menerusi kaedah dan teknik yang dinyatakan, hasil yang ditunjukkan ialah terhadap nilai moral dalam *ensera* melalui model mengalami-menghayati dengan teknik-teknik yang sesuai dibincangkan berikutnya. Kerja lapangan ini berjaya mengumpul 4 orang guru Bahasa Iban dan 6 orang guru yang berbangsa Iban yang mempunyai pengetahuan tentang e*nsera.* Terlebih dahulu perincian secara keseluruhan daripada dapatan yang diperoleh melalui temu bual dalam kajian lapangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengumpulan data menjurus kepada kaedah dan teknik yang digunakan untuk meninjau kepakaran guru-guru Bahasa Iban serta nilai moral yang terdapat dalam pengajaran *ensera*. Jadual 4.1 menunjukkan kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* serta penguasaan nilai moral dalam *ensera.*

Jadual 4.1

Strategi pengajaran guru Bahasa Iban dalam mengajar ensera

Bil	Guru	Kaedah	Teknik	Penguasaan nilai moral dalam *ensera*
1.	Guru A001	Inkuiri	Bercerita	Keberanian
2.	Guru B001	Inkuiri	Membaca	Kesopanan
3.	Guru C001	Inkuiri	Bercerita	Persahabatan
4.	Guru D001	Mengalami-menghayati	Lakonan	Betanggungjawab dan baik hati
5.	Guru E001	Mengalami-menghayati	Kerusi panas	Rasional
6.	Guru F001	Mengalami-menghayati	Berdialog	Kasih sayang
7.	Guru G001	*Oral-aural*	Perbincangan	Tolong-menolong dan kesederhanaan
8.	Guru H001	Syarahan	Latih tubi	Kesetiaan
9.	Guru I001	Simulasi	Perbincangan	Kemanusian
10.	Guru J001	Mengalami-menghayati	Drama	Pengorbanan

Jadual 4.1 di atas menunjukkan beberapa jenis kaedah, teknik dan nilai moral dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* yang digunakan oleh 10 orang guru, diperolehi melalui kerja lapangan dalam temu bual. Berdasarkan jadual tersebut, guru A001, guru B001 dan guru C001 menggunakan kaedah inkuiri dalam pengajaran mereka. Kaedah yang diutamakan oleh guru-guru tersebut ialah kaedah inkuiri. Kaedah inkuiri ialah guru mengemukakan sesuatu masalah dalam pengajaran *ensera,* dan seterusnya pelajar perlu memikirkan jalan penyelesaian dalam pelbagai bentuk contohnya perbincangan dalam kumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara pelajar. Melalui cara ini pelajar dapat menyusun idea dan membentuk satu jawapan yang tepat dan akhir sekali guru membimbing pelajar untuk mendapatkan pengetahuan dengan lebih dalam mengenai pengajaran dalam *ensera* khususnya. Berdasarkan temu bual bersama guru A001, B001 dan C001, penggunaan kaedah inkuiri dapat meransang pemikiran pelajar untuk menguasai masalah yang terdapat dalam teks *ensera* disamping pelajar menghayati jalan ceritanya. Selaras dengan cara pembelajaran kontruktivisme, individu perlu membina pengetahuan dengan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah menerusi pemahaman dan pengetahuan mereka tentang sesuatu perkara (Kamarudin Hj. Hussin, 2010).

Berbeza dengan guru D001, guru E001, guru F001 dan guru J001, mereka menekankan kaedah mengalami-menghayati semasa pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera.* Bagi ketiga-tiga guru, pelajar wajar memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran e*nsera* supaya mereka dapat memberi penghayatan dan penikmatan pada setiap jalan cerita yang disampaikan untuk melahirkan idea yang baharu. Kaedah mengalami-menghayati yang digunakan oleh guru D001, E001, F001 dan J001, berjaya digunakan kerana pelajar mampu menyelami teks yang terdapat dalam *ensera* secara mudah dan tepat dengan melibatkan sepenuhnya pembelajaran pelajar dan guru-guru hanya sebagai pembimbing di akhir pengajaran.

Guru G001 pula menggunakan kaedah pengajaran *oral-aural*. Kaedah ini dikatakan sebagai satu pendekatan pengajaran yang melibatkan pendengaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pertuturan pelajar. Berdasarkan temu bual dengan guru G001, kaedah *oral-aural* mampu membantu pelajarnya untuk menyampaikan intonasi dalam sesebuah teks sastera begitu juga dengan teks yang ada dalam *ensera.* Dengan menguasai pendengaran dan pertuturan, pelajar dapat menyelami karya yang terdapat di pada sastera baik dari sudut positif mahupun negatif pada jalan ceritanya. Selari dengan pendapat Mana Sikana (2014), jalan cerita yang baik mampu menarik minat seseorang terhadap pembacaannya dengan lebih seronok lagi. Oleh itu, guru G001 menekankan kaedah *oral-aural* dalam pengajaran sastera seperti *ensera* kerana melalui pendengaran dan pertuturan pelajar memperoleh satu penghayatan dalam sesebuah karya.

Seterusnya guru H001 kaedah yang digunakan dalam pengajaran ialah kaedah syarahan. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar lebih memberi tumpuan apabila beliau memberi syarahan di dalam kelas. Selain itu guru I001 menggunakan kaedah simulasi dalam pengajaran e*nsera*. Kaedah ini diaplikasikan kepada pelajarnya kerana guru I001 berkehendak pelajarnya menyelesaikan satu masalah dalam situasi yang benar dalam bentuk yang mudah untuk diselesaikan, contohnya guru I001 memberi watak untuk dilakonkan dan seterusnya pelajar diberi tugas untuk berbincang semula tentang watak yang berkaitan sehingga memperoleh pengetahuan baharu. Berdasarkan maksud pembelajaran teori konstruktivisme, guru menggalakkan pelajar menggunakan teknik-teknik yang aktif seperti membuat percubaan dan menyelesaikan masalah secara realiti. Pernyataan ini sama dengan pendapat yang diberikan oleh guru I001 melalui temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek teknik pengajaran pula, guru A001 dan guru C001 mengaplikasikan teknik pengajarannya dengan melakukan aktiviti penceritaan dan guru B001 pula menggunakan teknik membaca. Teknik-teknik yang digunakan oleh guru-guru tersebut berdasarkan kaedah yang digunakan dalam pengajaran mereka. Hal ini berlaku kerana untuk memberi pemahaman awal kepada pelajar mengenai jalan cerita yang ada pada e*nsera.* Secara langsung melalui aktiviti ini pelajar dapat menghayati dan memberi imaginasi mengenai watak yang disampaikan. Manakala guru D001, guru E001, guru F001 dan guru J001, mereka menggunakan teknik pengajaran seperti lakonan, kerusi panas, berdialog dan drama. Guru-guru ini berpendapat bahawa pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* dapat dihayati dengan sepenuh jiwa dan perasaan. Dengan menggunakan teknik-teknik ini minat pelajar dapat dipupuk terhadap pengajaran *ensera* melalui penglibatan diri mereka sekaligus dapat menyelami dan mengasah bakat pelajar sambil berhibur dengan bahan pengajaran. Guru E001 dan guru J001 berpendapat lagi penerapan teknik pengajaran dengan berbantukan alat teknologi maklumat seperti audio, video dan tayangan visual yang diubah mengikut watak dan jalan cerita, pelajar akan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran *ensera.* Dengan itu pelajar dapat mendengar, melihat dan merasakan apa yang ingin disampaikan melalui tayangan tersebut dan pelajar boleh memberi pendapat mereka dengan cepat dan pantas. Seterusnya, guru G001 menggunakan teknik perbincangan di dalam kelas. Kesannya pelajar saling berkongsi pendapat antara satu sama lain dalam menyelesaikan masalah yang terdapat dalam pengajaran e*nsera.* Pada masa tertentu dalam pengajaran, guru H001 menggunakan teknik latih tubi kerana beliau mempunyai cabaran dalam mengajar *ensera.* Hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disebabkan oleh guru H001 mengajar kelas yang lemah dan memerlukan latihan yang banyak agar dapat meningkatkan prestasi pelajar.

Berdasarkan kaedah dan teknik pengajaran yang dijelaskan oleh guru-guru telah menunjukkan hasil nilai moral dalam pengajaran *ensera.* Seperti yang dijelaskan oleh guru A001, guru B001, guru C001, guru D001, guru E001, guru F001, guru G001, guru H001, guru I001 dan guru J001 dalam mengaplikasikan kaedah inkuiri, mengalami-menghayati, oral-aural, syarahan dan simulasi beserta teknik-teknik pengajaran seperti bercerita, membaca, lakonan, kerusi panas, berdialog, perbincangan, latih tubi dan drama, menunjukkan hasil nilai moral dalam pengajaran *ensera* seperti nilai keberanian, nilai kesopanan, persahabatan, bertanggungjawab, baik hati, rasional, kasih sayang, tolong-menolong, kesederhanaan, kesetiaan, kemanusian dan pengorbanan dapat dikesan menerusi setiap jalan cerita *ensera*. Dapatan kajian ini dapat menghasilkan jenis-jenis nilai-nilai moral yang membuktikan bahawa *ensera* bersifat deduktis yang diajar di dalam kelas melalui pengalaman guru-guru itu sendiri dan dikongsikan kepada pelajar agar dimanfaatkan dalam kehidupan seharian.

Kesemua guru memberikan maklumat yang berbeza dari segi pengajaran mereka, namun guru-guru masih lagi menekankan penghayatan beserta nilai yang terdapat di dalam teks *ensera.* Keseluruhan teks temu bual tersebut ditunjukkan dalam lampiran E.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya dibincangkan dapatan kajian berkaitan kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera* secara lebih jelas dan terperinci melalui transkrip temu bual.

4.2 Kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera.*

Dapatan kajian dalam jadual 4.2 menunjukkan tentang beberapa kaedah dan teknik pengajaran guru bahasa Iban menggunakan e*nsera.* Huraian yang diberikan oleh guru dalam temu bual seperti di bawah ialah satu bukti yang diulaskan oleh 10 orang guru melalui pengajaran mengajar sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Kaedah dan teknik pengajaran guru.

Responden	Kaedah/teknik pengajaran guru
A001/01:10	"...ketika mengajar *ensera* dalam kelas saya menggunakan teknik bercerita. saya akan membacakan cerita tersebut dengan gaya dan intonasi yang betul kemudian saya memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk membacakan *ensera* tersebut agar rakan-rakan yang lain boleh mendengar…"
B001/01:11	"…kaedah yang kita boleh gunakan tapi biasanya saya gunakan kaedah *simple* (mudah) sahaja misalnya kaedah inkuiri. Melalui kaedah inkuiri ini pelajar akan mencari sesuatu fakta ataupun watak dalam *ensera* itu. Hal ini demikian kerana untuk menarik lagi minat pelajar membaca teks *ensera* sehingga kemuncak jalan cerita sekaligus menarik perhatian pelajar dengan rasa ingin tahu tentang kesudahan di akhir jalan cerita…"
C001/01:06	"…terus terang saya katakan, kaedah dengan teknik biasanya kita campur adukkan seperti mengikut cara pengajaran kita dengan kesesuaian tahap pelajar yang kita ajar dan untuk kelas yang lebih bagus saya biasanya menggunakan kaedah kaedah inkuiri. Saya menggunakan kaedah inkuiri iaitu mengarahkan pelajar dengan teknik membaca dahulu agar di dalam sesi soal jawab mereka boleh bersedia untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang jelas dinyatakan. Saya membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan supaya dapat pelajar yang mempunyai tahap pemikiran yang tinggi dapat membantu serta berkongsi ilmu dengan pelajar yang kurang faham…"

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Responden	Kaedah/teknik pengajaran guru
D001/01:06	"…untuk kaedah dan teknik pengajaran saya kerap menggunakan kaedah mengalami-menghayati dan teknik lakonan. Sebelum saya libatkan pelajar dalam sesi pengajaran saya, saya lebih suka bercerita terlebih dahulu dan saya seterusnya saya mengarahkan pelajar untuk mengkaji teks e*nsera* dengan menerapkan elemen-elemen seperti watak, plot dan nilai. Selepas itu saya memberi aktiviti kepada pelajar dengan membahagikan mereka kepada kumpulan untuk membuat lakonan agar pelajar memupuk minat dalam pengajaran *ensera* dan akhir sekali saya membimbing pelajar untuk memberi rumusan terhadap watak yang dilakonkan…"
E001/01:38	"…saya menggunakan kaedah mengalami-menghayati. Itulah yang paling banyak saya gunakan. Manakala tekniknya pula, saya menggunakan teknik kerusi panas. Saya aplikasikan kaedah pengajaran dan teknik pembelajaran seperti ini kerana saya ingin memberi ruang untuk pelajar agar banyak berfikir dan seronok dalam pengajaran *ensera,* contohnya memperkenalkan watak dan perwatakan melalui soal jawab daripada rakan lain. Selain itu saya gemar menggunakan bahan bantu mengajar seperti komputer dengan tanyangan visual dan audio kerana saya nak pelajar faham dan merasa teknologi maklumat dalam pengajaran dan saya pasti pelajar akan berminat sebab penggunaan teknologi lagi dekat dengan pelajar kita pada masa kini…"

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Responden	Kaedah/teknik pengajaran guru
F001/01:50	"…saya biasanya menggunakan kaedah mengalami-menghayati. saya mengajar bahasa Iban menggunakan e*nsera*, turut menggunakan kaedah ini kerana menurut saya kaedah ini yang paling utama dimana saya memperkenalkan pelajar kepada e*nsera* terlebih dahulu seperti jalan cerita dan sinopsis. Dalam mengaplikasikan kaedah mengalami-menghayati ini, seterusnya saya mengarah pelajar untuk membuat dialog sendiri mengikut pemahaman teks e*nsera.* Setelah berlakon barulah saya akan membahaskan secara jelas terhadap e*nsera* itu…*"*
G001/01:30	"…kalau mengikut pengalaman saya, kerana saya merupakan guru bahasa Inggeris dan tidak beza dengan kaedah mengajar dalam bahasa Iban jika saya diberi peluang untuk mengajar *ensera*, saya akan menggunakan kaedah *oral-aural*. Saya bercerita secara lisan berdasarkan situasi dalam cerita tersebut. Manakala tekniknya pula saya menggunakan teknik perbincangan dan saya memberi topik *ensera* untuk dibincangkan bersama pelajar. Melalui aktiviti seperti ini saya dapat mengesan sama ada pelajar faham ataupun tidak…"
H001/01:53	"…ok, kalau melalui pengalaman saya, biasanya saya akan menggunakan kaedah syarahan meskipun saya tidak mengajar *ensera*, kerana bagi saya e*nsera* juga sama seperti sastera melayu cuma bahasanya agak berbeza. Kedua saya menggunakan kaedah kuliah dan teknik perbincangan dalam kumpulan.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Responden	Kaedah/teknik pengajaran guru
	Jika terdapat pelajar yang masih lagi kurang faham saya selalu memberi mereka latihan pengukuhan di penghujung pengajaran supaya dapat melatih mereka…"
I001/02:10	"…dalam pengalaman saya mengajar sastera dalam bahasa Inggeris sama juga seperti sastera Iban iaitu *ensera,* saya perkenalkan pelajar dengan kaedah simulasi dan menggunakan teknik perbincangan di dalam kumpulan bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Seperti yang kita tahu kaedah simulasi ini ialah melihat kebolehan pelajar dalam mengaplikasikan konsep-konsep tertentu untuk menyelesaikan masalah, seterusnya teknik perbincangan dalam kumpulan ialah pelajar akan berbincang antara satu sama lain tentang nilai, watak yang terdapat dalam cerita tersebut dan banyak lagi dan akhir sekali pelajar akan menerangkan tentang apa yang dikaji…"
J001/00:15	"…Ok, kaedah pengajaran e*nsera* ni saya biasanya menerapkan kaedah mengalami-menghayati kerana saya suka dengan drama. Saya gemar membawa pelajar untuk melakukan aktiviti drama di luar bilik darjah dan selepas waktu persekolahan di waktu petang, saya mengisi masa lapang mereka dengan belajar. Melalui drama saya tahu dimana kekurangan dan kelebihan pemahaman pelajar saya. Selain itu saya gunakan dari segi audio, lepas tu ada penceritaan, lepas tu saya akan suruh pelajar ni memahami teks tersebut dan mengolah semula apa yang difahami dalam teks e*nsera* yang digunakan dan yang ketiga saya akan gunakan dari segi berlakon ataupun berdialog yang menekankan teks tersebut..."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan temu bual mengenai kaedah dan teknik dalam jadual 4.2 guru A001, guru B001 dan guru C001 menggunakan kaedah inkuiri dalam pengajaran Bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* dan teknik pengajarannya ialah teknik bercerita dan membaca. Guru A001 gemar menggunakan kaedah dan teknik pengajaran seperti ini kerana mereka akan bercerita terlebih dahulu sebelum memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk membaca *ensera*. Pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* masih lagi perlu dipertingkatkan dengan kaedah dan teknik yang lebih kreatif seperti lakonan dan berdialog untuk mengasah bakat pelajar sekaligus untuk menambah kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, bukan sahaja menggunakan satu jenis kaedah dan teknik agar pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan sekaligus meningkatkan lagi prestasi pelajar. Prestasi pelajar perlulah diukur melalui minat mereka supaya senang dibentuk dan diberi tunjuk ajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam mengaplikasikan kaedah inkuiri, guru B001 menggunakan teknik membaca teks e*nsera* dalam mengajar Bahasa Iban. Penggunaan kaedah ini adalah untuk mencari fakta dalam isi e*nsera* seperti watak yang menarik sehingga watak berada di kemuncak jalan cerita. Menurut guru B001, membaca teks dengan nada yang senyap dapat memberi fokus kepada pelajar terhadap isi-isi penting dalam e*nsera.* Oleh itu, guru B001 menekankan teknik membaca dalam pengajaran Bahasa Iban menggunakan e*nsera.* Menurut Mohd Paris Saleh (2016, p. 65), pengajaran inkuiri ialah satu cara guru untuk mendedahkan pelajar (berpusatkan pelajar) kepada sesuatu persoalan untuk mencari jawapan terhadap pertanyaan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pertanyaan yang digariskan secara jelas. Oleh itu, guru B001 menekankan kaedah inkuiri dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera* kerana kaedah dan teknik yang digunakan ini amat penting dengan melibatkan pelajar bagi mencapai objektif dan pelajar dapat mengikut proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Guru C001 menerapkan teknik bercerita sebagai aktiviti pembelajaran dalam kalangan pelajar Bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Hal ini dikatakan demikian kerana guru C001 ingin mendidik pelajarnya supaya tidak berasa malu dalam bercerita dan berani apabila berada di hadapan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. guru C001 menjelaskan bahawa melalui aktiviti bercerita, pelajar dapat menghayati sendiri watak dan jalan cerita dalam *ensera.* Setelah mendengar pelajar bercerita, guru C001 memerhati secara meluas perbuatan pelajarnya dengan sepintas lalu untuk menilai tahap keupayaan pelajar dan situasi pelajar terhadap penguasaan pengajaran *ensera.*

Disini jelaslah bahawa peranan kaedah inkuiri amat penting dalam sesebuah pengajaran kerana ketiga-tiga guru tersebut menerapkan kaedah yang sama namun penggunaan teknik yang berbeza. Selaras dengan teori konstruktivisme, amalan pengajaran seperti koperatif, kolaboratif dan pembelajaran berasaskan inkuiri. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif untuk melahirkan pengetahuan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih banyak (Kamarudin Hj. Husin, 2010, p. 448) khususnya pelajar bahasa Iban dalam pengetahuan tentang *ensera.*

Manakala menurut guru D001 pula, beliau menggunakan kaedah mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Guru D001 sangat berminat dengan kaedah ini kerana pengajaran *ensera* perlu dihayati oleh pelajar dengan penuh jiwa. Bertitik tolak daripada itu guru D001 menggunakan teknik berlakon agar pengajarannya lebih berkesan dan seronok di kalangan pelajar. Dengan itu pelajar dapat meningkatkan lagi bakat terpendam melalui kreativiti dalam bidang lakonan dengan watak dan perwatakan dalam e*nsera* sekaligus membantu guru untuk meninjau tahap penguasaan terhadap cerita rakyat ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pengaplikasian pengajaran menerapkan kaedah mengalami-menghayati, guru E001 biasanya membuat aktiviti bersama pelajar menggunakan teknik kerusi panas. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik kerusi panas dapat membantu pelajar untuk befikir lebih mendalam terhadap teks *ensera.* Kerusi panas juga guru E001 boleh mengasah daya ingatan pelajar disamping menimbulkan keseronokkan semasa belajar. Selain menggunakan teknik kerusi panas, guru E001 turut menggunakan teknik teknologi maklumat iaitu mengaplikasikan bahan elektronik (komputer riba) untuk tayangan visual dan audio bagi menarik minat pelajar terhadap pengajaran sastera Iban menggunakan *ensera* khususnya dan apabila pelajar minat mereka akan lebih faham tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat yang ingin disampaikan. Selaras dengan pendapat Kamarudin Hj. Husin (1988, p. 234-235), kaedah mengalami-menghayati ialah satu kaedah yang digunakan oleh guru sastera untuk memberi kesan „penghayatan‟ dan „penikmatan‟ yang perlu dirasai oleh pelajar mengikut situasi sebenar, contohnya pelajar didedahkan dengan aktiviti drama dan memainkan watak penting dalam *ensera.* Dengan aktiviti drama ini pelajar dapat meletakkan dirinya pada watak sebenar dan hasil yang disampaikan lebih berkesan.

Seterusnya guru F001 juga menggunakan kaedah mengalami-menghayati dalam pengajarannya. Teknik yang digunakan oleh beliau ialah teknik berdialog. Berdasarkan teknik berdialog, beliau percaya bahawa pelajar dapat menghayati watak dan perwatakan yang terdapat dalam pengajaran *ensera.* Biasanya guru F001 memberi masa kepada pelajarnya untuk memahami teks e*nsera* terlebih dahulu. Setelah pelajar mendapat isi pelajaran, pelajar diarahkan untuk membuat dialog sendiri dengan pelbagai kreativiti seperti lukisan gambar jalan cerita, berdialog dengan rakan menggunakan watak dalam e*nsera* dan berdialog di hadapan kelas. Penglibatan pelajar seperti ini mampu memberi tahap keberkesanan dalam pengajaran e*nsera.*

Guru J001 turut menggunakan kaedah mengalami-menghayati dalam pengajarannya. Aktiviti yang dilakukan oleh guru J001 ialah menerusi aktiviti drama. Meskipun pendapat guru J001 sama dengan pendapat guru D001, tetapi cara penggunaannya berbeza. Guru J001 kerap menggunakan aktiviti luar bilik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

darjah supaya pelajar tidak mudah berasa bosan mempelajari *ensera.* Guru J001 bependapat bahawa melalui aktiviti drama di luar bilik darjah mampu memberi perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran e*nsera*. Berdasarkan teori pembelajaran konstruktivisme, pendapat yang dijelaskan oleh J001 dapat dikaitkan melalui persekitaran yang terancang dengan baik, pelajar boleh memupuk belajar mengenai sesuatu mengenai aktiviti drama. Dengan itu, pelajar dapat menghayati jiwa yang ada dalam watak dan perwatakan.

Temu bual seterusnya membincangkan tentang kaedah *oral-aural* dan menggunakan teknik pengajaran perbincangan dalam kumpulan supaya dapat emalhirkan idea yang banyak untuk dijadikan sebagai satu idea yang bernas. Kaedah *oral-aural* yang digunakan oleh guru G001 yang membawa maksud kaedah yang mengaitkan pendengaran dan pertuturan (Kamarudin Hj. Husin, 1977). Kaedah ini dimulakan dengan sebutan lisan, contohnya dialog dan latih tubi dilakukan secara berulang kali. Latih tubi tersebut menggunakan dialog yang realistik dengan memberi perhatian kepada intonasi yang betul. Oleh itu guru G001, menegaskan pelajarnya supaya membaca secara lantang agar rakan lain boleh memberi tumpuan penuh serta menghayati gaya pertuturan melalui intonasi dan gaya yang betul sekaligus beliau boleh memperbaiki cara penyampaian pelajar itu dengan lebih baik lagi.

Guru H001 merupakan seorang tenaga pengajar yang mengajar Kesusasteraan Melayu namun berlatar belakangkan kaum Iban dan mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman mendengar *ensera* suatu ketika dahulu. Pengkaji memilih beliau sebagai informannya kerana pengajaran dalam sastera Melayu lebih kurang sama dengan pengajaran Iban menggunakan e*nsera.* Beliau gemar menggunakan kaedah syarahan kerana memceritakan sesuatu topik terlebih dahulu amat penting agar pelajar lebih memahami tentang isi pengajaran yang dikemukakan. Informan H001 menerapkan sesi perbincangan untuk mengasah lagi pendapat pelajar tersebut.Kaedah syarahan merupakan salah satu metodologi dalam pengajaran dan pembelajaran yang dimplimentasikan dalam kelas. Kaedah syarahan digunakan oleh guru untuk menyampaikan pelajaran dengan penjelasan secara lisan di hadapan pelajar (Zakirman, Lufri dan Khairani, 2018, p. 4). Ini bermakna guru dapat mengorganisasi idea yang kompleks, mengemukan pemikiran kritikal dan dapat memperkembangkan minat pelajar terhadap isi pelajaran atau topik yang sedang dipelajari (Alizah Lambri dan Zamri Mahamod, 2015).

Seterusnya, temu bual bersama guru I001 mengenai kaedah dan teknik yang digunakan oleh beliau di dalam pengajarannya iaitu kaedah simulasi dan teknik perbincangan. Dalam pengajaran menggunakan kaedah simulasi, guru I001 mendedahkan pelajar berfikir, di situ mereka digalakkan untuk menyelesaikan sesuatu masalah dengan menyenaraikan, menganalisis situasi dan berfikir secara kritikal tentang isi pelajaran dan ini memerlukan teknik perbincangan di dalam kumpulan untuk mengenal pasti sesuatu nilai, watak yang terdapat dalam cerita dan seterusnya guru I001 mengambil alih peranan sebagai fasilitator menambah pengetahuan pelajar. Kaedah simulasi antara salah satu kaedah yang sering diaplikasikan oleh guru di dalam kelas untuk meningkatkan bakat yang ada pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar. Menurut Mohd Syahrizad Elias dan Ahmad Zamzuri Mohamad Ali (2012), pelbagai penyampaian pengajaran yang berasaskan simulasi, contohnya simulasi yang berkongsepkan bahan bantuan teknologi visual untuk memudahkan pelajar mempelajari sesuatu yang baharu di dalam pembelajaran mereka. Pada masa yang sama guru I001 menggunakan satu aktiviti dalam pengajarannya yang disebut sebagai model "raliya". Menurut guru I001, model "raliya" ini merujuk kepada aktviti belajar yang menggunakan tanah liat. Tanah liat ini digunakan untuk pelajar membuat sesuatu bentuk dalam cerita seperti bentuk manusia yang mempunyai pelbagai watak, suasana sesuatu tempat seperti gunung, sungai hutan dan sebagainya. Melalui aktiviti seperti ini pelajar akan berasa lebih seronok untuk mendalami dan mereka mudah mengingati jalan cerita tersebut.

Dengan keadaan sedemikian, jelaslah bahawa kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* dapat dihubungkaitkan dengan teori konstruktivisme secara asasnya kerana teori ini merupakan satu teori yang dicipta berdasarkan pemerhatian dan kajian saintifik tentang cara manusia belajar. Sebagai contoh, guru bahasa Iban mengaplikasikan pelbagai kaedah seperti kaedah inkuiri, kaedah mengalami-menghayati, kaedah *oral-aural*, kaedah syarahan dan kaedah simulasi untuk menjadikannya sebagai pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan mudah difahami oleh pelajar bahasa Iban khususnya. Menurut Kamarudin Hj. Husin (2010), penerapan teori konstruktivisme dalam pembelajaran yang melibatkan persekitaran bilik darjah yang terancang dengan baik dapat memberi ruang kepada pelajar untuk mempelajari sesuatu yang baru melalui pengalaman mereka dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengembangkan kebolehan untuk mengintegerasikan dan membangunkan maklumat baharu terutamanya dalam pengajaran *ensera.* Dengan itu, amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) ialah dikaitkan dengan model mengalami-menghayati. Fokus utama dibincangkan pada berikutnya.

4.3 Amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Amalan pengajaran guru yang kreatif bermaksud pengajaran dianggap sangat baik dan mampu memberi impak tinggi dalam sistem pendidikan. Keberkesanan amalan terbaik daripada pengajaran bergantung kepada kaedah dan teknik yang diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajarannya, tambahan jika guru menyediakan bahan bantu mengajar (ABM) yang mudah difahami oleh pelajar. Pemudahcaraan bahasa Iban berdasarkan beberapa kaedah dan teknik pengajaran *ensera* dapat dipupuk melalui kesediaan pengetahuan pedagogi guru bahasa Iban dan pengetahuan kandungan yang diajar dengan strategi yang lebih menarik. Dapatan kajian dijelaskan dari aspek amalan terbaik berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Kaedah dan teknik pengajaran guru.

Sebagai definisi, kaedah bermaksud satu tindakan guru yang sistematik bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan, lebih bercorak jangka pendek dan merupakan usaha keseluruhan yang terdiri daripada sesuatu pendekatan yang dipilih. Sebagai contoh, guru menggunakan beberapa gambar dan meminta murid menunjukkan gambar yang sedang diceritakan dengan bahasa mereka sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah ini disebut sebagai kaedah natural yang berasaskan kepada penguasaan bahasa dan situasi komunikatif (Tuan Jah Tuan Yusof, 2011, p. 88-89). Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986), kaedah mengajar ialah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancangkan dengan teratur. Contohnya guru merancang kaedah yang hendak digunakan sebelum mengajar seperti melatih murid-murid menulis dengan bahasa yang betul dan memahami tatabahasa dalam sesuatu bahasa. Kaedah ini disebut sebagai kaedah tatabahasa terjemahan yang mementingkan ejaan dan penulisan. Selain itu kaedah membawa maksud jalan untuk mencapai tujuan (Hassan Langgulung, 1981). Ringkasnya apa-apa sahaja cara yang digunakan oleh guru dalam pengajaran untuk memberi kefahaman kepada pelajar bagi 16 mencapai objektif disebut sebagai kaedah. Kaedah harus berubah mengikut keadaan, masa, tempat dan kumpulan murid, guru perlu pandai dan bijak memilih kaedah yang baik dan sesuai dengan matlamat sukatan pelajaran. Misalnya, guru menggunakan kaedah global untuk mengajar sastera yang dinilai secara menyeluruh. Kaedah ini amat sesuai untuk guru yang mengikut keadaan masa mengalami kesuntukan dalam membicarakan banyak komponen.

Sehubungan itu, teknik pula membawa maksud satu cara yang digunakan oleh seseorang untuk menyampaikan sesuatu maklumat contohnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Menurut Tuan Jah Tuan Yusof (2011, p. 61), teknik ialah satu set himpunan kelakuan atau cara dalam kaedah, sebagai contoh jika kaedah yang hendak digunakan oleh guru ialah kaedah penerangan, maka teknik yang boleh digunakan oleh guru bagi menyampaikan penerangan tersebut ialah melalui teknik bercerita, syarahan, taklimat dan sebagainya.Taktik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau cara-cara juga ialah teknik pengajaran yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil segera yang maksimum ketika menyampaikan sesuatu pengajaran. Teknik ini dicipta dan ditentukan sebelum pelaksanaan pengajaran. Setiap teknik yang digunakan adalah selaras dengan kaedah yang digunakan dan sejajar pula dengan pendekatan yang dipegang. Teknik pengajaran boleh dirujuk sebagai alat yang digunakan oleh guru melalui bahan-bahan pengajaran yang dipilih untuk pelajarnya. Teknik dijadikan sebagai satu kemahiran atau cara melaksanakan penyampaian bahan pengajaran kepada pelajar dari segi langkah-langkah dalam aktiviti pembelajaran. Secara khususnya, teknik merupakan satu cara penyampaian pelajaran dan perlu diteliti supaya dapat mempercepatkan penanggapan pelajar. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan, pelbagai teknik yang boleh digunakan oleh guru seperti teknik bercerita, teknik perbincangan, dan sebagainya (Sapie Sabilan, 2017, p. 44).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pendapat sarjana-sarjana di atas dapat dikenalpasti melalui kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru Bahasa Iban di SMK Engkilili dalam pengajaran Bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Meskipun guru-guru menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran mereka, namun guru-guru masih lagi menyentuh tentang penghayatan. Keseluruhan dapatan yang diperolehi oleh pengkaji semasa temu bual ialah "mengalami-menghayati". Guru-guru menggunakan pendekatan mengalami-menghayati berasaskan teknik bercerita, membaca, lakonan, kerusi panas, berdialog, perbincangan, latih tubi dan drama. Penggunaan mengalami-menghayati ialah antara satu model amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Selain itu kaedah dan teknik ini juga dapat memberi pemahaman dengan lebih mendalam dan teliti kepada para pelajar terutamanya dalam pengajaran *ensera.* Oleh itu teori konstruktivisme dimanfaatkan dalam kajian ini untuk menjelaskan pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar kerana pengetahuan dibina secara aktif berdasarkan pengalaman lepas untuk mendapatkan pengetahuan baharu yang dipelajari melalui integrasi dengan pengetahuan sedia ada (Kamarudin Hj. Husin, 2010, p. 450).


Amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Iban berdasarkan kaedah dan teknik pengajaran *ensera* ialah:

4.3.1.1 Mengalami-menghayati melalui teknik bercerita.

Bercerita merujuk kepada cara seseorang guru untuk menyampaikan isi pelajaran dalam suasana yang menyeronokkan tetapi secara tidak langsung dapat membina rasa simpati, mengembangkan akal fikiran, imaginasi dan kecerdasan pelajar-pelajar (Kamarudin Hj. Husin, 1988, p. 236). Teknik bercerita biasanya menekankan kandungan dan isi. Guru A001 menggunakan teknik bercerita semasa mengajar *ensera Keling Urang Panggau Libau.* Beliau mengaplikasikan teknik bercerita seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Mengalami-menghayati dalam *ensera Keling Urang Panggau Libau*

Berdasarkan rajah 4.1 guru A001 mengaplikasikan teknik bercerita dalam mengajar Bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Pada permulaan guru A001 menceritakan pengenalan mengenai *ensera Keling Urang Panggau Libau* kepada pelajarnya dengan gaya dan intonasi yang betul. Guru A001 sangat mementingkan intonasi dalam menyampaikan teks *ensera* tersebut agar pelajarnya dapat menghayati kandungan dan isi cerita yang disampaikan. Setelah bercerita kepada seluruh kelas, guru A001 memberi ruang dan peluang kepada pelajarnya untuk membaca semula teks *ensera Keling Urang Panggau LIbau* dan menyampaikan dengan penuh jiwa perasaan serta intonasi yang betul. Setelah itu, guru A001 memberi markah kepada pelajar yang berjaya menyampaikan teks secara bercerita. Di akhir pengajaran dan pembelajaran, guru A001 dan pelajarnya berperanan untuk berkongsi pengetahuan terhadap *ensera Keling Urang Panggau Libau* dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendapat-pendapat dijadikan sebagai kesimpulan di akhir PnP. Disini jelaslah bahawa guru A001 menekankan pendekatan mengalami-menghayati kerana berdasarkan temu bual guru A001 menyentuh tentang teknik bercerita yang dilakukan secara penuh jiwa perasaan ketika membacanya.

4.3.1.2 Mengalami-menghayati melalui teknik membaca teks.

Definisi membaca teks ialah pelajar biasanya diberi peluang untuk membaca dengan nada kuat mahupun senyap terhadap aspek-aspek kesusasteraan yang hendak diajar (Kamarudin Hj. Husin, 1988, p. 235). Guru B001 gemar menggunakan teknik membaca teks semasa mengajar *ensera*. Berikut merupakan cara guru B001 menggunakan teknik membaca teks *ensera Kumang enggau Lulong:*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.2. Mengalami-menghayati dalam *ensera Kumang enggau Lulong*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.2 menunjukkan cara guru B001 menggunakan teknik membaca teks semasa mengajar *ensera Kumang enggau Lulong.* Teknik ini digunakan sepenuhnya melibatkan pelajar. Pada permulaan proses PnP bermula, pelajar diarahkan untuk membaca teks *ensera Kumang enggau Lulong* secara senyap. Masa yang diberikan kepada pelajar hanyalah 10 minit sahaja kerana guru B001 memberi teks yang ringkas supaya pelajar memahami dan menghayati jalan cerita dengan mudah dan pantas. Setelah membaca dengan senyap serta menghayati teks tersebut, kesemua pelajar perlu membaca teks *ensera Kumang enggau Lulong* di hadapan kelas mengikut urutan dengan nada yang kuat. Berdasarkan temu bual B001, di akhir pengajaran, guru B001 akan mengadakan sesi soal jawab serta perbincangan bersama pelajarnya untuk mengesan dan menguji pemahaman dan penghayatan mereka. Oleh itu, pendekatan mengalami-menghayati merupakan satu cara terbaik bagi guru dalam mengajar sastera seperti *ensera*.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.3 Mengalami-menghayati melalui teknik bercerita

Berdasarkan temu bual bersama guru C001, teknik bercerita yang digunakan untuk mengajar *ensera* dilakukan dengan penglibatan pelajar. Guru C001 menekankan penglibatan pelajar dengan bercerita seperti:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Mengalami-menghayati dalam *ensera Bungai Nuing enggau Punggangambi kayu api*

Berdasarkan rajah 4.3 guru C001 sama seperti guru A001 menggunakan teknik bercerita, namun bezanya guru C001 mengarahkan pelajarnya sahaja yang bercerita. *Ensera Bungai Nuing enggau Pungga ngambi kayu api* yang dijadikan bahan pengajaran oleh guru C001 telah diringkaskan menggunakan Bahasa Iban yang mudah difahami oleh pelajarnya. Ini kerana kisah *ensera* tersebut asalnya jalan cerita yang sangat panjang namun guru C001 telah meringkaskan terlebih dahulu seberlum mengarahkan pelajarnya untuk bercerita di hadapan kelas. Menurut temu bual bersama guru C001, beliau hanya sebagai pembimbing manakala pelajar memberi pendapat melalui penghayatan yang diperolehi dalam *ensera Bungai Nuing enggau Pungga ngambi kayu api.* Pernyataan ini selaras dengan teori kontruktivisme iaitu guru C001 dikatakan sebagai pembimbing dan pelajar sebagai pemberi makna (Von Glaserfield, 1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.4 Mengalami-menghayati melalui teknik lakonan.

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1988, p. 236), teknik berlakon ialah satu aktiviti yang digemari oleh pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar dapat belajar sambil menghiburkan hati dan tidak cepat berasa bosan. Berdasarkan hasil temu bual bersama guru D001, beliau menunjukkan satu bentuk model mengalami-menghayati seperti berikut:



Rajah 4.4. Mengalami-menghayati dalam *ensera Telichu Telichai*

Berdasarkan rajah 4.1 guru D001 memberi penerangan terlebih dahulu terhadap teks e*nsera Telichu Telichai* secara ringkas. Kisah *Telichu Telichai* ialah merupakan hubungan adik-beradik yang sangat akrab dan sanggup berkorban untuk orang kampung mencari sumber makanan. Watak tersebut disampaikan oleh dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang pelajar yang membawa watak *telichu* dan *telichai* manakala dua pelajar lagi memainkan watak sebagai orang kampung. Setelah menerangkan watak dan jalan cerita, pelajar yang dipilih diarahkan untuk membawa watak masing-masing selama 5 minit. Apabila kempat pelajar bersedia, lakonan dimulakan dengan penuh jiwa dan perasaan. Pelajar lain menjadi penonton untuk menghayati watak yang disampaikan. Selesai sahaja lakonan dipentaskan di hadapan bilik darjah, guru memberi ganjaran kepada para pelajar yang berani dan berjaya mempersembahkan lakonan mereka dengan penuh kreativiti seperti memberi hadiah buku cerita *ensera.* Akhir sekali guru membimbing pelajar untuk mengulas semula watak *telichu telichai* untuk memperoleh idea baharu, iaitu pengajaran terhadap nilai sanggup berkorban kepada masyarakat. Merujuk kepada kaedah mengalami-menghayati yang dijelaskan dalam pengajaran *ensera*, teknik lakonan yang digunakan oleh guru D001 berjaya menarik minat pelajar kepada watak dan perwatakan dalam *ensera Telichu Telichai.* Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar menghayati dan mengalami sendiri watak dengan penuh jiwa dan perasaannya. Sehubungan itu, menggunakan teknik ini juga guru D001 dapat mengasah lagi bakat pelajarnya dalam bidang lakonan dan pelajar belajar dengan lebih seronok. Selaras dengan teori konstruktivisme, kaedah mengalami-menghayati mampu mengalakkan pelajar untuk mencipta lebih banyak pengetahuan dan bertindak balas, serta berbincang tentang apa yang pelajar lakukan dan bagaimana pemahaman mereka berubah (Kamarudin Hj. Husin, 2010, p. 448). Dengan itu kaedah mengalami-menghayati menggunakan teknik lakonan adalah salah satu amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan pada pengajaran *ensera* yang terdapat di SMKE.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.5 Mengalami-menghayati melalui teknik kerusi panas.

Guru-guru sering mengaplikasikan teknik kerusi panas dalam pengajaran sastera. Kerusi panas ialah satu teknik asas penghayatan watak dan perwatakan. Teknik ini sering digunakan di dalam kelas dengan melibatkan sorang pelajar dalam memainkan peranan untuk dijadikan fokus utama kepada pelajar lain dalam menjawab soalan yang dikemukan dengan justifikasi tentang perwatakan sesebuah cerita. Aktviti kerusi panas ini diaplikasikan oleh guru E001 seperti berikut:



Rajah 4.5. Mengalami-menghayati dalam *ensera Apai Saloi*

Rajah 4.2 menunjukkan satu aktiviti menggunakan teknik kerusi panas yang diaplikasikan oleh guru E001 dalam pengajaran Bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera Apai Saloi.* Guru membahagikan kepada 5 kumpulan pada setiap pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap kumpulan diberikan tugas untuk membincangkan watak dan perwatakan e*nsera Apai Saloi.* Seterusnya guru meminta setiap kumpulan tersebut untuk membina soalan daripada watak e*nsera Apai Saloi.* Setelah soalan dibina, guru E001 meminta seorang wakil kumpulan untuk berada di hadapan bagi menjawab soalan. Jika wakil pelajar tidak mendapat menjawab, rakan-rakan dalam kumpulan boleh membantu dan pelajar lain akan mencatat maklumat penting yang dihasilkan daripada watak *ensera Apai Saloi.* Setelah aktiviti selesai, guru E001 merumuskan watak dan perwatakan e*nsera Apai Saloi* dengan lebih jelas. Melalui teknik kerusi panas, E001 boleh mengasah daya ingatan pelajar dan menimbulkan keseronokkan semasa pelajar.


4.3.1.6 Mengalami-menghayati melalui teknik berdialog

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Mohamad Zaidin Mohamad (2015), berdialog ialah satu bentuk perbincangan antara dua pihak atau lebih yang mewakili kepercayaan, ideologi atau pandangan berkenaan sesuatu isu dalam suasana yang beretika dan harmoni agar kebaikan dan permasalahan tercapai. Guru F001 menggunakan teknik berdialog seperti:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.6. Mengalami-menghayati dalam *ensera duruk bubut enggau ruai*

Berdasarkan rajah 4.3 menunjukkan cara guru F001 mengaplikasikan teknik berdialog dalam *ensera duruk bubut enggau ruai*. Pertama guru F001 mengarahkan pelajarnya supaya untuk memahami isi e*nsera duruk bubut enggau ruai* secara senyap. Setelah pelajar memahami isi pelajaran, guru memberi arahan supaya pelajar menulis satu dialog beradasarkan teks e*nsera* yang diberikan olehnya. Pelajar diberi masa 10 minit untuk membuat dialog mengikut kreativiti dan pemahaman yang diperolehi daripada pembacaan. Dialog yang ditulis oleh pelajar perlu dilakonkan di hadapan kelas dan guru F001 memberikan 5 minit untuk melakonkan fokus utama dalam *ensera duruk bubut enggau ruai*. Akhir sekali setelah dialog selesai dilakukan guru F001 memberi kesimpulan terhadap nilai pengajaran dalam e*nsera* tersebut sekaligus menajamkan lagi pengetahuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pelajarnya. Bertitik tolak daripada ini, guru F001 dapat mengasah bakat pelajarnya melalui penghayatan pengajaran *ensera* dengan menggunakan dialog dan membantu menajamkan lagi idea terhadap penulisan dialog yang terdapat dalam watak dan perwatakan e*nsera duruk bubut enggau ruai.* Selaras dengan penggunaan teori konstruktivisme dalam pembelajaran, mengalami-menghayati dalam mengaplikasikan teknik dialog pelajar dapat membina pengetahuan sendiri dan guru hanya berperanan sebagai pembimbing secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sehingga pelajar mahir (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Abdurajak danYusmini Md Yusoff, 2017).

4.3.1.7 Mengalami-menghayati melalui teknik perbincangan

Teknik ini dikenali sebagai teknik diskusi dengan melibatkan aktiviti murid sepenuhnya seperti berbual secara lisan, memberi pendapat, pandangan serta melahirkan perasaan secara aktif (Kamarudin Hj. Husin, 1988). Guru G001 memberi pandangan secara keseluruhan semasa menggunakan teknik perbincangan seperti:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.7. Mengalami-menghayati dalam pengajaran *ensera*

Berdasarkan rajah 4.7 guru G001 mengaplikasikan teknik perbincangan untuk mengajar *ensera.* Semasa menemu bual guru G001, pengkaji mendapati bahawa guru G001 memberi pendapat secara keseluruhan dan tidak menyatakan *ensera* yang diajar oleh kerana beliau merupakan guru bahasa Inggeris namun mempunyai pengetahuan terhadap *ensera.* Walau bagaimanapun, guru G001 memberi respon yang sangat jelas dimana beliau mengaitkan puisi bahasa Inggeris dengan *ensera* kerana beliau merasakan ianya lebih kurang sama dari segi pengajaran dan pembelajaran. Apabila mengajar teks sastera sebagai contoh iaitu *ensera,* guru G001 berpendapat guru-guru perlu menyediakan bahan pengajaran lebih awal seperti teks *ensera.* Setelah itu, guru mengarahkan pelajarnya untuk membuat satu kumpulan supaya adakan perbincangan. Setiap kumpulan diberi peluang untuk


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memilih teks *ensera* untuk dibincangkan dan dibentangkan di hadapan kelas. Akhir sekali guru G001 memilih kumpulan yang berjaya menjelaskan dengan baik dari segi penghayatan dan penikmatan yang terdapat di dalam teks *ensera.*

4.3.1.8 Mengalami-menghayati melalui teknik latih tubi

Latih tubi ialah aktiviti pengulangan fakta-fakta atau kecekapan yang diperoleh bertujuan untuk digunakan dalam pengajaran bagi mencapai taraf penguasaan pelajar terhadap kemahiran di samping menjamin kekakalannya (Azizi Yahaya dan Chu Siew Pang, 2010). Guru H001 menunjukkan teknik latih tubi seperti:



Rajah 4.8. Mengalami-menghayati dalam *ensera Randau Keling enggau Kumang*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.8 menunjukkan cara guru H001 mengajar *ensera Randau Keling enggau Kumang.* Guru H001 gemar menggunakan teknik latih tubi semasa mengajar kerana beliau mengajar kelas lemah. Semasa temu bual bersama guru H001, kelas lemah perlu diberi banyak latihan supaya mereka dapat memahami isi dalam teks e*nsera* secara perlahan-lahan. Ini kerana guru H001 berpendapat gaya pemikiran pelajar kelas lemah agak lambat. Pada sesi 1, guru H001 menyediakan bahan pengajaran seperti mengedarkan teks e*nsera* mahupun gambar yang mengisahkan satu e*nsera.* Sesi 2 pula, setelah pelajar mendapat bahan-bahan pengajaran, guru H001, menanyakan soalan mengenai jalan cerita yang terdapat dalam teks dan gambar. Pelajar berperanan di dalam sesi 3 dan sesi 4, menjadi pendengar dan membuat latihan. Semasa membuat latihan tersebut, guru H001 percaya bahawa pelajarnya membaca sambil menghayati teks *ensera Randau Keling enggau Kumang* dan dari situlah pelajar dapat menyelami isi pengajaran itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.9 Mengalami-menghayati melalui teknik perbincangan

Terdapat dua jenis bentuk perbincangan iaitu perbincaangan yang dijalankan di keseluruhan kelas dan juga perbincangan antara kumpulan-kumpulan kecil. Dalam perbincangan antara keseluruhan kelas, perbincangan tersebut lazimnya diarahkan oleh guru. Untuk perbincangan kumpulan-kumpulan kecil pula, sesi perbincangan tersebut lazimnya diketuai oleh pelajar di dalam kelas tersebut (Azizi Yahaya dan Chu Siew Pang, 2010). Guru I001, menggunakan teknik perbincangan seperti:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.9. Mengalami-menghayati dalam *ensera Kumang enggau Lulong NulongUrang Rumah Panjai*


Dalam rajah 4.9 guru I001 menjalankan teknik perbincangan di keseluruhan kelas. Guru I001 dan pelajar bersama-sama berbincang mengenai jalan cerita *ensera Kumang enggau Lulong Nulong Urang Rumah Panjai.* Ini kerana guru I001 percaya bahawa pelajarnya lebih menghayati isi cerita tersebut dengan dibantu olehnya menyelitkan isi tersurat dan tersirat. Tambahnya lagi, guru wajar membimbing pelajarnya dari awal hingga akhir supaya pelajar dapat menguasai setiap babak yang terdapat dalam *ensera,* seperti *ensera* kegemarannya iaitu *ensera Kumang enggau Lulong Nulong Urang Rumah Panjai*, kerana kebanyakkan jalan cerita itu ditokok tambah olehnya sendiri agar nampak lebih menarik dan pelajar seronok ketika membaca dan membincangkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.10 Mengalami-menghayati melalui teknik drama

Menurut Mohd Amir Mohd Zahari, Azrul Azizi Amirul, Anida Sarudin (2019), penggunaan teknik drama dalam pendidikan membentuk suasana yang membolehkan murid belajar antara satu sama lain berasaskan interaksi secara langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar menerapkan elemen dramatik seperti suara, gerak, pemikiran dan improvisasi dan main peranan sebagai alat bantu untuk menyampaikan drama. Dalam temu bual bersama guru J001, beliau menggunakan teknik drama sebagai aktiviti pembelajaran menggunakan *ensera.* Pengaplikasian teknik drama ditunjukkan seperti berikut:



Rajah 4.10. Mengalami-menghayati dalam e*nsera Keling* dan *Kumang*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.10 menunjukkan cara penggunaan mengalami-menghayati melalui teknik drama yang dilakukan di luar bilik darjah iaitu dewan sekolah SMKE. Guru J001 menggunakan satu idea untuk menarik minat pelajar dalam membuat satu drama e*nsera keling kumang.* Persekitaran yang dipilih sangat sesuai dengan kerana guru J001 menggunakan waktu selepas persekolahan sebagai kelas tambahan pengajaran *ensera.* Skrip e*nsera keling kumang* telah dicipta oleh guru J001 melalui jalan cerita mengikut pengetahuan sedia ada dan ditokok tambah agar berkaitan dengan bidang pengajaran sesuai dengan pelajar. Drama e*nsera keling kumang* melibatkan 10 orang pelajar dan menyelitkan persembahan muzik untuk memeriahkan lagi suasana. Penonton melibatkan pelajar tingkatan 1 dan tingkatan 2 serta guru-guru bahasa Iban sebagai penilai. Melalui penilaian yang dilakukakn oleh juri, guru F001 dapat mengesan tahap penguasaan pelajarnya terhadap pengajaran e*nsera.* Implikasinya, pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera*, menjadi lebih berkesan berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh guru daripada teknik drama. Oleh itu pendekatan konstruktivisme dalam pembelajaran dikatakan sebagai satu teori bagaimana seseorang belajar melalui pengalaman sedia ada dan ditunjukan pada orang lain untuk dinilai dari segi ilmu pengetahuan yang baharu terhadap sesuatu isi pengajaran (Kamarudin Hj. Husin, 2010).

Secara kesimpulannya pengajaran menggunakan mengalami-menghayati menekankan "penikmatan" pada sesuatu aspek kesusasteraan yang dipelajari itu dapat di rasakan dan dihayati sepenuhnya, manakala penghayatan pula berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman pelajar untuk digunakan mendapat sesuatu pengalaman yang baru (Kamarudin Hj. Husin, 1998, p. 234). Hasil temu bual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersama guru A001, B001, C001, D001, E001, F001, G001, H001, I001 dan J001, pendekatan mengalami-menghayati adalah satu kaedah yang sangat sesuai untuk dijadikan sebagai amalan terbaik dalam PdPC terutamanya dalam pengajaran *ensera.* Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan teknik pengajaran yang diaplikasikan oleh guru-guru tersebut seperti teknik bercerita, membaca, berlakon, kerusi panas, berdialog, perbincangan, latih tubi dan drama. Dengan itu, berdasarkan kesemua dapatan yang diperolehi melalui teknik-teknik pengajaran guru, amalan terbaik sebagai Pdpc pengajaran Bahasa Iban menggunakan *ensera* ialah mengalami-menghayati. Ini kerana setiap penerangan yang diberikan oleh guru-guru menyentuh tentang penghayatan yang perlu dikuasai oleh pelajar ketika menguasai teks dalam satu *ensera.* Sama seperti definisi teori konstruktivisme, manusia membina pemahaman dan pengetahuan mereka tentang dunia melalui pengalaman yang ditempuhi dan bertindak balas ke atas pemancaran semula pengalaman tersebut. Ini bermakna pengalaman baharu terhadap *ensera* dapat dicapai dalam diri pelajar.

4.4 Penguasaan terhadap nilai moral dalam *ensera.*

Dapatan kajian terhadap penguasaan nilai moral dalam *ensera* berdasarkan mengalami-menghayati oleh guru dan pelajar dapat dikesan melalui jalan cerita *ensera* yang diajar di sekolah. Nilai dedifinisikan sebagai sesuatu yang dikatakan baik seperti kasih sayang, baik hati, kepuasan hati, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan kesederhanaan. Selain itu, nilai juga merupakan satu garis panduan umum terhadap tingkah laku sebagai contoh memberi satu arah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada kehidupan seseorang atau anggota sesuatu masyarakat. Nilai turut mempunyai maksud iaitu suatu konsep tersurat atau tersirat bagi individu atau kelompok yang dikehendaki mempengaruhi pemilihan ragam dan segala tindakan contohnya masyarakat Melayu menggunakan pantun untuk menyampaikan nilai dan pengajaran terhadap sesuatu perkara. Hal ini bermakna pantun tersebut membawa maksud yang tersurat dan tersirat supaya individu atau kelompok itu sedar akan kesilapannya (Ain Zelkifle, 2012, p. 14). Jelaslah bahawa definisi di atas menunjukkan pentingnya nilai dalam sesebuah masyarakat begitu juga pada kalangan masyarakat Iban sendiri. Masyarakat Iban menunjukkan nilai melalui jalan cerita, pantun, puisi, dan seupamanya supaya masyarakat sedar terhadap nilai-nilai yang penting untuk dijadikan panduan hidup seharian.

Berdasarkan amalan terbaik dalam PdPc menggunakan kaedah mengalami-menghayati dan pengaplikasian teknik pengajaran melalui temu bual yang dijalankan terdapat beberapa jenis nilai moral yang dikesan oleh pelajar melalui penjelaskan dikemukakan oleh guru-guru semasa pengajaran Bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* iaitu nilai keberanian, baik hati, kasih sayang, tolong menolong, kebijaksanaan, rajin, hormat menghormati orang tua/masyarakat, menghormati adat, jujur, rasional, bertanggungjawab dan hemah tinggi. Nilai-nilai moral ini terdapat dalam pengajaran e*nsera* yang diperjelaskan oleh guru-guru semasa di dalam kelas untuk dijadikan teladan dalam kehidupan seharian mereka. Berikut merupakan nilai moral dalam e*nsera* yang diperolehi, pengkaji telah merangkumkan nilai tersebut dalam jadual 4.3 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Penguasaan nilai moral dalam ensera

Responden	Nilai dalam *ensera*
A001/07:40	"…kisah dua orang adik beradik yang sanggup mencari makanan ke dalam hutan yang sangat jauh untuk membela nasib orang kampung yang kehabisan sumber makanan ketika itu. Banyak halangan yang telah menimpa dua orang adik beradik semasa di hutan. Disebabkan lapar si abang iaitu Telichu telah memakan binatang secara mentah dan dia bertukar mencari hantu kerana telah memakan sel-sel mentah tersebut, manakala Telichai masih lagi menjadi manusia kerana dia memasak daging tersebut sebelum dimakan. Namun begitu mereka berdua masih menjalinkan hubungan yang baik walaupun si abang iaitu Telichu telah menjadi hantu dan sikap berani yang ada pada mereka dikagumi oleh penduduk kampung kerana sanggup berkorban diri dan nyawa untuk mencari hasil makananan demi menyelamatkan orang kampung…"
B001/04:00	"… e*nsera kumang dan lulong,* nilai kesopanan tersebut terserlah semasa kedua adik beradik itu melakukan kerja-kerja di rumah panjang dengan penuh berhemat sehingga menghasilkan kualiti yang baik. Kedua adik beradik ini dikagumi oleh masyarakat kampung kerana bukan sahaja sopan santun tetapi mereka juga sangat cantik daripada paras rupa dan sangat pandai membuat kerja-kerja rumah…"

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 *(sambungan)*

Responden	Nilai dalam *ensera*
C001/05:52	"…e*nsera duruk duduk ruai enggau bubut* diajar di dalam kelas kerana jalan ceritanya berkaitan dengan sahabat. Cerita e*nsera duruk duduk ruai enggau bubut* ini mengisahkan dua sahabat yang berkawan baik namun di pertengahan jalan cerita dua kawan ini bertelingkah kerana saling tidak mahu mengalah dalam membuat sesuatu kerja. Walau bagaimanapun cerita ini jelas memperlihat bahawa nilai sahabat amat penting daripada pergaduhan meskipun kedua sahabat itu masih lagi tidak mahu bermaafan antara satu sama lain…"
D001/05:00	"…Sikap Keling yang bertanggungjawab amat dikagumi oleh orang-orang kampung kerana sanggup mencari isterinya Kumang yang hilang. Kumang pula sangat baik hati sehingga dia sanggup meneman adiknya mencari ikan di sungai. Kedua-dua nilai ini dijelaskan dalam e*nsera keeling dan kumang* yang menjadi buah mulut cerita rumah panjang sehingga kini…"
E001/06:40	"…pada ketika itu masyarakat yang menetap di *Panggau Libau* berfikiran sangat rasional dalam membuat keputusan kerana hormat akan tuan mereka iaitu Keling yang merupakan seorang pahlawan yang berani, gagah, tampan dan bertanggungjawab dalam segala amanah yang diberikan. Cikg E hanya menceritakan serba sedikit tentang e*nsera* tersebut kerana Cikgu E hanya memberi fokus utama kepada watak Keling sahaja semasa Cikgu E mendengar e*nsera Panggau Libau* sewaktu ketika dahulu…"

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 *(sambungan)*

Responden	Nilai dalam *ensera*
F001/10:47	"…budaya dan bangsa Iban penuh dengan kasih sayang dan sopan santun di dalam keluarga. *Ensera* "Kumang dan Keling" adalah salah satu contoh yang boleh dijadikan nilai dalam kehidupan kita. Kita seharusnya sayang pada pasangan atau keluarga dan masyarakat. Keling bukan sahaja seorang yang berani malah dia seorang yang penyayang dan sangat sayang akan isterinya Kumang, sanggup berkorban untuk menyelamatkan isterinya itu daripada bahaya…"
G001/06:55	"…dalam *ensera* yang bertajuk "Apai Sali" nilai murni yang dapat kita jadikan panduan iaitu sikap tolong-menolong dan kesederhaan. Kisah *ensera* "Apai Sali" mengisahkan seorang lelaki yang tidak mahu menolong orang lain dan tamak akan sesuatu sehingga menyusahkan diri sendiri. Sikap ini tidak patut dijadikan panduan hidup tetapi dijadikan pengajaran bahawa kita perlu menerapkan nilai-nilai murni seperti tolong-menolong dan sederhana dalam kehidupan…"
H001/09:39	"…kalau nilai kesetiaan ini saya dapat katakan pada satu teks yang saya ajar sekarang iaitu "Hikayat Hang Tuah", sama seperti jalan cerita *ensera* "Keling dan Kumang". Hikayat Hang Tuah menceritakan tentang kesetiaan pada cintanya kepada Puteri Gunung Ledang. Selain itu setia Hang Tuah dapat dilihat dari segi kesetiaan kepada raja dan sanggup buat apa sahaja demi raja Melaka dan menemani raja Melaka berjumpa dengan raja Majapahit iaitu Seri betara.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 *(sambungan)*

Responden	Nilai dalam *ensera*
	Oleh itu nilai kesetiaan ini juga, saya percaya Keling mempunyai perwatakan yang sama kerana dia ialah pahlawan masyarakat Iban…"
I001/10:30	"…*ensera* yang pernah saya dengar sewaktu ketika dahulu iaitu "Kumang dan Lulong" Cuma saya tak berapa ingat jalan ceritanya ketika itu. Tetapi nilai kemanusiaan yang ada pada sikap kedua puteri itu sama seperti kisah Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang yang memberi ilmu kepada penduduk kampung untuk menghasilkan pakaian yang cantik iaitu membuat tenunan dan menjahit kain…"
J001/04:47	"…Ok, yang pertama kita lihat kepada nilai keberanian, nilai kebaikan, baik hati, lepas tu nilai kasih sayang keluarga satu lagi nilai kerjasama, nilai kebijaksanaan dan nilai harmoni, dan nilai pengorbanan seperti dalam *ensera Wat Jelepa* yang mengisahkan …"

Berdasarkan jadual 4.3 guru A001 menjelaskan nilai keberanian. Nilai keberanian yang terdapat dalam *ensera Telichu Telichai* menjadi satu contoh yang perlu diterapkan dalam diri masyarakat khususnya kepada para pelajar. Keberanian bermaksud kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan penuh yakin dan tabah (Mohana Munusamy, 2018). Kisah *Telichu Telichai* ini jelas menggambarkan sikap berani anak muda yang sanggup berkorban untuk masyarakat kampung daripada kebuluran. Rintangan yang dihadapi oleh kedua adik-beradik semasa di hutan yang jauh daripada masyarakat mampu diatasi meskipun salah satu daripada mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berubah menjadi hantu disebabkan oleh kecuaiannya memakan daging yang mentah tanpa dimasak terlebih dahulu. Sikap berani kedua adik-beradik ini amat dikagumi oleh masyarakat kampung mereka kerana menyelamatkan semua masyarakat kampung daripada terkorban daripada kelaparan. Oleh itu sikap seperti ini harus disemai dalam diri golongan muda memberi bantuan kepada orang susah agar hidup memperoleh keberkatan dalam melaksanakan sesuatu dengan ikhlas.

Guru B001 menjelaskan nilai kesopanan dan kecantikkan pada perempuan perlu dipelihara agar sentiasa dihormati dan disegani. Kisah *kumang* dan *lulong* adalah e*nsera* yang terkenal pada masyarakat Iban dari dulu sehingga kini. Kesopanan yang dibawa oleh kedua gadis Iban ini menjadi buah mulut masyarakat kampung kerana sikap yang sopan bila bertutur dengan orang tua, sopan dalam membuat sesuatu perkerjaan sehingga mendapat hasil yang baik. *Kumang* dan *lulong* sentiasa dijadikan sebagai contoh kepada para remaja khususnya kaum perempuan Iban di rumah panjang, sentiasa diingatkan untuk menjaga akhlak diri supaya tidak ditindas oleh masyarakat. Nilai kesopanan ini ditakrifkan sebagai strategi untuk mengelakkan persengketaan dalam satu komunikasi. Strategi utama yang perlu dipatuhi untuk mencapai sifat santun ialah penggunaan bahasa yang halus, beradab sopan, sikap yang lemah lembut dan berbudi pekerti (Ayuni Mohamad Bakari dan Rohaidah Kamaruddin, 2019).

Disamping itu, guru C001 menekankan nilai persahabatan. Nilai ini sering ditegaskan oleh C001 kepada pelajarnya kerana nilai persahabatan amat penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kehidupan. C001 menjelaskan nilai persahabatan dalam e*nsera duruk burut enggau ruai*, kisah dua orang sahabat baik pada mulanya menjalinkan hubungan kawan yang baik. Tetapi di tengah cerita mereka bergaduh disebabkan salah seorang tidak mahu berbuat kebaikan setelah seorang kawan yang bernama *bubut* menolong untuk membuat ukiran yang sangat cantik, manakala apabila *bubut* meminta tolong daripada *ruai* untuk mengukir bulunya, *ruai* tidak melakukan dengan sempurna sehingga menyebabkan ukiran pada bulu *bubut* cantik dan buruk. Pengajaran daripada e*nsera* ini ialah kebaikan janganlah dibalas dengan kejahatan dan jangan mengkhianati seorang yang bernama sahabat, seharusnya saling tolong menolong agar nilai persahabatan itu kekal selamanya. Persahabatan merujuk kepada satu bentuk pergaulan, kebersamaan, pendampingan dan saling memberi komitmen antara satu sama lain, sama ada melalui fizikal atau sebagainya. Hal ini demikian kerana asas persahabatan dapat melahirkan sikap tolong-menolong. Seorang sahabat dikatakan banyak memberi komitmen dalam persahabatan seperti membantu semasa dalam kesusahan, memberi nasihat dan dorongan, sebagai tulang belakang dan banyak lagi. Oleh itu, nilai persahabatan amat tinggi kerana ia bukan sekadar teman untuk bergaul tetapi sebagai seseorang yang sentiasa ada apabila diperlukan baik di waktu senang mahupun susah (Azmin Yusof dan Muhamad Ismail Abdullah, 2017).

Guru D001 menceritakan tentang e*nsera keling dan kumang. Ensera* ini merupakan satu cerita yang amat popular di kalangan masyarakat Iban. D001 selalu mendengar cerita tersebut semasa beliau masih lagi di alam persekolahan. Nilai dalam e*nsera keling* dan *kumang* ialah nilai bertanggungjawab. *Keling* merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

suami kepada *kumang* yang sangat berani dan kental melawan rintangan. Semasa kumang sesat di hutan dan menjadi tawanan musuh iaitu seorang lelaki yang jahat bernama *Apai Sabit Bekait. Keling* berjaya melawan *Apai Sabit* dan mendapatkan isterinya semula. Tanggungjawab *keling* kepada isterinya sangat mengangumkan masyarakat di rumah panjang ketika itu. Oleh itu sehingga kini *keling* dijadikan sebagai contoh kepada kaum lelaki khususnya pelajar bangsa Iban kerana sikapnya yang sangat bertanggungjawab kepada amanah yang diberikan, gagah dan berani serta sakti, yang harus disemai dalam diri.

Guru E001 menceritakan nilai rasional dalam *ensera Panggau Libau* iaitu di dunia kayangan. *Ensera panggau libau* merupakan kisah yang amat terkenal dalam kalangan masyarakat Iban dahulu. E001 mengulaskan kisah ini tentang dunia kayangan yang didiami oleh pahlawan-pahlawan sakti seperti *Keling. Keling* dipercayai mempunyai kuasa ghaib (*tau ajih*) kerana kehebatannya boleh menghilangkan diri daripada penglihatan musuh serta mampu bertukar wajah memainkan watak yang berbeza. Nilai rasional yang terdapat dalam *ensera panggau libau* dapat diambil melalui sikap *keling* yang membuat sesuatu keputusan dengan bijak dalam menyelesaikan masalah.

Berdasarkan pandangan guru F001, nilai dalam *ensera kumang dan keling* menjelaskan kasih sayang terhadap sesama manusia. Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan dalam diri *keling* kepada isterinya iaitu mengambil berat tentang keselamatan *kumang.* Percintaan *keling* dan *kumang*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berhadapan dengan pelbagai masalah tetapi kasih sayang suami isteri ini tetap utuh dan semakin kuat disebabkan tingginya nilai sayang di antara satu sama lain sehingga dapat mengharungi rintangan tersebut. Oleh itu, kasih sayang adalah satu nilai yang penting dalam diri manusia. Hal ini demikian kerana setiap individu hendaklah menjalinkan hubungan dengan penuh tanggungjawab sehingga mencapai matlamat kebahagian di dalam kehidupannya demi kesejahteraan bersama.

Guru G001 menyatakan bahawa nilai tolong-menolong antara satu sama lain harus diterapkan dalam diri seseorang agar dapat membantu meringankan beban orang lain dengan melakukan sesuatu, sebagai contoh bantuan tenaga, masa ataupun sumber kewangan. Guru G001 menceritakan tentang e*nsera Apai Sali* yang tidak mahu menolong orang kampung melakukan aktiviti-aktiviti gotong-royong. Sikap *Apai Sali* ini memberi kesan negatif yang tidak seharusnya dicontohi terutamanya golongan muda pada masa kini. Seterusnya guru G001 menghujahkan satu lagi nilai dalam e*nsera Apai Sali* iaitu kesederhanaan. *Apai Sali* seorang lelaki yang tamak kerana sikapnya yang yakin bahawa dapat ikan banyak sehingga memberi kerugian pada dirinya sendiri. Berdasarkan *ensera Apai Sali* ini, sebagai seorang individu yang mempunyai ilmu pengetahuan, keseimbangan dalam membuat keputusan harus difikiran dalam membuat segala tindakan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya guru H001 menjelaskan tentang nilai kesetiaan. Kesetian penting kerana ia adalah asas kepeda kepercayaan dalam mana-mana perhubungan , contohnya sebagai kawan, kekasih, kepada kerajaan dan banyak lagi. Guru H001 memberi contoh kesetiaan yang dilihat pada cerita Hang Tuah kepada tuannya sanggup bekorban apa sahaja termasuk nyawanya sendiri sebagai pertaruhan untuk mempertahankan raja dan negara. Nilai kesetiaan ini sama seperti e*nsera keling* yang mempertahankan masyarakat kampung daripada jadi tawanan musuh dan mempunyi ilmu sakti yang sangat hebat. Kesetiaan bermaksud berpegang teguh pada janji, patut dan taat dalam melaksanakan tugas atau ssuatu dengan bersungguh-sungguh serta tidak berlaku curang dan sentiasa bersikap jujur dan tulus ikhlas (Tan Swee Ching, 2018).

Guru I001 pula mengemukakan nilai kemanusiaan. Menurut guru I001 nilai ini merupakan satu nilai yang harus diterapkan dalam diri masyarakat kini dan perlu dijadikan sebagai rutin dalam kehidupan terutamanya dalam masyrakat yang berbilang kaum. Contoh yang diberikan oleh guru I001 ialah cerita Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang merupakan gadis yang sangat dikagumi oleh masyarakat Melayu kerana kepandaian mereka dalam menghasilkan tenunan yang sangat cantik. Kedua gadis ini memberi tunjuk ajar kepada penduduk kampung cara menenun kain dan mereka berkongsi ilmu dalam menghasilkan kualiti yang menarik. Nilai kemanusiaan yang tinggi dalam diri kedua gadis ini terus dijadikan sebagai contoh para gadis Melayu sehingga kini. Guru I001 mengulaskan bahawa cerita Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sama seperti *ensera kumang* dan *lulong* yang dikagumi oleh masyarakat Iban dari segi sikap yang penuh dengan kesantunan dalam membuat sesuatu.

Guru J001 menjelaskan pelbagai jenis nilai yang terdapat dalam *ensera* seperti nilai keberanian, nilai kebaikan, baik hati, nilai kasih sayang kepada keluarga nilai kerjasama, nilai kebijaksanaan, nilai harmoni, dan nilai pengorbanan seperti dalam *ensera Wat Jelepa* yang mengisahkan seorang anak lelaki yang berkorban untuk keluarga demi mengubah nasib. Pengorbanan merujuk kepada perbuatan seseorang dalam membuat sesuatu untuk orang lain. Pengorbanan juga ialah satu bentuk pemberian yang lahir daripada dasar hati yang tulus dan ikhlas terhadap sesuatu perkar (Irawan Syahdi, 2018). Guru J001 menjelaskan tentang e*nsera Wat Jelepa* yang membawa satu kisah pengorbanan sebagai seorang anak yang membantu keluarganya dalam kesusahan. *Wat Jelepa* seorang anak muda yang rajin dalam melakukan pekerjaan di kebun dan menjual hasil tanaman untuk menambah pendapatan dia dan ibunya. Guru J001 menjadikan watak *Wat Jelepa* sebagai fokus utama untuk dihayati oleh pelajarnya menggunakan teknik drama namun hanya dipersembahkan di hadapan kelas kerana jalan cerita yang dikarang sebagai cerita rakyat pendek sahaja untuk menerangkan nilai yang ada pada *ensera Wat Jelepa* iaitu nilai berkorban untuk keluarga.

Secara kesimpulan, penguasaan terhadap nilai-nilai moral yang terdapat dalam pembelajaran dan pemudahcaraan dalam pengajaran bahasa Iban berdasarkan kaedah dan teknik pengajaran *ensera* dapat menjadi teladan kepada pelajar-pelajar terutamanya di dalam kehidupan seharian mereka. Penerapan nilai-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai ini juga perlu disemai dalam diri pelajar bagi meningkatkan akhlak yang mulia. Peranan penghayatan sangat penting dalam menjiwai setiap perlakuan, sikap, kepercayaan, dan lain-lain untuk mendapatkan kebenaran nilai-nilai murni dari generasi tua ke generasi muda agar identiti masyarakat terpelihara. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan pelajar merupakan tenaga simpanan negara yang bakal menjadi penyambung warisan di masa hadapan dan sebagai penyumbang ilmu dalam budaya bagi melahirkan sebuah negara yang maju dan moden terutamanya dalam bidang pendidikan. Sehubungan itu, sistem pendidikan di negara kita amat menumpukan dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Hal ini jelas terbukti dalam kandungan yang tersurat pada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman, dan Mujaini Tarimin, 2016). Oleh itu dalam merealisasikan matlamat serta objektif falsafah pendidikan ini, guru merupakan invidu yang memainkan peranan besar dalam membentuk pelajar serta mencapai hasrat ini. Dalam mencapai hasrat ini pelajar harus didedahkan segala yang terkandung pada Falsafah Pendidikan melalui sistem pengajaran dan pembelajaran dengan menerapkan nilai-nilai murni dan semua aspek utama yang berkaitan dalam pendidikan. Oleh itu, pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* dalam menerapkan kaedah mengalami-menghayati melalui teknik berlakon, berdialog, berdrama dan kerusi panas dapat menguasai diri pelajar terhadap nilai-nilai moral yang terdapat dalam *ensera.* Jelaslah bahawa peranan teori moral perlu diterapkan dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana teori moral berkaitrapat dengan nilai yang ada dalam *ensera* untuk menerangkan tingkah laku, etika, adab dalam cerita rakyat masyarakat Iban yang dijadikan sebagai pengajaran kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


para pelajar khususnya. Dengan menggunakan teori moral ini juga, nilai-nilai dalam *ensera* dapat dikenalpasti dengan pelbagai jenis seperti nilai keberanian, nilai pengorbanan (watak keling, kumang, Telichu, Telichai, dan Wat Jelepa), nilai kemasyarakatan (*ensera Apai Saloi),* nilai kasih sayang (hubungan suami isteri *keling* dan *kumang*), dan nilai kepercayaan.

4.5 Model Mengalami-Menghayati dalam Pengajaran Bahasa Iban dengan Menggunakan *ensera.*

Pada bahagian ini pula akan membincangkan mengenai dapatan kajian secara keseluruhan yang diperoleh melalui kajian lapangan iaitu temu bual dan senarai semak. Pengkaji telah menunjukkan satu model bagi pengajaran Bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera.* Model amalan terbaik dalam PdPc yang ditunjukkan dalam rajah 4.11 seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.11. Model mengalami-menghayati PBI menggunakan *ensera.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MM	Mengalami-menghayati
PL	Pengalaman lalu
PB	Pengalaman baharu
T1	Teknik bercerita
T2	Teknik membaca
T3	Teknik berlakon
T4	Teknik kerusi panas
T5	Teknik berdialog
T6	Teknik perbincangan
T7	Teknik latih tubi
T8	Teknik drama
NM *ensera*	Nilai moral dalam *ensera*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan rajah 4.11 model mengalami-menghayati merupakan satu model amalan terbaik yang digunakan sebagai pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Hal ini dikatakan demikian kerana merujuk kepada rajah yang dicadangkan oleh pengkaji mengalami-menghayati daplikasikan melalui guru dan pelajar mengaitkan pengetahuan sedia ada mereka terhadap *ensera.* Guru mengarahkan pelajar untuk membaca terlebih dahulu teks e*nsera* memahami isi cerita dan maksudnya. Seterusnya pelajar mengkaji secara terperinci aspek-aspek struktur tertentu dalam teks e*nsera* secara individu atau berkumpulan setelah pelajar memahami isi cerita *ensera.* Setelah mengkaji pelajar akan mendapat pengalaman baharu untuk dibentangkan di hadapan kelas atau di luar bilik darjah. Guru berperanan membentuk satu aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengalami-menghayati menggunakan teknik seperti teknik bercerita, teknik membaca, teknik berlakon, teknik kerusi panas, teknik berdialog, teknik perbincangan, teknik latih tubi dan teknik berdrama. Kesemua teknik dipersembahkan oleh pelajar secara individu ataupun berkumpulan dengan memfokuskan ciri utama contohnya watak dan perwatakan. Selesai sahaja pementasan atau pembentangan yang dijalankan guru berperanan dalam membimbing pelajar untuk membuat kesimpulan melalui penilaian secara mengemukakan soalan yang mencabar daya intelek, penilaian tahap penguasaan watak yang dimainkan dan penilaian dari aspek pertuturan menggunakan intonasi yang betul. Penilaian-penilaian ini dijadikan sebagai impak kepada tahap penguasaan nilai moral yang terdapat dalam e*nsera* untuk dijadikan sebagai pengajaran, panduan hidup, membentuk sahsiah pelajar dan akhlak mereka. Dengan itu, model mengalami-menghayati satu pendekatan yang sangat berkesan dan menarik kerana melibatkan bakat pelajar dari segi aktiviti lakonan, drama dan dialog, seterusnya dapat melatih pelajar berfikir secara kritis dan analitis menggunakan teknik kerusi panas, teknik membaca, teknik perbincangan dan teknik latih tubi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Penutup

Dapatan kajian berkaitan dengan model menghayati-mengalami dalam pengajaran Bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* membuktikan bahawa pelbagai teknik seperti teknik bercerita, teknik membaca, teknik berlakon, teknik kerusi panas, teknik berdialog, teknik perbincangan, teknik latih tubi dan teknik drama memainkan peranan yang sangat penting dan sesuai dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera.* Ini wajar dijadikan medium untuk para guru Bahasa Iban mengajar sastera khususnya dalam pengajaran e*nsera* kerana dalam penelitian pengkaji kesemua guru menggunakan pendekatan mengalami-menghayati di dalam pengajarannya serta menerangkan cara penggunaan yang sangat terperinci. Kesan daripada amalan terbaik menggunakan pendekatan mengalami-menghayati ini, di akhir pengajaran pelajar dapat menguasai nilai-nilai moral. Pengajaran *ensera* yang mempunyai nilai-nilai moral dapat membantu pelajar membentuk sahsiah dan akhlak yang baik (Rosliah Kiting, 2016, p. 284). Berdasarkan nilai-nilai serta pengajaran tersebut maka *ensera* mempunyai peranan penting dan wajar untuk dijadikan sebagai warisan budaya cerita rakyat kepada generasi seterusnya. Keseluruhan dan cadangan model pengajaran mengalami-menghayati Bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera* dibincangkan dalam bab 5 berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan perbincangan, ringkasan kajian dan kesimpulan terhadap dapatan kajian yang dilaksanakan. Menerusi bab ini juga beberapa impak yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak dalam menerapkan model mengalami-menghayati berpandukan dapatan yang diperolehi daripada guru-guru dan dijadikan sebagai satu model baharu untuk dijadikan rujukan kepada tenaga pengajar baharu yang mengajar Bahasa Iban. Menerusi model mengalami-menghayati yang dibuat oleh pengkaji penerapan nilai-nilai moral dalam pengajaran *ensera* adalah aspek utama supaya pengajaran lebih berkesan dan memberi impak penghayatan dan penikmatan yang harus disemai oleh golongan muda khususnya contohnya melalui aktiviti-aktiviti penghayatan yang diaplikasikan oleh pelajar dalam pengajaran bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Iban menggunakan *ensera* kepada pelajar. Selain itu, bab ini juga memaparkan cadangan idea yang baharu untuk masa akan datang.

5.2 Perbincangan

Merujuk semula pada bahagian 1.5 dalam bab 1, soalan yang timbul dalam kajian ini ialah pertama, apakah kaedah dan teknik pengajaran guru dalam pengajaran bahasa Iban; kedua, mengapakah amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Iban dengan menggunakan e*nsera* perlu dipratikkan; ketiga apakah tahap penguasaan nilai moral dalam *ensera* (KIV). Berikut merupakan jawapan kepada soalan kajian:

5.2.1 Apakah kaedah dan teknik pengajaran guru?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umum kaedah bermaksud satu tindakan guru yang sistematik bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan, lebih bercorak jangka pendek dan merupakan usaha keseluruhan yang terdiri daripada sesuatu pendekatan yang dipilih. Sebagai contoh, guru menggunakan beberapa gambar dan meminta murid menunjukkan gambar yang sedang diceritakan dengan bahasa mereka sendiri. Kaedah ini disebut sebagai kaedah natural yang berasaskan kepada penguasaan bahasa dan situasi komunikatif (Tuan Jah Tuan Yusof, 2011, p. 88-89). Manakala teknik ialah satu kemahiran atau cara melaksanakan penyampaian bahan pengajaran kepada pelajar dari segi langkah-langkah dalam aktiviti pembelajaran. Secara khususnya, teknik merupakan satu cara penyampaian pelajaran dan perlu diteliti supaya dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempercepatkan penanggapan pelajar. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan, pelbagai teknik yang boleh digunakan oleh guru seperti teknik bercerita, teknik perbincangan, dan sebagainya (Sapie Sabilan, 2017, p. 44). Dalam pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera*, kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru dianggap sebagai satu proses yang memudahkan pembelajaran murid. Oleh sebab itu, proses pengajaran akan dikaitkan secara langsung dengan proses pembelajaran murid. Pengajaran berkesan biasanya akan melibatkan penggunaan kaedah dan teknik untuk melicinkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kaedah dan teknik yang sesuai semasa mengajar *ensera* ialah kaedah mengalami-menghayati dan teknik-teknik seperti teknik bercerita, teknik membaca, teknik lakonan, teknik kerusi panas, teknik berdialog, teknik perbincangan, teknik latih tubi dan teknik drama. Dengan adanya pendekatan seperti mengalami-menghayati dan teknik-teknik tersebut, guru-guru Iban dapat meningkatkan lagi pengetahuan serta pemahaman terhadap *ensera* kepada para pelajar. Selain itu, dapat mempertingkatkan kemahiran menggunakan kosa kata, intonasi dan penggunaan ayat bahasa Iban yang betul semasa berkomunikasi.

Berdasarkan dapatan kajian di atas, pendapat ini disokong oleh Magdeline Nor dan Zamri Mahamod (2016, p. 42), pengajaran bahasa Iban menggunakan kaedah dan teknik yang dibuat oleh guru dianggap sebagai satu proses yang memudahkan pembelajaran murid. Oleh sebab itu, proses pengajaran akan dikaitkan secara langsung dengan proses pembelajaran murid. Pengajaran berkesan biasanya akan melibatkan penggunaan teknik atau kaedah untuk melicinkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kaedah atau teknik yang sering digunakan seperti kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sumbang saran, tunjuk cara (demontrasi), simulasi atau kaedah pengajaran kumpulan, perbincangan atau kaedah penyelesaian masalah, audio lingual, kod kognitif, dan kaedah projek. Penggunaan kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban dapat dibezakan daripada gaya pengajaran guru berpengalaman dan guru yang tidak mempunyai pengalaman. Hal ini dinyatakan oleh Magdeline Nor dan Zamri Mahmod (2014), guru berpengalaman mementingkan pernyataan tujuan pengajaran dan objektif pengajaran setiap kali memulakan sesi pengajaran setelah membuat set induksi. Sebaliknya guru baharu pula menggunakan pembelajaran terus untuk menyatakan tujuan dan objektif pengajaran. Oleh itu kaedah dan teknik bukanlah satu pendekatan dan strategi yang spesifik di gunakan dalam pengajaran bahasa Iban kerana guru yang mengajar mempunyai cara tersendiri bagi mencapai objektif pengajarannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, kaedah dan teknik yang berkesan dalam pengajaran bergantung kepada kepakaran serta kebolehan seseorang guru mengaplikasikannya. Disini jelaslah bahawa dapatan kajian mendapati bahawa guru dapat mempengaruhi pelajar dalam mata pelajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* dengan baik melalui strategi tersendiri dengan mengaplikasikan teknik-teknik yang melibatkan sepenuhnya aktiviti pelajar untuk memperoleh penghayatan dalam teks *ensera*. Melalui dapatan ini juga, pengkaji berpendapat bahawa pendekatan mengalami-menghayati merupakan satu amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan untuk mengajar *ensera* kerana pendekatan ini dikatakan sebagai cara mudah dan menarik kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Apakah amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc)?

Merujuk kepada dapatan yang diperolehi oleh pengkaji, amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Iban menggunakan *ensera* ialah menggunakan pendekatan mengalami-menghayati sebagai kaedah pengajaran. Hal ini demikian kerana merujuk kepada temu bual bersama guru-guru Bahasa Iban serta pendapat kajian-kajian lepas, mengalami-menghayati merupakan satu strategi yang sangat mudah apabila melibatkan sepenuhnya aktiviti pelajar.

Amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* menggunakan model mengalami-menghayati merupakan salah satu cara yang sangat sesuai dalam mengajar *ensera.* Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan ini membolehkan pelajar untuk menjiwai isi cerita yang diajar. Kenyataan ini ditunjuk dalam rajah 4.1, rajah 4.2, rajah 4.3, rajah 4.4, rajah 4.5, rajah 4.6, rajah 4.7, rajah 4.8, rajah 4.9 dan rajah 4.10 membuktikan bahawa guru-guru mengaplikasikan bahan pengajaran mereka dengan teratur melalui aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan menggunakan mengalami-menghayati turut disokong oleh pendapat kajian-kajian lepas seperti yang terkandung dalam:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A) Pedagogi guru bahasa Iban.

Proses pengajaran akan dikaitkan secara langsung dengan proses pembelajaran murid. Pengajaran berkesan biasanya akan melibatkan penggunaan teknik atau kaedah untuk melicinkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kaedah atau teknik yang sering digunakan seperti kaedah sumbang saran, tunjuk cara (demontrasi), simulasi atau kaedah pengajaran kumpulan, perbincangan atau kaedah penyelesaian masalah, audio lingual, kod kognitif, dan kaedah projek (Magdeline Nor dan Zamri Mahamod, 2016, p. 42). Pelbagai kaedah atau teknik seperti ini dapat melahirkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bagi guru bahasa Iban dengan kepakaran terhadap bahan pengajaran, keperluan bahan pengajaran, pedagogi dan strategi atau kaedah dan kemahiran berkomunikasi yang sedia ada. Dalam pengajaran sastera Iban seperti mengajar puisi dan seumpamanya penghayatan amat dititik beratkan dalam pembelajaran murid kerana pelajar perlu menjiwai dengan penuh perasaan isi pelajaran tersebut.

B) **Kaedah dan teknik pengajaran *ensera.***

Strategi pengajaran diperoleh daripada dapatan kajian oleh guru-guru menunjukkan pelbagai cara untuk mengajar *ensera.* Namun begitu guru-guru menyatakan penghayatan amat penting untuk mendalami sesebuah teks sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana ia sangat sesuai terhadap pengajaran *ensera*, merupakan satu pengajaran berbentuk diduktik yang memerlukan peranan "penghayatan" dan "penikmatan". Pendapat ini telah dinyatakan dalam bahagian 4.3 bab 4. Manakala dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek teknik, dapatan kajian telah mengumpul kesemua teknik pengajaran guru yang berpandukan penghayatan semasa mengaplikasikannya di dalam kelas iaitu teknik bercerita, membaca, berdialog, teknik kerusi panas, teknik berdialog, teknik perbincangan, teknik latih tubi dan teknik berdrama. Kesemua teknik-teknik ini merupakan ciri-ciri pendekatan mengalami-menghayati seperti pelajar mengaitkan pengalamannya dengan isi karya yang dikaji, pelajar memahami terlebih dahulu isi cerita dan maksud *ensera* dan pelajar memberikan pendapat terhadap struktur aspek-aspek tertentu dan akhir sekali guru akan membuat kesimpulan terhadap aktiviti yang telah dilakukan oleh pelajar. Kesemua teknik ini dilaksanakan dalam pengajaran bahasa Iban agar dapat membantu pelajar dari segi pengetahuan baharu, bakat, dan sebagainya. Menurut Nadzeri Hassan (2015, p. 35), menerusi pemilihan aktiviti pengajaran yang sesuai dan kreatif, dapat membantu meransang kebolehan murid dari aspek berfikir secara kritis, mengasah bakat sedia ada pelajar dan mengembangkan lagi idea untuk melahirkan sesuatu yang baharu dengan menyelesaikan tugasan yang diberi lebih pantas dan mudah.

Dapatan kajian juga disokong oleh pendapat Shashipriya Nadaraja (2014), bahan pengajaran mampu memotivasikan para pelajarnya untuk membaca bahan dengan lebih baik. Bahan yang dibaca akan menyalurkan pemikiran positif, kreatif dan kritis dalam proses pendidikan seumur hidup. Keadaan ini akan memupuk perkembangan daya cipta atau imaginasi pelajar dalam proses pembelajaran secara berterusan. Apabila pelajar membaca novel, cerpen, drama dan prosa tradisional, mereka akan cuba untuk mencari mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Secara tidak langsung, pelajar dapat berfikir untuk mengenal pasti mesej tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan pengajaran perlu ditingkatkan dengan pelbagai cara. Hal ini demikian kerana kaedah tradisional bukan lagi strategi PdP yang terbaik yang mampu menyediakan pelajar seperti yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain daripada kenyataan yang telah dijelaskan, guru bahasa Iban seharusnya mempunyai pandangan lebih jauh untuk meningkatkan lagi sistem pendidikan dalam bahasa Iban khususnya. Sebagai contoh dalam pendekatan yang dilakukan oleh guru bahasa Melayu, amalan terbaik dalam pembelajaran iaitu menerapkan pendekatan didik hibur agar pelajar berasa santai, seronok, dan lebih menarik minat mereka semasa belajar. Selaras dengan pendapat daripada Owing Ji Seng , Azhar Md. Sabil, dan Shamsudin Othman (2018), pengajaran yang menggunakan pendekatan didik hibur ini merupakan pengajaran guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk mendidik sambil menghibur murid dalam suasana yang santai dan seronok tetapi masih dapat memenuhi objektif pengajaran yang ditetapkan. Pendekatan ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan empat teknik iaitu teknik nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi. Berdasarkan pendapat ini, sudah seharusnya pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* mampu dikembangkan lagi dari aspek pengajaran dan pembelajaran dijadikan sebagai satu bahan yang menyeronokkan.

Ringkasnya, melalui amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Iban berdasarkan pendekatan mengalami-menghayati dan teknik-teknik pengajaran *ensera*, guru mampu mempertingkatkan lagi kreativiti dan idea baharu terutamanya fokus kepada pembelajaran pelajar dengan melibatkan aktiviti-aktiviti yang menarik seperti berlakon, berdrama, berdialog dan seumpamanya. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran yang menyeronokkan, pelajar tidak akan berasa cepat bosan dan mudah mengalah untuk menimba ilmu serta meneroka bahan pengajaran baru bagi mereka. Hal ini juga dapat membantu guru untuk mencapai sistem pendidikan selaras kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

5.2.3 Apakah nilai dalam *ensera* melalui model mengalami-menghayati sebagai satu pembelajaran dan pemudahcaraan?

Nilai ditakrifkan sebagai sesuatu yang dikatakan baik seperti kasih sayang, baik hati, kepuasan hati, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan kesederhanaan. Selain itu, nilai juga merupakan satu garis panduan umum terhadap tingkah laku sebagai contoh memberi satu arah kepada kehidupan seseorang atau anggota sesuatu masyarakat. Nilai turut mempunyai maksud iaitu suatu konsep tersurat atau tersirat bagi individu atau kelompok yang dikehendaki mempengaruhi pemilihan ragam, dan segala tindakan. Contohnya masyarakat Melayu menggunakan pantun untuk menyampaikan nilai dan pengajaran terhadap sesuatu perkara. Hal ini bermakna pantun tersebut membawa maksud yang tersurat dan tersirat supaya individu atau kelompok itu sedar akan kesilapannya (Ain Zelkifle, 2012, p. 14).

Dalam kalangan masyarakat Iban, mereka juga mempunyai nilai-nilai murni yang dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai tersebut terdapat dalam cerita rakyat Iban itu sendiri iaitu *ensera.* Penerapan nilai ini diaplikasikan melalui sistem pendidikan di sekolah diperkenalkan kepada pelajar dalam pengajaran mereka. Dapatan kajian dalam bahagian 4.4 bab 4, menyatakan bahawa nilai-nilai murni

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti nilai keberanian, nilai kesopanan, nilai persahabatan, nilai bertanggungjawab dan baik hati, nilai rasional, nilai kasih sayang, nilai tolong-menolong, nilai kesederhanaan, nilai kesetiaan, nilai kemanusian dan nilai pengorbanan perlu disemai dalam diri pelajar agar memperoleh akhlak yang mulia dan menjadi generasi berilmu dari pengetahuan dan adab budi pekerti.

Pengertian tentang nilai yang dinyatakan oleh Chemaline Osup dan Noriah Taslim (2014), *ensera* Ayor menampakkan satu nilai murni iaitu nilai keberanian. Epik masyarakat Iban ini dikenali sebagai *ensera* orang *Panggau* (*ensera* tentang orang *Panggau*) kerana kebanyakannya mengisahkan tentang hero dan heroin dalam dunia *Panggau-Libau-Gelong* seperti *Kumang, Keling, Lulong, Laja, Bungai Nuing, Simpurai*, dan seumpamanya. Menurut kepercayaan masyarakat Iban, *Panggau-Libau* ini terletak antara bumi dengan langit, suatu alam yang sempurna dan indah yang disebut sebagai sebuah alam kayangan. Mereka percaya bahawa dunia ini dihuni oleh manusia separa dewa yang diketuai oleh Keling atau dewa ular. Masyarakat Iban turut percaya bahawa rumah panjang di *Panggau-Libau* adalah sangat panjang sehingga burung layang-layang mengambil masa dua hari untuk terbang dari satu hujung ke hujung yang lain. Karya epik ini dianggap sebagai karya sastera sama dengan dunia Melayu seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Hanafiyah dan banyak lagi (Noriah Taslim dan Chemaline Osup, 2013, p. 41-42).

Seterusnya, dapatan terhadap nilai turut dijelaskan oleh Patricia Matusky (2019) definisinya, garis komunikasi yang kuat antara dunia yang dilihat dan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak kelihatan dibentuk melalui penyebaran teks puisi ritual khususnya dalam masyarakat Iban di Sarawak. *Lemambang* (penyanyi) menyanyikan puisi yang disebut *timang* atau *pengap*, *manang* (dukun) melaungkan puisi ritual yang disebut *pelian,* dan *tukang sabak* (nyanyian jiwa) menyanyi puisi sabak untuk upacara pengembumian. Kesemua ketua tersebut ialah sebahagian daripada penyanyi khas untuk melaksanakan upacara ritual dalam budaya masyarakat Iban. Genre puisi ritual yang dinyanyikan, biasanya dijadikan sebagai panduan lirik utama dalam penulisan puisi ritual. Sebagai contoh lagu-lagu *timang* atau *pengap* adalah salah satu upacara yang penting dalam sebuah persembahan yang memanggil dunia kayangan untuk mendapatkan semangat yang luar biasa. Manakala *Manang* pula menyanyikan teks puisi *pelian* untuk menyembuhkan orang yang sakit, sementara *tukang sabak* menyanyikan sebuah *kisah sabak*. Hal ini demikian kerana untuk memastikan jiwa orang yang sakit mendapat kesembuhan. Tinjaun kajian ini mempunyai "penghayatan" dan "penikmatan" tersendiri semasa mengada acara ritual dan nilai yang dapat diketengahkan di dalam pendapat ini ialah nilai kemanusian dan nilai tolong-menolong. Hal ini demikian kerana masyarakat saling membantu untuk menyembuhkan orang yang sakit.

Disamping itu, nilai-nilai yang terdapat dalam pembelajaran dan pemudahcaraan menggunakan pendekatan mengalami-menghayati pengajaran bahasa Iban berdasarkan kaedah dan teknik dapat digariskan melalui pengajaran terhadap sesuatu teori. Pendapat Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad mat Hassan, (2011, p. 8), teori moral yang membawa maksud satu konsep yang dirumuskan oleh sesebuah komuniti, sosial atau budaya bagi menentukan kebaikan dan keburukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori ini merupakan satu norma tentang kehidupan yang diberi kedudukan istimewa dalam kegiatan sesebuah komuniti, sosial atau budaya itu sendiri. Norma inilah yang menentukan sesuatu yang mulia, dihargai dan mempunyai prestij yang tinggi. Perubahan moral berlaku disebabkan oleh zaman, sosial, kepercayaan, pendidikan, ekonomi dan dimensi-dimensi budaya yang lainnya. Dari segi sastera, seseorang yang membaca sesebuah karya mempunyai naluri keseronokkan berdasarkan penilaian baik buruknya cerita, tinggi rendahnya mutu cerita dan kuat lemahnya kesan cerita. Apabila nilai sesebuah karya itu berdasarkan ceritanya, secara tidak langsung aspek-aspek seperti bahan, logik dan penyampaiannya menjadi subjek yang turut dikemukakan dalam sesebuah cerita, kemudian dikaitkan dengan isi, tujuan isi atau cara cerita disampaikan. Unsur-unsur ini dikumpulkan dan disebut sebagai moral. Pada masa yang sama, teori moral mempunyai satu nilai yang boleh ditakrifkan sebagai satu kepercayaan untuk mendorong pemikiran, tingkah laku dan amalan kerja seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan norma pada masyarakat. Nilai juga merangkumi kepercayaan dan tingkah laku yang membentuk keperibadian yang teserlah daripada sikap, katakelakuan dan pegangan hidup. Oleh itu, penerapan teori perlu diaplikasi dalam pengajaran supaya pelajar memperoleh pengetahuan secara mendalam dan pandangan yang luas dalam bahan pengajaran yang diajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Kesimpulan

Secara keseluruhan bab ini merupakan kesimpulan yang telah dibuat oleh pengkaji berdasarkan dapatan yang telah diperolehi. Kesimpulan umumnya telah menyentuh tentang ketiga-tiga objektif yang menjadi fokus utama dalam kajian ini supaya mengikut landasan yang betul dan memberikan hasil dapatan kepada kajian ini. Pecahan dibuat mengikut kaedah dan teknik pengajaran bahasa Iban, amalan terbaik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan pengajaran bahasa Iban berdasarkan pendekatan mengalami-menghayati dan pelbagai teknik pengajaran *ensera,* dan nilai-nilai moral yang dikuasai oleh pelajar melalui pembelajaran dan pemudahcaraan pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* yang menyumbang hasil kepada model mengalami-menghayati pada pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.*

Di samping itu, kaedah dikatakan sebagai satu loncatan kepada pengajar perlu dilaksanakan sebaik mungkin dengan pelbagai cara sekurang-kurangnya dua teknik pengajaran semasa mengajar. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti yang melibatkan pelajar sepenuhnya menjadikan para pelajar tidak mudah berasa bosan apabila guru mengajar perkara yang lebih mudah ke perkara yang lebih sukar. Ini menunjukkan pengajaran guru lebih teratur dan berkesan. Menggunakan dua teknik dalam setiap pengajaran dapat memberi ruang untuk memberi penerangan langkah demi langkah daripada senang kepada yang sukar bagi pelajar seperti menggunakan kaedah mengalami-menghayati terutamanya dalam pengajaran cerita rakyat seperti *ensera* melalui aktiviti yang kreatif contonya berlakon, berdialog berdrama dan peranan kerusi panas. Oleh itu, guru harus menerapkan teknik ini agar pelajar dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belajar dengan cara yang teratur dalam pembelajaran dan menghayati pengajaran itu sepenuh jiwa dan perasaan mereka.

Walau bagaimanapun, menguasai pengetahuan kandungan sahaja tidak cukup untuk menjamin keberkesanan pengajaran seseorang guru itu. Maka teknik ialah satu perakuan yang terperinci untuk melengkapkan proses bagi melancarkan pengajaran dan pembelajaran. Seperti pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* guru-guru Iban menggunakan teknik bercerita, teknik membaca, teknik berlakon, teknik kerusi panas, teknik dialog, teknik perbincangan, teknik latih tubi dan teknik drama semasa mengajar *ensera*. Ini dapat meningkatkan lagi kemahiran inotanasi bahasa Iban dengan betul serta bakat dalam diri pelajar. Pengajaran bahasa Iban menggunakan *ensera* juga harus dipertingkatkan dari segi ilmu pengetahuan tentang *ensera* lain yang masih lagi tidak diketahui oleh guru dan pelajar. Misalnya, mengadakan kursus-kursus CPD (Continues Professional Development) berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban terutamanya menggunakan *ensera*. Lanjutan daripada itu, keberkesanan pengajaran guru mampu memberi impak besar kepada semua pelajar terhadap keberhasilan pengajaran masing-masing mengikut kepakaran guru yang mengajar di sekolah rendah mahupun menengah serta universiti awam mengambil sastera Iban.

ataupun kita katakana sebagai "oral-aural"lah itu yang paling utamalah untuk memperkenalkan pelajar kepada aa..*ensera* tersebutlah, jalan cerita dia ataupun sinopsis dia aa..itu yang paling utamalah sebab sebelum kita apa…menggunakan kaedah-kaedah yang lebih mendalam mereka kena membaca dulu, memahami dulu secara asas dia tentang *ensera* tersebutlah selepas itu baru kita menggunakan kaedah kedua iaitu kaedah inkuiri iaitu pelajar dia akan mengkaji e*nsera* tersebutlah secara lebih mendalamlah.

P001/01:36 K, aa..boleh tak cikgu bagitahu salah satu kaedah yang cikgu gunakan dan bagaimana cikgu mengaplikasikannya di dalam kelas?

F001/01:39 Kebiasaanya saya gunakan kaedah inkuiri, k, pelajar aa..kaedah inkuiri ini pelajar perlu mengkaji teks yang mana pelajar perlu dibahagikan kepada aa…kumpulanlah ok dalam kumpulan mungkin ermm..paling kurang 4 orang k dalam kumpulan itu, setiap kumpulan saya akan agihkan dia kepada bahagian-bahagian kajian tertentulah. Contoh satu kumpulan dia mengkaji tema, kumpulan lain dia mengkaji persoalan, ok kumpulan yang lain lagi dia akan mengkaji latar belakang, watak perwatakan yang begitulah, kita asingkan aaa..skop kajian mereka supaya nanti belajar bila dia dah mengkaji dan dapat maklumat mereka akan bertukar-tukar maklumat dan selepas itu mereka dapat membentang secara "gallery worklah", maka dengan itu kita dapat menjimatkan masalah aa..pelajar yang mengkaji untuk topik tersebut dia akan mengajar kumpulan lain yang mengkaji aa..topik lain, begitulah.

P001/02:32 Sangat jelas ya cikgu penerangan sebentar tadi. ermm..namun saya nak tanya pendapat cikgu. Adakah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah yang digunakan tersebut berkesan di akhir pengajaran sama ada di dalam ujian penilaian cikgu, adakah dia berkesan atau masih lagi perlu diperkukuhkan, dipertingkatkan lagi? Macam mana tu cikgu?

F001/02:36 aa..melalui pengalaman saya memang berkesan, berkesan ianya aaa…sangat berkesan bagi pelajar ya aa…lebih pandailah, yang lebih bijaklah, jadi untuk pelajar yang sederhana dengan lemah, mereka memahami tetapi dengan, dengan ilmu yang sedikitlah, maka pelajar yang lemah dengan sederhana ini perlu ditingkatkan lagi aa..apa…kemampuan mereka itu melalui kaedah yang lainlah seperti aa..apa latih tubilah macam tu.

P001/02:53 Ermm..ok ya cikgu aa..selalunya memang berkesannlah latih tubi ni?

F001/02:59 Berkesan sebab pelajar bila dia mengkaji sendiri ok, tanpa melibatkan guru yang memberi ‘‘input’’ mereka mencari sendiri benda aaa..aa..benda itu mereka akan ingat sebab mereka mengkaji, dia membaca, dia memahami, dia mengingat dan dia akan menulis semula benda tu jadi dia akan ingat aa..setakat yang saya dah, kaedah yang saya jalankan nie dia meningkatkan dari segi soalan komsas. Ada peningkatan mereka dapat mengingati aa..satu-satu topik itu dengan mudah.

P001/03:13 Baik cikgu kita beralih ke soalan yang seterusnya ya cikgu.

F001/03:12 Ok boleh.

P001/03:16 K, iaitu teknik pengajaran. Apakah teknik pengajaran yang digunakan untuk mengajar pelajar?

F001/03:22 Ok, teknik pertama yang boleh digunakan untuk mengajar *ensera* yang pertama, berceritalah sama ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kita ermm..bercerita ini tak semestinya berpusatkan murid ok pelajar yang bercerita kerana mereka dah mengkaji teks tadi jadi mereka kena bercerita dengan seluruh kelas.

P001/03:27 Maksudnya, maksudnya cikgu sendiri pilih ataupun selalunya cikgu pilih secara rawak ataupun nak dia juga yang baca?

F001/03:32 Tidak biasanya kita akan bahagikan dengan kumpulan ok dalam satu kelas tu ada 4 kumpulan setiap kumpulan dia akan kena aa…apa aa…meme..bercerita setiap wakil dalam kumpulan berceritalah mereka akan memilih ahli mereka yang pakar untuk bercerita.

P001/03:36 K, seterusnya, aplikasi pun dah terjawab tadi seterusnya teknik tersebut ermm…berkesan atau tidak?

F001/03:40 Berkesan, pelajar……*(long pause)* semasa bercerita itu dia akan mengingati kembali apa yang di abaca dan apa yang dia dengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P001/ 03:42 Maksudnya aktiviti yang digunakan?

F001/03:43 aa..ya..

P001/03:44 Aktiviti itu diaplikasikan di dalam kelaslah itu?

F001/03:45 Ya.

P001/03:47 Ok, kita akan beralih kepada pengalaman ya cikgu, baiklah ada tak sebelum-sebelum ni pengalaman cikgu aaa..mengajar atau belajar e*nsera* masa kecil ataupun sebab setahu saya cikgu saya baca buku *ensera* yang ditulis oleh Chemaline Osup dan Noriah Taslim mereka menyatakan bahawa *ensera* ini pada zaman dahulu *ensera* itu dilagukan di rumah panjang sebagai aa..hiburan kepada aa…masyarakat Iban semasa melakukan aktiviti-aktiviti macam bekerja mereka aa..ada tak cikgu mendengar *ensera* yang dulu maksudnya yang dilagukan? Sebab sekarang ini saya sukar untuk memperoleh aa..pengkaji eh..bukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji aa..dia…aa..orang tua-tua yang sedia ada pernah, pernah tak cikgu dengar daripada datuk nenek dulu secara tradisional?

F001/03:57 aa…pernah, saya…haha…pernah mendengar banyak e*nsera* sebab saya ni berasal dari kampung aa..k, anak luar Bandar jadi saya masa kecil dulu tinggal dengan datuk dan nenek ok, jadi saya mendengar sangat banyak e*nsera* daripada datuk saya sebab saya suka bercerita kalau ada masa lapang dia akan bercerita ok dengan cucu-cucu dia. Dia akan bercerita dengan pelbagai *ensera* lah terutamanya suka bercerita tentang e*nsera Apai Sali* lah itu yang sangat popular pada zaman kanak-kanak saya dululah aaa…*ensera Apai Sali* tulah.

P001/04:20 Macam mana aaa…maaf ya cikgu saya mencela

F001/04:23 Ya…

P001/04:25 Macam mana cara penyampaian *ensera* tersebut sama ada dia dinyatakan sebelum ni kea tau memang bersahaja iaitu bercerita bersahaja ataupun ada intonasi seperti puisi ke pantun ke, macam tu ada tak?

F001/04:29 aa..dia bukan dalam bentuk pantun ataupun puisi, tapi bila aa..datuk saya bercerita dia akan bercerita dengan intonasi yang tepat sekali seperti kita bercerita sebab seolah-olah kita yang berada dalam cerita itu, kita akan mengalami.

P001/04:32 Maksudnya cara penyampaian ti bersahajalah cikgu?

F001/04:33 Ya.

P001/04:37 Seterusnya nilai ya cikgu, bagaimana cikgu nak menerapkan nilai murni tersebut?

F001/04:40 Ok, penerapan nilai murni ini apabila kita mendengar *ensera* itu melalui aa..sesuatu perwatakan, k dia aka nada satu situasi bagaimana berlakunya sesuatu situasi akan memberi impak ataupun kesan kepada tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari situ kita akan aa..mendapat pengajaranlah daripada sesuatu situasi e*nsera* itu.

P001/04:46 aa..ok seterusnya soalan terakhir ya cikgu, iaitu berikan aa..nyatakanlah 5 nilai dan contoh yang terdapat dalam *ensera* maksudnya selain *ensera Apai Sali* yang cikgu dengar sebelum ni.

F001/04:53 Ya..ok, mungkin dalam *ensera kumang* dan *keling* itu dia banyak mengajar dia lebih memfokuskan budaya bangsa Ibanlah yang penuh dengan sopan santun, nilai murni seperti keberanian kita tahu keling dia wira dan sangat beranilah kemudian dia seorang bertanggungjawab, baik hati, ok juga berkaitan dengan kasih sayang, kasih sayang antara manusialah, ok kemudia nilai berdikarilah.

P001/05:00 Ok, cikgu setakat itu sahaja yang saya ingin bertanya dan ingin mendapat pendapat ataupun pengetahuan sedia ada pada cikgu. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama saya.

F001/05:20 K, terima kasih kembali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

G001

Tempat: Pusat Akses Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Lubok Antu Sarawak **L** **P** √

P001/00:001 K, selamat pagi cikgu, saya pelajar daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris aa..saya ingin menemu bual cikgu tentang penyelidikan saya bertajuk model mengalami-menghayati dalam pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera* aa…terlebih dahulu boleh tak cikgu beritahu nama, pengalaman mengajar. Silakan cikgu.

G001/00:10 Ok, selamat pagi, aaa…saya cikgu Siti Ak Janin. Saya sudah mengajar lebih kurang 9 tahun. ok saya mengajar bahasa Inggeris ok..ermmm…

P001/00:13 Memang berbangsa Iban tulinlah bangsa Iban?

G001/00:15 aa..memang berbangsa Iban

P001/00:17 Ok kita beralih kepada tanpa membuang masa, kita beralih kepada soalan protokol temu bual kita iaitu dari segi kaedah yang digunakan oleh cikgu dalam mengajar pelajar menggunakan *ensera.* Apa kaedah yang digunakan oleh cikgu? Mengikut pengalaman cikgulah.

G001/00:25 aa..kalau mengikut pengalaman sayalah, kalau bahasa Inggeris pun tak jauh beza dengan bahasa Iban sebab dia bahasa dari bahasa Inggeris pun kalau *ensera* ni lebih kurang macam "story telling". Biasanya saya di dalam kelas, saya menggunakan teknik aa..kaedah "oral-aural" maksudnya secara lisanlah, bercerita secara lisan, berdasarkan situasi dan juga terjemahan memandangkan saya mengajar bahasa Inggeris sekiranya pelajar tak faham biasanya saya terpaksa melakukan terjemahanlah.

P001/01:00 Terjemahan biasanya dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Iban sebab aa..kalau diikutkan pengetahuan saya sekolah Engkilili kebanyakkannya majoriti memang berbangsa Iban kan.

G001/01:15 aa..saya gunakan dua-dua bahasa biasanya guna bahasa Melayu dahulu dan kalau kadang-kadang pelajar. Kalau dibelakang kurang faham memang kena guna bahasa Iban itu memang bahasa Ibunda pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P001/01:30 aa..k..kita beralih kepada soalan kedua iaitu bagaimanakah cikgu mengaplikasikan kaedah lisan ini tadi dalam kelas semasa mengajar e*nsera?* kalau ada pengalaman cikgu mengajar e*nsera* lah, kalau tak cikgu boleh kaitkan dengan subjek yang cikgu ajar sekarang.

G001/01:38 k..biasanya saya akan menggunakan apa tu..perbincanganlah, saya bagi topic kepada pelajar yang..aaa..dan berdasarkan topic yang diberi tu, pelajar berbincang di dalam kumpulan untuk menghasilkan cerita dengan watak-perwatakan dalam jalan cerita.

P001/01:45 Ok pada pendapat cikgu, kaedah yang cikgu gunakan tadi, sebab cikgu kata perbincangan lisan itu semua aa..adakah ianya berkesan semasa di hujung pengajaran ataupun dalam penilaian ujian mereka?

G001/01:48 Pada pendapat saya berkesanlah sebab disitu pelajar diberi peluang untuk aa…apa tu menzahirkan idea mereka sendiri yang mana cerita yang mereka hasilkan adalah berdasarkan pengalaman mereka berdasarkan idea mereka sendiri, bukan…bukan yang mana saya sediakan jalan cerita dan mereka sambung ayat bukan dan kalau disisni saya sediakan topik, kalau cerita pasal tolong-menolong, jadi mereka kena ada datang dengan idea sendiri dan apa yang perlu mereka ada perwatakan tu macam mana dengan situasi yang menceritakan topik tu macam mana.

P001/02:10 Pernah tak aaa…yang idea pelajar ini dia bertentangan dengan topik, yang diajar?

G001/02:14 Pernah, kalau kelas yang dihujunglah sebab pemahaman mereka sedikit kurang.

P001/02:18 aa..kelas lemahlah

G001/02:19 Ya.

P001/02:21 Ok, seterusnya kita beralih kepada teknik pengajaran yang digunakan oleh cikgu, dalam mengajar *ensera* ataupun subjek yang cikgu ajar sekarang ini, apa tekniknya cikgu?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

G001/02:25 Kadang-kadang saya gunakan "role-playing" ataupun drama. Contohlah kalau…(*long pause*)…novel…kalau tingkatan 4 punya, mereka bahagian "literature" komponen, jadi saya gunakan "role-playing" dan drama, contohnyalah saya suruh mereka lakonkan watak yang di dalam novel tersebut untuk memberi lebih kefahaman kepada mereka.

P001/02:30 aa…berminat tak mereka membuat drama tu cikgu?

G001/02:31 Berminat, pada mulanya mereka agak seganlah, tetapi bila dibimbing mereka akan menunjukkan minat.

P001/02:32 oo…minat pada tulah

G001/02:33 Ermmm…

P001/02:34 *So*..kita beralih terus aa…cikgu kepada soalan pengalaman belajar atau mengajar *ensera*, semasa kecil-kecil cikgu ataupun memang daripada sekolah ini baru tahu apa itu *ensera?* boleh tak cikgu ceritakan.

G001/02:38 Kalau daripada zaman kecil-kecil dulu, nenek memang sukalah cerita *ensera Apai Sali*, memang seronoklah mendengar secara lisan walaupun tak da buku tapi dari segi secara lisanlah, mendengar *ensera* tu dari radio juga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

P001/ 02:44 Ermm..maksudnya dari radio dengan di rumahlah kan cikgu.

G001/02:45 Aaa..dari rumah

P001/02:47 Apa nilai *Apai Sali* tu, *ensera Apai Sali* tu, boleh tak cikgu yang ada pada dia?

G001/02:53 Ermm..banyaklah sebab banyak cerita, kalau nenek sayalah dia biasanya ceritakan macam-macam dan diantara yang saya ingatlah macam ketamakkan tu boleh membawa kerugian kalau sikap terburu-buru tu pun boleh menyusahkan diri.

P001/03:00 Kiranya ada pengajaranlah dalam cerita tersebutkan cikgu, ok seterusnya boleh tak cikgu nyatakan nilai murni yang terdapat dalam *ensera* selain daripada *ensera Apai Sali.*

G001/03:04 Ada aa..dari segi nilai tanggungjawablah ada *ensera* yang macam mana cerita tersebut, mengajar kita erti tanggungjawab dan ianya diaplikasikan dalam kehidupan kita seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P001/03:07 Selain tanggungjawab cikgu?

G001/03:15 Ada, tolong-menolong, kesederhanaan dalam sesetengah perkara supaya itulah supaya kita tak tersalah pilih jalan, bersikap sederhana, mengajar timbang rasa, dengan biasanya kalau *ensera* ini, dia cerita masyarakat jadi ia mengajar kita rasa bertimbang diantara satu sama lain, hidup dalam masyarakat.

P001/03:29 K,cikgu k, itu sahaja cikgu, terima kasih kerana sudi meluang masa bersama saya pada pagi ini.

G001/03:31 Ok, sama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H001

Tempat: Pusat Akses Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Lubok Antu Sarawak **L** **P** √

P001/00:01 Selamat pagi cikgu, saya pelajar daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris, nama saya Doratya aa…saya ingin menemu bual cikgu menegnai tentang pengajaran e*nsera* ataupun pengalaman cikgu dalam pengetahuan aa…*ensera.* Boleh tak cikgu perkenalkan diri terlebih dahulu?

H001/00:15 Ok, aaa..nama saya Sarmiah bt Mohamad Zakaria tetapi saya berbangsa Ibanlah ermm…saya nak cakap latar belakang ke? Tentang sejarah ke cam mana?

P001/00:20 Kalau cikgu nak berkongsikan pun boleh juga tak salah.

H001/00:22 Hehe..ermm..saya mengajar aa…sastera Melayu Komunikatif, ini masuk tahun keempatlah aa…di SMK Engkilili, sebelum ini saya hanya mengajar Sejarah di sekolah lamalah.

P001/00:28 Ok,berapa tahun sudah cikgu mengajar disini?

H001/00:30 Ermm..berapa aa…2009 kira 10 tahunlah hehe…

P001/00:32 aa..yala ok cikgu, kita terus ke soalan kita ya cikgu, k soalan protokol temu buallah ni tentang kaedah dalam *ensera* walaupun cikgu tidak pernah mengajar *ensera,* mungkin cikgu ada pengalaman mengajar secara tidak formal dirumah ataupun dimana-mana ya cikgu? aa..ok pertama sekali, apakah kaedah *ensera* yang digunakan untuk mengajar pelajar? Yang cikgu pernah guna, pengalaman cikgu.

H001/00:50 Ok, kalau melalui pengalaman saya, aaa…biasanya saya aa..tapi bukan *ensera*lah tapi teks sastera, biasanya saya akan guna kaedah syarahan dan kuliah aaa..dan juga menggunakan kaedah perbincangan itulah yang selalu saya gunakan.

P001/00:57 K, ada lagi kaedah lain ya cikgu? yang cikgu pernah gunakan. Selain daripada 3 kaedah tadi.

H001/00:59 Ermm..kalau mungkin ada tapi saya lupalah sebab saya selalu guna dua ni?

P001/01:02 Ok, baik aaa…dalam pengajaran cikgu, rasanya objektif tu tercapai tak masa mengajar di akhir pengajaran? Rasanya tercapai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau ada lagi yang perlu di aa..dipertingkatkan lagi, diperkemas kini, ditambahkan lagi dalam kaedah?

H001/01:05 aa…objektif aaa…mungkin di sesetengah pelajar objektif tercapai kan dalam kelas kita ada pelbagai jenis pelajarlah, ada yang cepat tangkap, ada jenis yang lambat, so mungkin bagi pelajar yang lemah, mungkin kurang tercapai.

P001/01:13 Jadi, ada tak aa..apa tu ermm…solusi ataupun macam mana orang kata ataupun aaa..cara lain untuk cikgu mencapai objektif tersebut untuk pelajar-pelajar?

H001/01:17 aa…kalau kan saya guna kaedah syarahan ataupun guna secara perbincangan, aaa…kalau ada lagi pelajar yang tak aa..tak dapat nak fahamlah tak dapat tangkap, tak dapat nak mencapai objektif tadi, saya biasanya di akhir pengajaran tu, saya biasa beri dia orang latihan pengukuhan aa..untuk mengasah lagilah pendapat mereka.

P001/01:25 K, k aaa…kita beralih lagi kepada satu soalan. Soalan kedua maksudnya bagaimanakah cikgu mengaplikasikan kaedah pengajaran e*nsera* di dalam kelas?

H001/01:30 K, kalau aa..melalui kaedah syarahan tadi biasanya saya akan bercerita, bercerita secara umum aaa..dahulu aa..apa yang aa..perlu pelajar tahu dalam cerita tu, lepastu aa..bari kita, guna kaedah perbincangan dimana bagi kumpulan, ok dalam tu baru suruh pelajar, aaa…kaji cerita, tersebut aaa..itulah biasanya, biasa kita dulu yang mulakan, nak harapkan pelajar ni baca susah sikitlah.

P001/01:36 Ok, aa..seterusnya pada pendapat cikgu adakah kaedah itu berkesan?

H001/01:39 Secara keseluruhan aa..yang tu saya tak pasti, keberkesanannya kita boleh lihat, apabila kita buat ujian, aa disitu kita boleh tahulah, dia faham ka, ataupun dia sekadar baca, orang kata “baca taka da perasaan” sebab memang pelajar selalu buat macam tula selain daripada tu kita boleh buat tahu juga bila dia orang buat latihan sama ada latihan dia tu dia buat sendiri ka, atau dia main “copy” ka kan pelajar selalu buat aa..kalau dia main “copy” tu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kita jelas, kita tanya dia „blur" tak tahulah tulah maksudnya.

P001/01:45 Kiranya dia melihat „rujuk" pada orang lainlah ya?

H001/01:48 Ya sebab itu, kita tak boleh nak tentukan berkesan ke tak teknik tu.

P001/01:50 aa..seterusnya adalah soalan teknik aaa…teknik aa..teknik pengajaran yang digunakan oleh cikgu untuk mengajar *ensera*, apa tekniknya?

H001/01:53 Kalau ada syarahan tadi, tentulah kita menggunakan teknik bercerita, cerita dahulu,lepas tu baru pelajarlah tambah sikit.

P001/01:55 Maksunya cikgu ni lebih kepada teknik berceritalah?

H001/01:57 Ya..ya teknik bercerita sebab saya sastera so kalau nak tahu kisah dalam tu kita mesti baca dulu teks, budak sekarang kalau kita suruh baca memang susah sikit, so kita kena mulala, kita bercerita. Lepas tu baru suuh diaorang buat kajian, kaji sendirilah teks tu. Itulah teknik dia.

P001/02:02 aa..ok, maksudnya soalan telah terjawablah cikgu iaitu bagaimana mengaplikasikan dengan secara berkumpulan aa..ok kita terus kepada soalan yang ketiga ya cikgu. ok seterusnya pengalaman cikgu dalam e*nsera* tak semestinya di sekolah yang cikgu mengajar, sekarang ataupun pengala,an yang semasa kecil-kecil *ensera* yang pernah didengar.

H001/02:10 Pernah, kalau waktu kecil masa sekolah rendah, aa..saya pernah mendengar cerita *ensera* sebab ada cikgu kami dulu dia suka bercerita.

P001/02:15 Emm…*ensera* apa ya cikgu?

H001/02:17 Saya tak ingatlah, banyak sangat setiap kali dia ajar kelas bahasa Iban memang ada dia ajar.

P001/02:19 oo.salah satupu tak ingat juga, tajuk dia?

H001/02:21 Tak ingat, tajuk tu sebab dah bercerita, kita masih kecil kan dengar cerita tu.

P001/02:23 Ok, nilai yang cikgu aa…pernah ingat dalam *ensera* yang diceritakan sebelum-sebelum ni yang dengar masih kecil, apa nilai yang ada cikgu?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H001/02:27 Nilai murni yang ada, keberanian biasanya kalau keberanian kan ada kisah *kumang* dan *keling* tu aa..memang ada nilai yang keberanian *keling* la, selalu tak berapa nak ingat.

P001/02:35 K, taka pa cikgu, k kita beralih ke soalan 4 iaitu nilai dalam e*nsera* macam mana cikgu menerapkan nilai murni yang terdapat dalam pengajaran *ensera* kepada pelajar di dalam kelas ataupun diluar kelas?

H001/02:40 Nak menerapkan nilai murni kepada pelajar aa..

P001/02:42 Macam mana cikgu nak menerapkan aa…nilai murni tersebut, kan untuk pengetahuan, sekarang pelajar tak ambil kisah tentang nilai-nilai ini. Mereka *just* ambil macam tu jer.

H001/02:47 Biasanya kalau, kalau nak terapkan nilai murni ini aa…bila pelajar dah baca teks, kadang-kadang kita dah suruh teliti watak dia, watak perwatakan dan terdapat yang terdapat dalam kisah tu bagaimana. So..suruh mereka buat perbandingan lah dengan kehidupan mereka sebagai pelajar, sebagai tanggungjawab dia sebagai seorang anak aa…kita selalu suruh dia buat perbandinganlah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P001/03:12 Kiranya perbandingan dalam kehidupan seharian dia?

H001/03:14 Ya.

P001/03:17 Ok, akhir sekali cikgu nyatakan 5 nilai murni dan contoh yang terdapat dalam *ensera*, apa yang cikgu tahu contohnya 5.

H001/03:22 Yang tadi keberanian, dah ada kan, so hormat-menghormati, kesetiaan kalau kesetiaan ini saya dapat dari satu teks yang tengah saya ajar sekaranglah, hikayat Hang Tuah tu aa…memang adalah banyak sangat so aa…perihatin, tolong-menolong.

P001/03:40 Ok, itu sahaja cikgu yang aa..boleh saya tanya daripada ppengetahuan dan pengalaman sedia ada cikgu. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama saya.

H001/03:48 Ok, sama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I001

Tempat: Pusat Akses Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Lubok Antu Sarawak **L** **P** √

P001/00:03 Ok, selamat pagi cikgu, saya pelajar daripada UPSI ingin menjalankan satu kajian mengenai mengalami-menghayati pengajaran bahasa Iban dengan menggunakan *ensera.* Terlebih dahulu aa..boleh tak kalau cikgu aa…memberi pendapat cikgu tentang *ensera* sebelum-sebelum ini.

I001/00:10 Pendapat tentang e*nsera,* k, *ensera* ini seperti yang kita tahu, dia cerita ok, cerita yang kita kongsikan dengan pelajar-pelajar di sekolah. Dia mengandungi aa..pelbagai nilai-nilai murni yang kita cuba perkenalkan dengan para pelajar supaya cerita tersebut jadi teladanlah kepada pelajar kita di sekolah.

P001/00:20 Maksudnya lebih kepada nilailah yang terdapat dalam teks tersebut?

I001/00:23 Ya.

P001/00:24 Sebelum tu maafkan saya sebab saya terlupa, boleh tak cikgu bagitahu nama penuh cikgu?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I001/00:28 aa…ok Chynthia Jenti Ak Peter. Saya mengajar di SMK Engkilili, asal dari Kuching tetapi mengajar disini hampir 5 tahunlah.

P001/00:32 Dalam subjek apa cikgu?

I001/00:34 Sekarang saya mengajar aaa…bahasa Inggeris aa..atau Muetlah tingkatan 6, tetapi saya berbangsa Ibanlah.

P001/00:39 aa…ok, berbalik kepada soalan protokol temu bual ya cikgu, ok dari segi kaedah yang pertama yang telah dinyatakan dari segi kaedah, apakah kaedah *ensera* yang digunakan untuk mengajar pelajar, ini untuk pengetahuan…pengetahuan am cikgu sahajalah sebab cikgu lebih kepada bahasa Inggeris.

I001/00:45 Ermm…ok aa…dalam pengalaman saya mengajar bahasa Inggeris, k, teknik e*nsera* atau "storylah" yang aa..kalau bahasa Inggeris, yang kami gunakan adalah syarahan atau kulaih, ok kami perkenalkan cerita-cerita tersebut kepada pelajar. Permaian dan simulasi ok, aa…kemudian projek atau tinjauan. Ok masa pelajar dapat projek berdasarkan cerita yang mereka kaji kemudian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbincangan adalah satu kaedah yang paling s*imple* lah yang mereka selalu buat dalam kelas, mereka berbincang sesame sendiri tentang nilai atau watak yang terdapat dalam cerita tersebut dan akhir sekali adalah pembelajaran dengan mengajar, mereka kaji, cerita tersebut dan kemudian ambil alih peranan sebagai guru dan sampaikan pada rakan di dalam kelas.

P001/00:53 Maksudnya pada rakan yang kurang memahami isi tersebut aa…ok baiklah dalam kaedah yang dinyatakan cikgu sebentar tadi, adakah di akhir pengajaran, adakah objektif trsebut mencapai ataupun masih lagi perlu diperbaiki dalam proses PnP cikgu?

I001/00:57 Ok..ermmm kebanyakkanobjektif memang tercapailah sebab pelajar dia mengalami sendiri dan mengkaji sendiri watak dan cerita tersebut aa…dan adalah lebih senang sekiranya pelajar tersebut yang sendiri menyampaikan cerita tersebut kepada rakan mereka sendiri dan mereka lebih senang faham dalam penyampaian. Cara penyampaian mereka sendiri.

P001/00:59 Maksudnya, mengikut bahasa anatara satu sama lain?

I001/01:00 Ya.

P001/01:03 Ok, seterusnya kita beralih kepada soalan seterusnya, bagaimanakah cikgu menggunakan, mengaplikasikan e*nsera* di dalam kelas?

I001/01:05 Ermmm…saya amnil satu contoh aa..perbincangan aa..k, pelajar diberi satu tajuk cerita kemudian dalam berkumpulan tu mereka dalam 4 atau 5 orang buat perbincangan. Contoh dalam satu kumpulan tu, dia ada bincang plot yang taka da dalam cerita aaa…kemudian, kumpulan satu lagi dia mengkaji watak, antagonis, protagonist dan sebagainya. Satu lagi aa..nialai-nilai murni yang terdapat dalam cerita itu secara berkumpulanlah.

P001/01:20 aa…ok, kira mencapau atau masih lagi yang tidak faham tentang teks-tekstersebut dan bagaimana dengan tahap pelajar yang pandai, sederhana dan lemah?

I001/01:29 Ok biasanya kalau untuk kelas lemah, aa…selain daripada perbincangan akan diberi projek dan tinjauanlah, contoh mungkin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka menggunakan tanah lait k sebagai alat dalam projek mereka, contoh membina watak yang terdapat dalam teks tersebut atau membuat model "raliya" dalam kumpulan.

P001/01:35 Boleh tak cikgu kongsi sedikit tentang model "raliya"?

I001/01:38 aa…model ini biasanya gunakan tanah liat, kita jadikan tanah liat tu sebagai bentuk watak. Contoh dalam cerita tersebut ada gunug dan sebagainya atau sungai, jadi mereka buatlah tu ermm…menggunakan tanah liat itu.

P001/01:40 Ok, aa..soalan kedua iaitu mengenai teknik ya cikgu, k, apakah teknik pengajaran e*nsera* yang digunakan untuk mengajar pelajar bagi pengetahuan cikgu dan pengalaman cikgu sendiri.

I001/01:48 Ermm…teknik yang biasa digunakan ialah pembentangan k, yang paling biasa dibuat dalam kelaslah, yang mereka berbincang dan belajar aa…mengkaji teks *ensera, m*ereka akan buat pembentanga, paling *simple* pun guna "mind mape" kalau pelajar itu sudah tingkatan 4 dan tingkatan 5 mahir menggunakan komputer mereka menggunakan "slide show".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P001/01:58 Maksudnya ada bahan teknologilah?

I001/02:03 aa..ya..

P001/02:05 Ok, aa..kita beralih kepada pengalaman atau belajar e*nsera, a*dakah sebelum ini cikgu mempunyai pengalaman, belajar *ensera,* maksudnya secara formal atau tidak formal?

I001/02:14 Ermm…memang ada belajar e*nsera.* contohnya cerita-cerita dari datuk dan nenek atau kita pulang ke rumah panjang selalunya, akan berkumpul pada waktu malam atau petang dan kami berkongsilah cerita aa…e*nsera* k aa…k selalunya saya kurang pasti atau kurang tajuk tak ingat masa tu, tapi ada cerita yang hampir sama iaitu Puteri Santubonglah.

P001/02:23 Kita beralih kepada soalan terakhir ya cikgu. nilai dalam e*nsera,* k, semasa cikgu mengajar *ensera,* bagaimanakah cikgu menerapkan nilai murni yang terdapat dalam e*nsera* kepada pelajar?

I001/02:26 Ermm…aa…selepas mereka mengkaji atau baca teks tersebut mereka aa…kita akan dapat erti satu nilai murni yang paling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menonjol, ialah daripada cerita tersebut. Contohnya kalau aa..di dalam cerita kumang ini tadi dia lebih kepada kesantunan perempuan Iban. *So* sebagai seorang manusia atau lebih menjurus kepada perempuan Ibanlah, apa nilai perlu ada dalam diri seseorang, perempuan tersebut ok. So dia aa…galakkan nilai yang lebih baik dalam diri seseorang perempuan itu seperti cantik dan bakat ke.

P001/02:50 Ok cikgu, terima kasih kerana sudi meluang masa bersama-sama saya.

I001/02:54 Sama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

J001

Tempat: Pusat Akses Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Lubok Antu Sarawak **L √ P**

P001/00:01 Baiklah selamat pagi cikgu saya pelajar daripada UPSI ingin menemu ramah cikgu tentang kaedah dan teknik dalam pengajaran e*nsera.* Baiklah soalan pertama, apakah kaedah pengajaran e*nsera* yang digunakan untuk mengajar pelajar?

J001/00:15 Ok, kaedah pengajaran e*nsera* ni kami gunakan dari segi audio, aa…lepas tu ada aa..kita ada penceritaan, lepas tu kita akan suruh pelajar ni aa..memahami teks tersebut aa..dan aa..mengolah semula apa yang difahami dalam aa..teks e*nsera* yang digunakan dan yang ketiga kita akan gunakan dari segi aa..berlakon ataupun berdialog yang menekankan teks tersebut.

P001/00:46 Ermm..ok baiklah aa…bagaimanakah aa..cikgu mengaplikasikan kaedah pengajaran *ensera* yang di dalam kelas selain daripada kaedah yang tadilah.

J001/00:55 aa…pertama saya mencari aa..apa aa..apa aa..*ensera* ni aa..kan dia banyak versi jadi kita akan aa…cari versi-versi itu dari segi pengalaman kalau pelajar tu ada aa..apa ada pengalaman tentang *ensera* mungkin dia boleh kemukakan cerita e*nsera* yang dia pernah dengar dan aa..dia lihat aa..disebalik cerita tersebut apa nilai pengajaran nilai moral yang boleh kita perolehi dan apa aa…maksudnya dia punya aa..masa depan ataupun *future* dia yang boleh diambil sebagai ikhtibar.

P001/01:31 Ermm..ok, pada pendapat cikgu, adakah kaedah pengajaran e*nsera* itu berkesan digunakan?

J001/01:37 oo..kaedah e*nsera* ni aaa..sangat berkesan kerana aa..kita lihat dari segi aa..pelajar sini telah menarik aa..minat..aa…telah aa..meminati aa..*ensera* tersebut dan menjadikan dia sebagai satu wadah pengalaman ataupun medium untuk menaikkan semangat aa…pelajar tersebut.

P001/02:01 aa…ok baiklah, kita beralih kepada soalan 2 ya cikgu. aaa…tentang teknik, apakah teknik pengajaran *ensera* yang digunakan untuk mengajar pelajar dan bagaimana aa..cikgu mengaplikasikan teknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut di dalam kelas dan macam tadilah berkesan ke tidak teknik yang digunakan?

J001/02:17 Ok aa…kalau teknik pengajaran ni digunakan untuk mengajar pelajar kita lihat seperti aa… bercerita kita akan gunakan audio juga dan aa..melakukan aa…aktiviti dalam kelaslah supaya pelajar tu memahami dan bagaimana pula aaa…untuk aa..mengaplikasikan teknik ini kita akan melibatkan semua pelajar yang ada dalam kelas tersebut dan setiap seorang kecuali aa..bagi memahami dan menghayati aa..teks e*nsera* ini, dan ketiga ialah aa..teknik ni sangat berkesan digunakan aa..terutamanya melibatkan pelajar kerana pelajar ni kita dapat lihat mereka ni banyak idea-idea yang boleh dilontarkan dan boleh mengadaptasikan teks tersebut dengan aaa…seiring dengan nilai dan pengajaran yang mereka aaa…dapat pada teks tersebut.

P001/03:01 Ermm…k, baiklah kita soalan ke aa…ke…beralih kepada soalan ketiga ya cikgu tentang pengalaman mengajar atau belajar *ensera.* Adakah sebelum ni cikgu mempunyai pengalaman belajar *ensera?*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

J001/03:23 aa…ye saya mempunyai pengalaman mengajar e*nsera* dari aa..pertama aaa..dari segi aa..konteks ermm..pengalaman terdahulu iaitu daripada orang tua yang kedua kita lihat konteks daripada pengalaman sekarang kita tengok aaa…apa *ensera* yang berlaku sekarang di rumah panjang ada masih digunakan lagi dan yang ketiga kita lihat kepada aaa..yang telah diaudiokan juga aa…sebagai nilai tambah kepada pengalaman tersebut.

P001/03:53 Ooo..ok, kita beralih ermm soalan terakhir ya cikgu, iaitu nilai dalam pengajaran e*nsera* . bagaimana cikgu menerapkan nilai murni yang terdapat dalam pengajaran e*nsera* kepada pelajar?

J001/04:05 Ok, untuk menerapkan nilai murni dalam pengajaran pela…aaa..kepada pelajar pengajaran *ensera* ini kita lihat pertama, kita akan aaa..apa..bertanyakan kepada murid aaa..apakah watak yang ada dan di aaa..dikesinambungan di hubungkaitkan dengan nilai murni yang pelajar tersebut faham contoh bila watak pahlawan kita nampak nilai keberanian dari situ pelajar akan mengerti apa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang konteks yang berlaku dalam aa..e*nsera* tersebut.

P001/04:40 aa…ok, aa…dan boleh tak cikgu nyatakan 5 nilai murni dan contoh yang terdapat dalam *ensera.*

J001/04:47 Ok, yang pertama kita lihat kepada nilai aa..keberanian, aa..nilai kebaikan, aa..baik hati, lepas tu nilai aaa..kasih sayang keluarga satu lagi nilai kerjasama, nilai aa,,,kebijaksanaan dan nilai aa…harmoni iaitu nilai kehidupan harmoni aa…cam tulah.

P001/05:14 Aaa..boleh tak bagi satu contoh aa..*ensera* yang ada nilai yang cikgu tahu.

J001/05:21 Aaa…contoh nilai tu…

P001/05:25 Dalam cerita *ensera a*pa?

J001/05:27 Wat jelepa, iaitu nilai…

P001/05:29 Apa tadi? (sambil menulis)

J001/05:31 Wat Jelepa, nilai pengorbanan, sedih sekali.

P001/05:35 Ok cikgu terima kasih kerana sudi meluangkan masa dengan saya.

J001/05:39 Sama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi